

MEMOIR
PAK SAKO



Allahyarham Ishak Hj. Muhammad



Siri Memoir Universiti Kebangsaan Malaysia
Editor Umum: Wan Hashim Wan Teh
Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM

- Arena Wati, 1991. *Memoir Arena Wati: Enda Gulingku*. ISBN 967-942-216-X
- A. Samad Ismail. 1993. *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*. ISBN 967-942-263-1 (kk), ISBN 967-942-266-6 (kl)
- Mohd. Asri Muda. 1993. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. ISBN 967-942-267-4
- Khatijah Sidek. 1995. *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. ISBN 967-942-309-3 (kk), ISBN 967-942-308-5 (kl)
- Shaharom Husain. 1996. *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*. ISBN 967-942-331-X (kk), ISBN 967-942-332-8 (kl)
- Ishak Hj. Muhammad. 1996. *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan*. ISBN 967-942-333-6 (kk), ISBN 967-942-334-4 (kl).
- Takao Fusayama. 1997. *Memoir of Takao Fusayama: A Japanese Soldier in Malaya and Sumatera*. ISBN 967-942-342-5

MEMOIR

PAK SAKO

Putera Gunung Tahan

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 1997

Cetakan Pertama / *First Printing*, 1996
Cetakan Kedua / *Second Printing*, 1997
Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. MALAYSIA

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 8302

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
AMPANG PRESS SDN. BHD.
6 & 8, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa,
Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication-Data

Ishak bin Haji Muhammad, Datuk Haji, 1909-1991

Memoir Pak Sako : putera gunung tahan.

(Siri memoir Universiti Kebangsaan Malaysia)

Mengandungi indeks

1. Ishak bin Haji Muhammad, Datuk Haji, 1909-1991.

2. Authors, Malay - Biography.

3. Journalist - Biography.

I. Judul. II. Siri.

928.9923

ISBN 967-942-333-6

ISBN 967-942-334-4 (kkt)

N
728.9923
ISH

M
1163588

29 NOV 2004
Perpustakaan Negara
Malaysia

K a n d u n g a n

Senarai Gambar . . . 9

Kata Pendahuluan . . . 11

Penghargaan . . . 27

- 1 Kampung Segentang, Temerloh Tanah Tumpah
Darah . . . 29
- 2 Kehidupan Anak Kampung . . . 33
- 3 Budaya Kampung . . . 37
- 4 Bah Besar 1926-27 . . . 42
- 5 Alam Persekolahan . . . 46
- 6 Zaman Remaja - Bersunat . . . 50
- 7 Zaman Pendidikan Inggeris . . . 55
- 8 Peristiwa Tali Leher Dihanyutkan . . . 60
- 9 Lubuk Jadi Pantai, Pantai Jadi Lubuk . . . 66
- 10 Sesudah Bah Besar . . . 71
- 11 Bertukar ke Sekolah Inggeris Kerajaan
Raub . . . 76
- 12 Temuduga Jawatan MCS . . . 81
- 13 Berkursus di Maktab Melayu
Kuala Kangsar . . . 86
- 14 Bekerja di Pejabat Daerah Temerloh . . . 91
- 15 Kerja dengan Kerajaan . . . 95
- 16 Menjadi DADO Bentong . . . 99
- 17 Bertukar ke Rembau dan Berkahwin . . . 104
- 18 Membawa Diri ke Tumpat . . . 109
- 19 Sebagai Majistret Kelas Tiga . . . 114
- 20 Membicarakan Kes Kahwin Cerai . . . 119
- 21 Menjadi Majistret di Kuala Lumpur . . . 124
- 22 Perbicaraan Kes Wayang Cina . . . 128

- 23 Membicarakan Kes Hutang-Piutang . . . 132
- 24 Menjadi Guru di Johor . . . 136
- 25 Menjadi Peguam di Kemaman . . . 141
- 26 Bekerja di *Warta Malaya* dan Kena Tahan . . . 146
- 27 Kehidupan sebagai Banduan . . . 151
- 28 Kesatuan Melayu Muda Bukan Tali Barat
Barat . . . 155
- 29 Dibebaskan dari Penjara . . . 162
- 30 British Menyerah Kalah . . . 167
- 31 Dalam Pemerintahan Jepun . . . 172
- 32 Zaman Ubi Kayu Berakhir . . . 176
- 33 Bintang Tiga Berkuasa Selama 13 Hari . . . 181
- 34 British Kembali Berkuasa . . . 186
- 35 Semangat Nasionalisme dan Darurat . . . 190
- 36 Kena Tahan Lagi . . . 194
- 37 Di Penjara Pudu . . . 197
- 38 Seratus Hari sebagai Banduan . . . 200
- 39 Dipindahkan ke Khemah Tahanan Melaka . . . 204
- 40 Mogok Lapar di Khemah Tahanan Bruas . . . 209
- 41 Dipindahkan ke Khemah Tahanan Ipoh . . . 213
- 42 Diskriminasi Kerajaan British terhadap
Tahanan Melayu . . . 217
- 43 Berpindah ke Pusat Pemulihan Morib . . . 221
- 44 Itik Betina Bertelur Tanpa Itik Jantan . . . 225
- 45 Dibebaskan daripada Tahanan . . . 228
- 46 Bertanding sebagai Calon Parti Buruh . . . 232
- 47 Kebangkitan Semangat Melayu Menentang
Penjajah . . . 236
- 48 Za'ba Menaikkan Semangat Nasionalisme . . . 241
- 49 Persidangan Besar Persatuan-persatuan
Melayu . . . 245
- 50 Konfrontasi Indonesia - Malaysia . . . 249

Indeks . . . 253

S e n a r a i G a m b a r

(antara halaman 49 dan 50)

- Gambar 1 Pak Sako bersama abangnya, Allahyarham Abdul Hamid b. Hj. Muhammad, dan Allahyarham Ibrahim Yaakob
- Gambar 2 Datin Hajjah Aishah bt. Hussein, balu Allahyarham Pak Sako
- Gambar 3 Pak Sako bersama Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Dr. Rajakumar
- Gambar 4 Tan Sri Zahir Ismail, Speaker Dewan Rakyat menyampaikan sumbangan
- Gambar 5 Pak Sako bersama Ibu Mariaton, balu Allahyarham Ibrahim Yaakob
- Gambar 6 Dato' Hj. Khalid Abdullah bersama Haji Abdullah Idris menyampaikan sumbangan
- Gambar 7 Pak Sako bersama Tan Sri A. Samad Ismail, dan Datuk Usman Awang.
- Gambar 8 Pak Sako bersama salah seorang cucunya Shafik Afandi
- Gambar 9 A. Karim Haji Abdullah bersama En. Durai Rajasingam
- Gambar 10 Pak Sako di dalam bas
- Gambar 11 Pak Sako di Warung Kopi
- Gambar 12 Pak Sako dalam suatu majlis meraikan beliau atas penganugerahan Doktor Kehormat
- Gambar 13 Pak Sako, diminati golongan muda

- Gambar 14 Pak Sako bersama seorang teman
- Gambar 15 Pak Sako dirai penduduk Hulu Langat atas penganugerahan doktor kehormat
- Gambar 16 Pak Sako di dusun buah-buahannya di Hulu Langat.
- Gambar 17 Tulisan tangan Pak Sako untuk ruangnya di akhbar
- Gambar 18 Pak Sako sewaktu dikunjungi oleh A. Karim Hj. Abdullah
- Gambar 19 Pak Sako berucap
- Gambar 20 Dua wajah menarik daripada Pak Sako

Kata Pendahuluan

oleh Tan Sri A. Samad Ismail

Memoir ini adalah kumpulan tulisan Allahyarham Ishak Haji Muhammad dalam beberapa penerbitan dalam masa hayatnya mengenai riwayat hidupnya. Saya mengenali Pak Sako sejak tahun 1941 di Singapura waktu dia memimpin *Utusan Melayu* bersama Abdul Rahim Kajai. Pada masa itu saya hanya seorang pemberita memuja Sako sebagai seorang wartawan dan sasterawan yang ulung di tanah air.

Sebagai remaja, model saya bukan wartawan atau sasterawan di Amerika atau di Eropah. Model saya ialah Sako dan Kajai. Malah Sako menjadi wira generasi muda sebelum perang. Beberapa tulisan saya sebelum ini menyatakan sikap saya terhadap Sako. Sako ketika itu merupakan seorang anak muda yang gagah dan tampan. Dia sudahpun menempa nama sebagai wartawan dan sasterawan juga sebagai nasionalis yang mempunyai karismanya sendiri. Dia dan Kajai kenal dengan ayah saya yang juga seorang guru dan penulis veteran. Dia pernah datang ke rumah begitu juga Kajai. Ayah saya ialah seorang bekas anggota Kesatuan Melayu Singapura dan menjadi sahabat beberapa pemimpin Kesatuan Melayu pada masa itu.

Saya mengenali Sako secara dekat melalui tulisan-tulisannya dalam *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* meminati terutama sekali pojoknya "Hantu Raya" dan cerpen-cerpennya dalam *Utusan Zaman*. Keluarga kami adalah penyokong kuat Kesatuan Melayu dan ikut terbabit dalam kempen menjual saham-saham *Utusan Melayu* sebelum penubuhannya sebagai sebuah syarikat.

Penubuhan Syarikat Utusan Melayu pada tahun 1939 itu adalah satu detik penting dalam sejarah orang-orang Melayu Singapura. *Utusan Melayu* menjadi bukti kejayaan jati diri mereka mendirikan sebuah syarikat yang dimodali dan dikendalikan sendiri oleh orang-orang Melayu. Ia merupakan satu pencapaian yang besar bagi orang-orang Melayu Singapura khususnya dan orang-orang Melayu di Semenanjung umumnya. Itulah pertama kali

bangsa Melayu mempunyai sebuah syarikat yang menerbitkan sebuah akhbar harian yang dimodali seratus peratus oleh orang-orang Melayu jati di Singapura, Ishak Haji Muhammad memainkan peranan yang penting dalam penubuhan Syarikat Utusan Melayu. Dia bersama-sama berkempen di merata negeri di Semenanjung mencanangkan rancangan Kesatuan Melayu untuk menubuhkan syarikat tersebut. Manakala akhirnya syarikat itu terdiri pada tahun 1939 ia merupakan satu detik sejarah yang gemilang dalam perjuangan bangsa tidak sahaja di bidang ekonomi tetapi khususnya di bidang kewartawanan kerana sebelum itu bidang kewartawanan Melayu boleh dikatakan dikuasai oleh orang-orang Arab dan India Muslim.

Faktor yang mendorong saya menyertai bidang kewartawanan ialah gelombang nasionalisme Melayu pada zaman itu. Tegasnya aspirasi bangsa Melayu untuk menampilkan satu generasi wartawan-wartawan Melayu yang bebas daripada kongkongan golongan elit Arab dan India Muslim. Sako dan Kajai adalah wira yang berjuang di barisan hadapan untuk memperjuangkan aspirasi ini.

Kita melihat ini sebagai satu perkembangan yang agak ganjil dalam konteks perjuangan bangsa Melayu dalam era sekarang. Tetapi pada zaman itu perjuangan Ishak dan Kajai serta teman-teman mereka adalah satu perjuangan yang wajar untuk membebaskan bangsa Melayu daripada kongkongan golongan bangsawan Arab dan India Muslim.

Penubuhan Syarikat Utusan Melayu pada tahun 1939 itu adalah puncak daripada kejayaan perjuangan Kesatuan Melayu menebus maruah dan kemunduran bangsa Melayu.

Malaya dan Singapura merupakan dua tanah jajahan Inggeris. Pada tahun 1939 dunia sedang diancam oleh peperangan dan bangsa Melayu terpaksa bergantung kepada kekuatan dirinya sendiri untuk maju. Tidak ada MARA, tidak ada Bank Bumiputra dan tidak ada sebuah kerajaan yang dikuasai oleh bangsa Melayu sendiri untuk membantu usaha orang-orang Melayu pada masa itu menubuhkan syarikatnya sendiri. Saham-saham Syarikat Utusan Melayu adalah saham-saham yang dibeli oleh golongan miskin - drebar teksi, budak-budak pejabat, guru-guru sekolah dan sebagainya.

Ishak Haji Muhammad dan Kajai pada masa itu sudahpun mempunyai jawatan yang tinggi dalam syarikat akhbar harian *Warta Malaya* kepunyaan keluarga al-Sagof di Cecil Street. Tetapi kedua-duanya sanggup mengorbankan jawatan tinggi mereka di *Warta Malaya* untuk membantu penubuhan Syarikat *Utusan*

Melayu sedangkan gaji mereka di *Utusan Melayu* jauh lebih rendah daripada gaji yang diterima mereka di *Warta Malaya*. Tidak sahaja Kajai dan Ishak berkorban untuk memimpin *Utusan Melayu* tetapi ramai pekerja di *Warta Malaya* ikut bersama mereka berhijrah ke *Utusan Melayu* dengan gaji yang lebih kecil.

Utusan Melayu menghadapi masa depan yang tidak menentu kerana belum pasti Syarikat *Utusan Melayu* akan berjaya. Pada masa itu *Warta Malaya* merupakan syarikat akhbar harian Melayu yang terbesar di Singapura dan juga di Semenanjung. Tetapi Ishak dan Kajai sanggup menghadapi masa depan yang tidak menentu itu untuk memimpin Syarikat *Utusan Melayu*.

Kita hanya akan mengerti pengorbanan Kajai dan Ishak serta teman-teman mereka sekiranya kita mengambil kira tahap kebangkitan nasionalisme Melayu pada masa itu di mana golongan wartawan Melayu rata-rata terdiri daripada guru-guru sekolah dan golongan cerdik pandai yang berpendidikan Melayu dan Arab di tengah-tengah satu masyarakat yang miskin dan mundur.

Sayang sekali bahawa Ishak dalam memoirnya ini tidak menceritakan babak perjuangan orang-orang Melayu pada masa itu untuk menubuhkan Syarikat *Utusan Melayu* dan juga peranan beliau, Ibrahim Haji Yaakob dan teman-teman yang lain dalam usaha mereka untuk menubuhkan Syarikat *Utusan Melayu* khususnya peranan *Utusan Melayu* merangsang kongres atau perhimpunan besar pertubuhan-pertubuhan Melayu seluruh tanah air sebanyak tiga kali - kongres ketiga batal disebabkan ancaman perang Pasifik.

Pada masa itu saya masih bersekolah lagi tetapi di rumah saya pemimpin-pemimpin Kesatuan Melayu sering mengadakan rundingan dengan orang tua saya mengenai rancangan untuk menubuhkan Syarikat *Utusan Melayu*. Antara pemimpin Kesatuan Melayu pada masa itu ialah Haji Ambuk Soloh dan Haji Abdul Ghani, Allahyarham Pak Manan Mohamad Ali dan lain-lain. Haji Ambuk Soloh dan Haji Abdul Ghani adalah bekas murid-murid ayah saya. Pak Manan merupakan sahabat baik ayah saya. Pak Manan yang kemudiannya kuat memujuk ayah saya agar membenarkan saya bekerja di *Utusan Melayu*.

Sebanyak sedikit saya mengikuti rundingan-rundingan awal untuk menubuhkan Syarikat *Utusan Melayu*. Allahyarham Daud Mohamad hah JP juga besar sumbangannya sebagai satu-satunya hartawan pada masa itu yang ikut menyediakan modal untuk mendirikan Syarikat *Utusan Melayu*.

Memoir Ishak Haji Muhammad ini sebenarnya tidak banyak

menceritakan hal-hal yang penting dalam kerjaya pada masa lalu. Ishak menetap di Singapura bertahun-tahun lamanya sejak berpindah dari Semenanjung ke Singapura bekerja di *Warta Malaya*. Ishak melalui satu zaman yang penuh liku dan yang mendebarakan serta penuh erti di Singapura sebelum perang dahulu. Tidak banyak yang Ishak ceritakan tentang perjuangannya dalam Kesatuan Melayu Singapura sedangkan ingatan saya masih segar betapa Ishak menjadi seorang pemimpin muda Kesatuan Melayu yang aktif pada masa itu.

Mengapa Sako keluar dari *Utusan Melayu* setelah hanya beberapa bulan memimpin akhbar itu sebelum Abdul Rahim Kajai? Mengapakah dia tiba-tiba dan senyap-senyap meninggalkan *Utusan Melayu*? Apakah perjuangannya dalam Kesatuan Melayu Muda setelah menghilang dari *Utusan Melayu*. Ishak menjadi pengarang *Warta Malaya* berikutan pembelian *Warta Malaya* oleh Ibrahim Yaakob dari Syed Hussein al-Sagoff, tuan punya syarikat tersebut.

Peristiwa Ibrahim Yaakob membeli *Warta Malaya* daripada Syed Hussein al-Sagoff menggemparkan dunia kewartawanan Melayu pada masa itu. Kami tertanya-tanya dari manakah Ibrahim Yaakob mendapat wang untuk membeli Syarikat *Warta Malaya*? Pada masa itu khabar-khabar angin mengatakan Ibrahim membeli *Warta Malaya* dengan wang Jepun sebanyak 30 ribu ringgit. Kami tertanya-tanya bagaimanakah Ibrahim dapat memujuk Jepun untuk memberikan modal kepadanya membeli *Warta Malaya*?

Pada masa itu bahaya peperangan dengan Jepun mulai dirasakan oleh kami. Jepun pada masa itu mempunyai sebuah suratkhobar harian Inggeris di Singapura bernama *Singapore Herald* dan kebetulan surat khabar kepunyaan Jepun itu terbit agak serentak dengan waktu Ibrahim membeli *Warta Malaya*. Pada masa itu Kesatuan Melayu Muda sudahpun terdiri di Kuala Lumpur dan *Utusan Melayu* berpolemik agak panjang dengan MAJLIS yang ketika itu dipimpin oleh M. Sallehuddin. MAJLIS menyokong penubuhan Kesatuan Melayu Muda sedangkan Kajai tidak senang dengan penubuhan KMM.

Memoir Sako tidak menceritakan hal-hal ini yang pada saya amat penting dalam sejarah persuratkhbaran Melayu sebelum perang. Pada masa itu Sako sudahpun berada di puncak popularitinya sebagai seorang wartawan dan seorang sasterawan. Novelnya *Anak Mat Lela Gila* merupakan satu perkembangan baru dalam sastera Melayu pada masa itu. *Anak Mat Lela Gila* menggemparkan kerana ternyata novel itu merupakan satu pembaharuan dalam penulisan novel.

Saya adalah antara seorang yang rapat dengan Sako sebelum perang dahulu dan dalam masa pendudukan Jepun tetapi dia tidak pernah menceritakan kepada saya tentang peristiwa Ibrahim Yaakob membeli *Warta Malaya* ataupun tentang latar belakang beliau keluar dari *Utusan Melayu*. Kajai sendiri tidak menceritakan mengapa Sako berhenti dari *Utusan Melayu* secara mendadak. Demikian juga Yusuf Ishak atau Zainal Abidin Alias (Zabha). Saya begitu rapat dengan Kajai dan juga begitu rapat dengan Yusuf Ishak. Saya dengan Yusuf Ishak seperti adik beradik. Hubungan kami seperti kuku dengan isi.

Yusuf tidak silu-silu meluahkan isi hatinya kepada saya. Akan tetapi Yusuf tidak pernah menceritakan kepada saya mengapa Ishak meninggalkan *Utusan Melayu*.

Semasa saya bekerja di *Utusan Melayu* pada tahun 1941 itu nama Ishak jarang disebut lagi dalam Jabatan Pengarang *Utusan Melayu*. Seolah-olah secara tidak rasmi nama Sako menjadi pantang larang di Utusan. Kalau nama Sako disebut sekali pun maka ia disebut secara bisik-bisik. Tetapi saya mendapat tahu dari risik-risik dan bisik-bisik itu dalam Jabatan Pengarang Utusan pada masa itu dan juga daripada pekerja-pekerja *Utusan Melayu* bahawa Sako sebenarnya disingkirkan secara halus dan digeser dari jawatannya. Tetapi cerita sebenarnya tidak ada siapa yang tahu melainkan Sako sendiri.

Sepanjang perhubungan saya dengan Sako dari dahulu hinggalah hari dia meninggal, saya tidak pernah bertanya dia tentang peristiwa itu.

Apabila Jepun mula-mula menduduki Singapura, setelah beberapa minggu, Yusuf Ishak tiba-tiba ditahan oleh Jepun. Saya lupa berapa lama dia ditahan tetapi khabarnya dia ditahan oleh orang-orang Kesatuan Melayu Muda bukan oleh Jepun tetapi oleh orang-orang FUJIWARA dari KMM. Pada waktu itu Ramli Haji Tahir dan Zabha serta saya mengendalikan *Utusan Melayu* di Queen Street. *Utusan Melayu* belum dibubarkan lagi oleh Jepun. *Utusan Melayu* masih diperlukan dalam bentuk huruf Jawi lagi. Risik-risik yang saya dengar pada masa itu ialah Yusuf ditahan kononnya untuk menyelamatkan dirinya sendiri. Pengikut-pengikut Ibrahim Yaakob dari barisan FUJIWARA bimbang Jepun akan menangkap Yusuf Ishak kerana *Utusan Melayu* dalam masa perang bersikap anti-Jepun dan melancarkan tabung untuk Askar Melayu DiRaja. Dasar *Utusan Melayu* dalam masa peperangan Pasifik itu memang menyokong kuasa Berikat. Tetapi saya kuat percaya bahawa Yusuf Ishak ditahan kerana *Utusan Melayu* mengambil

sikap menentang penubuhan Kesatuan Melayu Muda. Kajai dalam masa krisis Yusuf Ishak itu tidak berada di Singapura.

Ketika perang Jepun sedang hangat, Kajai membawa keluarganya pulang ke Kuala Lumpur. Barangkali kalau Kajai berada di Singapura, dia juga akan turut ditahan bersama Yusuf Ishak.

Dalam memoirnya Sako menceritakan bagaimana teman-temannya dibebaskan oleh Inggeris dari penjara Outram. Mereka berjalan kaki ke pejabat *Warta Malaya* di Cecil Street. Setakat itu sahaja cerita Sako. Pada masa itu saya belum menemui Sako lagi. Saya masih bekerja di *Utusan Melayu* di Queen Street. Yusuf ditahan hanya selama kira-kira seminggu dua sahaja. Kemudian dia dibebaskan dan balik ke *Utusan Melayu*. Setelah itu Jepun menggabungkan *Utusan Melayu* dengan *Warta Malaya* dan mendirikan *Berita Malai* berpusat di bekas bangunan *Straits Times* Singapura di Cecil Street. Yusuf Ishak dilantik oleh Jepun sebagai *Pengurus* di *Berita Malai*. Allahyarham Daud Mohamad Shah dilantik sebagai Pengarah Urusan *Berita Malai*. Kajai dipanggil dari Kuala Lumpur untuk menjadi Ketua Pengarang *Berita Malai* dengan Ishak Haji Muhammad sebagai pembantunya. Saya pula menjadi pembantu Ishak. *Berita Malai* diterbitkan dalam huruf Rumi diletakkan di bawah kuasa sebuah jabatan Jepun bernama *Sendenhan*. Dua pegawai Jepun iaitu pegawai *civil* menjadi ketua kami. Pada masa awal itu boleh dikatakan seluruh wartawan Melayu Singapura dikerah oleh Jepun untuk bekerja dengan *Berita Malai*. Pengarang-pengarang lama seperti Osman Kalam, Ibrahim Mahmud, M. Sallehuddin, Encik Hashim bekas pengarang *Warta Malaya* yang seangkatan dengan Kajai mereka ini dikerah oleh Jepun untuk bekerja dengan *Berita Malai*. Kemudian Osman Kalam berpindah ke Radio Syonan, Ibrahim Mahmud pulang ke Pulau Pinang dan Encik Hashim kerana telah tua lalu bersara tak lama kemudiannya. Tetapi Kajai tinggal tetap sebagai ketua pengarang.

Saya perhatikan perhubungan Yusuf Ishak dengan Sako agak kekok dan tidak begitu mesra sedangkan hubungan Ishak dengan Rahim Kajai agak mesra. Ishak menghormati Kajai sebagai seorang tua dan sebagai seorang wartawan yang menjadi gurunya. Saya pula rapat dengan kedua-dua Yusuf Ishak dan Sako. Mengapa demikian hubungan mereka saya tidak tahu dan saya pula tidak bertanya kepada Yusuf atau kepada Ishak mengapa mereka tidak begitu mesra. Adakah kerana hubungan mereka telah retak dari sejak Ishak bekerja di *Utusan Melayu* dahulu?

Yusuf sebagai pengurus *Utusan Melayu* sebelum perang dahulu kuat berpegang kepada disiplin sedangkan Sako bekerja mengikut

gerak hatinya sendiri. Satu sebab mereka bergeser pada masa itu mungkin kerana pertentangan peribadi. Sako seorang yang *relax*, Yusuf seorang yang keras. Saya tidak tahu adakah hubungan mereka itu menjadi retak kerana Yusuf menyangka Sako bertanggungjawab maka dia ditahan oleh KMM untuk beberapa waktu setelah Jepun menakluki Singapura. Yusuf juga tidak mesra dengan Ibrahim Yaakob malah tidak ghairah dengan KMM dan anak-anak buah Ibrahim di *Berita Malai*.

Sako tidak menceritakan latar belakang penubuhan *Berita Malai* dalam memoirnya sedangkan saya tahu penubuhan *Berita Malai* itu selain hasil dari inisiatif Jepun juga merupakan satu inisiatif Ibrahim Yaakob. Dalam masa peringkat awal pendudukan Jepun, Sako masih aktif sebagai seorang pemimpin KMM. Dia masih dipercayai bahawa Jepun akan berusaha memberikan kemerdekaan kepada orang-orang Melayu. Sako memperjuangkan agar di Tanah Melayu dan di Singapura, Jepun akan menubuhkan Dewan-dewan Rakyat seperti di Jawa di mana wakil-wakil orang Melayu, orang Cina dan orang India dapat ikut serta dalam mencorakkan pentadbiran Tanah Melayu dan Singapura. Dia hampa sekali apabila Jepun tidak menjalankan dasar pro-Melayu melainkan hanya melantik pemimpin-pemimpin dari kalangan orang-orang yang tidak berpengaruh untuk menjadi ketua kaum masing-masing. Dia juga hampa sekali apabila Jepun membubarkan KMM. Sako mulai tawar hati dengan Jepun. Mulailah dia mengabaikan tugas-tugasnya sebagai pengarang. Dia berselisih faham dengan Ibrahim Yaakob lalu merajuk dan memimpin satu rombongan petani-petani Singapura untuk membuka tanah ladang di Pulau Bintan membawa isterinya ke sana lalu jatuh sakit dan merana. Kami terpaksa menghantar rombongan untuk membawa dia pulang ke Singapura dalam keadaan sakit dengan badannya berkudis dan menghidap penyakit malaria. Sako tidak menceritakan hal ini dalam memoirnya.

Sebelum Jepun menyerah, Sako pulang ke Temerloh. Khabarnya dia berusaha untuk lari ke dalam hutan dan berjuang sebagai gerila. Kononnya dia cuba menghubungi orang-orang Melayu yang ketika itu khabarnya telah memasuki hutan di Pahang. Dia tidak ditangkap oleh Inggeris sekembalinya Inggeris ke Tanah Melayu sebagaimana saya. Saya ditahan oleh Inggeris sebaik Inggeris menawan semula Singapura. Sako tidak menceritakan pengalamannya di *Berita Malai* juga tentang pengalamannya di *Warta Malaya* dan di *Utusan Melayu* apalagi pengalamannya di Pulau Bintan sedangkan babak-babak hidupnya itu menarik.

Adakah dia merajuk dengan Ibrahim Yaakob maka dia membawa diri ke Pulau Bintan? Bagaimana pula perhubungannya dengan Ibrahim sepanjang masa tiga tahun setengah pendudukan Jepun itu?

Saya tahu Sako merajuk dengan Ibrahim. Sepanjang masa Sako di Pulau Bintan, Ibrahim tidak berusaha memanggil Sako dari Pulau itu untuk pulang ke Singapura. Teman-teman seperti Melan Abdullah dan saya serta Taha Kalu yang lebih mengambil berat tentang nasib Sako di Pulau Bintan pada masa itu.

Sako sebagai seorang manusia tidak pandai mengata orang. Dia tidak pandai membebel hal orang. Akan tetapi dia memang kuat merajuk, mudah tersinggung dan sangat sensitif.

Dalam memoirnya ini dia banyak menceritakan hal kampungnya, tentang kaum keluarganya, tentang kehidupan orang-orang kampung yang dikenalnya dan tentang kerjayanya sebagai seorang pegawai pentadbir di bawah Inggeris. Apa yang menarik sekali daripada kisahnya ialah ingatannya begitu kuat sekali tentang pengalamannya pada masa lalu terutama sekali tentang kampung halamannya. Jelas sekali bahawa Sako adalah seorang yang sangat mencintai kampung halamannya. Memang Sako sebenarnya tebal dengan nilai-nilai tradisi, masih kuat berpijak kepada nilai-nilai kampung walaupun dia begitu lama berkeliling di bandar dan di kota seluruh Tanah Melayu. Tetapi jiwanya masih terikat di kampung. Hatinya masih bertaut kepada kampung halamannya. Nilai-nilai ini semakin jelas manakala Sako menjangkau umur yang lanjut. Falsafah hidupnya jelas daripada tulisan-tulisannya di *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* serta di *Utusan Malaysia*. Tulisan-tulisannya "Di Simpang-Simpang Jalan" dengan memakai nama pena 'Pak Pandir Moden' dan ruangan "Ini, Itu dan lain-lain" dengan memakai nama penanya 'Hantu Raya' membayangkan Sako sebenarnya adalah seorang tradisionalis. Dia menolak modenisme kerana modenisme menghakis nilai-nilai hidup tradisional orang-orang Melayu. Dia lebih gemar berpantun, bersyair, berseloka dan bergurindam daripada bersajak kerana pada Sako pantun adalah satu warisan yang paling dekat kepada jiwa orang-orang kampung. Orang-orang Melayu sekarang tidak makan pucuk ubi, tidak makan ikan-ikan sungai, anak-anak muda sekarang tidak pernah melihat kijang dan pelanduk melainkan di kebun bintang, Sako selalu merungut.

Saya pernah bersama Sako dalam satu majlis meraikan kami berdua dianjurkan oleh teman-teman wartawan di sebuah restoran Melayu di ibu kota. Sako datang dipapah oleh teman-teman turun dari teksi. Dia kelihatan uzur. Saya diminta memberi ucapan.

Setelah saya berucap tiba pula giliran Sako memberikan ucapan. Sako tidak memberikan ucapan. Dia berpantun dan bergurindam kemudian dia mengadakan satu peraduan pantun. Dia membacakan dua rangkap kemudian dia minta hadirin melengkapkan dua rangkap lagi. "Siapa yang menang," katanya "Aku beri duit." Tetapi wang itu sebenarnya adalah koleksi dari teman-teman dalam majlis itu. Teman-teman menjual singlet dan T-shirt yang dicap dengan slogan "We Love Pak Sako" untuk dilelong dalam majlis itu. Saya membeli sehelai T-shirt itu membayar kira-kira RM80 kepada Sako. Tetapi Sako menggunakan wang itu sebagai hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan pantunnya. Anak-anak muda begitu ghairah sekali menyambut peraduan itu. Sako pun memberikan hadiah. Siapa yang menang diberikan sepuluh, dua puluh dan tiga puluh ringgit. Saya agak resah lalu saya membantah kepada teman-teman agar jangan menerima wang itu. Wang itu ialah untuk derma kepada Sako, kata saya.

Sako ialah seorang yang disayangi oleh anak-anak muda. Sebagai seorang pejuang politik dia sebenarnya seorang yang kontroversial. Selamanya beliau berjuang di barisan yang anti-establishment. Dia menentang penjajahan Inggeris, dia memimpin parti-parti kiri. Tulisan-tulisannya tajam menentang Inggeris dan menentang segala bentuk penindasan. Tetapi Sako tidak dibenci oleh lawan-lawannya. Allahyarham Tun Razak memberitahu Allahyarham Keris Mas pada suatu waktu bahawa dia (Tun Razak) sedia memberikan sebarang pekerjaan yang diingini oleh Sako kalau hanya Sako sedia menulis sepucuk surat walaupun di atas kertas buku catatan kepada Tun. Tetapi Sako ialah seorang yang sangat menjaga harga dirinya. Dia peramah dan tidak suka bertengkar dengan orang. Sekiranya dia tidak bersetuju dengan pendapat anda dia diam sahaja tidak mahu membantah. Kalau dia tidak suka pada anda dia menjauhkan diri. Dia tidak suka merintah atau mengadu atau menceritakan hal orang. Dia merasa agak kesal kerana adakalanya rencana-rencananya yang ditulisnya untuk *Utusan Malaysia* dipotong-potong oleh pangarang. Barangkali kerana terlalu panjang atau kerana pendapatnya tidak selari dengan dasar *Utusan Malaysia* tetapi dia tidak pernah merungut melainkan hanya memendam rasa sahaja.

Persepsinya terhadap pembangunan negara agak terkebelakang. Dia tidak begitu senang melihat pembangunan negara mengahakis nilai-nilai hidup kampung dan tradisi bangsa.

Meneliti memoir Sako terutama sekali kenangan-kenangannya tentang pegawai-pegawai Inggeris yang pernah bekerja bersama-

nya kita dapati bahawa dia tidak mempunyai prasangka atau prejudis terhadap mereka sebagai individu dan sebagai manusia. Ternyata bahawa Sako bukanlah seorang yang membenci orang-orang Inggeris sebagai manusia. Kebenciannya ialah terhadap sistem kolonialisme Inggeris bukan kepada individu-individu. Setengah-setengahnya yang dikenalnya memuji Sako. Apakah kefahamannya yang mendorongnya memasuki gerakan kebangsaan mulanya menjadi pemimpin Kesatuan Melayu Singapura kemudian menganggotai Kesatuan Melayu Muda bersama Ibrahim Yaakob? Selepas perang dia ikut menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu kemudian menjadi pemimpin Parti Buruh dan menjadi pemimpin Barisan Sosialis. Dia bertanding sebagai calon Parti Buruh dan Barisan Sosialis. Tetapi apakah dia sebenarnya seorang sosialis yang komited kepada ideologi sosialis?

Saya pernah berkata bahawa Sako sukar menjadi seorang politik kerana wataknya tidak sesuai sebagai seorang *politician* yang komited terutama sekali peribadinya yang tidak dapat menerima disiplin yang keras yang diperlukan oleh sebuah parti politik terutama parti politik kiri. Jiwanya lembut yang menyukarkan dia sebagai seorang pemimpin politik membuat satu-satu keputusan yang tegas dan keras. Dia tidak pandai *berintrigue*, dia tidak pandai memeralatkan orang. Dia bukan seorang yang pandai menjadi dalang atau *manipulator*. Dia terlalu lurus, jujur dan pengasih.

Dia banyak menceritakan pengalamannya dalam tahanan. Dia ditahan sebelum meletus perang dunia kedua. Dia ditahan sekali lagi oleh Inggeris sebagai *subversive* di bawah Undang-undang darurat pada tahun 1948. Setelah itu dia ditahan lagi kononnya terlibat dalam konfrontasi Malaysia dengan Indonesia tetapi tidak lama. Memoirnya banyak menceritakan kehidupannya sebagai seorang tahanan darurat. Tidak banyak cerita tentang sejarah awal KMM bagaimana ia ditubuhkan, apakah sebenarnya tujuan perjuangan KMM ketika ditubuhkan dahulu, mengapa Sako bekerja di *Warta Malaya* bersama Ibrahim Yaakob setelah akhbar itu dibeli dari Syed Hussein al-Sagof? Adakah sebagai persiapan menghadapi perang Jepun-British di Malaya?

Adakah benar modal itu diberi oleh Jepun? Ketika Jepun hampir menyerah diri pada tahun 1945 saya menjadi wakil KRIS cabang Singapura untuk menghadiri kongresnya di Kuala Lumpur. Kongres itu tidak dapat diteruskan kerana Jepun telah menyerah diri. Sako yang ketika itu sudah pulang ke Pahang datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri kongres itu. Saya menemuinya di Kuala Lumpur bersama Dato' Onn bin Jaafar dan Dr Burhanuddin.

Akan tetapi cerita kongres itu hingga hari ini masih samar-samar sedangkan menurut rencana asal Ibrahim Yaakob, kongres itu dikatakan akan memproklamir kemerdekaan daripada Inggeris. Sebelum kongres itu berlangsung Ibrahim Yaakob pulang ke Singapura dan dari Singapura Ibrahim dibawa oleh Jepun ke Indonesia bersama isterinya serta Onan Haji Siraj dan Hassan Manan. Ini adalah satu peristiwa penting dalam sejarah perjuangan bangsa Melayu pada hemat saya.

Cerita peristiwa itu masih kabur hingga hari ini, Sako tidak menceritakan tentang peristiwa itu. Beberapa orang tahu tentang persiapan KRIS untuk kongres itu antaranya Allahyarham Dr Burhanuddin al-Helmi dan tentunya Ibrahim Yaakob sendiri. Apakah peranan Sako dalam perancangan kongres itu? Setahu saya Sako tidak lagi mengadakan perhubungan dengan Ibrahim apabila dia pulang ke Temerloh dari Singapura. Tetapi Sako datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri kongres itu tentunya atas undangan Ibrahim Yaakob sendiri. Sako telah merajuk namun jelas dia masih setia kepada Ibrahim sebagai pemimpin. Cerita yang saya dengar ialah sekumpulan pemimpin-pemimpin KRIS sekalipun kongres itu tidak berlangsung telah mengadakan satu rapat di Kampung Baru untuk memproklamir kemerdekaan Malaya. Antara mereka yang hadir dalam rapat itu ialah Allahyarham Dr Burhanuddin al-Helmi. Seorang sarjana bangsa Norway memberitahu saya beberapa tahun lalu bahawa dia pernah membaca sebuah berita yang disiarkan oleh sebuah akhbar harian Inggeris Kuala Lumpur yang bersumber dari Domei News Agency melaporkan bahawa sekumpulan pemimpin Melayu telah memproklamir kemerdekaan Malaya menjelang penyerahan Jepun kepada tentera British.

Sako tidak menceritakan latar perannya memimpin Parti Kebangsaan Melayu atau pun perannya dalam Parti Buruh dan Sosialist Front. Mengapa dia ditahan oleh pemerintah dalam masa konfrontasi di Indonesia? Adakah benar dia terbabit dalam konspirasi itu? Dia tidak cuba menyangkal Kertas Putih yang diterbitkan oleh kerajaan mengenai peristiwa itu.

Para pengkaji sejarah ingin mengetahui perubahan parti-parti kiri Melayu yang pada mulanya berjuang untuk menggabungkan Malaya dalam Indonesia Raya tetapi setelah itu melepaskan konsep perjuangan itu untuk memperjuangkan hanya kemerdekaan Malaya dan Singapura seperti yang dimaktubkan dalam Perlembagaan Rakyat. Ada pihak mendakwa bahawa Parti Kebangsaan Melayu adalah lanjutan daripada Kesatuan Melayu Muda. Ibrahim

Yaakob berbangga bahawa perjuangan Kesatuan Melayu Muda telah dilanjutkan oleh PKMM, dan API serta AWAS. Memang benar bahawa kebanyakan pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan Angkatan Pemuda Insaf adalah terdiri daripada bekas pemimpin KMM sebelum perang tetapi sebenarnya kami pada masa itu tidak lagi menganggap bahawa kami memperjuangkan cita-cita KMM. Selepas perang dunia kedua perjuangan kami khusus untuk kemerdekaan Malaya dan Singapura.

Pergolakan masyarakat Malaya dan Singapura pada masa itu lahir dari semangat antikolonialisme. Memang kami masih berpegang kepada cita-cita Malaya Raya atau Indonesia Raya tetapi tekanan kami waktu itu ialah memperjuangkan kemerdekaan Malaya dan Singapura. Sako tidak menyentuh aspek ini dari perjuangan golongan kiri Melayu sedangkan beliau merupakan seorang tokoh penting yang pada mulanya mendasarkan perjuangan menggabungkan Malaya dan Singapura dalam Indonesia Raya.

Memoirnya tidak menceritakan perhubungan Sako dengan Dato' Onn, dengan Dr Burhanuddin dan dengan pemimpin-pemimpin lain. Ia juga tidak menceritakan tentang hubungannya dengan Kajai dan dengan teman-teman wartawan lain, dengan Syed Hussein al-Sagof, dengan Haji Dahlan Mas'ud, dengan Ibrahim Mahmud sedangkan semuanya ini pernah bekerja bersama-samanya di Singapura. Pergaulannya luas walaupun dia seorang yang dianggap agak luar biasa tentang perangainya dan peribadinya. Pergaulannya tidak terbatas hanya pada teman-teman yang sefahaman dengannya. Sepatutnya sebagai seorang pemimpin radikal dan seorang tokoh yang dikatakan kontroversial dia tentunya mempunyai musuh. Tetapi saya tidak pernah mendengar orang mengata Sako. Paling-paling orang mengatakan dia seorang *eccentric*. Barangkali ini kerana wataknya yang peramah dan tidak sombong. Dia tidak sepetah Boestamam membangkitkan semangat dalam pidato-pidatonya. Pidato-pidatonya tidak menyentuh sahsiah lawan-lawan politiknya. Dalam perbualan dengan teman-teman dia tidak pernah mengata pemimpin-pemimpin lawannya, tidak pernah mengata peribadi mereka atau mencaci batang tubuh mereka.

Sebelum perang dahulu walaupun sebagaimana Kajai dia menulis rencana-rencana yang anti Arab dan India Muslim ataupun menulis cerpen-cerpen yang anti orang-orang asing iaitu Cina dan India tetapi pergaulannya dengan mereka itu agak luas. Dia mempunyai ramai teman di kalangan orang-orang Arab dan orang-orang India Muslim di Singapura demikian juga dengan orang-orang Cina dan orang-orang India.

Identiti Sako sebagai seorang politik agak kurang menonjol daripada imejnya sebagai seorang wartawan. Sako lebih dikenali sebagai seorang penulis atau sebagai seorang sasterawan lebih daripada seorang tokoh politik. Dia lebih dikenali dengan nama jolokannya "Hantu Raya" bukan sebagai presiden Parti Kebangsaan Melayu Malaya atau sebagai ketua Parti Buruh atau sebagai pemimpin Socialist Front.

Saya jarang sekali membaca tulisan orang lain yang memetik pendapat atau fikiran sako sebagai seorang pemimpin politik. Sako lebih dikenali sebagai pengarang novel *Putera Gunung Tahan* atau pengarang *Anak Mat Lela Gila*, daripada sebagai pemimpin PKMM.

Hingga ke saat-saat akhir hayatnya Sako masih mampu menarik anak-anak muda dan kaum remaja. Memang dia lebih senang bergaul dengan orang-orang muda dari sejak dahulu lagi. Kesederhanaannya dan sifatnya yang cepat mesra dengan orang lain ialah satu daripada wataknya yang menarik orang lain cepat bermesra dengannya. Cara hidupnya sederhana dari sejak saya mengenalinya di Singapura dahulu. Dia tidak pernah mempunyai kereta malah tidak tahu pun memandu kereta. Ada juga orang bertanya saya siapakah guru Ishak Haji Muhammad dalam politik? Adakah gurunya Ibrahim Yaakob? Saya tidak dapat menjawab soalan itu. Setahu saya Sako bukanlah seorang yang mendalami teori politik atau falsafah seperti Dr Burhanuddin al-Helmi. Tetapi Sako kuat membaca dan pembacaannya luas, fikirannya terbuka dan tidak terkongkong oleh satu-satu aliran fahaman, ideologi ataupun falsafah. Jiwa kemelayuannya kuat dan idealismenya bertunjang pada tradisi dan nilai hidup kampung. Dia sering juga mengejek saya bahawa saya sebenarnya belum mengenali masyarakat Melayu kerana saya kelahiran kota Singapura. Saya tidak mengenali dari dekat kehidupan rakyat yang mati-matian nasibnya cuba saya perjuangkan.

Kejawaan saya masih kuat, kata Sako. Saya lebih meminati dan memuja pemimpin-pemimpin seperti Sukarno, Tan Malaka, Sutan Shahrir serta pujangga-pujangga baru Indonesia daripada mendalami *Syair Siti Zubaidah*.

Di *Berita Malai* dahulu dalam masa Jepun, Jabatan Pengarang merupakan bilik darjah ajaran politik. Antara beberapa teman di *Berita Malai* waktu itu terdapat sekelompok wartawan yang sebaya dengan saya. Mereka mempunyai keinginan yang kuat untuk tidak sahaja belajar ilmu kewartawanan tetapi juga ilmu politik. Sambil bekerja kami selalu berbincang soal-soal politik tanah air

dan perkembangan serantau terutama sekali mengenai masa depan bangsa Melayu dan rumpun Melayu.

Dalam masa Jepun satu ciri yang agak luar biasa ialah kesempatan untuk mendapatkan buku-buku sejarah perjuangan bangsa-bangsa di benua Asia. Buku-buku Indonesia yang tadinya diharamkan oleh Belanda muncul dalam masa pendudukan Jepun. Kami berbincang mengenai pemberontakan orang-orang Aceh menentang Belanda, belajar agak mendalam tentang perjuangan Imam Bonjol dan Deponegoro, belajar tentang perjuangan rakyat Fili-pina menentang penjajah Sepanyol dan Amerika, mengkaji sastera dan warisan budaya bangsa Asia termasuk juga mengenali pahlawan bangsa Filipina iaitu Jose Rizal.

Sudah tentu ketua diskusi *group* ini yang tidak tersusun atau tidak teratur bentuknya ialah Sako sendiri dan Ibrahim. Dalam masa pendudukan Jepun itu kami disogok tiap hari dengan propaganda Jepun tetapi sebenarnya pemikiran kami berkembang kerana minda kami terbuka kepada sejarah manusia Asia yang sebelumnya tidak kami ketahui. Peperangan Jepun terhadap penjajahan Inggeris dan Belanda mencetuskan satu keinginan besar kepada kami untuk mengetahui akar kami dan warisan peradaban kami sebenarnya serta sejarah perjuangan bangsa-bangsa Asia yang tadinya tertindas oleh penjajah. Sebelum itu kami tidak tahu tentang kemenangan Jepun terhadap Russia pada awal kurun ke-20. Kami tidak tahu tentang Perang Candu di negeri China yang akhirnya mengakibatkan Inggeris menakluki Hong Kong dan membuka negara China kepada Imperialisme Barat. Kami belajar lebih mendalam tentang Imperialisme Barat, sejarahnya dan perjuangan bangsa-bangsa di Asia, tentang revolusi Perancis dan Rusia untuk melepaskan diri mereka daripada belenggu Barat dan kaum feodal.

Ada pelakon-pelakon lain yang ikut menekankan pengaruh kepada perkembangan nasionalisme dalam masa Jepun. Pelakon itu ialah pemimpin-pemimpin nasionalis India seperti Subhas Chandra Bose dan Rash Bihari Bose. Chandra Bose mendirikan Tentera Kebangsaan India (INA) untuk memerangi British di India bersama Rash Bihari Bose. Sebagai wartawan, saya menginterbiu kedua-dua tokoh besar itu ketika mereka di Singapura.

Dengan kata lain, itulah pertama kali kami pelajari watak penjajahan Barat yang sebenarnya. Propaganda Jepun berusaha menggambarkan Jepun sebagai pembela bangsa-bangsa Asia dan dalam proses menonjolkan dirinya sebagai penyelamat bangsa-bangsa Asia, Jepun sengaja menggali dan membongkar sejarah penjajahan

Barat hingga mencetuskan keinginan kami untuk mendalami lagi ilmu politik dan mengajar kami melihat Inggeris dari kaca mata yang baru.

Sako adalah seorang yang rendah diri yang tidak membanggakan pencapaiannya dalam bidangnya. Dia tidak pernah menulis tentang dirinya. Umpamanya bagaimana dia berkarya menghasilkan novel *Anak Mat Lela Gila* atau pun *Putera Gunung Tahan* atau pun mengajar saya agar mencontohi gaya bahasanya atau pun bagaimana dia menulis pojok 'Hantu Raya' nya yang menonjolkan namanya sebelum perang dahulu. Sako tidak pandai menjadi seorang guru. Kita yang ingin menjadi muridnya terpaksa belajar sendiri. Ishak mempunyai ramai pengikut tetapi tidak punya murid. Saya rasa hati kecilnya kecewa bahawa perjuangannya tidak mencapai hasil yang dicita-citanya. Dia ingin mengubah pemikiran orang-orang Melayu supaya berdikari untuk memajukan bangsa dan tanah air.

Dalam masa pendudukan Jepun itu Sako tidak sahaja menulis tetapi juga berusaha secara praktik untuk menanam nilai-nilai baru di kalangan masyarakat kota Singapura. Saya memberikan satu contoh. Sako cuba menanam semangat bergotong-royong di kalangan anak-anak muda Melayu di Singapura pada masa itu. Dia mengumpulkan remaja Melayu di Singapura untuk tiap minggu membersihkan masjid-masjid dan tanah perkuburan di Singapura secara bergotong-royong, berusaha memujuk gadis-gadis Melayu Singapura agar memakai seluar panjang untuk lebih mudah bergerak sebagai buruh atau kerani. Kempennya gagal. Dia menyeru pemuda-pemuda Melayu supaya jangan memilih kerja, jangan hanya mahu bekerja sebagai kerani tetapi harus berani menghayun cangkul untuk bercucuk tanam.

Dia mempunyai impian besar tetapi impiannya itu tidak terancang dan tidak disusul serta diisi dengan satu wawasan tindakan yang konkrit dan realistik. Berlainan dengan Ibrahim Yaakob yang mempunyai impiannya sendiri dan berusaha melalui tindakan-tindakannya untuk mengisi wawasannya. Sako terlalu bergantung kepada tulisan-tulisannya untuk membangkitkan perasaan dan kesedaran pembaca-pembacanya. Dalam keadaan peperangan pada masa itu tentunya usaha ini berupa satu usaha yang sukar. Sejauh mana Jepun dapat membenarkan kami pada waktu itu memujuk dan membangkitkan nasionalisme Melayu tanpa menjejaskan kepentingan peperangan Jepun? Dalam proses alat-memperalat tentera Jepun lebih beruntung kerana mereka mempunyai kekuatan tenteranya sendiri. Ibrahim mendidik kader-

kadernya sendiri untuk memperjuangkan wawasannya. Ibrahim mempunyai "*Giyu Gun*".

Saya kira walaupun Ishak menjadi presiden Parti Buruh, Parti Kesatuan Melayu Malaya dan Socialist Front, dia tidak mempunyai ambisi yang lebih besar selain daripada memimpin parti politiknya. Dia pernah bertanding dalam pilihan raya dua kali tetapi kalah. Setakat itu sahaja agaknya ambisi Ishak sebagai seorang *politician*.

Ishak berhasrat menjadi seorang wakil rakyat di barisan pembangkang. Saya rasa tidak pernah terlintas di hatinya untuk menjadi seorang Perdana Menteri. Seorang pemimpin pembangkang sebenarnya melalui jalan hidup yang agak sukar. Ishak hanya disanjung oleh pengikut-pengikutnya sendiri dan jalan hidupnya terletak di luar arus perdana. Tetapi watak Ishak begitu rupa sehingga dia dapat diterima oleh semua golongan dan tidak merasa tersisih dari masyarakatnya. Pemuda yang tidak pernah membaca *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* yang tidak kenal zaman sebelum perang dahulu masih tetap menganggapnya sebagai wartawan dan sasterawan yang unggul. Perjuangan politiknya tidak pernah mencetuskan konflik yang tajam dengan golongan-golongan lain dan politiknya tidak mempengaruhi nilai-nilainya sebagai seorang manusia yang rendah diri yang mudah mesra dan sifat kemelayuannya.

Memoir Pak Sako ini barangkali agak dibatasi oleh hakikat bahawa dia menulis untuk media. Beliau merasa bahawa tidak perlu menceritakan hal-hal yang tidak wajar dinyatakan dalam siri rencana-rencananya itu. Begitu pun memoir ini besar manfaatnya kepada kita untuk menyelami lubuk hati beliau sebagai seorang pemimpin dan pejuang politik, juga sebagai seorang wartawan dan sasterawan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Haji Karim bin Haji Abdullah kerana kegigihannya dan dedikasinya mengumpulkan rencana-rencana Pak Sako ini dan juga kepada Penerbit UKM kerana prihatin terhadap usaha beliau. Sekurangnya kita dapat mengenali Pak Sako dari dekat melalui memoirnya.

A. SAMAD ISMAIL
Petaling Jaya

P e n g h a r g a a n

Memoir ini asalnya ialah tulisan Allahyarham Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako) dalam *Mingguan Malaysia* pada tahun 1976. Universiti Kebangsaan Malaysia merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada sahabat akrab Allahyarham Pak Sako, Sdr. A. Karim Haji Abdullah yang telah bersusah payah menghimpun dan menyusun semula tulisan Allahyarham. Beliau juga telah berusaha mendapatkan izin bagi menerbitkan memoir ini daripada balu Allahyarham, Datin Hajjah Aishah binti Hussein serta Puan Jamilah Ishak (Inda Sako), anak Allahyarham. Gambar-gambar dalam memoir ini juga adalah koleksi peribadi Sdr. A. Karim Haji Abdullah. Kepada beliau, kami sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih. Sumbangan beliau dalam penerbitan memoir ini sudah tentu akan mengangkat memoir ini menjadi sebuah dokumentasi sejarah yang berguna untuk tatapan kita semua serta generasi akan datang.

Kampung Segentang Tanah Tumpah Darah



Saya telah dilahirkan pada awal subuh, hari Isnin, dalam pertengahan bulan September, 1909, di Kampung Segentang, yang terletak di tepi tebing Sungai Pahang, dalam Mukim Perak, Daerah Temerloh. Kampung Segentang mungkin diambil dari nama Bukit Saguntang, di Sumatera Selatan, sebab Datuk aki saya, yakni ayah ibu saya Almarhumah Hajah Fatimah binti Abdul Jamal. Ketika menulis memoir ini umur saya lewat enam puluh tahun, menjangkau tujuh puluh tahun. Menurut kata orang Melayu umur lebih enam puluh tahun ialah umur yang baik untuk berpulang ke rahmatullah, sebab Nabi Muhammad s.a.w. telah wafat dalam usia 63 tahun.

Walau bagaimanapun, ramai kawan-kawan yang mengesyorkan, meminta dan menasihatkan supaya mencatatkan riwayat, kenangan dan pengalaman hidup saya, sebelum terlambat, sebelum jatuh sakit, dan uzur kerana tua.

Jadinya, sesudah menerangkan hari dan tarikh lahir saya yang semungkin tepat, sebab saya tidak punya surat beranak, maka sukalah saya mengenang semula dan mencatatkan riwayat hidup saya masa kecil.

Saya ialah anak yang ketiga dari suami isteri keluarga tani yang sederhana. Nama ayah saya (abah kami adik beradik seramai empat belas orang) ialah Haji Muhammad bin Haji Maasum yang berasal daripada Bugis. Nama ibu saya sudah disebutkan di atas.

Ketika saya berumur lebih kurang setahun, sedang pandai merangkak, menurut cerita ayah dan ibu saya, satu kemalangan telah menimpa saya, iaitu saya terjatuh dari tangga rumah kami yang tingginya lebih enam kaki, yang diperbuat daripada papan-papan kayu cengal yang tebal. Saya terjatuh bergolek dari satu ke satu anak tangga yang keras, dan telah luka parah di kepala saya, mengeluarkan darah 'seekor ayam'. Dalam usia setahun tentulah saya tidak boleh ingat akan peristiwa itu, tetapi bukti kemalangan

itu masih ada, iaitu satu parut panjang, beralur, di sebelah kanan kepala saya.

Yang saya ingat ialah apabila mencapai usia enam tahun saya sangat manja kepada abah saya. Bila-bila abah saya lambat balik daripada masjid kerana bersembahyang jemaah maghrib dan isyak, dan mungkin kemudian bersembang dengan kawan-kawannya, maka saya menangis, melaung, merayu-rayu supaya abah balik cepat, sebab saya hendak tidur dekat dia.

Kemajaan dengan abah saya terus hingga sampai saya masuk sekolah Melayu, sesudah berumur lebih kurang sepuluh tahun. Abah saya melayan kemajaan saya itu, dan apabila dia hendak pergi menjala ikan di sungai, maka saya diajaknya pergi sama menemankannya. Begitu juga bila-bila dia hendak pergi ke hutan menembak ayam hutan. Abah saya punya selaras senapang dan pintar menembak. Setiap kali kami pergi menembak jarang-jarang tidak dapat ayam hutan atau itik air (belibis), punai dan lain-lain jenis burung yang boleh dimakan, kadang-kadang empat lima ekor. Kebetulan pada masa itu Negeri Pahang belum dimajukan, hutan rimbanya masih tebal dan segala macam binatang liar masih banyak. Pernah beberapa kali rusa dan kijang masuk ke kampung kami, terjun ke dalam Sungai Pahang.

Tidak jauh dari rumah kami, di kampung yang sekarang lebih terkenal dengan sebutan Kampung Buntut Pulau, ada padang pasir yang luas, para penduduk kampung itu panggil dengan gelaran Pasir Kepala Pulau. Saya pernah melihat burung-burung merak turun bermain-main dan kemudian mengigal. Sekarang semuanya itu sudah pupus; burung-burung, ayam hutan, kancil, pelanduk, landak, rusa dan kijang. Tetapi babi hutan, kera dan tupai semakin membiak.

Elok juga saya sebutkan bahawa pada masa saya kecil dahulu, dalam tahun dua puluhan, Sungai Pahang sangat kaya dengan bermacam-macam jenis ikan besar dan kecil, udang-udang, malah buaya juga. Begitu banyaknya, maka kalau menjala, cukuplah sepuluh tebar sahaja, sekejap sahaja sudah boleh dapat segantang pelbagai jenis ikan yang sedap digulai lemak campur asam belimbing, dibakar dan dipais. Kalau menjaring cukuplah dengan memasang satu utas jaring sahaja.

Bagi kami anak-anak kampung yang sebaya, apabila air Sungai Pahang kering, maka tiap petang kami pergi beramai-ramai me-maluh, memasang lukah untuk menangkap ikan-ikan kecil yang terkepong dalam paluh-paluh yang kami buat itu.

Bagaimana memaluh dan apa ertinya paluh? Biarlah saya te-

rangkan kepada anak-anak zaman sekarang yang masih ramai membesar di kampung-kampung tepi sungai-sungai di negeri ini. Musim air kering maka ada tempat-tempat yang airnya menjadi tohor, kira-kira hanya setengah atau satu kaki sahaja. Di sekeliling petak-petak air itu pasirnya dilekat dengan sekeping papan pendek (pelekat).

Melekat, dalam bahasa kami yang tinggal di tepi sungai, ialah mengaut pasir hingga tinggi melampaui paras air tohor, menjadi batas yang menutup lopak-lopak air untuk mengepung ikan-ikan kecil yang datang ke tepi waktu senja kerana hendak tidur, berlingung daripada bahaya ikan-ikan besar.

Kemudian dipaluh itu dipasanglah lukah-lukah kecil. Ada kalanya dari paluh-paluh seperti itu kami boleh dapat dua gantang ikan-ikan kecil, yang kemudiannya dibahagi sama banyak antara kami yang memaluh itu.

Memaluh, membelat, mengail, menjaring, mencandik, memasang lukah-lukah besar, terubin dan lain-lain alat menangkap ikan ialah latihan asas untuk mencari rezeki, menyara kehidupan bagi kami anak-anak kampung yang tinggal di pinggir sungai. Dalam kegiatan itu kami juga belajar berenang, berperahu dan berakit sehingga lengkaplah persediaan untuk terus hidup sebagai penghuni tepi sungai atau *riverine population*.

Pada masa dahulu, dalam tahun dua puluhan, tiga hingga empat puluhan, air Sungai Pahang masih dalam, jernih dan bersih. Akibat perlombongan, pembukaan tanah-tanah dan lain-lain aktiviti pembangunan, maka airnya sudah jadi tohor, dengket, keruh dan kotor.

Dahulu, perahu-perahu besar, kapal-kapal besar bertingkat dua boleh mudik dari Pekan, Bandar Diraja Pahang, hingga jauh ke hulu. Kapal besar yang saya ingat, dan pernah jadi penumpang, bernama *Teng Huai* (dua tingkat) yang enjinnya menggunakan minyak tanah atau minyak gas. Tambangnya dari Temerloh ke Pekan hanya dua ringgit; makan dan minum dalam perjalanan diberi percuma.

Perahu-perahu besar yang sentiasa hilir-mudik di Sungai Pahang hingga sampai ke Kuala Lipis (Kepala Negeri Pahang masa itu) memanglah besar, cukup dengan kabin (bilik tidur dan satu loteng kecil yang dinamakan *magun* iaitu tempat jurumudinya bertugas). Perahu-perahu besar itu digelar juga *perahu kajang* yang bermuat dengan atap, garam, tembakau, daun rokok, rotan, ikan kering, ikan jeruk, budu, belacan, kuih-kuih putu kacang dan beras, kuih bepang (sejenis biskut yang diperbuat daripada nasi kering), juga kain-kain untuk jualan.

Dua kali sepanjang hidup, abah saya terpaksa membuat surat sumpah mengenai umur anak lelakinya yang ketiga, yang nakal, tetapi amat disayanginya. Kali pertama ialah apabila saya hendak masuk sekolah Orang Putih, Clifford School, di Kuala Lipis, yang pada masa itu menjadi Kepala Negeri Pahang. Pada masa itu saya sudah berusia 13 tahun, sedangkan had umur untuk masuk ke Sekolah Inggeris, mengikut undang-undang dan peraturan persekolahan pada masa itu, ialah 11 tahun.

Kali yang kedua ialah dalam tahun 1959 untuk mendapatkan sijil kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu, untuk mendapatkan salinan surat beranak dan untuk lain-lain tujuan, termasuk untuk mendapatkan pasport antarabangsa bagi lawatan-lawatan ke luar negeri.

Sebetulnya kelahiran saya, dalam pertengahan bulan September, 1909 telah tidak didaftarkan sebab pada tahun itu, pentadbiran Negeri Pahang, yang telah mula masuk di bawah naungan Kerajaan British dalam tahun 1899 belum lagi menyeluruh dan sempurna, sebab negeri itu sangat besar dan luas, dan perhubungan antara satu daerah dengan daerah lain hanyalah dengan jalan sungai. Jalan keretapi pada masa itu (1909) belum lagi sampai ke Kuala Lipis.

Bukti bahawa kelahiran saya tidak didaftarkan ialah setelah tiga kali membayar *search fee* – setiap kali bayarannya dua ringgit – nama yang tidak ada tercatat dalam Daftar Beranak dan Mati di ibu pejabatnya, Kuala Lipis.

Pengawal-pengawal di Pusat Pendaftaran di Kuala Lipis itu telah mengesyorkan supaya salinan surat lahir adik saya (anak lelaki yang kelima) yang bernama Awang Ahmad, yang kemudian digelar Awang Teh (sudah meninggal) diambil dan dipakai untuk tujuan-tujuan yang dimaksudkan.

Inilah sebabnya telah timbul kekeliruan tentang umur saya yang sebenarnya dan tentang tarikh lahir saya yang sebetulnya. Tetapi tarikh 14 September, 1909 itu tarikh yang sebenarnya, telah dicatatkan oleh abah saya dalam sebuah kitab Jawi, karangan tuan guru yang masyhur, Syeikh Daud Pattani. Abah saya dalam masa mudanya, sebelum kahwin dan berumahtangga, lama mengaji di Pattani. Saya sendiri telah melihat catatan itu, di dalam kitab yang disimpan baik di dalam sebuah peti besi.

Kehidupan Anak Kampung



Bagi anak-anak kampung tepi sungai, baik di Pahang, di Perak, di Kelantan, di Malaysia Barat dan Malaysia Timur, malah di kanan kiri Sungai Mekong, bahkan di mana-mana sahaja ada sungai-sungai besar di seluruh dunia, latihan-latihan asas diberi dan dipelajari juga di darat, sebab kaum tani yang tinggal di sekitar sungai-sungai besar dan kecil adalah mendapat rezeki daripada dua sumber semula jadi, iaitu daripada air dan daripada tanah. Untuk renungan manusia di zaman sains dan teknologi, elok juga diambil perhatian tentang adanya beberapa persamaan ke-pandaian membuat dan menggunakan alat-alat perkakas untuk hidup. Satu contohnya ialah kepandaian atau kesenian membuat dan menggunakan jala dan jaring untuk menangkap ikan. Untuk di darat pula, ialah kepandaian membuat dan menggunakan cangkul, penggali, parang, tuai, tajak dan lain-lain alat perkakas pertanian.

Dalam rangkaian cara-cara hidup dan alat perkakas untuk hidup bagi manusia dalam Asia Timur, khususnya dalam negara ASEAN, kita hendaklah jangan lupa betapa pentingnya kerbau dalam penghidupan orang-orang atau manusia dalam Asia Tenggara.

Benarkanlah saya nyatakan lebih panjang mengenai dua jenis latihan asas yang sangat penting bagi kehidupan kaum tani yang tinggal di tepi sungai.

Di bahagian selatan negeri China para penduduk tepi sungai besar pandai menyirat, membuat jaring dan jala, pandai mengandoi jala, pandai menuang rantai jala, membuat pelampung jaring daripada kayu-kayu lembut dan ringan. Demikianlah pula di Vietnam, Burma, Thailand, Malaysia, Indonesia dan Filipina. Bahkan begitu juga halnya dengan kaum asli di Australia Barat. Anda boleh membaca kisah-kisah hidup bangsa Abo Australia dalam cerita-cerita pendek Kath Walker, dan dalam sajak-sajak bangsa Maori di New Zealand.

Mengenai usul-asal membuat jala, maka orang-orang Asia mempunyai dongeng yang hampir sama. Di Semenanjung Tanah

Melayu yang mula-mula dipercayai telah menciptakan jala ialah Sang Kelembai, ketua kaum gergasi pada zaman dahulu kala. Dalam cerita-cerita dongeng manusia di seluruh alam ada tersebut cerita-cerita gergasi atau raksasa, manusia bertubuh besar dan tinggi zaman bahari, zaman salju, zaman batu dahulu kala.

Di daerah Selatan China ada banyak kerbau, dalam Vietnam ada banyak kerbau, dalam Kemboja ada banyak kerbau, lembu liar dan seladang. Saya telah membaca darihal binatang-binatang liar di Kemboja dalam buku yang bernama *The Cattle Country*.

Di Thailand ada banyak kerbau, dan dalam Malaysia masih ada banyak kerbau, tetapi amatlah saya kesalkan bahawa usaha MAJUTERNAK Malaysia lebih menitikberatkan pembiakan lembu baka baik daripada Australia, seperti yang pernah diselenggarakan di negeri saya, Pahang (*Darabif* dan lain-lain).

Di Filipina dan di Indonesia ada banyak kerbau, tetapi kepandaian membuat keropok kulit kerbau, saya agak, hanya masih ada di Indonesia sahaja. Kalau anda melancong ke Indonesia silalah pergi makan di kedai-kedai Minang di sana (yang terkenal dalam Jakartaraya ialah Restoran RODA) dan anda sudah tentu, di antara lain, akan disajikan dengan gulai kulit kerbau. Rasanya sangat sedap. Demikian juga di restoran Minang di Puncak, tengah jalan dari Bogor ke Bandung.

Berkenaan dengan kedai nasi Padang, kerana sudah ada di serata dunia; di Irian Barat, di Sydney, Australia, di London dan di Amsterdam, maka ada jenaka mengenainya, iaitu hanya di bulan saja yang belum ada restoran Minang.

Bagi saya latihan asas di darat bermula ketika umur saya tujuh tahun, iaitu ketika mengikut abah saya pergi menembak ayam de-nak, menggetah punai, membuat perangkap kancil di hutan kecil yang diumpan dengan pucuk daun memanya, mengekornya ke surau, ke masjid, ke majlis-majlis nikah kahwin, ke tanah perkuburan untuk belajar bagaimana orang mati ditanam dan upacara berkenaan dilakukan.

Pada masa itu keluarga saya mempunyai lebih kurang dua puluh ekor kerbau. Kami tidak pernah berternak lembu, tetapi kambing dan biri-biri ada sedikit.

Kerana satu kepercayaan kami orang kampung, maka ada beberapa tanda yang dijadikan panduan untuk mujur atau serasi memelihara ternakan seperti ayam itik, kerbau lembu dan sebagainya. Bagi saya tanda mujur itu ialah tahi lalat besar di pipi kanan saya. Oleh itu, kepada saya telah diuntukkan (diakukan) seekor anak kerbau dara yang kami namakan Nani.

Si Nani sangat manja pada ibu saya. Beliau berasal dari Palembang, Sumatera Selatan, meninggal dunia dalam bulan Jun, 1948, ketika saya berada di Taiping, Perak. Ketika itu saya bertugas sebagai Pemaju Parti Kebangsaan Melayu Malaya di seluruh Negeri Perak. Tidak lama selepas kematian ibu saya yang sangat dicintai itu, maka saya pun telah kena tangkap darurat dan ditahan selama lima tahun setengah.

Si Nani juga sangat manja pada saya. Apabila senjakala saya akan memanggil si Nani: "Nani, Nani, balik". Kalau Si Nani mendengar suara saya, biarpun berada jauh, maka akan segera berlari-larilah balik, sambil berbunyi: "Uwak, uwak, wek, wek!" Apabila sampai maka si Nani mencium-cium muka saya, menjilat tahi lalat di pipi kanan saya dengan lidahnya yang kesat, hingga terbau rumput rumput yang baru dimakannya.

Untuk membalas kasih sayang dan kemanjannya itu, maka saya menepuk-nepuk kepalanya, menggosok-gosok dagunya, dan kemudian memberi minum air garam. Agaknya Nani jatuh cinta-pandang pertama pada saya, yang masa itu baru berumur lebih kurang lapan tahun, kerana tahi lalat hidup di pipi kanan saya itu. Kata moyang saya, Hajah Jebah, yang berasal daripada Bugis, tahi lalat itulah tuah badan saya.

Pengalaman hidup saya memang selalu ganjil-ganjil. Pernah suatu ketika saya di Kota Bharu, Kelantan, beberapa orang pemuda peminat saya, termasuk seorang anak saudagar permaidani dan anak seorang doktor mata, telah menarik saya ke sebuah kelab malam. "Musim hujan begini lebih baiklah kita panas-panaskan badan, Pak Sako" kata anak saudagar permaidani itu. "Steadyilah, Pak," kata yang lain-lain.

Pemuda-pemuda itu telah "membooking" dua orang penari; seorang bernama Zaiton dan seorang lagi bergelar Nani, yang entah bagaimana, mengingatkan saya kepada kerbau dara saya iaitu Nani. Tetapi Nani penari kelab malam di Kota Bharu itu, yang tinggal di Kampung Kubang Kerian, kecil molek orangnya, lembut dan ringan badannya, halus tutur katanya, yang baru berusia, menurut katanya, dua puluh dua tahun, tetapi sudah dua kali janda.

Malangnya, malam itu saya tidak ada *mood* hendak menari. Pertama, kerana saku saya sudah hampir 'kering', dan kedua, kerana musim hujan, saya memakai selipar getah yang disediakan oleh hotel tempat saya menginap itu. Dengan memakai selipar getah tentulah payah hendak menari di lantai licin. Melekat-melekat seretan tapak kaki; tidak seronoklah.

Bagaimanapun, Nani suka duduk dekat saya dan membisikkan sesuatu hajatnya kepada saya.

"Jangan, Nani, jangan," jawab saya berbisik. "Nanti kita kena tangkap berkhawat, dan kelak satu berita besar akan tersiar dalam akhbar kumpulan *Utusan Melayu* dengan tajuk: *Pak Sako kena tangkap berkhawat di sebuah hotel di Kota Bharu*. Dan mungkin yang melaporkannya ialah Ustaz Rafek.

Pada hari Ahad, dua hari sesudah Hari Raya Haji, apabila saya masuk ke Pejabat MAS Kota Bharu, seorang pegawai mudanya yang bertugas pagi itu segera bertanya: "Pak Sako nak balik ke K.L. ke? Kapal terbang sudah penuh; hanya ada satu saja tempat duduk kosong, *first class*," tambahnya. Seorang pegawai lagi, yang kanan agaknya, sebab sudah botak, senyum-senyum kambing melihat saya.

"Berapa?" tanya saya, "Tujuh puluh dua ringgit, Pak," jawab pegawai muda yang peramah itu. Maka saya pun segera menghulurkan dua helai wang kertas lima puluh ringgit, iaitu baki wang yang saya pinjam daripada Yusuf Bakri (*Pelita Rakyat*) sebanyak \$460.00.

Antara yang menghantar saya ke Lapangan Terbang Pengkalan Chepa pada tengah hari itu ialah Encik Wei (Ismail) Golok, anaknya Mujiburrahman, Syamsiah dan Zakiah. Kerana hujan lebat, maka mereka itu telah memayungkan saya hingga ke tangga Boeing 737 itu.

Dalam kapal terbang, wanita yang duduk di sebelah saya kecil comel juga orangnya, memakai *Safari Suit*, ada tahi lalat di pipi kanannya. Jangan-jangan namanya juga Nani. Apabila pelayan membawakan suratkhobar, Nani memilih *Echo*, saya mengambil *Utusan Malaysia* kerana hendak membaca pojok Awang Selamat.

Budaya Kampung



Dalam mengingati semula segala macam peristiwa dan pengalaman hidup saya dan membayangkan semula pemandangan di sekitar kampung halaman saya; tempat saya dilahirkan, dipelihara dan dibesarkan, tempat saya bermain, mandi-manda, berkawan-kawan, bergurau senda, berasmara, dan sebagainya, maka yang amat berkesan kepada watak saya, tingkah laku, pemikiran dan budi bahasa saya ialah masjid besar di kampung saya. Bagaimana masjid-masjid di zaman saya kecil, masa kawan-kawan sebaya dengan saya sedang membesar, bersekolah dan kemudian muda remaja, bekerja, berasmara, berkahwin dan berumahtangga, dan kemudian lagi sama-sama melalui berbagai-bagai peristiwa: Perang Dunia Pertama 1914 hingga 1918, bah besar 1926 hingga 1927, 1945 kemelesetan ekonomi, (harga getah jatuh), Perang Dunia Kedua 1941-45, pemerintahan Jepun, pemerintahan Bintang Tiga tiga belas hari, kedatangan semula pemerintahan Inggeris, kebangkitan semangat kebangsaan, dan kemudian berlakunya keadaan darurat 1948-60, akan saya ceritakan semuanya nanti.

Akan tetapi, sebelum saya menceritakan bagaimana besar dan kuatnya pengaruh masjid kepada masyarakat pada masa lampau, maka sukalah saya menyebutkan semula susunan rumah-rumah dan nama orang-orang yang terkemuka pada masa itu, yang semuanya adalah dari keluarga saya, satu kumpulan keluarga yang besar, yang bersatu padu, yang sepakat, rapat rasa persaudaraan dan teguh ikatan silaturahimnya.

Di sebelah hulu rumah orang tua saya ialah rumah Haji Ibrahim, kemudian rumah Penghulu Zabidin yang berjiran dengan abangnya, Penghulu Ibrahim, anak Kesah. Lepas itu ialah rumah adik abah saya, Haji Abdul Rahman, kampungnya dikenal dengan nama Kampung Tengah, yang rumah-rumahnya lebih rapat.

Keluarga dalam Kampung Tengah, yang saya masih ingat, ialah keluarga Pakwa Sulaiman, (penolong penghulu, mukim Perak), Pakwa Long Kasim (pembantu klinik kerajaan), Pak Andak Ali

(Mat Ali Kancil sebab kecil orangnya), Haji Pilus dan adiknya Haji Salleh, Haji Ismail (aki saya), Encik Salleh (ayah S. Roomai Nor) dan di sebelah hulu sedikit lagi ialah rumah sekolah Melayu bagi seluruh mukim Perak.

Semua orang yang saya sebutkan di atas ini sudah mati, sudah pulang ke negeri abadi, tetapi untuk pengetahuan anak cucu mereka itu, yang juga menjadi anak cucu saya, maka eloklah saya nyatakan sedikit keturunan satu dua orang dari kumpulan keluarga yang besar pada masa dahulu itu, tetapi yang kini sudah pecah-belah, sudah berserak, renggang, sudah tidak kenal-mengenal lagi antara satu dengan lain, iaitu akibat perubahan masa, pergolakan dunia, politik dan sejarah, pengaruh ekonomi dan masyarakat yang sentiasa berubah dan beralih, dan juga akibat beberapa faktor yang lain - material, sosial, intelektual dan moral.

Daripada keturunan Haji Hussin, yang datuk neneknya telah masuk ke Pahang dari Pulau Bugis (Sulawesi) pada awal Tahun Masihi 1800 itulah terpancarnya Pahlawan Manap Jepun, Yusuff Salleh, seniman S. Roomai Nor dan lain-lain. Daripada adunan dan gumpalan keturunan itulah juga telah terserpih seorang hamba Allah yang kemudiannya digelar *the rolling stone that gathers (some) moth*, seorang yang pada suatu masa dahulu dianggap 'gila' dan 'bodoh', baka kurang baik!

Keluarga Haji Hussin ini jugalah yang telah menurunkan tokoh-tokoh baru dalam dunia perusahaan dan perdagangan (Jamaluddin dengan hotel dan Kelab Malam Tropicana, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur) dan Osman Ghani dengan Syarikat Juruladang, bersama dengan Tan Sri Omar Ong Yoke Lin, di Hotel Regent Kuala Lumpur dan lain-lain lagi.

Di sebelah hilir rumah saya pula ialah rumah Haji Kia dan kemudian rumah Hajah Esah, mak saudara saya, iaitu kakak abah saya, yang suaminya bernama Hasan, yang adik-beradik saya gelar ayah.

Dari rumah ayah Hasan, maka kampung yang punya banyak rumah, besar dan kecil, dinamakan Kampung Buntut Pulau. Dan dekat rumah ayah Hasan terletaknya masjid besar bagi kami dan juga bagi beberapa buah kampung di sekitarnya.

Masjid besar kampung tersebut diperbuat daripada kayu cengal (penak) oleh orang-orang kampung pada masa itu. Di samping masjid ini, beduk dan ketuk-ketuknya tidak pernah luput daripada ingatan saya, ada sebuah rumah wakaf untuk orang musafir, pengembara dan pedagang kecil. Dan untuk kemudahan para perantau dan pedagang telah disediakan pula beberapa helai

tikar dan bantal, pinggan mangkuk dan periuk belanga. Biasanya yang menggunakan kemudahan-kemudahan itu ialah penjual-penjual kain tenun dan barang tembaga dari Kelantan dan Terengganu.

Di bawah masjid tersebut, menurut ceritanya, telah dibubuh seketul tanah yang telah dibawa, entah oleh siapa, dari Mekah. Dari tanah suci seketul itu telah tumbuh sebuah busut kecil yang berwarna kuning. Apabila ada upacara jejak kaki, yang biasanya dilakukan dalam masjid itu, maka diambillah sedikit tanah dari Mekah itu, dibubuh dalam talam kecil, dilumatkan dan ditaburkan rata-rata dalam talam itu.

Adat jejak kaki ini ialah untuk anak-anak yang baru berumur setahun, lelaki atau perempuan. Anak itu dipakaikan dengan pakaian dan perhiasan serba cantik, dan kemudian kedua tapak kaki si anak yang belum pernah menjejakkan kakinya ke atas tanah, yakni bumi yang menjadi dunia bagi sekalian insan, dijejakkan oleh orang-orang tua, pak haji dan pak lebai, iman, khatib dan bilal, ke atas tanah halus yang telah ditaburkan rata-rata di atas talam itu. Adat ini biasanya disempurnakan sesudah selesai sembahyang Jumaat yang dihadiri oleh ramai sanak saudara si anak itu.

Menurut kepercayaan orang-orang zaman dahulu, yang diyakini benar-benar oleh mereka itu, maka anak yang telah dijejakkan kedua belah tapak kakinya ke atas serbuk tanah yang berasal dari Mekah itu akan sampai ke tanah suci agama Islam, akan menunaikan fardu haji, rukun Islam yang kelima, dengan segala hikmat dan pengajarannya.

Memang menjadi tugas dan tanggungjawab bagi sekalian ibu bapa pada masa dahulu membawa anak-anak mereka ke masjid pada setiap hari Jumaat yang pada masa itu menjadi hari kelepasan bagi semua sekolah.

Anak-anak yang dibawa ke masjid pada setiap hari Jumaat itu bukanlah disuruh sembahyang, tetapi bertujuan supaya mereka itu kenal biasa dengan rumah Allah, supaya tumbuh perasaan kasih sayang kepada satu institusi yang sangat penting bagi kehidupan mereka apabila besar kelak.

Telah menjadi kebiasaan juga pada masa itu bagi kaum ibu, bagi keluarga setiap rumah membawa berbagai jenis makanan dan minuman ke masjid pada setiap hari Jumaat.

Kalau pada musim menuai, maka mereka itu membawa emping dan beras baru. Kalau pada musim buah-buahan, maka mereka membawa durian, manggis, langsung dan sebagainya.

Kuih-muih yang dibawa ke masjid tidak menunggu musim. Setiap hari Jumaat tetap ada berpuluh talam yang diisi dengan macam-macam kuih, penganan dan juadah. Kaum ibu pada masa itu berlumba-lumba membuat dan mengadakan macam-macam jenis kuih-muih untuk dibawa ke masjid pada setiap hari Jumaat, dan kalau bulan puasa, pada setiap petang selama bulan yang mulia itu.

Elok saya nyatakan bahawa buah-buahan yang dibawa ke masjid pada zaman itu ialah yang baik-baik. Kalau durian ialah yang kuning dan tebal isinya; kalau pisang emas ialah yang sudah masak ranum. Demikian juga kuih-muih, semuanya yang sedap-sedap, yang disajikan dalam talam-talam yang bersih, yang ditutup dengan tudung saji yang berwarna-warni.

Dalam masjid di kampung saya pada masa itu disediakan juga sebuah neraca atau dacing besar yang diperbuat daripada kayu. Maka pada setiap lepas sembahyang Jumaat dilakukan pula bagi sesiapa yang berhajat satu upacara 'menimbang dosa dan pahala', iaitu pada sebelah dacing besar itu diisikan dengan macam-macam hasil pertanian (pisang, durian, nangka dan sebagainya), termasuk sedikit padi atau beras, dan pada sebelah lagi didudukkanlah tuan punya hasil-hasil usaha dan penat lelahnya berbudi pada tanah.

Biasanya orang itu jauh lebih berat daripada barang-barang atau benda-benda hasil usahanya itu, dan yang demikian dianggap dia 'banyak dosa', yakni belum cukup amal jariahnya kepada masyarakat, kepada kaum bangsa, agama dan tanah airnya. Oleh yang demikian wajiblah dia bekerja lebih kuat, lebih tekun, dengan niat dan tujuan bukan hendak kaya, tetapi hendak berjasa kepada masyarakat, agama, bangsa dan tanah airnya.

Adat resam yang baik ini, yang begitu simbolik, kini sudah tidak ada lagi. Kini pisang yang dibawa ke masjid ialah pisang yang sudah separuh busuk, yang sudah tidak laku dijual.

Saya masih ingat juga satu adat yang juga sangat simbolik dan amat baik tujuannya, iaitu pada setiap hari Jumaat telah disediakan air dalam tiga buah tempayan besar yang diletakkan di atas pelantar lebar di sebelah kiri mimbar masjid besar di kampung saya itu. Apabila selesai sembahyang Jumaat, maka berduyun-duyunlah orang ramai yang meminta supaya dijiraskan atau dimandikan dengan air daripada tempayan-tempayan besar itu oleh tuan imam. Kebanyakan yang menunggu hendak mandi air tolak bala itu ialah wanita-wanita yang baru sembuh daripada sakit, yang baru bersalin, tetapi sudah lepas pantang empat puluh hari.

Meskipun upacara mandi air tolak bala itu hanya satu adat sahaja, yakni bukan satu hukum atau peraturan agama, tetapi di-

nilai dari segi ilmu perubatan moden, maka kesan-kesan upacara mudah itu, yang dilakukan sesudah sembahyang Jumaat, di khalayak ramai, iaitu sanak saudara dan orang-orang sekampung, maka siraman air sejuk yang bersih daripada tempayan-tempayan itu adalah menjadi siraman rohani, sejenis cara urutan jiwa yang baik, yang boleh melapangkan hati, menyegarkan perasaan dan fikiran. Dalam istilah perubatan cara moden maka inilah yang dinamakan *group therapy*.

Bah Besar 1926-27



Di sebelah hilir masjid kampung saya rumah-rumah bersusun atau beratur lurus seperti sebelah hulunya. Di situlah rumah-rumah lebih rapat, sekelompok, dan penghuni-penghuninya bukan daripada keluarga saya, kecuali yang sudah bercantum dan berkait melalui perkahwinan. Rumah pertama sebelah hilir masjid itu, tetapi terletak hala ke darat sedikit ialah rumah Makcu Wok yang tinggal dengan anak perempuannya Tijah yang kami panggil Embong Tijah. Embong Tijah telah kahwin dengan saudara sepupunya bernama Muhammad Salleh, anak Tuan Haji Mohd Zain, seorang yang paling kaya di kampung saya pada masa itu kerana banyak dan luas kebun-kebun getahnya, banyak kerbaunya dan besar rumahnya, serta ramai anaknya.

Tetapi perkahwinan sepupu itu tidak kekal dan tidak melahirkan anak. Saya juga, dengan kehendak ibu bapa dan pakatan saudara-mara telah berkahwin dengan sepupu saya, kahwin pertama dengan Hapsah atau Habsah anak Encik Adam yang ada kait-mengait dengan keluarga Tan Sri Yahya Mohd Seh, bekas Menteri Besar Pahang.

Di sebelah hilir rumah Makcu Wok dan anaknya Tijah, janda dua beranak dekat masjid kampung saya itu ialah rumah Encik Long, ayah Encik Mat Seh, kawan sekolah saya, yang sekarang masih hidup, tetapi tinggal berumahtangga di Kampung Tebal di seberang sungai kampung lamanya.

Orang-orang yang saya sebutkan di atas ini kebanyakannya sudah tidak ada lagi dalam dunia fana ini, dan kampung asal yang bernama Kampung Buntut Pulau itu sudah tidak ada lagi, sebab akibat bah besar tahun 1926-27 para penduduknya telah pindah ke tanah yang lebih tinggi, sebelah darat kampung lama itu yang sekarang terkenal dengan nama Kampung Permatang Terlang.

Akan tetapi oleh kerana Kampung Buntut Pulau itu masih terang gambarnya dalam ingatan dan kenangan saya maka, biarlah saya ceritakan selanjutnya. Sebelah hilir rumah Mat Seh, kawan sekolah saya ialah rumah Pakwa Taha yang terkenal kerana ham-

belarnya dan pintarnya mengail ikan haruan. Anak tunggal Pakwa Taha, (dibunyikan Tahah) bernama Mohd, tetapi lebih terkenal dengan gelaran Mat Rimau, telah masuk ke dalam hutan masa darurat dahulu, dan dia dipercayai masih hidup, kini berada di sempadan Malaysia-Thai, seorang pegawai dalam Parti Komunis Malaya. Entah ya entah tidak, wallahuaklam.

Di sebelah hilir rumah Pakwa Tahan ialah rumah Haji Mat Amin. Anak-anak daripada Haji Mat Amin itu ialah kawan sekolah saya, dan kemudian menjadi kawan-kawan merantau ke Kemaman, Terengganu. Namanya Mat Ubi, mempunyai ramai anak.

Oleh kerana di kampung saya ramai orang yang bernama Ahmad dan Muhammad, maka untuk lebih mudah mengenalinya mereka telah diberi gelaran yang tertentu. Di antara kawan-kawan sekolah Melayu saya yang masih hidup dan tetap dikenali dengan gelaran masing-masing ialah Mat Ubi, Mat Bera, Mat Datar dan Mat Cot.

Dalam tahun akhir tiga puluhan, waktu saya bekerja dalam akhbar Kumpulan *Warta Malaya* dengan mingguannya *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka* saya telah memulakan satu ruangan khas dalam *Warta Jenaka* dengan nama Halaman Mat-Mat. Watak-watak yang saban minggu berpolemik dalam halaman itu ialah Mat Kerengga, Mat Tempoyak, Mat Petai dan lain-lain.

Para wartawan dan sasterawan zaman sekarang, malangnya, oleh kerana sudah menjadi *over-sophisticated* sudah tidak pandai lagi hendak mengisi atau menciptakan satu halaman pojok seperti itu biarpun pada hakikatnya, pojok-pojok ataupun *satire* seperti itu masih sesuai atau mungkin selama-lamanya dengan watak dan latar belakang kehidupan dan masyarakat bangsa Melayu.

Di rumah Haji Mat Amin, ayah Mat Ubi, saya masih ingat, telah dijadikan tempat berkumpul wanita-wanita Kampung Buntut Pulau untuk membaca nazam, *Syair Siti Zubaidah*, berzanji dan sebagainya. Saya menyebutkan hal ini ialah untuk memberikan satu ilham ataupun contoh teladan kepada kaum wanita zaman sekarang, zaman yang dimegah-megahkan sebagai zaman kemajuan, zaman menuntut kebebasan, hak-hak dan keadilan bagi kaum wanita.

Akan tetapi gambaran yang ditayangkan pada kaca televisyen dan yang disiarkan dalam akhbar sekarang, kadang-kadang menunjukkan hal keadaan sebaliknya. Wanita-wanita muda zaman sekarang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan perbuatan jenayah. Seperti yang pernah saya terbaca, (*Utusan Melayu*, 13 Januari, 1976, muka 12, ruangan 5) berita seorang ustazah telah

dikenakan perintah supaya berkelakuan baik selama satu tahun kerana telah terlibat melakukan rasuah.

Adapun maksud saya menyebutnya bahawa syair atau *Hikayat Siti Zubaidah* telah menjadi bahan bacaan yang sangat popular bagi kaum wanita pada masa saya budak dahulu, iaitu lebih 50 tahun yang lampau, ialah kisah-kisah keberanian dan keperwiraan tiga puteri adik-beradik itu telah banyak menolong dalam menaikkan semangat dan menyalakan cita-cita kebangsaan kaum wanita Vietnam untuk membebaskan bangsa dan tanah air mereka daripada penjajahan (politik, ekonomi dan sosial) Amerika. (Pada zaman dahulu kala daripada penjajahan dan perhambaan maharaja-maharaja China).

Setelah selesai *Syair Siti Zubaidah* itu dibaca, kadang-kadang mengambil masa lima enam hari, dengan lagu, dan diselang-seli pula dengan komentarnya, maka dibuatlah nasi kunyit yang dihiasi dengan bunga telur. Kini tradisi itu sudah mati. Kebanyakan wanita zaman sekarang membaca buku-buku novel, cerita-cerita seks dan jenayah, dan juga macam-macam buku masakan yang laris apabila hari raya hampir tiba.

Berdekatan dengan rumah Haji Mat Amin, ayah Mat Ubi, ialah rumah Tuan Guru Haji Yunus (disebut dan lebih dikenali dengan gelaran Haji Nos) yang serambinya dijadikan sebagai sekolah dewasa, tempat orang-orang kampung saya, lelaki dan perempuan pada masa itu belajar hal-hal agama Islam, rukun-rukun sembahyang, puasa, peraturan-peraturan istinja, mandi junub (untuk menjaga kesihatan), hukum-hukum fitrah dan zakat, sedekah dan amal jariah, perbuatan-perbuatan wajib dan sunat, dan lawannya, haram dan makruh dan lain-lain lagi.

Rumah Tuan Guru Haji Nos punya halaman yang luas, di sini lah, kami anak-anak kampung yang sedang membesar, biasanya berkumpul pada setiap petang, kalau cuaca baik, untuk bermain gasing beramai-ramai. Sekarang permainan rakyat jelata, anak-anak kaum tani sepanjang Sungai Pahang itu, sudah hampir mati, kecuali di tempat-tempat yang jauh di pedalaman.

Jenis permainan masa lapang saya budak-budak dulu ada macam-macam. Ada yang namanya 'main porak' yang menggunakan tempurung-tempurung kelapa, main 'berlaga kerbau' yang dibuat daripada pelepah kelapa yang belum kering.

Apabila tiba musim panas, musim air Sungai Pahang kering, dan timbul pasir yang luas, maka pada setiap petang kami anak-anak kampung yang sederhana, tetapi penuh bahagia hidupnya, anak-anak kaum tani yang kuat bekerja, yang sepakat, yang taat

kepada agama dan adat resam turun-temurun, bermain pula di atas pasir yang luas, lebar dan memanjang itu.

Ketika itu, musim kering dan berpasir luas di sungai, kami bermain layang-layang, main tayang (atau galah panjang yang kalau menang disebut 'ilun'), mandi-manda, memancing udang galah, menangkap anak-anak ikan dengan menggunakan pukut daun pinang, bersukaria saban petang.

Pada masa saya budak-budak dahulu, sebelum masuk sekolah Melayu, pokok durian, bidara (mata kucing), langsung, manggis, rambutan, mencepu dan lain-lain, sangat banyaklah di kampung saya, bahkan di seluruh Daerah Temerloh, yang pada masa ini masyhur pula dengan ladang-ladang kelapa sawit dan kilang-kilang papan, dengan gerakan belia, kaum ibu, persatuan peladang dan macam-macam lagi.

Orang zaman sekarang mungkin tidak percaya bahawa sebab begitu banyaknya buah bidara dan durian pada masa dulu itu, maka lazimlah bagi orang kampung saya membuat lempuk buah bidara dan durian.

Orang sekarang, pemuda pemudi 'zaman maju' mungkin juga tidak mudah boleh percaya bahawa di Kampung Buntut Pulau dan Pangsanam pada masa dulu telah ada ladang tebu yang sangat luas, telah ada kilang tebu yang besar, yang ditarik dengan kerbau-kerbau jantan yang gemuk dan gagah. Orang zaman dulu tidak pernah 'sesak gula' seperti zaman kemajuan sekarang ini.

Sampai had menceritakan bagaimana makmur dan mewahnya kehidupan orang kampung pada masa lebih setengah kurun yang lampau, bagaimana bahagia, bersaudara-mara dan mesranya hidup orang kampung zaman dahulu itu, maka izinkan saya menyebut satu pengalaman atau satu peristiwa yang sungguh luar biasa bagi hidup saya.

Alam Persekolahan



Pada awal Tahun Masihi 1919, waktu umur saya hampir sepuluh tahun, abah dan ibu saya telah membawa saya ke Sekolah Melayu di Kampung Tengah yang jauhnya dari rumah kami lebih kurang setengah batu sahaja, tetapi jalan hendak sampai ke sekolah itu berbelit-belit, ikut tepi tebing Sungai Pahang, jalan yang hanya lebih kurang dua kaki sahaja lebarnya. Memang menjadi adat pada masa itu bagi ibu bapa menyerahkan anaknya yang sudah cukup umur boleh mula masuk sekolah kepada guru besar dengan upacara dan ucapan ringkas.

Upacara itu, bagi kaum tani, ialah dengan membawa sedikit buah tangan kepada guru besar. Adakalanya secupak beras, adakalanya sedikit buah-buahan, tetapi yang lazimnya ialah dengan membawa tepak sirih, dan kemudian menyudikan guru besar supaya makan sekapur sirih dengan ucapan: "Kami serahkan anak kami ini kepada cikgu untuk diajar, untuk belajar dan tolonglah cikgu terima dan buatlah dia macam anak cikgu sendiri . . ."

Saya ingat pada awal tahun 1919 itu kerana dua sebab: Pertama, abang saya yang tertua, Abdul Hamid namanya, yang telah dilahirkan di Mekah, telah dapat kerja jadi peon (sekarang budak pejabat) di Pejabat Daerah Temerloh, dan kedua, saya telah mendengar cakap orang-orang tua di kampung saya bahawa perang Inggeris melawan Jerman sudah hampir selesai.

Guru besar yang telah menerima saya pada hari pertama saya masuk sekolah itu digelar Cikgu Baba. Kebanyakan orang-orang kampung tidak mengetahui nama bapanya, yakni Baba bin siapa, tetapi kami tahu bahawa beliau ialah orang Melaka, seorang dari guru-guru Melayu yang telah lulus pengajiannya di Maktab Perguruan Melayu Melaka.

Cikgu Baba datang mengajar dengan hanya memakai kain pelekat, berbaju singlet, kadang-kadang memakai songkok, tetapi lazimnya bergondol sahaja, menampakkan rambutnya yang lebih banyak putih daripada hitam. Dia jarang-jarang berkasut atau berselipar. Malah murid-murid sekolah pada masa itu pun sekalian-

nya tidak memakai kasut, tidak memakai *uniform* seperti zaman sekarang.

Cikgu Baba juga suka merotan murid-murid yang pemalas, suka mencubit perut murid-muridnya, dan gemar makan sirih.

Tetapi dalam tahun 1920 Cikgu Baba telah pencen dan balik ke Melaka, tempatnya telah digantikan oleh Cikgu Mahat dari Kampung Tanjung Ipoh, dekat Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Isteri Cikgu Mahat, saya ingat, namanya Siti, yang kami gelar Makgu Siti, putih kulitnya dan gemuk gedempol.

Guru-guru lain yang mengajar pada masa itu, yang saya masih ingat, ialah Cikgu Yaakub bin Tok Muda Midon (lepasan SITC) dari Kampung Bera, Temerloh, Cikgu Pilus (Haji) yang dengkot sebelah kakinya kerana dicakup buaya, dari Kampung Kertau, Cikgu Salleh bin Haji Mohd Zain, orang kampung saya, Cikgu Yatib (ada bau-bau bacang dengan saya), Cikgu Wan Ahmad bin Wan Da, dari Kampung Lebak dan Cikgu Karim orang Kampar.

Saya fikir dalam mengenang semula masa persekolahan saya pada masa yang sudah begitu lama kita tinggalkan dan begitu banyak perubahan yang telah berlaku, maka eloklah saya bandingkan peraturan-peraturan, cara-cara dan suasana persekolahan masa dahulu dengan zaman sekarang, zaman yang digelar zaman sains dan teknologi, zaman merdeka, zaman kemajuan, zaman kebebasan dan macam-macam lagi gelarannya.

Perkara pertama yang saya hendak sebutkan, iaitu sesudah menyatakan bahawa kami murid-murid sekolah masa dahulu tidak berpakaian seragam, tidak pakai kasut dan stokin seperti sekarang dan tidak juga pakai beg cantik-cantik yang penuh berisi dengan buku-buku seperti zaman kemajuan sekarang ini, ialah rumah-rumah sekolah masa dahulu semuanya diperbuat daripada kayu, beratapkan daun nipah atau rumbia.

Oleh kerana saya dianggap seorang murid yang cerdik, maka kerap kali Cikgu Mahat menyuruh saya 'pergi tolong Makgu sapu sampah dan ambil air' bersama dua tiga orang murid-murid yang lain, yang juga dianggap pandai, yang sudah besar, sudah meningkat belasan tahun.

Kadang-kadang Makgu Siti menyuruh saya menjual nasi lemak yang dibuatnya untuk dijual kepada anak-anak sekolah itu, pada setiap pagi. Harga sebungkus nasi lemak, yang cukup lauk, sambal dan ulamnya, pada masa itu ialah dua sen.

Cubalah anda agak berapakah seorang anak sekolah zaman dahulu, diberi belanja oleh ibu bapa mereka pada sehari?

Apa yang saya ingat ialah dua tiga sen sahaja sehari. Paling

banyak ialah lima sen, iaitu kalau ibu bapa mereka itu ada kebun-kebum getah atau kelapa yang luas, ataupun yang luas tanah padinya dan banyak kerbaunya.

Sebenarnya kebanyakan anak-anak sekolah pada masa itu membawa nasi bekal ke sekolah, dan kerana itu tidak perlu diberi duit belanja. Persekolahan pada masa itu adalah seratus peratus percuma. Buku-buku diberi percuma oleh kerajaan, papan batu dan kalam batu juga diberi percuma. Kami dahulu tidak memakai pensel atau dakwat, dan tidak menggunakan buku-buku tulis.

Semua kerja tulis menulis; membuat kira-kira, mengarang, menulis rencana (dictation) dan lain-lain menggunakan papan batu (slate pencil); dan kebanyakan kerja-kerja dibuat dalam tulisan Jawi. Tetapi kami telah diajarkan juga tulisan Rumi. Bagaimanapun ejaan Rumi pada masa dahulu tidaklah serupa dengan ejaan sekarang. Dahulu banyak menggunakan sengkang, sempang dan huruf e bertanda lengkung di atasnya, e pepet, namanya. Untuk ilmu kesihatan kami telah menggunakan buku tulisan jawi, berjudul *Jaya Waras*, karangan Tuan Syekh Nordin.

Apabila kami sampai ke sekolah, biasanya sebelum pukul tujuh pagi, kami disuruh menyapu halaman sekolah, dalam rumah sekolah dengan penyapu lidi yang kami buat sendiri. Kerja ini biasanya dilakukan oleh murid-murid darjah rendah, yang belum cukup besar untuk disuruh mencangkul, membuat batas di kebun sayur. Masa dahulu ada satu pelajaran yang mewajibkan murid-murid sekolah Melayu berkebun dan bertanam sayur-sayuran.

Patutkah saya sebutkan juga bahawa kami dahulu mula belajar dalam kelas O yang digelar darjah sifar, dan lamanya bersekolah, iaitu jikalau lulus peperiksaan pada setiap lima tahun sahaja.

Dibandingkan bentuk dan besarnya sekolah Melayu masa dahulu dengan bentuk dan besarnya sekarang, dan juga alat-alat kelengkapan sekolah kebangsaan sekarang, sekolah rendah atau menengah, maka sekolah masa dahulu sangatlah miskin, kekurangan serba-serbi. Misalnya kami dahulu tidak punya bangku cantik seperti sekarang, satu bangku untuk seorang murid. Sekolah-sekolah masa lampau hanya dilengkapi dengan bangku panjang, tempat duduk dari papan yang panjang.

Untuk mengelakkan supaya murid-murid jangan meniru dari kawan-kawan yang duduk berhimpit-himpit, maka apabila diadakan pelajaran kira-kira, membuat karangan dan sebagainya, maka kami disuruh duduk bertemu belakang di atas lantai rumah sekolah itu. Sekolah kebangsaan sekarang, rendah atau menengah, kebanyakannya besar-besar, diperbuat daripada batu, bertingkat-

tingkat, berpagar dawai, lengkap dengan jaga, tukang kebun, dibekalkan dengan air paip, api elektrik, ada kantin, ada kutubkhanah dan sudah ada pula yang sudah dilengkapi dengan makmal, bilik guru besar yang berhawa dingin, yang punya telefon, ada kerani dan lain-lain kemudahan lagi.

Tetapi apabila saya kenangkan semua masa saya bersekolah dahulu, dan apabila saya perhatikan dan bandingkan dengan suasana sekolah dan murid zaman sekarang, maka saya rasa bahawa masa bersekolah waktu dahulu lebih seronok, lebih bahagia daripada masa persekolahan anak-anak zaman sekarang.

Sungguhpun pada masa dahulu tidak ada bas atau kereta sekolah, tidak ada kantin, dewan sekolah khutubkhanah dan lain-lain kemudahan seperti yang ada sekarang, tetapi percampuran kami, persaudaraan kami semasa sekolah, adalah lebih baik, lebih rapat, lebih mesra.

Kami dahulu ke sekolah berjalan kaki, dan kebanyakannya berkaki ayam, dan sebilangan besar kami kena berjalan berbatu-batu jauhnya, kena meniti batas-batas paya, melalui jambatan-jambatan kayu sebatang, tetapi jumlah yang ponteng sekolah boleh dikatakan kecil.

Sekolah saya di Kampung Tengah, Temerloh itu adalah juga sekolah bagi kanak-kanak daripada beberapa buah kampung yang lain, iaitu Kampung Tenggah, Kampung Pangsanam, Kampung Kujan, Sungai Rabit, Tanjung Lalang, Bukit Pasilap, Lubuk Bangkung dan juga dari Pekan Kuala Semantan. Ada pula kampung yang terletak di seberang Sungai Pahang, iaitu Kampung Tanjung Batu, Kampung Tebal, Kampung Padang Tenggara dan juga sebahagian dari Kampung Bangau yang pada masa itu belum punya sekolahnya sendiri. Murid-murid dari kampung-kampung seberang sungai itu kenalah naik perahu kecil, dan kemudian berjalan kaki pula.



GAMBAR 1 Pak Sako bersama abangnya, Allahyarham Abdul Hamid b. Hj. Muhammad, dan Allahyarham Ibrahim Yaakob, 1945.

GAMBAR 2 Datin Hajjah
Aishah bt. Hussein,
balu Allahyarham Pak Sako



GAMBAR 3 Pak Sako bersama Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Dr. Rajakumar



GAMBAR 4 Tan Sri Zahir Ismail, Speaker Dewan Rakyat Malaysia menyampaikan cek derma daripada Kelab Penyokong Kerajaan




GAMBAR 5 Pak Sako bersama Ibu Mariaton, balu Allahyarham Ibrahim Yaakob pada Majlis Mengenang Ibrahim Yaakob, 1979



GAMBAR 6 Dato' Hj. Khalid Abdullah, Pengerusi Utusan Melayu, bersama Haji Abdullah Idris menyampaikan sumbangan



GAMBAR 7 Pak Sako bersama Tan Sri A. Samad Ismail dan Datuk Usman Awang



GAMBAR 8 Pak Sako bersama salah seorang cucunya Shafik Afandi



GAMBAR 9 A. Karim Haji Abdullah bersama En. Durai Rajasingam guru Pak Sako di Clifford School, Kuala Lipis



GAMBAR 10 Pak Sako lebih senang menaiki bus dalam urusannya




GAMBAR 11 Pak Sako di warung kopi, beliau memang akrab dengan rakyat marhaen




GAMBAR 12 Pak Sako dalam satu acara merayakan beliau atas penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat. Kelihatan A. Karim Haji Abdullah sedang berucap.




GAMBAR 13 Pak Sako, diminati golongan muda terutama pelajar sekolah



GAMBAR 14 Pak Sako bersama seorang teman, Allahyarham Tuan Hj. Muhammad Tahar yang juga teman persekolahan sewaktu di Clifford School



GAMBAR 15 Pak Sako dirai oleh penduduk Hulu Langat atas penganugerahan Doktor Kehormat



GAMBAR 16 Pak Sako di dusun buah-buahannya di Hulu Langat

اوتوسن زمان ۱۹۴۲ | ۳۰ |

فداول تاهون ۱۹۴۱ تله داتع ستورغ بليا يقبر نام عبدالله
سايه درغد نكوي فيرق ، درغد كفورغ بيورغ ، دكة نخوج ماليم ، كنجابه
اوتوسن ملايو دكوي بن سترية ويسفا فور ، داتع ماصو بر جمنفا دغن المرصوم
توان حاج عبد الرحيم كاجي ، كتوا فتارغ اوتوسن ملايو فد ماس ايت هـ ،
داتع ماصو مهون كوج جادي فنوليس ، ماصو جادي درتاون هـ

المرصوم بچ فندي دوا بهاس - ملايو دان انگريس - تله درتوما
بكوج دغن كاجي - راتوس رسبولن هـ كاجي ساي فد ماس ايت رزنگية
صان راتوس دوا فوله زنگية سماج ، جاوه لبه زنده درغد كاجي
بودق ، فجابة زمان كارغ هـ

فد ماس ايت مهر ساي سوده دوا فوله سيبان تاهون ، عور
المرصوم دانو ، بستمه بارو همنير ، دوا فوله تاهون سماج ،
ماسينه مودا بليا تتابي بلوم بايق هـ فتا ايت هـ

اوق لبه بايكلام منومغ تشكل درومه صاف - كات
المرصوم تورا سماج عبد الرحيم كاجي ، كتوا فتارغ كاجي هـ

دي بوله اجر اوق بگيمان هندق هيدوق دسيافورا
اين - كات لائي فا تورا كاجي فد ماس ايت بچ كور بر جنتاك ،
تتافي كارغ ، مشهر ديق كاجي هـ

ساي سوده تشكل دسيافورا - منبق اخر تاهون ۱۹۵۷ ،
سوده تاهو سيلوق بيلوق كوت سيبا ايت ، سوده بايق كنانن ،
رامي صمابة مندي هـ

۱۸ | -


GAMBAR 17 Salah satu tulisan tangan Pak Sako untuk ruangnya di akhbar



GAMBAR 18 Pak Sako sewaktu dikunjungi oleh A. Karim Hj. Abdullah, Jalil Rahman dan Tuan Haji Abdul Wahab Majid



GAMBAR 19 Pak Sako berucap pada Majlis meraikan beliau sempena penerimaan ijazah Doktor Pesuratan daripada Universiti Malaya (1973). Majlis ini dianjurkan oleh Dewan Pesuratan Melayu Pahang.



GAMBAR 20 Dua wajah menarik daripada Pak Sako, Dunia Kewartawanan dan penulisan mendekatkan beliau kepada rakyat biasa dan mengekalkan dirinya sebagai nasionalis Melayu.

Zaman Remaja – Bersunat



Tahun 1919 masuk sekolah Melayu, mulai darjah sifar. Tahun 1920 naik darjah satu, tahun 1921 darjah dua, tahun 1922 darjah tiga, tahun 1923 darjah empat. Dalam masa cuti panjang musim merangai ertinya membersihkan paya atau sawah sebelum ditanam (mengubah) dengan anak padi. Tahun 1923 itu saya telah dikhatankan (bersunat) bersama tiga orang saudara sepupu saya. Pada masa dahulu berkhatan atau bersunat, menandakan masa remaja bagi anak-anak lelaki. Ketibaan masa remaja itu disambut dengan majlis kenduri kecil, iaitu dengan mengorbankan seekor dua kambing dan beberapa ekor ayam dan itik. Maka dipanggillah sanak saudara, jauh dan dekat, orang-orang tua, tuantuan haji dan lebai. Pada hari yang sama, lazimnya, diadakan juga majlis khatam Quran.

Pada pagi hari kedua itu kami disuruh berendam dalam sebuah perahu besar yang diisi dengan air, iaitu apabila duduk berlunjur, maka ampuhlah punggung sehingga had pinggang.

Saya masih ingat sangat akan peristiwa itu. Maklum sahajalah; satu benda atau satu alat yang sangat penting, satu tanda sifat lelaki yang dikurniakan Allah untuk memberikan nikmat hidup dan untuk menyambung zuriat, akan dikerat hujungnya.

Kira-kira pukul sepuluh pagi itu, setelah kemaluan kami cukup kecut hingga tinggal sebesar jari kelengkeng sahaja, dan terperesuk ke dalam hingga panjangnya tinggal dua inci sahaja, dan kedua telurnya jadi kecil sebesar telur puyuh, maka kami pun disuruh naik daripada sungai, yakni sudah selesailah masa berendam itu.

Upacara bersunat ini juga menjadi satu ujian rohani yang sangat penting bagi kaum lelaki, iaitu ujian menahan sakit, melatih rasa sabar. Sebab itu tidak pernah anak-anak lelaki masa lampau dikhatankan seorang diri; biasanya berkawan, sekurang-kurangnya berdua, dan paling ramai berempat.

Jikalau ada di antara berempat itu berdolak-dalik tidak mahu jadi orang pertama yang akan dikerat oleh Tuk Mudin hujung ke-

maluannya, maka kelakuan itu akan dianggap oleh orang-orang tua dan dewasa sebagai sikap penakut. Yang baiknya ialah berebut-rebut hendak dahulu.

Upacara bersunat yang sebenarnya hanyalah boleh disaksikan oleh orang-orang lelaki sahaja. Mula-mula kemaluan itu ditarik hujungnya oleh Tuk Mudin, kemudian disepit dengan penyepit yang diperbuat daripada kayu keras, dan kemudian dengan sebilah pisau kecil yang sangat tajam, maka kulit hujung 'benda' itu pun dipotonglah dengan cepat. Tuk Mudin yang banyak pengalaman itu sangat pantas. Kira-kira satu minit sahaja sudah selesai, sudah sempurna kerjanya.

Sebenarnya ujian hari pertama lebih bersifat satu ujian rohani, sebab bersunat yang sebetulnya tidak sakit, iaitu jikalau seorang mudin itu cukup latihan, banyak pengalaman dan penuh tanggungjawabnya. Rasa sakit akan bermula sehari dua kemudian sebab benda itu akan bengkak; membesar dan memanjang.

Sesudah empat belas hari sekurang-kurangnya, maka luka sekeliling bekas kulit itu mulalah sembuh, mula berparut muda, merah dan gatal-gatal. Pada peringkat itu, ia mudah jadi magang, bangun tegak jadi keras berjam-jam lamanya, kalau tidak tahu petua bagaimana hendak memamatkannya. Petuanya yang lazim ialah dengan menengkuk atau mengetuk kedua-dua kepala lutut sendiri dengan buntut tempurung kelapa.

Apabila sudah sembuh luka yang disengaja atau diadatkan itu, maka bermulalah masa remaja bagi seorang lelaki, tibalah masa riang gembira, penuh bahagia.

Perlulah saya sebutkan, bahawa pada masa itu, tahun-tahun dua puluhan, iaitu sesudah perang dunia pertama, dalam negeri Pahang hanya ada sebuah sahaja sekolah untuk anak-anak perempuan Melayu, iaitu di Pekan, bandar Diraja Pahang.

Pendidikan seks bagi kami anak-anak kampung pada masa itu bermula setahun dua lepas bersunat, dalam usia 13 hingga 14 tahun, iaitu dengan bermain pondok bersama anak-anak perempuan ialah main masak-masak, main buat kuih, main kawin-kawin, berarak dan bersanding dan kemudian dengan tidak disertai oleh budak-budak jantan, mereka itu bermain beranak dan memelihara anak-anak pula.

Sesudah puas bermain maka kami akan turun beramai-ramai ke sungai, mandi-manda, bermain-main, kejar-mengejar, berenang dan menyelam bersama-sama, riuh dengan sorak-sorai dan gelak ketawa. Masa mandi ramai-ramai itu, kami sudah mula pandai mencari pasangan.

Budak-budak perempuan mandi memakai kain basahan, tetapi kami yang lelaki biasanya bertelanjang bogel. Bolehlah saya akui sekarang bahawa kami sudah mula dibenarkan oleh masyarakat pada masa itu berpegang tangan dengan pasangan kami. Apabila kami sama-sama menyelam, maka sudah tentulah ada berlaku peluk-memeluk dan cium-mencium.

Semuanya itu adalah latihan-latihan yang sihat, yang selamat, malah saintifik sebab masakan boleh berlaku perbuatan sumbang sambil menyelam dalam air. Kalau berbuat demikian nescaya kedua-duanya akan mati lemas! Agaknya pepatah kita sambil menyelam minum air itu ada hubungannya dengan peringkat keremajaan bagi anak-anak zaman dahulu, yang kononnya zaman belum maju, zaman kolot.

Zaman sekarang kita dinasihatkan dan digalakkan supaya anak-anak lelaki bersunat di hospital, sebab dengan teknik dan perubatan moden, bersunat di hospital itu lebih mudah, tidak sakit, lebih selamat, dan macam-macam lagi kelebihannya.

Tetapi setelah membaca buku-buku mengenai sejarah hidup manusia mengenai alam rohani atau kejiwaan manusia, maka saya berpendapat tidaklah ada salahnya atau bahayanya jika kita terus berpegang pada tradisi yang lama "direbus tak empuk, dijemur tak lekang dan dianggur tak mati".

Saya belum pernah mendengar seorang anak lelaki telah mati bersunat dengan Tuk Mudin, atau kerana itu juga cacat kekelakiannya. Sebaliknya jika kita ingatkan semula kisah hidup Mat Kilau, dan orang-orang tua lain zaman kolot, dahulu, maka kita harus mengaku bahawa mereka itu jauh lebih handal daripada orang-orang lelaki zaman moden sekarang.

Setelah menempuh berbagai-bagai pengalaman hidup, saya bertambah kuat percaya, malah bimbang, bahawa jikalau kita biarkan sahaja keturunan, bangsa Melayu meniru segala-galanya daripada bangsa dan dunia lain, maka akan hilanglah identiti atau keperibadian kebangsaan kita.

Anak perempuan zaman sekarang, nampaknya, terutamanya yang tinggal di bandar raya sedang menggila-gila hendak menyambut hari jadi mereka dengan membuat kek besar-besaran, mencacak lilin warna-warni di atas kek itu, kemudian menghembusnya, dan kemudian pula menyanyikan lagu *Happy Birthday to You* beramai-ramai oleh kawan-kawannya.

Maka sukalah saya bertanya, apa salahnya kalau kita berbalik memakai adat lama? Apa hinanya kita membuat nasi pulut kuning, bunga telur, bunga rampai, memanggil sanak saudara, sahabat

handai, dan kemudian membaca doa selamat untuk merayakan hari jadi?

Dalam peperiksaan akhir tahun 1923 saya telah lulus darjah empat dengan mendapat kepujian dalam semua mata pelajaran. Tidak berapa lama lepas itu datanglah syor, pelawaan dan nasihat yang bertalu-talu dari guru-guru dan orang-orang kerajaan, menasihatkan orang tua saya supaya saya, dimasukkan ke Sekolah Inggeris.

Agak saya umpan yang telah ditayangkan kepada abah saya pada masa itu ialah supaya saya nanti mudah dapat kerja makan gaji, boleh dapat pangkat besar, dan sebagainya.

Tetapi apabila syor supaya saya masuk sekolah Inggeris itu disampaikan kepada ibu dan saudara-mara saya, mereka telah membangkang syor itu jauh lebih ramai daripada yang menyokongnya, istimewa daripada pihak perempuan, khususnya daripada nenek moyang saya, dan juga daripada pihak lelaki yang "lebai-lebai".

"Jangan awak masukkan anak awak si Sahak tu, ke sekolah orang putih. Nanti dia jadi kafir, nanti bila dia mati tak pandai mengucap dua kalimah syahadat." Demikian agaknya kata-kata amaran daripada orang-orang tua perempuan keluarga saya.

Pada masa itu, setelah hampir empat tahun selesainya perang dunia pertama, harga getah telah jatuh, dan tidak lama kemudian tibalah 'zaman getah kopon'. Abah saya telah menukar pekerjaannya, daripada menoreh getah kepada bertukang emas, satu kepandaian yang telah dipelajarinya masa beliau merantau lama dan mengaji pondok di Pattani.

Pada masa itu harga emas masih murah, dan emas boleh didapati dengan mudah dalam daerah Raub dan Kuala Lipis. Pernah abah saya menceritakan kepada saya bahawa emas boleh dijumpai dalam anak-anak sungai di Tanjung Besar, dekat Jerantut.

Oleh kerana tradisi yang dihidupkan oleh kaum feodal Melayu semenjak dahulu kala, maka wanita Melayu yang tinggal dalam kampung-kampung pun telah dibiasakan memakai perhiasan barang-barang kemas yang diperbuat daripada emas, perak dan kuasa sejak kecil lagi.

Anak-anak perempuan pada masa itu, sejak pandai berjalan, hingga umur tujuh tahun memakai caping untuk menutup kema-luan. Bentuk caping ialah seperti sehelai daun, dan dalam sastera Inggeris disebut *Fig-lead*.

Anak dara sunti yang semuanya bertindik telinga sekarang sudah mula berkurangan dibiasakan memakai kerabu sebagai

tanda masih ada dara lagi. Wanita zaman dahulu memakai baju belah labuh, dan untuk menutupnya mereka menggunakan se-kurang-kurangnya tiga biji kerongsang. Fesyen yang disukai ramai ialah kerongsang bintang bulan bagi wanita yang berada ditatah pula dengan permata.

Saya masih sempat lagi melihat wanita-wanita memakai gelang kaki emas, sikat emas, cucuk sanggul emas, pending dan caping emas. Malah bagi orang lelaki keluarga yang kaya ada juga yang memakai tali pinggang emas, tongkat yang berkepalakan emas dan rantai jam saku arloji yang diperbuat dari emas. Memang boleh dikatakan bahawa zaman itu ialah zaman keemasan.

Oleh kerana barangkali abah saya mempunyai pandangan jauh, sebab dia telah merantau jauh dan luas pandangannya, maka dialah yang telah membuat keputusan bahawa 'anak lelakinya yang ketiga, dan yang manja dengannya sejak kecil' elok dihantar ke sekolah Inggeris, di Kuala Lipis. Kuala Lipis yang pada masa itu bukan sahaja menjadi kepala negeri Pahang tetapi di sanalah ada sebuah sekolah Inggeris yang terbesar, lengkap dengan asramanya dulu kami gelar *Boarding*.

Ringkasan ceritanya maka pada awal tahun 1924 (kalau ingat-an saya tidak silap, dalam bulan Februari tahun itu) saya telah dibawa naik keretapi kelas tiga oleh abah saya dari stesen Mentakab menuju Kuala Lipis.

Ramai saudara-mara saya telah menghantar saya ke stesen Mentakab, membekalkan saya dengan dodol, sagun-sagun dan nasi manis. Pada hari itu banyaklah air mata ibu saya telah tumpah kerana sedih dan hiba bercampur bimbang berjauhan dengan anaknya yang kononnya akan menjadi kafir.

Saya masih ingat juga bahawa kami telah membawa empat puluh biji kelapa yang sudah berkupas untuk dijual di Kuala Lipis, sebab harga kelapa di sana mahal, sedangkan harga di Temerloh hanya dua sen sebiji. Di keliling rumah kami pada masa itu banyak pokok kelapa yang lebat buahnya.

Hampir satu minggu abah saya terpaksa berada di Kuala Lipis untuk urusan membuat surat sumpah mengenai umur saya dan surat perjanjian menerima biasiswa sebanyak \$10 sebulan daripada Kerajaan Negeri Pahang pada masa itu.

Zaman Pendidikan Inggeris



Kata-kata 'sekolah orang putih', 'bahasa orang putih', 'gaya orang putih', 'pelat orang putih' dan lain-lain lagi menunjukkan betapa lama dan kuatnya pengaruh penjajahan Inggeris ke atas negeri-negeri Melayu dan kepada kehidupan keturunan orang Melayu daripada penjajahan itu. Satu hal yang hendak saya tinjau dan bangkitkan semula ialah mengapa, kira-kira empat tahun sesudah selesainya perang dunia pertama – 1914 hingga 1919 – kerajaan Inggeris telah mengubah dasar pelajarannya, iaitu dengan mengadakan lebih banyak sekolah Inggeris serta mengajak dan menggalakkan lebih ramai anak Melayu dari kampung-kampung masuk sekolah orang putih?

Sebelum saya cuba menjawab pertanyaan di atas ini, maka sayugialah diingatkan bahawa sebelum perang dunia pertama pendidikan secara Inggeris seperti bahasa, sejarah dan adat istiadatnya hanya telah dibukakan kepada anak-anak kaum bangsawan sahaja.

Saya menggunakan istilah 'pendidikan cara Inggeris', sebab dalam bahasa yang saya cukup faham, perkataan 'pendidikan', yang berasal dari 'didik', ertinya menjinakkan, memanjakan, memalaskan dan membodohkan seperti halnya yang boleh terjadi kepada seekor anak ayam yang dilatih menjadi ayam didik.

Dikaji dengan mendalam dari segi psikologinya, maka tidaklah mudah dinafikan, atau dihujah sebaliknya, bahawa tujuan utama perubahan dasar pendidikan kerajaan Inggeris sesudah perang dunia pertama itu ialah hendak menjinak, memanjakan, memalaskan dan membodohkan bangsa Melayu yang berasal daripada rumpun bangsa yang "tidak mudah jinak, yang tidak manja, tidak malas dan tidak bodoh".

Dikaji dari segi ekonominya pula, maka tujuan perubahan dasar itu pun tidak susah hendak dimengertikan. Setelah memecahkan kuasa Turki (politik, ekonomi, kebudayaan, perindustrian dan ketenteraan) di Eropah Barat yang kemudiannya bangun dan kuat semula di bawah pimpinan Mustafa Kamal Atartuk, maka

kerajaan Inggeris ternyata telah menyusun satu rancangan jangka panjang untuk terus menjadi satu kuasa besar dalam dunia sesudah perang dunia pertama itu.

Sesuai dengan rancangan jangka panjangnya itu, maka kerajaan Inggeris telah membuka lebih banyak ladang getah dan kelapa sawit, membuka jalan raya baru, memanjangkan jalan kereta api ke pantai timur, membuka lombong bijih, emas dan arang batu, dan sejajar dengan dasar itu, juga telah mengadakan lebih banyak sekolah orang putih, serta menggalakkan anak-anak Melayu dari kampung-kampung belajar bahasa orang putih, menyediakan mereka itu untuk bekerja sebagai kerani, guru, inspektor kelapa dan inspektor padi, mandur, tali air, mandur kerja jalan (PWD kini JKR), jadi askar dan mata-mata (polis).

Kajian atau tinjauan semula ini, pada pendapat saya, amatlah mustahak sebab negara dan bangsa kita sekarang ini sudah sampai 'Ke Simpang-simpang Jalan' yang memerlukan kita berfikir dan membuat keputusan: 'Dari Sini Hendak ke Mana?'

Perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga pada mulaannya, mengikut keputusan kabinet, telah ditangguhkan ke bulan Julai, sebab beberapa aspek daripada rancangan itu perlu dikaji semula dengan penuh teliti, sebab kesan dua rancangan lima tahun yang telah lalu, oleh kerana terlampau *western oriented*, iaitu akibat-akibat daripada "didikan" para pemimpin yang telah dijinakkan, dimanjakan, dimalaskan dan dibodohkan malah menjadikan bangsa Melayu seperti kata peribahasa nenek moyangnya: Anak indung anak ketitir, di atas gelegar terlompat-lompat . . .

Bukti silap dan salah perancangan yang lampau itu sudah mula nampak di sana-sini, iaitu kampung-kampung asal yang dahulunya makmur dan aman, kini sudah sunyi senyap, naik belukar, sebab pemuda pemudinya telah dipujuk dan ditarik mentah-mentah ke ladang-ladang FELDA, dihalau keluar daripada masyarakatnya yang telah tersusun begitu baik dan kukuh sejak zaman-berzaman, dan dimasukkan ke dalam kandang masyarakat baru yang tidak tentu hujung pangkalnya, apa tujuan dan ke mana kiblatnya?

Beberapa aspek dari apa yang saya katakan di atas ini tidak mudah boleh dimengertikan oleh generasi sekarang, malah bukan mudah akan diterima oleh manusia moden yang sedang mabuk kebendaan, termasuk dadah dan lain-lain sekarang ini.

Untuk menolong manusia zaman ini memahami apa yang saya maksudkan, maka sukalah saya menceritakan sedikit pengalaman saya sendiri waktu bersekolah orang putih satu ketika dahulu.

Buku bahasa Inggeris yang saya mula baca judulnya *Beng Kong goes to School*, yang disertai dengan gambar seorang budak Cina memakai baju Cina sedang mengejar trem. Kereta trem pada masa dahulu hanyalah ada di Singapura dan Pulau Pinang, keduanya Negeri Selat, iaitu negeri-negeri yang dahulunya seratus peratus diperintah oleh Inggeris. Tetapi sekarang apakah sudah jadi kepada orang-orang Melayu dalam negeri-negeri yang dahulunya Negeri Selat itu?

Daripada Special Malay Class atau SMC, kami dahulu dilompatkan ke darjah tiga supaya lekas tamat sekolah. Bagi saya, daripada darjah tiga telah "dilompatkan" pula ke darjah tujuh; saya telah diajarkan ilmu-ilmu algebra dan geometri. Yang menjadi kemusykilan saya apakah ada hubungannya $a \times b \times c$ is equal to abc dengan penghidupan seorang anak penanam padi, penoreh getah, penangkap ikan di laut atau di sungai?

Kemudian dalam ilmu geometri saya telah diajarkan pula bahawa *The three angles of a triangle is equal to two right angles*. Berapa kali pula telah saya tanyakan pelajaran-pelajaran seperti itu pada sepanjang kehidupan saya.

Jawapan pada pertanyaan itu dari hati dan jiwa saya ialah: Tidak ada guna dan tidak ada apa-apa kesannya pada hidup saya. Adapun yang tetap berkesan dan terus berguna ialah tunjuk ajar kedua ibu bapa saya, budi bahasa, tutur kata dan ajaran-ajaran yang telah saya terima daripada guru-guru agama dan masyarakat di kampung saya pada masa saya muda remaja dahulu.

Dalam pertengahan bulan Julai tahun 1975 sekolah saya, Clifford School, Kuala Lipis, telah menyambut Jubli Intannya, yakni sekolah itu sudah lebih 60 tahun usianya. Pada mulanya sekolah itu kecil, rumah papan, kini menjadi sekolah yang terbesar dalam negeri Pahang Darul Makmur, lengkap dengan makmalnya, dewannya, asramanya dan guru besarnya pun kini ialah anak tempatan yang mempunyai ijazah.

Tetapi dahulu, biasiswa sekolah \$10.00 sebulan, dua ringgit jadi wang saku, dan lapan ringgit ialah belanja makan. Buku-buku semuanya diberi percuma. Harga semangkuk bubur kacang pada masa itu hanyalah dua sen. Murid-murid pada masa itu, biarpun sudah agak tua-tua, tidak ada yang menghisap rokok, hormat kepada semua gurunya, dan pada keseluruhannya berdisiplin.

Saya ingin bertanya: Berapakah belanja sekolah bagi pelajar-pelajar sekolah saya zaman ini. Berapa peratuskah murid-muridnya berjaya? Dan berapa peratuskah yang gagal?

Dalam ucapannya ketika merayakan Jubli Intan Sekolah Clif-

ford dalam tahun itu, (14 hingga 18 Julai 1975), ada menyebut: Pada pintu pejabat saya telah diconteng kata-kata *beware of your life*. Cubalah anda fikirkan apakah implikasi kata-kata mengugut nyawa guru besar itu?

Dan perbelanjaan saya menghadiri perayaan Jubli Intan Alma Mater saya itu lebih seratus ringgit, termasuk sewa Rumah Rehat, harga *guinness stout*, nasi goreng, sup sayur (Resit No. BB4388) yang telah dihentam oleh kutu-kutu yang tidak saya kenal!

Yang lebih aneh lagi ialah, tidak lama lepas itu, saya telah menerima satu jemputan daripada pelajar-pelajar tingkatan lima dan enam sekolah itu supaya saya datang memberi ceramah mengenai sejarah dan sastera. Ya, sungguh aneh pendidikan zaman moden sekarang ini!

Pada masa saya bersekolah orang putih dahulu, petua-petua yang telah diberikan supaya sihat dan panjang umur ialah mesti main bola, hoki, kriket dan masuk *boy scout*. Saya tidak banyak main dan tidak jadi pengakap. Pemain bola yang paling handal pada masa itu ialah Salleh bin Tais dari Kampung Bangau Seberang (yang berangan-angan hendak jadi inspektor polis, kemudian masuk polis depot, jadi mata-mata, tetapi tak sampai setahun cabut), dan Samjis bin Wakidi dari Bentong. Sebagai manusia moden, mereka itu, saya tahu, sudah tidak pandai lagi berperahu di Sungai Pahang, tidak pandai menoreh getah, bekerja paya, dan entah di mana adanya mereka itu saya pun tidak tahu.

Encik Abdullah bin Muhammad Ali dari Kampung Sanggang kawan baik saya, dan sama-sama telah lulus *Senior Cambridge* dalam tahun 1929 dahulu, seorang yang cermat, dan kerana itu ada meninggalkan sedikit harta. Anak lelakinya, Encik Abdul Karim, dahulu bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi sekarang tidak tahu apa kerjanya, mungkin masih boleh berkayuh perahu, dan kalau terpaksa, mungkin boleh membuat paya atau menanam padi, tetapi anak-anaknya kelak bagaimana? Hanya masa sahaja boleh menjawabnya.

Kawan-kawan sekolah saya seorang daripadanya ialah Tuan Syed Abdullah Alhabsyi, dari Kampung Lancang (sekarang sudah bergelar Datuk) yang pernah merantau ke Terengganu, kerja *Settlement Officer* di sana beberapa tahun, dan kemudian balik kampung jadi penghulu Mukim Semantan, dan kemudian masuk politik, menang pilihan raya, jadi Exco Majlis Mesyuarat Negeri Pahang. Apabila saya teringat pada beliau, sebab dahulunya kawan baik, saya tertanya-tanya: "Adakah bahagia hidupnya, sihat tubuh badannya, lahir dan batin?"

Dengan mengeluh panjang, saya sedar bahawa selama beberapa tahun lampau itu macam-macam telah berlaku: Kawan jadi lawan, dahulu muda sekarang tua, yang sudah mati ramai, Negeri Pahang masih disebut-sebut juga sebagai negeri yang paling besar dan paling kaya, tetapi di sebalik Darul Makmur itu, rakyatnya yang ramai tidaklah lagi semakmur pada masa yang lalu, tidak lagi kuat semangat dan pakatnya seperti dalam masa yang lampau. Dan dalam hal politik sudah ada pula gara-garanya akan jadi hak turun-temurun bagi golongan yang tertentu!

Tetapi soal yang paling penting bagi saya ialah apakah akan jadi kepada bangsa dan tanah air Melayu di masa yang akan datang?

Peristiwa Tali Leher Dihanyutkan



Dalam masa cuti panjang akhir tahun 1926, sesudah selesai peperiksaan darjah lima, dan diberitahu oleh guru besar bahawa jikalau saya dapat nombor satu, atau sekurang-kurangnya nombor lima saya akan dilompatkan ke darjah tujuh, maka saya pun baliklah ke kampung dengan penuh sukacita kerana biasanya masa itu ialah musim menuai dan para penduduk di serata kampung sedang bersukaria, ada temasya mengemping di sana sini, bunyi lesung, istimewa bila malam baik cuacanya, berdentang-dentung, sahut menyahut, lebih hebat dan lebih sedap daripada bunyi dentum-dentam muzik pop.

Pada masa itu umur saya sudah lebih sedikit lima belas tahun, sudah masuk enam belas, sudah mula pandai pakai seluar pantelon, baju kot, sudah belajar macam mana ikat tali leher.

Dalam tahun 1926 itu, murid-murid yang sudah lebih lama mengaji telah mengajar kami membeli barang-barang, melalui pos dari England. Gudang-gudang atau syarikat-syarikat yang masyhur pada masa itu ialah Barrat & Co, bagi kasut dan Lennard & Co. bagi barang-barang pakaian, iaitu baju dan kemeja, sapu tangan, maflar, stokin dan tali leher macam-macam warna.

Patut juga saya sebutkan bahawa pada peringkat itu kami sudah pandai meminta wang belanja tambahan daripada ibu bapa kami untuk memesan barang-barang dari England. Pada hal sebelum itu duit saku dua ringgit, iaitu lebih daripada potongan bayar makan di asrama \$8.00 biasiswa yang kami terima daripada kerajaan \$10.00 sebulan itu pun tidak habis sebab kami belum pandai berbelanja, belum pandai makan minum yang sedap-sedap, yang mahal-mahal.

Ada seorang murid dari Temerloh, Ismail namanya, sangat suka makan sotong bakar yang dicolek dengan sambal, hingga merah mukanya kerana pedas, maka dia telah kami gelar Semail Sotong. Kebanyakan murid-murid pada masa itu mempunyai gelaran. Muhammad Ali bin Haji Ismail dari Pekan, misalnya,

kerana leher-nya panjang dan suaranya nyaring telah digelar Mat Ali Bakuk, dan saya sendiri, sebab suka bercukur licin, kerana abah saya tidak suka anak-anak lelaki berambut panjang (disebut berkerul atau berbojeng pada masa itu) telah digelar Si Botak, dan kadang-kadang Si Lebai.

Patutlah juga saya ceritakan bahawa dalam tahun 1926 itu, setelah meningkat umur lebih 15 tahun, sudah mula pandai cakap orang putih sikit-sikit, maka kami pun sudah mula pandailah turun ke bandar Kuala Lipis, merayau-rayau, belajar makan mi, minum air batu kacang, lalu-lalang di hadapan dua buah kedai Jepun (tempat pelacur yang berlesen) di Jelai Street, dan juga berjalan-jalan ke Batu Kurap (tempat perempuan jalang) yang terletak tidak jauh dari bandar Kuala Lipis, ibu negeri Pahang pada masa itu.

Adapun yang hendak sangat saya ceritakan untuk bandingan, atau untuk hiburan sahaja anak-anak zaman sekarang, ialah pada masa cuti sekolah hujung tahun 1926 itu, bagi kali pertamanya, saya telah membawa balik sehelai tali leher yang baru sampai dari England, daripada gudang Lennard & Co.

Untuk menunjukkan kepada keluarga saya dan kawan-kawan saya di kampung, saya telah sangkutkan tali leher itu pada tanduk rusa di serambi rumah saya. Pada masa dulu tanduk rusa menjadi perhiasan utama di serambi rumah orang Melayu, yang juga menjadi penyangkut baju.

Apabila kawan-kawan saya datang, maka saya dengan megah telah menunjukkan tali leher hijau bunga-bunga itu.

"Saya order dari England ni," kata saya sambil mengenakannya pada leher saya sebab mereka itu hendak belajar, hendak menengok bagaimana mengikatnya. "Harganya awak tau berapa?" kata saya lagi.

Oleh kerana tidak ada yang tahu atau berani menjawab pertanyaan itu, maka saya sendirilah yang menjawabnya dalam bahasa yang mudah kawan-kawan saya itu boleh faham: "Samalah dengan harga 150 biji nyiur." (Lebih kurang \$3.00 pada masa itu).

"Kasut awak itu order dari England juga, abang?" tanya seorang kawan saya apabila dia ternampak sepasang kasut kulit yang baru.

"Kasut *Barrat* tu," jawab saya lebih megah. "Harganya awak tau berapa? Dua puluh lima syiling. . . dekat sepuluh ringgit duit kita sini." Saya menerangkan.

"Cantik sangat, ya; warnanya macam warna darah kerbau," kata seorang kawan saya yang suka berkelakar. "Blekennya macam mana, Pak Uda?" Dia bertanya.

"Warna macam itu, kata orang putih, ialah *ox blood*, atau warna merah lembu jantan. Di England sana tak ada kerbaulah," kata saya menerangkan.

Pada masa dahulu orang perempuan jarang-jarang masuk ke serambi. Mereka naik ke rumah ikut pintu dapur, yakni pintu dan tangga belakang. Serambi rumah lazimnya ialah untuk orang lelaki.

Tidak berapa hari lepas itu, entah bagaimana, moyang saya, Hajah Jebah, telah ternampak tali leher saya tersangkut pada tanduk di serambi rumah saya itu.

Kami semua sangat hormat dan takut kepadanya. Cakap dia menjadi undang-undang, semua keluarga kami tidak berani membantah.

"Apa guna dibawa balik pakaian kafir ni, benda najis, benda haram ni," katanya kuat-kuat.

Kemudian, dengan sebatang buluh pengait buah-buah, telah dikaitnya tali leher saya itu, dengan perlahan-lahan dipindahkannya ke hujung pengait itu, dan lepas itu dengan cermat dan perlahan-lahan 'benda haram, pakaian kafir' itu pun dibawanya hala ke tepi tebing sungai.

Pada masa itu air sungai sedang naik; musim bah sudah bermula. Kami yang ada di rumah pada hari itu hanya memerhatikan sahaja apa yang hendak dibuatnya. Dialah raja di rumah kami itu; dialah penasung dan penasihat.

Saya sendiri dengan mulut ternganga, mata terkebil-kebil memerhatikan moyang saya yang sangat saya sayangi dan hormati itu. Saya nampak dengan jelas bagaimana buluh panjang pengait buah jambu, buah manggis dan langsung itu telah dicampakkannya ke dalam Sungai Pahang yang sedang sebak itu. Maka hanyutlah tali leher saya yang baru dipesan dari England itu.

Apabila saya kenangkan semula peristiwa itu, dan ditimbang dengan berbagai-bagai kejadian dan perubahan yang telah berlaku lebih lima puluh tahun kemudian daripada itu, saya sendiri telah mendapat kesimpulan bahawa perbuatan moyang saya membuang tali leher saya itu ke dalam sungai, sebab dia menganggap benda itu najis dan haram dipakai oleh orang-orang yang menganut agama Islam, bukanlah satu perbuatan yang fanatik atau satu sikap yang kolot.

Pendidikan cara Barat dalam zaman penjajahan Inggeris dahulu, sedar atau tidak sedar, langsung atau tidak langsung, telah mendayuskan bangsa Melayu, telah menghilangkan maruahnya melemahkan semangat besi wajanya.

Apa buktinya? Mungkin ramai orang Melayu sekarang akan bertanya, sebab analisis saya ini berbunyi sangat melulu, atau hanya satu analisis yang gila!

Bukti yang sangat nyata, dan ini satu bukti sejarah, ialah dalam gerakan menentang penjajahan, baik dalam tahun tiga puluhan, mahupun kemudian daripada itu, bilangan anak-anak Melayu yang berpendidikan Inggeris yang telah melibatkan diri dalam gerakan menentang penjajahan asing, atau dalam istilah yang lebih moden: Dalam gerakan-gerakan antikolonial (atau sekarang antineo-kolonisme), sangatlah sedikit malah boleh dikatakan tidak ada.

Cuba kita sama-sama tanyakan dengan hati terbuka, tanpa sebarang prasangka, tanpa hipokrisi anak-anak siapakah yang telah melibatkan diri dalam KMM (Kesatuan Melayu Muda), dan kemudian dalam PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), dalam API (Angkatan Pemuda Insaf) dan AWAS (Angkatan Wanita Sedar) dan kemudian lagi dalam kegiatan anti datangnya semula pemerintahan Inggeris (zaman darurat 1948-60)? Kebanyakannya kalau pun tidak semuanya, ialah anak kaum tani, anak penoreh getah, anak penanam padi, anak orang kampung belaka. Itulah buktinya yang padat, yang konkrit, yang sukar hendak dibahaskan, hendak dinafikan, ataupun dicalon dan disadurkan.

Peristiwa moyang saya telah membuang tali leher saya ke dalam Sungai Pahang itu adalah satu peristiwa yang kecil dalam hidup saya. Tetapi moralnya atau pengajarannya sangat besar, sungguh besar. Bukan saya seorang sahaja yang telah membangkitkan perkara tali leher, tali yang mencekik leher ini. Dr. Nordin Selat telah menulis berkenaan dengan tali leher atau *necktie* dalam *Utusan Malaysia* keluaran Sabtu, 14 Januari 1976, muka 4.

Begitu juga pada satu ketika dahulu, Yang Berhormat Datuk Musa Hitam, Menteri Perusahaan Utama telah bercakap dan menyeru supaya 'kita berbalik semangat tahun-tahun empat puluhan dan lima puluhan', iaitu berjuang tanpa mengirakan faedah sendiri. 'Kita' dalam ucapannya di majlis mesyuarat UMNO Cawangan Jalan Brickfields itu tentulah maksudnya 'orang-orang UMNO', dan secara tidak langsung, 'orang-orang PAS' juga. Namun demikian nada maksudnya di atas ini bersabit dengan pengaruh penjajahan, dan juga penjajahan cara baru.

Saya juga, apabila ke luar negeri, bila terpaksa oleh adat resam dunia zaman sekarang, memakai tali leher. Tetapi jarang-jarang; setahun atau dua tahun sekali sahaja. Tetapi orang zaman sekarang, istimewa yang hidupnya sudah lumayan, masuk masjid pun pakai tali leher.

Seterusnya saya hendak bercerita darihal bah besar tahun 1926-1927 itu. Selang beberapa hari sahaja lepas 'benda perhiasan cantik yang telah dibeli dari England' itu dihanyutkan oleh moyang saya dalam Sungai Pahang, maka hujan lebat pun mulalah turun tidak berhenti-henti. Siang dan malam. Dalam bahasa kami orang Pahang itulah dikatakan: Hujan tidak mencelikkan mata, sebab musim begitu tidak boleh buat apa-apa kerja, dan mata selalu sahaja mengantuk.

Dua tiga hari lepas itu air sudah naik sampai ke paras tebing, melaut-laut banyaknya. Saya suka leka melihat benda-benda hanyut pada masa itu, macam-macam benda; rumah besar dan kecil, perahu, bangkai kerbau, lembu, kambing dan biri-biri. Bangkai ayam tak boleh cakaplah. Yang seronok ialah itik, besar dan kecil. Mereka tidak peduli apa yang sedang berlaku dan sampai ke mana mereka hanyut?

Saya sesekali teringat kepada tali leher saya buatan England itu. Entah sampai ke manakah hanyutnya? Mungkinkah akan sampai ke tengah-tengah Lautan China Selatan atau Lautan Pasifik? Wallahuaklam.

Kemudian rumah besar kami pun ampuh. Mulanya sampai ke lantai sahaja. Tetapi esoknya sudah sampai ke para, dan lusanya sampai ke bumbung. Ibu dan adik-adik saya telah dipindahkan ke tempat tinggi, ke rumah Pak Andak Ali (Ali Kancil). Kedua-dua abang saya pada masa itu tidak ada di kampung. Saya dengan abah saya telah mencuba seberapa daya upaya menambat rumah kami itu dengan tali-tali besi ke pokok-pokok yang kami fikir boleh tahan. Tiba-tiba rumah itu telah terjongket, dan kemudian terbalik tiang-tiangnya ke atas, sebab perkakas-perkakas atasnya berat-berat belaka, semuanya daripada kayu penak, dan atapnya atap zink.

"Mohlah kita nyeberang Sohak eh; air ni nampaknya semakin naik. Biarlah apa nak jadi, jadilah pada rumah kita ini," kata abah saya dengan tenang. Maka kami pun menyeberanglah hala ke darat, ke rumah Pak Andak Ali. Hujan masih belum reda. Kadang-kadang hujan panas. Mujurlah kami ada perahu. Kebanyakan kami yang tinggal di tepi Sungai Pahang pada masa itu ada perahu. Sekarang jarang yang ada perahu, yang mereka megahkan ialah motokarnya.

Malam itu, di rumah Pak Andak Ali, sedang kami tidur lena, air sudah sampai pula ke lantai serambinya. Tiba-tiba terasa basah belakang kami. Dengan cepat kami terpaksa pindah lagi, ke tempat lebih tinggi, iaitu ke Bukit Sekolah, ke kebun getah Pak Uda Mail (sudah pencen).

Kenangan saya yang berkesan hingga sekarang ialah bagaimana tenang dan sabarnya orang ramai pada masa itu menerima kehendak Allah Yang Maha Kuasa. Yang saya ingat hanyalah satu orang sahaja yang telah hilang akal, hilang sabarnya. Orang itu pangkat emak saudara kepada saya, Mak Anjang Minah kami gelar dia, suaminya, Pak Alang Seman. Waktu itu di Bukit Sekolah itu tempayan berasnya yang terletak dekat bibir air telah hanyut. Dengan teriak dan lolongnya dia telah terjun hendak menyelamatkan tempayan itu. Tetapi air tersangat deras. Dia segera disambar, diselamatkan. Kalau tidak cepat mungkinlah dia telah hanyut dibawa air yang melaut-laut, menderu-deru itu. Mak Alang Minah pengsan sekejap, tetapi lepas itu baiklah dan tenanglah dia semula.

Lubuk Jadi Pantai, Pantai Jadi Lubuk



Sekali air pasang, sekali pasir berubah. Peribahasa ini, sungguhpun lebih biasa dipakai, banyak makna dan tujuannya, tetapi bagi para penduduk di tebing-tebing sungai, peribahasa yang telah diciptakan oleh datuk nenek kita ialah: Sekali air bah, banyak kampung berubah; teluk jadi tanjung, tanjung jadi teluk.

Ada juga dikatakan: Lubuk jadi pantai, pantai jadi lubuk, yang maknanya lebih kurang serupa sahaja, iaitu sesudah bah besar, maka banyaklah berlaku perubahan.

Bah besar tahun 1926 hingga 1927 itu sesungguhnya besar, dan menandakan permulaan berbagai-bagai perubahan dalam Tanah Melayu, khususnya dalam masyarakat orang Melayu yang tinggal di sekitar sungai besar.

Apabila tahun 1926 berakhir, berganti dengan tahun 1927, air bah besar itu belum lagi surut. Hujan lebat juga belum berhenti. Beberapa hari air yang hanyut melaut-laut itu bertahan sahaja, yakni naik tidak, turun pun tidak.

Dari manakah datangnya air yang begitu banyak? Apakah sebabnya? Adakah Tuhan murka kepada makhluknya? Adakah itu satu bala atau rahmat? Inilah yang telah dibincangkan oleh orang-orang tua yang punya cukup pengetahuan agama dan dalam falsafahnya. Tetapi bagi orang-orang biasa, maka sebab-sebab yang mereka percayakan ialah kononnya naga dari Gunung Tahan sudah keluar. Di sebelah hilir sedikit pula orang kampung mengatakan naga dari Kota Gelanggi sudah keluar, dan di sebelah hilir lagi ialah kononnya Naga Tasik Cini sudah keluar.

Pengaruh mitos Cina berkenaan dengan naga masih sangat kuat pada masa itu, malah hingga sekarang pun. Bukankah masih ada pantun yang berbunyi: 'Di mulut naga lagi kurebut, inikan pula di tangan orang.'

Tetapi bagi orang-orang tua, haji-haji dan lebai-lebai yang banyak mengaji ilmu agama, lama merantau jauh, berguru dengan

alim-ulama, maka mereka cuba memikirkan adakah bah besar tahun 1926 hingga 1927 itu sama erti dan pengajarannya dengan bah besar dalam zaman Nabi Allah Noh a.s?

Kesan-kesan yang ditinggalkan oleh bah besar 1926 hingga 1927 itu sungguh banyak. Bagi Sungai Pahang ialah tebingnya banyak yang telah runtuh, pokok banyak tumbang, termasuk entah berapa banyaknya pokok buahan seperti durian, bidara, langsung, kelapa, kabung dan lain-lain. Akibatnya Sungai Pahang telah menjadi tohor, jaraknya antara tebing dengan tebing menjadi lebih luas dan lebar. Tanah-tanah paya banyak yang telah terkambus, dan kam-pung-kampung banyak berpindah, berubah.

Bagi kampung asal saya, Kampung Buntut Pulau, dan Kampung Pangsanam yang bersempadan dengannya di sebelah hilir sedikit, para penduduknya telah dinasihatkan oleh pihak yang berkuasa dan para pemimpin pada masa itu supaya berpindah ke kawasan yang lebih tinggi, Permatang Terlang namanya.

Tinggalnya kampung lama saya itu, sungguh-sungguh tinggal. Pokok buahan yang telah tumbang dan hanyut oleh air bah besar itu tidak ditanam semula. Para penduduknya yang dahulu, dan keturunan mereka itu, tidak lagi turun mandi atau mengambil air di sungai, sebab kampung baru Permatang Terlang sudah dibekalkan dengan air paip dan api elektrik. Demikian juga dua buah kampung sebelah hulunya, Kampung Tengah dan Kampung Pangkalan Manggis.

Akan tetapi, setelah berpuluh tahun berlalu, Kampung Permatang Terlang itu sudah jadi macam kampung setinggalan. Rumah-rumahnya sudah jadi berlapis-lapis, rapat, berhimpit-himpit, lintang-pukang. Anak kampung itu, mana-mana yang telah merantau pergi makan gaji, jadi pegawai tinggi dan rendah, apabila sudah pencen dan akan pencen, ramai yang telah dan sedang membuat rumah di situ, merebut tanah pesaka yang hanya seluas kangkang kera, seolah-olahnya tidak ada tanah lain, seolah-olahnya Negeri Pahang itu kecil dan sempit sangat!

Demikian juga halnya yang terjadi pada Kampung Tengah dan Kampung Pangkalan Manggis; sudah jadi macam kampung setinggalan. Khabarnya tebing sungai di Kampung Pangkalan Manggis itu telah runtuh lagi akibat batang paip air pecah.

Keadaan masyarakat ketiga-tiga buah kampung yang saya sebutkan itu sudah kucar-kacir, sudah tidak seperti zaman lampau; para penghuninya seperti ibarat enau dalam belukar: masing-masing melepaskan pucuk sendiri. Saya tahulah sebab mereka itu adalah sanak-saudara saya belaka.

Pendeknya, setelah merdeka, sesudah beberapa kali pilihan raya, sesudah beberapa kali bertukar Menteri Besar, keadaan kampung-kampung di sepanjang Sungai Pahang tidaklah seindah, aman dan makmur seperti pada masa saya dalam belasan tahun dahulu.

Selama masa itu nasihat yang telah diberikan oleh para pemimpin yang bijaksana ialah: 'Kalau nak senang masuklah ke dalam tanah rancangan FELDA'. Betul atau tidak, baik atau sebaliknya nasihat itu, ataupun 'saintifik atau teknologikal' nasihat itu sama-samalah kita perhatikan kelak.

Berhubung dengan masalah pemindahan orang-orang kampung tepi sungai ini, maka nasib yang serupa sedang berlaku kepada para penduduk tepi sungai dalam negeri-negeri lain juga di Semenanjung Tanah Melayu ini. Keadaan hidup dan masyarakat Kampung Sayung, Kampung Menora dan Kampung Bendang Kering di seberang bandar Kuala Kangsar, Perak, lebih kurang sama sahaja dengan Kampung Permatang Terlang, Kampung Tengah dan Kampung Pangkalan Manggis di Temerloh, Pahang, seperti yang saya ceritakan. Demikianlah juga hal keadaannya beberapa buah kampung di sepanjang Sungai Kelantan dan Sungai Terengganu.

Untuk perbandingan dan satu contoh masalah perpindahan atau pemindahan kampung-kampung ini, maka saya sukalah hendak menyebutkan sejarah sebuah kampung baru yang sekarang terkenal dengan nama Kampung Batu Empat Maran.

Pada akhir tahun lima puluhan, sekumpulan bekas tahanan darurat telah meneroka tanah baru kiri kanan Batu Empat Jalan Maran itu. Penerokaan itu bukanlah tanpa memohon lebih dahulu, tetapi permohonan mereka itu pada mulanya tidak diluluskan tanpa alasan yang kuat. Beberapa orang daripada mereka itu kena saman, dan kena tangkap. Mereka itu telah kena denda beberapa kali, dan yang tidak membayar denda telah dimasukkan ke dalam lokap beberapa kali. Tetapi mereka itu berdegil, maklum sahajalah bekas-bekas tahanan politik!

Akhirnya, berkat degil dengan tujuan baik, kampung itu sudah jadi besar dan ramai, aman, makmur dan sangat bagus masyarakatnya. Dalam musim buah-buahan kampung itulah yang banyak mengeluarkan rambutan baka baik. Buah cempedak isi baik dari dusun Pak Alang Min sahaja, khabarnya, seribu biji. Dan seorang kawan baik saya, Encik Mat Senara namanya, sudah naik haji suami isteri.

Setiap kali saya pergi ke Kuantan saya dapat melihat masih banyak tanah-tanah yang kosong dan terbiar di sepanjang jalan

dari pekan Ketari melalui beberapa buah kampung yang sudah ditinggalkan atau ketinggalan, banyak tanah-tanah yang subur terbelengkalai begitu sahaja. Khususnya tanah-tanah yang sangat luas di sepanjang Jalan Maran.

Saya telah melawat Pekan Baru Cenor satu ketika dahulu. Rumah batu dua tingkat yang telah didirikan oleh LKNP (Lembaga Kemajuan Negeri Pahang) dipandang dari jauh, memanglah hebat. Tetapi daripada dekat akan terasa benar kering kontang keadaannya, masih belum ada pokok teduhan. Sebuah daripada rumah moden itu diduduki oleh Yang Berhormat Ustaz Mahmud, Wakil Rakyat Kawasan Cenor ketika itu. Di tingkat bawahnya beliau jadikan kedai buku dan kedai jahit. Bahagian dapurnya lapang, cukup bagus, lengkap dengan air paip. Ketika itu beliau sedang menulis sebuah buku yang diberi nama *Falsafah Cinta* atau *Psikologi Kasih Sayang*, yang diambil bahan-bahannya daripada buku-buku Arab. Itu agaknya, satu ikhtiar menambah pendapatannya. Maklum sahajalah, sudah jadi wakil rakyat, dan pakai kereta Mercedes, belanja untuk hidup mewah banyak bertambah.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, mengikut kenyataan Menteri Besar Pahang ketika itu, Datuk Muhamad bin Jusuh, LKNP membelanjakan 40 juta ringgit lebih. Mudah-mudahan Negeri Pahang akan bertambah maju, makmur, aman dan sentosa. Permintaan saya, dari jauh, hanya satu sahaja iaitu tandas di Pasar Baru Pekan itu tolonglah baiki seberapa cepat yang mungkin. Saya duduk jauh ini pun terasa malu, dan kadang-kadang terhidu baunya.

Ya, kenangan hidup saya ini banyak menyentuh negeri saya, Pahang Darul Makmur, sebab jasad saya yang sudah kecut ini, dengan izin Tuhan, apabila padam nyawanya, hendak dikuburkan di sana juga.

Selepas bah besar tahun 1926 hingga 1927 saya terpaksa tinggal di kampung dua bulan lebih, iaitu satu bulan lewat dari cuti sekolah. Sebabnya jadi begitu ialah pertama, jalan keretapi telah rosak teruk di beberapa tempat, iaitu akibat tanah runtuh. Jalan-jalan lain juga telah rosak. Pada masa itu belum ada perkhidmatan bas atau teksi seperti sekarang.

Adapun sebab yang kedua yang melegakan saya balik ke Kuala Lipis untuk menyambung semula persekolahan saya ialah saya terpaksa membantu abah saya mencari semula alat-alat perkakas rumah kami yang telah dihanyutkan oleh air bah itu.

Kami yakin tiang-tiang rumah kami itu, sebab berat dan padu, tidak hanyut jauh. Akibat daripada arus air lalu ketika masa bah itu, kami percaya tiang itu dan lain-lain alat perkakas yang

berat-berat, semuanya daripada kayu penak (atau cengal) ada terangkut tidak jauh di sebelah hilir kampung kami itu. Perhitungan kami itu betul. Kami telah jumpa semua tiang-tiang rumah kami itu dan juga kebanyakan perkakas yang lain, iaitu rasuk gelegarnya, dan dinding. Itu semuanya kami dirikan sebuah rumah semen-tara, yang tidak besar seperti rumah asalnya, tetapi cukuplah untuk hidup sementara. Lebih kurang seminggu kemudian keluarga saya telah berpindah semula dari Bukit Sekolah itu, tempat kami pindah sementara masa air bah itu.

Air bah besar itu telah meninggalkan lumpur kuning dan selut yang tebal. Saya telah menceritakan darihal air bah tahunan Sungai Nil di Mesir yang menurunkan banyak baja untuk kaum tani di sepanjang sungai itu. "Abah tanamlah semula pokok-pokok kita yang telah tumbang dan hanyut: Kelapa, durian, bidara, manggis, langsung dan lain-lain." Saya mengesyorkan. "Eh, awak pergi baliklah ke sekolah; rumah kita sudah siap ni," Sambutnya dengan senyuman syukur dan bangga.

Beberapa tahun kemudian, apabila saya telah bekerja dan keadaan ekonominya baik semula, abah saya telah mendirikan sebuah rumah baru yang boleh dikatakan besar juga. Tetapi rumah itu kemudiannya telah diberikan kepada anak perempuannya yang ketiga (yang bongsu). Cik Hamidah, sebagai hadiah perkahwinannya dengan seorang askar Melayu, saudara kami juga; dan apabila adik ipar saya itu tamat perkhidmatannya, maka rumah itu telah dipindahkan ke kampungnya di sebelah ulu, Kampung Berhala Gantang namanya.

Abah saya, kerana bebas dan agak radikal sedikit (atau degil?) pemikirannya, tidak mahu pindah ke Kampung Baru Permatang Terlang seperti para penduduk Kampung Buntut Pulau yang lain yang telah dibinasakan oleh bah besar itu. Abah saya meninggal dunia dalam tahun 1965, dalam masa saya kena tahan kerana peristiwa konfrontasi. Masih ada kampung lama saya itu, masih ada tiga batang durian, berpuluh-puluh pokok kelapa yang terus lebat buah-nya, dan juga pokok bidara dan langsung. Itulah sahaja pesaka yang telah ditinggalkan oleh kedua ibu bapa saya kepada anak cucu dan cicitnya. Ibu saya telah meninggal dunia lebih dahulu, iaitu dalam bulan Jun, tahun 1948, beberapa hari sahaja sebelum saya kena tangkap pada permulaan zaman darurat.

Sesudah Bah Besar



Lepas Bah Besar 1926 - 27, sungguhpun rumah-rumah kedai pekan Kuala Semantan semuanya telah hanyut, tetapi apabila air surut maka kedai-kedai baru telah didirikan. Sebagaimana pekan lamanya, maka pekan yang baru didirikan semula itu semuanya dari kayu dan kebanyakannya beratap nipah. Adapun pekan lama yang ada sekarang ini hanya telah dimulakan sesudah bah besar tahun 1931. Pada masa itu saya masih bekerja di Temerloh sebagai Pegawai Tadbir Melayu (MAS) dalam latihan atau *Probationary Malay Officer*. Tuan D.O. pada masa itu bernama J.J. Sheehan, seorang Irish yang pendiam, tetapi pandai dan tekun bekerja. A.D.O. ialah Tuan D.H. Murphy, seorang Inggeris yang tiga suku (*accentric*).

Oleh kerana dalam daerah Temerloh banyak tanah, ramai pekebun-pekebun kecil, banyak kampung, dusun dan tanah paya, maka pada masa itu ada empat orang S.O. (sekarang PPT atau Pegawai Penyelesai Tanah), iaitu Encik Mohd. Talib bin Haji Mohd. Amin, Encik Adi dari Dong, Raub, Encik Awang Mustafa bin Haji Isa dari Bentong dan Encik Ahmad bin Haji Hussin dari Cenor, Temerloh.

Elok juga saya sebutkan nama-nama lain yang kebanyakannya sudah mati, iaitu Encik Hindun dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan (kerani Melayu), Haji Kassim dari Kampung Tebal, Temerloh, Encik Omar dari Kampung Lubuk Pasu, Temerloh (ayah Hassan Omar, wakil penjual akhbar *Utusan Melayu* di bandar Temerloh Lama), Encik Alias, kerani Melayu dan lain-lain lagi. Adapun Tuan Haji Dilu dan Penghulu Talib bin Ibrahim pada masa itu masih kecil lagi, dan kedua-duanya jadi peon dan kadang-kadang disuruh menarik kipas.

Pada setiap tahun lepas itu Sungai Pahang telah bah juga, tetapi tidak pernah sebesar seperti tahun 1926-27. Bah besar kali terakhir ialah dalam tahun 1971. Pekan lama Temerloh yang masih lagi kebanyakan kedai-kedainya daripada kayu. Tetapi pekan baru semuanya rumah batu, lengkap dengan hotel berhawa dingin. Restoran dan kedai kopi moden, dan juga pawagam yang

besar, bank, dan pejabat daerahnya seperti rumah pejabat kerajaan di Kuala Lumpur.

Tapak pekan Kuala Semantan yang asal, di mana dahulunya ada beberapa batang pokok dedap dan manggis, telah dijadikan pekan sari, setiap hari Ahad, iaitu satu pekan sari terbesar dalam Negeri Pahang, yang ramai, riuh dan seronok, pusat beli-belah yang sibuk tumpuan para peraih dan peniaga-peniaga kecil.

Pada masa bandar Temerloh bergelar Kuala Semantan, kira-kira beberapa tahun yang lampau, 75 peratus para peniagaanya terdiri daripada orang Melayu, dan kebanyakannya ialah yang berasal dari Kampar, Sumatera. Orang Cina pada masa itu masih pada peringkat peniaga kecil, sebagai penjual air batu, pekedai runcit, peraih buah-buahan, sayur-sayurannya.

Apabila lima puluh tahun berlalu, keadaannya sudah terbalik. Hanya lebih kurang dua puluh lima peratus sahaja daripada pelbagai jenis perniagaan masih ada dalam tangan orang Melayu. Bagi orang India pula maka kemajuannya juga telah bertambah banyak. Dahulu waktu Temerloh bernama Kuala Semantan, hanya ada sebuah sahaja kedai makan (dahulu disebut pencaus) India Malbari, yang terkenal dengan sebutan *Kedai Kunci Mohamad* yang berjual nasi, roti canai dan rojak, yang terletak di depan pejabat pos lama. Tapak itu kemudiannya menjadi tempat orang berjual ikan-ikan sungai pada hari pekan minggu.

Arah lekuk di belakang bazar Melayu itu dahulunya ialah sebuah paya yang subur padinya, dan di kelilingnya ada beberapa pokok kundang yang manis buahnya. Pada masa itu harga nyiur hanya dua sen sebiji, beras dua gantang seringggit, daging kerbau lima puluh sen sekati, air batu kacang bersusu lima sen segelas besar.

Untuk pengetahuan generasi zaman sekarang sesuai dengan dasar ekonomi baru, dan catatan sejarah Kuala Semantan, maka saya suka lah menyebutkan nama tokoh-tokoh peniaga Melayu tempatan pada masa itu, yakni selain orang Melayu keturunan Kampar. Cikgu Mahmud, ayah Encik Yusuf, bekas MP Temerloh, berniaga kain dan menjual suratkhbar *Saudara* dan *Edar Zaman*. Pak Itam Noh, dari Kampung Tebal, berkedai barang runcit. Abah saya membuka kedai tukang emas, bersama dengan dua orang muridnya, Haji Cik dan Awang, dari Kampung Teluk Sentang.

Pada masa itu, sudah ada sebuah masjid di pekan Kuala Semantan, tetapi rumah kayu sahaja. Sesuai dengan dasar kerajaan Inggeris pada masa itu, maka telah ada juga sebuah kedai *billiard* untuk anak-anak muda Melayu membuang masanya.

Tukang Jahit yang masyhur pada masa itu ialah kedai tukang Jahit Sidi (Kampar). Kedai makan ialah kedai Datuk Putih, dan kedai kain pula ialah kedai Pak Amoy, kedai Wong Lee dan kedai Eko (Khor). Kedai Kwong Tai Sang, kini Chop Kwong Tai Sang yang menjadi agen kasut Bata, penjual ubat-ubat Cina dan juga kedai tukang gambar, mula-mula datang ke Temerloh kerjanya ialah meraih pisang dengan modal lapan puluh ringgit sahaja yang telah dipinjam daripada orang tua saya, Haji Muhammad tukang emas. Malah Datuk Putih, untuk membuka kedai nasi telah meminjam modal, tanpa bunga daripada abah saya juga.

Keturunan orang Kampar yang kaya-kaya pada masa dahulu (yang paling kaya ialah Haji Sidin sebab banyak kebun-kebun getahnya) tidak berniaga lagi. Seorang daripada cucu Tuan Haji Sidin Encik Fadil Agussalim kini bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka. Seorang lagi, Hamzah namanya, bekerja dengan United Nation Commission di Kuala Lumpur, menikah dengan Embun, anak Makcik Kedah. Encik Arshad, anak Haji Hassan, bekerja sebagai pengurus Syarikat Bas Temerloh, orang kuat UMNO, dan dalam pilihanraya tahun 1956, pernah satu ketika dahulu menghentam saya dalam satu rapat umum. Beliau telah mengatakan kononnya sayalah yang telah mengheret Jepun masuk ke Malaya, seolah-olahnya orang-orang Jepun itu kerbau boleh diheret-heret.

Kalau hendak disebutkan semuanya darihal sejarah bandar Kuala Semantan, darihal penghidupan orang Melayu Pahang, khususnya dari Temerloh, maka memanglah boleh ditulis panjang lebar, dijadikan sebuah buku. Tetapi yang hendak saya paparkan ialah apakah sebab-sebabnya maka kaum Melayu dalam daerah saya itu telah jatuh, sudah mundur dalam berbagai-bagai lapangan hidup?

Kalaulah diselidik lebih teliti maka kemerosotan ekonomi kaum Melayu dalam masa lima puluh tahun yang lalu itu bukan-lah telah turun, telah mundur daripada 75 peratus kepada 25 peratus. Yang lebih tepat dan betul mungkin telah merosot jadi 10 peratus sahaja, yakni masih jauh daripada angka 30 peratus yang dikehendaki dan diharap-harapkan sangat oleh dasar ekonomi baru supaya kedudukannya naik dan bertambah semula kepada 30 peratus.

Memang betul bahawa berbagai-bagai langkah telah dijalankan oleh kerajaan, bermacam-macam ikhtiar telah dibuat, tetapi pada hakikatnya taraf bumiputera dalam lapangan perniagaan masih sangat jauh di bawah. Memanglah sekarang bermacam-macam peluang sudah, sedang dan akan terus diberikan kepada kaum bumiputera. Pahang ada LKNP, ada lembaga pertanian, ada bermacam-macam pertubuhan dengan macam-macam nama dan kita

orang Melayu kini ada macam-macam syarikatnya, termasuk yang bernama Sri Buana, Dynamic Enterprise, Tanjung Keramat Bas Company, Syarikat Bas Sri Jengka, Indera Gajah, Lesung Sendirian Berhad dan lain-lain lagi, tetapi satu penilaian yang lengkap mengenai kegiatan-kegiatannya belum pernah dibuat, belum pernah dibentangkan untuk pengetahuan orang ramai.

Barangkali Dewan Perniagaan Melayu Pahang dengan pakar-pakarnya boleh menjawab sepenuhnya pertanyaan saya di atas ini. Itu pun barangkali seorang sahaja. Daripada ahli-ahli majlis mesyuarat kerajaan Negeri Pahang boleh menjawabnya. Tetapi hanya barangkali sahaja. Ataupun menteri dari-pada Kerajaan Pusat yang berdaulat. Mudah-mudahan!

Satu hal yang saya mampu, dan lebih berhak memberikan pendapat, serta boleh mengaku bahawa saya mengetahui, ialah kenapa, mengapa dan betapa sudah merosot juga penghidupan orang Melayu dalam kampung-kampung dari Ulu Tembeling hinggalah sampai ke Kuala Pahang. Atau bak kata orang-orang tua: 'Daripada puncak air meleleh hinggalah sampai ke kuala.'

Sudah turunnya kekukuhan atau kestabilan penghidupan di sepanjang kiri kanan tebing Sungai Pahang Darulmaktum ini, dalam masa beberapa tahun lalu bukanlah semata-mata telah disebabkan oleh air bah sahaja. Merosotnya dan kelemahannya telah disebabkan oleh berbagai-bagai faktor.

Jatuhnya Kuala Semantan, ditimbang dan dinilai dari faktor sejarah dan jiwanya ialah semangat Orang Kaya Semantan, Datuk Bahaman sudah mati. Semangat Mat Kilau tidak membara lagi. Semangat Tok Gajah, orang Kaya Indera Gajah, Imam Perang Mokhtar Pahang yang berkubur di Pasir Nering di Ulu Terengganu dan falsafah Mat Lela Gila, tidak mahu dipakai lagi oleh masyarakat bumiputera zaman sekarang, zaman sains dan teknologi.

Pada kira-kira kasar sahaja kekukuhan rohani sekalian para penduduk kampung-kampung di sepanjang Sungai Pahang itu pun sudah merosot banyak. Bukan dari segi bahasa sahaja, pakatan, rasa persaudaraan antara satu sama lain, tolong-menolong dan sebagainya sudah menurun rendah.

Dihitung dari segi harta benda atau material juga sudah berkurangan. Jumlah kerbau kambing mereka sudah kurang. Ayam itik pun begitu juga. Jumlah hasil padi juga tidak bertambah, sebab paya-paya banyak kekeringan, dan banyak juga yang telah terkambus jadi tanah daratan. Dusun buah-buahan juga sudah banyak berkurangan. Lesung juga telah dikalahkan oleh mesin kilang padi yang menggunakan tenaga minyak petrol atau diesel.

Turut juga hilang dari sehari ke sehari, ialah kepandaian bertukang, menganyam, menyirat, menjalin untuk bermacam-macam alat perkakas untuk penghidupan di kampung-kampung tepi sungai. Ini hanya pada hitungan kasar dan tidak lengkap, sebab ini bukanlah satu kerja mengenai hal-hal ekonomi, sosial dan budaya bagi para penduduk tepi sungai.

Walau bagaimanapun, ada kenyataan rasmi menyokong pendapat dan perkiraan saya di atas ini. Beliau adalah Menteri Perusahaan Utama ketika itu. Menurut kenyataan beliau melalui ucapannya berkata; pemuda-pemuda sudah tidak ramai lagi berada di kampung. Penoreh getah terdiri daripada orang-orang tua sahaja.

Jikalau saya teruskan analisis sepintas lalu ini, maka kenalah saya sebutkan juga bahawa berbagai-bagai jenis jenayah, besar dan kecil, berat dan ringan, sudah mula bertambah, meskipun masih perlahan-lahan. Begitu juga, kedamaian rumahtangga. Nikah kahwin boleh jadi bertambah, tetapi cerai-berai juga semakin bertambah. Demikian juga jumlah anak-anak yang gagal dalam pelajarannya.

Apakah sebab-sebab atau faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan, kelumpuhan dan kegagalan itu? Saya boleh menjawab soal-soal di atas ini dengan panjang lebar. Tetapi setakat ini, biarlah saya serahkan dengan hormat kepada cerdik pandai, para pemimpin yang bijaksana dalam negeri kesayangan saya itu.

Memang ada benarnya seperti halnya dalam negeri-negeri Melayu yang lain dalam Malaysia, bahawa kini sudah ada satu golongan yang berada atau kelas menengah dalam masyarakat. Tetapi pada hakikatnya berada itu maknanya 'berada banyak hutang'. Hutang mas kahwin pun bukannya sedikit. Apalagi hutang kepada bank, kepada MARA dan lain-lain badan kewangan. Di antara orang-orang berada itu, tidak syak lagi, ada yang berhutang di kedai kopi, kepada tukang dobi dan kepada penjual roti.

Rasanya, lebih baiklah saya jangan bercakap mengenai rasuah. Itu sudah menjadi perkara tau sama tau di antara kita semua. Apa halnya pula mengenai penyalahgunaan dadah? Ini juga satu perkara TST (tahu sama tahu).

Pertanyaan akhir yang hendak saya kemukakan ialah dalam kesibukan merebut kemajuan kebendaan bermacam rupa, siapa yang benar-benar sedar, di antara putera-puteri Pahang, apa yang sedang berlaku kepada kaum bangsanya sekarang ini?

Jawapan ini, kiranya ada kelak, akan menjadi kenangan hidup saya yang sangat berguna sehingga akan saya sampai masanya untuk balik ke negeri yang kekal.

Bertukar ke Sekolah Inggeris Kerajaan, Raub



Setelah bah surut dan jalan-jalan sudah cukup kering, maka orang-orang kampung pun diberitahu oleh kerajaan, iaitu barang siapa tidak ada beras dan garam bolehlah datang ke Mentakab untuk mengambilnya. Beras bantuan banjir pada masa itu terkenal dengan gelaran beras kapur, sebab dicampur dengan kapur supaya jangan dimakan bubuk atau berulat. Bantuan banjir pada masa pemerintahan British dahulu tidaklah cukup sempurna seperti sekarang. Orang ramai tidak disuntik untuk mencegah macam-macam penyakit yang boleh merebak sesudah banjir. Kerajaan tidak mengadakan rumah banjir, atau memberi percuma kayu perkakas rumah kepada orang yang rumahnya telah dihanyutkan oleh air bah.

Setelah menempuh susah payah, perjalanan keretapi yang merangkak-rangkak, maka akhirnya sampailah saya ke Kuala Lipis untuk menyambung semula persekolahan saya. Tetapi selang beberapa hari sahaja kemudian, saya telah jatuh sakit, dan apabila dibawa ke hospital untuk diperiksa maka saya telah diberitahu bahawa saya kena demam malaria dan ditahanlah di hospital, masuk wad kelas dua, tetapi tidak dikenakan apa-apa bayaran sebab saya budak sekolah.

Lebih kurang satu bulan saya kena duduk di hospital: pagi, tengah hari dan petang, setiap hari, kena minum air kuinin yang pahit macam hempedu. Tetapi rawatan dan layanan pada masa itu sangatlah baik. Tegur sapa pekerja hospital masa itu sangat ramah mesra, iaitu kalau dibandingkan dengan tegur sapa dan tilik pandang kakitangan hospital zaman sekarang.

Seperti yang telah dijanjikan oleh guru besar saya, V.N. Bartlett, saya telah dilompatkan ke darjah tujuh, sebab hasil peperiksaan darjah lima, bagi saya, sangatlah baik.

Salah satu daripada mata pelajaran yang diwajibkan bagi para pelajar darjah tujuh sekolah-sekolah Inggeris pada zaman itu ialah *scriptures*, iaitu kitab Injil dan riwayat empat orang sahabat Nabi

Isa. Bagaimanapun, pengajaran agama Kristian itu tidaklah mengugut kepercayaan kami terhadap agama Islam, sebab kerajaan masa itu mengadakan juga seorang guru agama Islam untuk kami para pelajar Melayu.

Adapun guru agama bagi kami yang tinggal di asrama pada masa itu ialah Tuan Haji Abu Bakar yang terkenal ke seluruh Pahang dengan gelaran Haji Bakar Lagu, sebab beliau pandai berlagu, sedap suaranya, dan beliau juga sangat cantik tulisan Jawinya, pandai menulis macam-macam khat Arab.

Haji Abu Bakar, tuan guru kami itu, mempunyai seorang kakak dan seorang abang yang juga pandai berlagu, sedap suaranya. Kakaknya bernama Cik Wok, lebih terkenal dengan gelaran Cik Wok Bijak, sebab kepandaiannya menulis khat Arab, mengarang nazam, syair dan pantun dan sangat cantik juga tulisan Jawinya. Cik Wok Bijak ini telah diambil oleh Sultan Selangor pada masa itu untuk menjadi guru anak-anak kerabat Diraja Selangor dan telah meninggal di Kelang.

Haji Abu Bakar juga gemar makan siri, bersentil tembakau, tetapi tidak merokok, dan suka merantau dalam masa cuti sekolah. Selain itu beliau, memperdengarkan lagunya dalam majlis-majlis perkahwinan, kenduri-kendara di samping menjual tulisan-tulisan khatnya yang diwarna-warnikan dengan air perada, dakwat hijau dan merah. Beliau kemudiannya telah dinaikkan pangkat menjadi Guru Pelawat bagi sekolah-sekolah agama dalam daerah Kuala Lipis dan tempatnya di Sekolah Clifford telah digantikan oleh Tuan Haji Yaakub, dari Pasir Mas, Kelantan.

Kira-kira dalam bulan Ogos tahun 1927 itu guru besar saya telah mengesyorkan supaya saya cuba ambil periksaan Junior Cambridge. Kalau tidak lulus pun tidak mengapa, katanya. Tetapi kalau saya berjaya, maka saya akan dilompatkan pula dari darjah tujuh ke darjah sembilan, atau senior, dan kerana itu mungkin boleh tamat sekolah Inggeris, lulus peperiksaan Senior Cambridge School Certificate dalam masa empat tahun sahaja. Pada masa itu tidak dikenakan apa-apa bayaran untuk masuk periksa. Tetapi zaman sekarang, untuk peperiksaan MCE sahaja pun, dikenakan bayaran seratus ringgit lebih.

Semenjak dalam sekolah saya sangat suka membaca. Apa sahaja bahan bacaan yang saya dapat seperti buku cerita, suratkhbar, majalah, risalah, semuanya saya baca dari awal hingga akhirnya.

Untuk masuk periksa darjah lapan atau Junior Cambridge, maka kenalah saya membaca banyak buku yang diperlukan untuk

peperiksaan itu, istimewa mengenai mata pelajaran yang saya minat, iaitu sastera.

Adapun kitab-kitab mengenai agama Kristian, iaitu *Genesis*, *New Testament* dan riwayat-riwayat berkenaan dengan pengajaran agama Kristian oleh empat orang sahabat dan pengikut yang setia kepada Nabi Isa, iaitu Saint Paul, Saint Mark, Saint Luke dan Saint John, adalah juga satu bentuk sastera, iaitu sastera lama Inggeris, tidak jauh bezanya daripada ciptaan dan karangan William Shakespeare, *Pickwick* dan lain-lain yang termasyhur.

Akan tetapi percubaan saya hendak lulus dua darjah sekaligus itu tidak berjaya. Saya telah lulus peperiksaan darjah tujuh dengan hasil yang baik, tetapi tidak lulus peperiksaan darjah lapan. Bagaimanapun percubaan itu tidaklah boleh dikatakan sia-sia sahaja, sebab saya sudah dapat beberapa pengalaman. Jadi, dalam tahun 1928 belajarlah saya bersungguh-sungguh dalam darjah lapan supaya boleh lulus dengan baik. Setiap pagi, mulai pukul tiga, ketika kawan-kawan saya sedang nyenyak tidur, saya bangun memasang lilin dan membacalah saya hingga siang.

Mengingat bahawa anak-anak Melayu, para pelajar kita zaman serba canggih banyak yang gagal persekolahannya, ramai yang tidak lulus ujian SRP atau LCE, maka sukalah saya menegaskan bahawa rajin membaca, mulai dari pagi-pagi, adalah satu cara yang paling baik untuk mencapai kejayaan.

Saya suka menyebutkan bahawa saya menaip ataupun menulis kisah ini di rumah saya pada waktu pagi-pagi. Saya tidak dapat membuatnya dengan tenang waktu di pejabat, sebab biasanya, setiap hari ada orang-orang yang datang hendak berjumpa dengan saya. Pada setiap hari juga tentu ada surat-surat yang sampai daripada para pembaca yang mengadukan berbagai-bagai hal dan masalah kepada saya, dan adakalanya mengkritik dan menghentam saya.

Pernah saya menerima sepucuk surat daripada seorang pelajar di Batang Berjuntai, Selangor yang sedang menunggu keputusan peperiksaan HSC. Dia menanyakan bagaimana caranya boleh masuk universiti, kalau lulus, sebab kad pengenalannya warna merah, pada halnya dia sudah menetap di Malaysia selama dua belas tahun lebih.

Satu contoh lagi tentang isi dan corak surat-surat yang saya terima ialah daripada seorang guru wanita yang mengajar di sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan di Bagan Serai, Perak yang mengadukan halnya hendak dikahwinkan dengan seorang lelaki berusia 25 tahun lebih tua daripadanya. Sepucuk lagi datangnya

dari Air Lanas, Tanah Merah, Kelantan yang mengadukan halnya kena saman dua kali kerana satu kesalahan yang serupa yang telah berlaku pada satu pagi, selang lebih kurang setengah jam sahaja, iaitu memandu motokar yang lesennya sudah mati.

Tetapi surat-surat yang lebih menarik perhatian saya ialah yang datang dari negeri saya, Pahang. Umpamanya banyak surat yang saya telah terima berkenaan dengan rumah banjir. Selain daripada itu saya terima surat mengenai rumah murah. Ramai yang mengadukan kepada saya berkenaan dengan rumah murah di Paya Besar, dekat bandar Kuantan. Harga rumah iaitu rumah papan jauh lebih mahal daripada rumah-rumah yang sama besarnya, serupa bentuknya yang telah siap dan diberikan kepada mereka yang pendapatannya tidak lebih daripada \$300.00 sebulan.

Rumah murah jenis itu, menurut surat itu, peringkat satu dan dua harganya hanya tiga ribu ringgit lebih sedikit, ada siling dan lengkap dengan meter air paip dan plag api elektrik, dan sewanya hanya \$31.00 sebulan. Tetapi rumah murah peringkat tiga, di Paya Besar itu berharga \$5,000.00 lebih, tidak bersiling, tidak lengkap dengan meter air paip dan plag api elektrik dan sewanya \$51.00.

Mengenai rumah murah di Busut Jin, Batu Tiga Jalan Temerloh-Mentakab pula, maka ada orang yang mengadukan kepada saya bahawa beberapa orang yang bergaji besar dan sudahpun punya rumah, dan juga beberapa orang luar, telah diberikan rumah itu. Pengaduan ini lebih kurang serupa sahaja dengan cerita rumah di Mukim Sanggang, Temerloh. Jalan di situ tidak dibubuh tar, dan dalam masa kemarau ini naiklah abuk yang amat banyak.

Tetapi yang saya musykil dan sangat hairan ialah surat-surat pengaduan itu kebanyakannya tidak bertandatangan, tidak ada alamat yang terang. Nampaknya orang Pahang sekarang sudah jadi penakut belaka. Atau bak kata orang-orang sana: 'Sudah tidak ada batu pelir'. Saya selalu bertanya mengapakah mereka itu tidak mengadu kepada Biro Siasatan Negara atau BSN?

Bagaimanapun, kita sekarang sudah ada kerajaan baru, ada kabinet baru. Kepada mereka itulah kita serahkan perkara tidak puas hati rakyat seperti ini. Saya mempunyai harapan besar dan keyakinan yang kuat pada kewibaaan Perdana Menteri dan Timbalannya, dan juga kepada jemaah menteri.

Kisah persekolahan saya selanjutnya ialah setelah lulus peperiksaan Junior Cambridge pada akhir tahun 1929. Pada awal tahun 1929 saya telah dipindahkan ke Sekolah Inggervis Kerajaan (G.E.S) di Raub, sebab masa itu tidak ada cukup persediaan, tidak ada guru-guru yang layak untuk mengajar murid-murid darjah

sembilan atau Senior Cambridge di Kuala Lipis. Lagipun tahun itulah kali pertama hendak diadakan pengajian darjah sembilan bagi sekolah-sekolah Inggeris di Pahang. Sebelum itu pelajar-pelajar dari Pahang yang hendak melanjutkan pelajarannya kenalah pergi ke Kuala Lumpur, belajar di Victoria Institution, St. John, atau Methodist Boys School.

Adapun yang kena pindah ke Raub itu hanya tiga orang sahaja, iaitu Encik Abdullah bin Muhammad Ali dari Kampung Sanggang, Temerloh, N. Nadarajah dari Kuala Lipis dan saya dari Kampung Buntut Pulau, Temerloh.

Guru besar G.E.S Raub pada masa itu ialah N. Appadurai, orangnya gemuk dan tinggi, dan suaranya pun besar, tetapi sangat baik hatinya, serupa dengan V. N. Bartlett, guru besar kami di Clifford School juga. Mulanya saya menumpang duduk di rumah Encik Abdullah bin Ibrahim, di atas bukit di depan sekolah Inggeris di Raub itu. Encik Abdullah pada masa itu menjadi ADO Raub. Tetapi kemudiannya saya dan Encik Lah Mat Ali telah pindah ke rumah seorang kawan kami di belakang Pejabat Daerah Raub, rumah papan dua tingkat.

Temuduga Jawatan MCS



Sementara menanti sijil kelulusan peperiksaan Senior Cambridge tiba dari London, saya balik kampung. Sungai Pahang tidak bah tahun itu. Perjalanan pergi balik dari Raub ke Temerloh tidak terganggu. Jalan raya semakin baik, kenderaan-kenderaan bertambah banyak. Duit pun mudah dapat, sebab kedai emas abah saya maju dan kebun getahnya juga mendatangkan banyak hasil. Pada masa itu kerja-kerja kerajaan banyak yang kosong. Bagi orang-orang yang 'lulus sekolah orang putih' mudah sangat dapat kerja. Bukan macam zaman ini, pemuda pemudi terburu-buru ke sana sini mencari kerja. Bukan sedikit pula, bahkan berpuluh-puluh ribu ramainya. Nampaknya semakin maju dunia ini maka bertambah ramailah manusia yang tidak punya pekerjaan. Di Eropah Barat, umpamanya tidak kurang daripada enam belas juta orang yang tidak punya pekerjaan. Demikian juga di Jepun, ramai yang menganggur.

Mulanya saya telah disyorkan supaya minta kerja jadi guru sekolah Inggeris. Maka saya pun buatlah surat minta kerja itu. Lebih kurang dua minggu kemudian saya telah menerima jawapan dari Pejabat Pelajaran Negeri Pahang yang menyatakan bahawa permohonan saya itu telah diterima dan dipersetujui. Saya dilantik sebagai guru pelatih atau *Probationary Teacher*, di sekolah Inggeris Kuantan.

Pada suatu hari, sedang saya leka bersenang-senang hati kerana sudah berhenti sekolah, moyang saya bertanya: "Hai, awak sudah pas India, ngapa tak kerja lagi?"

'India' yang disebut oleh moyang saya itu ialah *East India Company*, iaitu sebuah organisasi perdagangan, pelayaran, pengangkutan, pengintipan dan penjajahan Inggeris yang sangat besar pada zaman dahulu, sebuah syarikat yang telah diberikan tugas-tugas khas serta dilindungi oleh Raja Inggeris yang pada masa itu sudah pun mempunyai sangat banyak dan luas takluk jajahannya, di Timur dan di India Barat, yang digelar *East and West Indies*.

Mengikut kebiasaan pada masa dahulu, kerana saya sudah

besar panjang dan muda lela, maka ibu saya pun mulalah berunding dengan saudara-maranya berpakat-pakat, berbisik-bisik hendak menunangkan saya. Adapun yang menjadi tumpuan dan matlamat mereka itu ialah saudara sepupu saya, Habsah namanya, iaitu anak kepada adik perempuan emak saya, Hajah Esah namanya, yang saya panggil Mak Ngah.

Saya pada masa itu belum ingin hendak bertunang, apalagi hendak menikah dan beristeri. Cita-cita saya yang kuat ialah hendak belajar lagi, hendak menjadi seorang pengarang. Waktu dalam darjah tujuh sekolah Inggeris, di Kuala Lipis, saya sudah menterjemahkan cerita-cerita dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.

Satu daripada cerita itu ialah yang saya telah baca dalam kisah-kisah *Arabian Nights* atau *Hikayat Seribu Satu Malam*, mengenai pengembaraan seorang saudagar Arab yang bernama Abbas. Terjemahan itu telah saya kirimkan kepada sebuah percetakan di Singapura, Asiatic Press namanya dan telah diterbitkan sebagai buku cerita kecil, dalam tulisan huruf Jawi.

Saya juga pada masa itu menjadi wakil penjual mingguan *Warta Negeri* yang telah diterbitkan di Kuala Lumpur oleh Encik Muid, orang Seremban, Negeri Sembilan. Itulah suratkhbar Melayu tulis Rumi yang mula-mula diterbitkan dalam Semenanjung Tanah Melayu.

Saya menjual tidak banyak, hanya dua puluh naskhah seminggu. Tujuan saya ialah hendak menggalakkan kawan-kawan saya supaya gemar membaca suratkhbar, dan juga sebagai tempat bagi saya belajar mengarang dan berlatih untuk menjadi pemberita atau wartawan.

Setelah menerima surat arahan supaya melaporkan diri mula bekerja sebagai guru pelatih di Sekolah Inggeris Kuantan itu, maka saya telah pergi ke Kuala Lipis untuk meminta nasihat daripada guru besar saya, v.N. Bartlett, dan guru saya yang lain mengenai apakah yang lebih baik untuk masa depan saya.

"Engkau, Ishak, lebih baik cuba minta masuk kerja dalam MAS. Sekarang ada tiga kosong." Demikianlah nasihat guru-guru saya.

"*You better send your application now to the S.R. Ishak.*" Gesa guru besar saya. S.R. itu ertinya *Secretary (to the British) Resident*.

Menurut peraturan pada masa itu, maka suatu permintaan hendak masuk dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu perlulah lebih dahulu mendapat izin dan persetujuan daripada pihak-pihak Raja, dan bagi saya ialah, daripada pihak Istana di Pekan Pahang.

Syarat yang diutamakan ialah seorang calon bagi jawatan itu hendaklah berasal dari keturunan 'orang baik-baik'. Istilah 'orang baik-baik' itu boleh diberi macam-macam makna, dan saya fikir ada banyak maksudnya. Seyogialah saya ulangi menyebutkan bahawa sebelum tahun tiga puluhan jawatan istimewa itu hanyalah dibukakan pintu dan tingkapnya kepada anak-anak raja, datuk-datuk dan orang besar-besar. Kebanyakan calon-calon itu, kalau-pun tidak semuanya, ialah anak-anak Melayu yang bersekolah di Maktab Melayu, Kuala Kangsar.

Melalui Profesor William Roff yang telah membuat banyak penyelidikan dan kajian di seluruh Semenanjung Tanah Melayu mengenai usul-asal dan punca perasaan dan kebangkitan kebangsaan Melayu untuk bukunya *The Origin of Malay Nationalism* saya telah dapat membaca satu salinan surat jawapan daripada Tengku Besar Pahang kepada Setiausaha *British Resident* (S.R.) mengenai permohonan saya hendak masuk dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (MAS) itu. Di antara kata-kata dalam surat itu ialah yang berbunyi: "Bahawa beta tidak ada apa-apa halangan kepada permintaan budak dari Kampung Buntut Pulau, Temerloh itu . . ."

Saya menyebut hal ini hanya untuk menegaskan betapa jawatan istimewa bagi orang Melayu pada masa itu - sesudah perang dunia pertama - telah dikawal begitu rapi, sebab jawatan MAS itu boleh meningkat kepada MCS untuk jawatan taraf tinggi dalam perjawatan Kerajaan British pada masa itu.

Dalam bulan April, 1930, saya telah diarahkan supaya datang ke Kuala Lumpur untuk ditemuduga bagi pemilihan dan penapisan calon untuk tiga jawatan MAS yang kosong dalam tahun itu.

Antara para anggota lembaga pemilihan itu, yang saya ingat, ialah Sir Raja Chulan, dari Kuala Kangsar Perak, Tengku Sulaiman, Tengku Besar Pahang dan Datuk Abdullah, Undang Rembau, yang kemudiannya tatkala saya jadi majistret di Kuala Lumpur, telah berkahwin dengan Cik Kontek Kamariah, anak Penghulu Mat Mukim Kuala Lumpur.

Tuan Gordon Hal menemuduga kepastian bahasa Inggeris bertiga kami daripada jumlah 43 orang calon yang memohon. Pada saya telah dibisikkan oleh beberapa orang yang lebih mengetahui mengenai Tuan Gordon Hall, iaitu beliau ialah ke-turunan Yahudi, pandai bahasa Arab, boleh membaca al-Quran, mudah 'makan ampu', dan kalau menjawab pertanyaan kelak dengan banyak berkata "Yes Sir, Yes Sir," maka tentulah mudah boleh lulus.

Untuk temuduga istimewa itu saya telah dinasihatkan supaya memakai pakaian Melayu yang lengkap. Kebetulan pada masa itu

saya mempunyai sepasang baju Melayu warna biji kundang dari kain tenun Terengganu dan sehelai kain songket buatan Terengganu juga, iaitu hadiah lulus periksa darjah sembilan sekolah orang putih oleh abang saya, Encik Abdul Hamid yang pada masa itu bekerja di Terengganu sebagai *Settlement Officer*.

Adapun tempat kami ditemuduga itu ialah di tingkat bawah bangunan Sekretariat Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu di bawah jam besar yang masih ada sekarang ini, di Jalan Raja, Kuala Lumpur, di depan Kelab Selangor yang pada masa dahulu terkenal dengan gelaran cemuhan *The Spotted Dog* atau anjing tompok, sebab kelab itu hanya terbuka kepada orang-orang kulit putih sahaja.

Apakah yang telah disoal oleh para anggota lembaga pemilihan yang terdiri daripada orang-orang besar dan kenamaan seperti yang sudah sebutkan namanya di atas ini?

Saya telah ditanyakan: Berapa rukun Islam? Berapa rukun iman, dan berapa rukun sembahyang?

Saya telah menjawab pertanyaan-pertanyaan itu dengan lancar, iaitu rukun Islam lima perkara, rukun iman enam perkara, dan rukun sembahyang tiga belas perkara, dengan menyebutkan satu-satu kerukunan agama itu. Dan telah ditanyakan juga kepada saya mengenai sifat dua puluh, iaitu wujud, kiamat dan lain-lain. Saya telah menjawabnya dengan lancar.

Kemudian saya disuruh membaca al-fatihah. Itu pun saya boleh baca dengan lancar dan betul tajwidnya.

"Awak pandaikah berzanji?" tanya Datuk Abdullah, Undang Rembau. Saya mengangguk.

"Dengan berlagu?" Tanya pula Sir Raja Chulan. Sekali lagi saya mengangguk, dan kemudian menundukkan hulu (kepala) tanda hormat.

"Cubalah baca sedikit," gesa Tengku Sulaiman, Tengku Besar Pahang pada masa itu, yang tersenyum-senyum, sebab agaknya baginda terasa megah dengan kebolehan seorang anak negerinya, biarpun saya "budak ulu".

Maka saya pun membacalah: *Abtadiulimlaa* . . . , dengan membawa lagu sikah, berdengung-dengung suara saya dalam dewan itu, kerana saya telah belajar semuanya daripada tuan guru saya, Tuan Haji Abu Bakar, tukang lagu yang namanya masih diingati oleh ramai orang Pahang.

Mengingat kembali itu semuanya, maka saya masih berpendapat bahawa sistem ujian demikian itu amatlah baik dan sesuai bagi para pegawai pentadbiran yang tugas-tugasnya memerlukan me-

reka itu selalu berdampingan dan berhubung rapat dengan masyarakat di kampung-kampung. Berhubung dengan perkara ini saya ingin benar hendak mengetahui apakah bentuk dan corak kursus-kursus yang diberikan kepada pegawai zaman sekarang di pusat orientasi INTAN, misalnya.

Adapun ujian bahasa Inggeris dengan Tuan Gordon Hall itu pula, maka saya tidak bersua dengan apa-apa masalah. Bak kata anak-anak zaman sekarang 'No Problem'. Setiap pertanyaan yang dikemukakan oleh Tuan Gordon Hall, MCS itu saya telah jawab 'Yes Sir. Thank you very much, Sir' hingga pada akhirnya beliau mengatakan kepada saya: "*I think, without any doubt, you will be accepted into this most esteemed service.*" sambil membukakan celpa rokoknya yang diperbuat daripada perak, dan menawarkan supaya saya menghisap sebatang rokok Garrick.

Ringkas kisah saya masuk dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (MAS) itu, yang kemudiannya banyak bertali-talian dengan kehidupan saya selanjutnya hingga sekarang, maka tidak berapa lama lepas temuduga dan 'ujian-ujian istimewa' itu, saya telah diberitahu untuk bersiap-siap pergi ke Malay College, Kuala Kangsar, Perak kerana berlatih di sana selama satu tahun sebagai *Probationary Malay Officer* dengan elaun sebanyak \$45.00 sebulan, makan minum dan tempat tinggal percuma.

Berkursus di Maktab Melayu Kuala Kangsar



Satu tahun lamanya saya tinggal di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Hingga sekarang maktab itu lebih terkenal dengan sebutan MCKK, iaitu ringkasan dari Malay College Kuala Kangsar. Begitulah kuatnya pengaruh bahasa Inggeris. UMNO, FELDA, FIDA, FIMA, MAYC: Semuanya daripada istilah Inggeris. Sebaliknya, MARA, MPSI, PAS, HMM dan sebagainya, adalah ringkasan daripada istilah Melayu. Dibandingkan dengan Sekolah Clifford, Kuala Lipis dan GES, Raub, MCKK ini adalah sebuah pusat pengajian yang besar. Padangnya besar, kolam renangnya besar, cita-cita para pelajarnya juga besar. Itu tidak aneh, sebab mereka itu kebanyakannya ialah anak-anak orang besar, yang berdarjat tinggi, berpangkat besar.

Dari semulanya saya sedar bahawa saya hendak dicelup menjadi pegawai tinggi, kelak akan berpangkat besar, menjadi orang besar. Tetapi pencelupan itu berjalan amat perlahan, dan kerana itu pemberontakan dalam hati saya juga berjalan perlahan-lahan.

Daripada 43 orang calon yang merebut tiga jawatan MAS yang kosong dalam tahun 1930 itu, maka yang telah terpilih ialah Encik Badaruddin bin Alang Abdul Syukur dari Kuala Kangsar, Encik Mohamed bin Baba, dari Kampung Bahru, Kuala Lumpur, dan saya dari Kampung Buntut Pulau, Temerloh, Pahang.

Kuala Kangsar pada masa itu penuh dengan suasana feodal. Pusatnya, di Bukit Chandan, ada banyak istana, besar dan kecil yang comel-comel. Persidangan Raja-raja Melayu pertama kalinya telah diadakan di sini dalam tahun 1897.

Sultan Iskandar yang menjadi Sultan Perak pada masa itu mempunyai beberapa ekor kuda. Kami digalakkan belajar menunggang kuda, belajar bermain polo, iaitu permainan anak-anak raja dan orang besar-besar.

Saya telah terjatuh beberapa kali dari atas belakang kuda, di Padang Polo Kuala Kangsar. Untuk menunggang kuda mesti pakai celana istimewa. Seluar *jodphor* namanya.

Sebagai anak petani, anak orang kampung, saya dapati lebih mudah menunggang belakang kerbau, sebab belakangnya lebar, leper, dan kerbau tidak suka berlari cepat, melompat-lompat. Lebih selamat naik kerbau. Lagipun, bagi rakyat jelata yang tinggal di kampung-kampung tepi sungai, kerbau lebih berguna daripada kuda.

Saya masih boleh ingat cukup terang beberapa gambaran dan peristiwa-peristiwa besar dan kecil selama saya berlatih di Kolej Melayu Kuala Kangsar itu.

Encik Ismail Latiff dan Encik Jamal Latiff, kedua-duanya adik kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Yaakub Latiff, masih kecil lagi pada masa itu. Encik Ismail kini sudah bersara. Encik Jamal menjadi Duta Besar Malaysia di Eropah, di Jerman Barat kalau saya tidak silap.

Raja Syamsusah, bekas Penghulu Ulu Langat, pun masih belum besar masa itu. Sangat cergas. Boleh terjun berpusing-pusing dari titi tinggi di kolam berenang. Pandai main bola, main hoki. Agak lebih nakal daripada yang lain-lain. Tetapi pelajarannya tidak maju. Lulus darjah tujuh sahaja.

Tengku Muhammad dan Tengku Mustapha, anak Tengku Besar Burhanuddin Negeri Sembilan juga masih budak-budak masa itu.

Tengku Indera Putra, Kelantan, sangat comel masa itu. Ada bintik-bintik di mukanya. Anak-anak raja Kelantan yang lain ialah Tengku Mahmud (bekas pegawai kastam), dan pernah menjadi anggota PSC, (Kelantan) dan Tengku Indera Putra pernah menjadi Duta Besar Malaysia di Tokyo.

Tengku Nahar dan Tengku Zahar dari Bukit Chandan, Kuala Kangsar, kedua-duanya kecil comel, jambu, suka berbedak dan pakai minyak wangi, suka dicium-cium oleh pelajar-pelajar yang sudah agak besar, sudah mula miang-miang.

Pada suatu hari telah tiba tiga orang anak raja dari Pekan Pahang. Mereka sudah besar-besar, sudah lewat 20 tahun usianya.

Mereka membawa banyak bekalan: dodol, emping bergoreng dengan udang kering dan kuih lain. Mereka simpan di bawah katil. Malamnya, kami geng nakal curi makanan istimewa dari bandar Diraja Pahang itu. Habis semuanya.

Mereka tidak boleh tahan tinggal lama di maktab. Mereka telah mengadu kepada Sultan Perak, keluarga mereka, dan kemudian telah pindah ke Bukit Chandan. Tetapi tidak lama, tidak berapa suka lagi bersekolah. Lebih kurang setahun kemudian mereka telah berangkat balik ke Pekan.

Saya bergaul dengan semua golongan pelajar; yang nakal, yang baik dan yang warak. Saya suka main skuasy. Pantas permainan itu. Lekas berpeluh. Saya ikut pelajar-pelajar yang nakal pergi ke belakang kedai dobi, dekat stesen keretapi, di sana ada janda-janda muda yang boleh diurut, ada tempat boleh beli 'bada pisang'.

Hari minggu saya ikut para pelajar pergi ke pekan Kuala Kangsar. Tidak jauh dari Kolej. Boleh jalan kaki sahaja. Mereka berkerumun di kedai kopi, minum air batu kacang, makan mi, jalan-jalan 'di Kuala'. Kuala ialah nama sanjungan bandar Kuala Kangsar. Di stesen teksi Ipoh, misalnya, kalau terdengar panggilan "kuala!-kuala!", maka itu ialah panggilan untuk pergi ke Kuala Kangsar.

Hobi Encik Mohamed bin Baba ialah main gitar. Yang diminatinya pada masa itu ialah lagu-lagu Hawaii. Hobi Encik Badaruddin ialah menonton wayang bangsawan. Masa itu beliau sudah punya kereta jenis Austin Seven Sport. Kami berdua selalu diajak naik keretanya, pergi makan angin ke Padang Rengas, ke Taiping, kadang-kadang ke Ipoh dan sekali dua ke Pulau Pinang. Kami bebas, boleh pergi ke mana-mana tidak seperti pelajar-pelajar lain. Kami ialah pegawai-pegawai MAS dalam latihan.

Hobi saya ialah membaca buku. Hati saya bukan mahu jadi pegawai, tetapi mahu jadi pengarang, jadi wartawan.

Apakah latihan yang telah diberikan kepada kami? Peringkat awalnya ialah latihan makan bergarpu dan bersudu, belajar *table manners*. Pisau putih yang tumpul matanya ialah untuk memotong ikan goreng, yang tajam untuk memotong daging. Kalau minum teh atau kopi, jangan disedut dihirup hingga berbunyi. Itu menurut adat resam orang Barat, kurang ajar namanya atau *not cultured*, yakni tidak ada kebudayaan.

Sendawa juga menjadi pantang orang Barat dalam majlis istimewa. Tetapi kentut tidak mengapa. Pernah seorang raja dalam satu jamuan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Bahru, Kuala Lumpur telah terjatuh garpu dan sudunya ke bawah meja.

"Besarlah kemaluan beta," ujar baginda. Dan dengan spontan para hadirin telah tergelak, tidak segan silu lagi.

Adat resam Barat, kalau diikuti sangat, memang boleh 'berhantu'.

Apabila, sudah mengalami berbagai-bagai peristiwa, sesudah tua, saya sudah kikis 'celupan-celupan Barat' itu. Saya sudah kira-kirakan pengaruhnya balik semula menjadi Melayu asli makan petai, makan jering, makan budu dan belacan, berak mesti basuh dengan air, tidak main kesat-kesat dengan *tissue-paper* sahaja.

Saya jarang-jarang cakap Inggeris, tetapi terikut juga telatah-telatah moden seperti "stedilah".

Tuan C. Bazell, Pengetua MKK pada masa itu, tidak ambil tahu sangat hal kami tiga orang pegawai tadbir Melayu dalam latihan itu. Tetapi matanya tajam, telinganya juga tajam. Lepas perang Jepun, dalam masa BMA, Tuan C. Bazell telah didatangkan ke Terengganu, menjadi pegawai perisik di sana.

Kenapa saya katakan bahawa latihan setahun itu ialah satu proses untuk mencelup saya supaya menjadi kami cenderung kebaratan, supaya kuat pro-British? Sebab, kalau benar-benar untuk berlatih bekerja untuk menjadi seorang pegawai yang cekap, maka tempat berlatih yang lebih munasabah dan paling sesuai ialah di Kuala Lumpur iaitu ibu negeri Persekutuan pada masa itu, seperti halnya sekarang menjadi ibu negeri Malaysia.

Akhirnya, cita-cita saya hendak jadi wartawan, hendak jadi pengarang itu tercapai juga. Namun demikian masih sangat ramai orang Melayu yang menyesalkan nasib saya.

"Kalau Pak terus bekerja jadi pegawai dahulu, sekarang barangkali Pak sudah jadi seorang Hakim Besar," kata mereka.

Yang lain-lain pula mengeluh: "Kalau Bapak masuk UMNO, sudah tentulah bapak ada peluang menjadi Perdana Menteri Malaysia." Begitulah kuatnya minat orang Melayu pada pangkat besar, rumah besar, motokar besar, makan besar dan berak besar.

Memang betul saya tidak punya kereta Mercedes, tetapi dalam hayat saya, saya sudah sampai ke segenap pelosok tanah air saya, kecuali ke Genting Highlands, dan belum juga ke Mimaland.

Walau bagaimanapun latihan-latihan di Kuala Kangsar itu ada faedahnya juga. Yang saya suka dan ambil banyak perhatian ialah latihan bakal menjadi seorang majistret.

Dua hari dalam seminggu kami bertiga diarahkan supaya naik mahkamah, duduk bersama, di kiri kanan Tuan Majistret Daerah Kuala Kangsar untuk mendengar perbicaraan macam-macam kes, jenayah dan awam.

Tuan Majistret Kuala Kangsar masa itu bernama Wan Muhammad Ali yang suka memakai baju kot putih butang lima, seluar putih, kasut putih tetapi songkok hitam. Tidak pernah beliau pakai tali leher, atau tidak bersongkok. Pada masa dahulu ada ramai orang Melayu yang memakai songkok merah dan songkok hijau, pakai kasut bertekak benang emas.

Pada suatu hari ada kes rogol yang hendak dibicarakan dan yang mendakwa bukannya orang muda. Yang lelaki sudah lebih separuh umur. Dan yang perempuan sudah beranak tiga, isteri

orang. Kejadian itu telah berlaku di Kampung Kota Lama Kiri, dekat dengan pekan Kuala Kangsar. Dan bukan dalam sebuah rumah, tetapi di bawah rumpun pokok pisang.

Encik Wan Ali bertanya: "Lepas dibawanya mike ke bawah pokok pisang itu, apa yang telah dibuatnya kepada mike?"

Maka menjawablah perempuan yang mendakwa itu: "Direcakanalah teman." Dengan suara yang boleh didengar oleh sekalian hadirin. Memang pada pagi itu mahkamah penuh sesak dengan orang ramai. Maklum sahaja kes rogol, perkara seks!

"Eh, mike ni buat olok-olok tak reti, tak? Makna 'recak' dalam bahasa kami orang Perak ialah 'ditenggeknyalah', deme 'mainlah'." Tuan Majistret yang arif budiman itu menerangkan sambil tersenyum dan berselera nampaknya.

Bekerja di Pejabat Daerah Temerloh



Setelah selesai satu tahun berlatih, belajar dan mencari pengalaman hidup yang baru. Setelah menempuh percubaan-percubaan halus dan kasar supaya saya bersalin kulit, bertukar watak daripada seorang anak pak tani atau pak tukang yang sudah sekian lama, turun-temurun tersemam dengan tradisi desa, menjadi seorang pemuda golongan atasan yang punya jawatan tinggi. Maka saya telah diberi arahan supaya melaporkan diri untuk mula berkhidmat di Pejabat Daerah Temerloh, Pahang, yang letaknya hanya lebih kurang satu batu sahaja dari Kampung Buntut Pulau, kampung saya, kampung datuk nenek keluarga saya.

Pengaruh Inggeris, tradisi dan sistem hidup mereka sudah kuat tertanam dalam masyarakat Melayu, dan itu semuanya disesuaikan pula dengan tradisi dan sistem kaum feodal Melayu. Misalnya gelaran Datuk, buruh jabatan hutan juga Datuk, malah hantu dan jembalang pun dihormati atau ditakuti juga dengan gelaran Datuk.

Bagi saya, walaupun baru mula bekerja, sudah mula dihormati dengan panggilan Encik; kiri Encik, kanan Encik, ialah Encik, baiklah Encik. Tapi saya tahu bahawa pada hakikatnya itu bukan kehormatan yang sejati atau jujur, melainkan kelemahan Melayu gemar dan pandai mengampu.

Namun demikian, saya tidak bersalin kulit, menjadi seperti orang kulit putih. Saya tidak berubah watak, tidak bertukar peribadi. Saya hanya seorang biasa, orang kebanyakan, dan bukan anak orang baik-baik.

Latihan pertama bagi saya ialah bagaimana hendak memulakan kertas minit, bagaimana mendaftarkannya, membubuh dan mengenali tandanya. Kalau tandanya LOT 3/31, maka itu ialah kertas peringatan Pejabat Tanah atau *Land Office*/No. 3 bagi tahun 1931. Dan kalau Dot 9/22, maka itu ialah kertas peringatan Pejabat Daerah atau *District Office* Temerloh No. 9 bagi tahun 1922.

Pendeknya saya telah belajar dari alif dan membilang dari esa. Kemudian belajar pula mencari *old minute papers*. Pakai tangga, meraba-raba dalam *pigeon holes*.

Kemudian meningkatlah latihan itu kepada menerima bayaran cukai tanah, menuliskan resitnya, memasukkan jumlah penerimaan itu dalam 'buku besar' dan kemudian, pada pukul tiga petang, menyimpan buku itu ke dalam *strong room*.

Pernah seorang tua yang tinggal jauh telah datang ke Pejabat Tanah, hendak membayar cukai tanahnya yang berjumlah hanya \$2.00, tetapi terlupa membawa resit lama.

"Pergi balik ambil resit lama, resit tahun lalu. Besok datang lagi," kata seorang kerani, orang Melayu.

"Amboi garangya, amboi zalimnya!" kata saya, memberontak dalam hati. Dengan perlahan saya bertanya orang itu apa namanya, apa jenis tanahnya; tanah paya, tanah getah atau tanah dusun, dan dia duduk di mukim apa. Sesudah dapat keterangan-keterangan itu maka saya carilah namanya dalam 'buku besar', dan apabila berjumpa maka saya terimalah bayarannya \$2.00. Orang tua itu pun menghulurkan dua keping wang kertas seringgit yang nampaknya sudah lama disimpannya, di bawah tilam ataupun dalam lubang tiang, agaknya.

Sikap sombong dan kurang ajar seperti itu, dalam istilah moden, dinamakan birokrasi atau *red tape*. Agak saya istilah *red tape* diambil atau berasal daripada tali merah yang digunakan untuk mengikat kertas minit mengikut tradisi dan sistem pertadbiran British.

Saya menganggap sikap seperti itu ialah satu perbuatan kejam dari seorang yang tidak berbudi bahasa, tidak punya rasa belas kepada seorang rakyat yang miskin. Kebiasaan demikian itu, iaitu birokrasi dan *red tape*, masih berleluasa dalam pejabat-pejabat kerajaan, malah dalam pejabat-pejabat swasta dan badan-badan berkanun, biarpun negara kita sudah merdeka, kita sendiri yang memerintah dan mentadbirkannya.

Kemudian lagi, kemahiran saya meningkat kepada mengukur tanah daripada pegawai-pegawai tanah. Latihan ini memerlukan ilmu hisab dan menggunakan kompas kecil. Itu semuanya pun tidak susah bagi saya kerana ada seorang yang mahir baik budi bahasanya, iaitu Encik Muhammad Taib bin Haji Mohd Amin. Beliau dalam jawatannya telah meningkat naik daripada SO menjadi ADO dan kemudian menjadi Majistret Kelas Satu di Kuala Lumpur.

Tanah-tanah yang diminta dan diberikan kepada orang Melayu pada zaman itu tidak pernah lebih daripada 10 ekar. Kebanyakan hanya dua tiga ekar sahaja. Oleh kerana itulah agaknya kaum tani Melayu mempunyai banyak keping tanah, tetapi tidak setempat.

Isteri saya, misalnya, mempunyai tiga keping tanah dalam Mukim Ulu Langat. Dua keping luasnya hanya satu ekar, satu keping lagi tiga ekar lebih sedikit. Tetapi ketiga-tiganya terletak berjauhan di antara satu dengan lain, yakni tidak dapat dijayakan serentak pada setiap hari.

Pernah pada suatu masa saya pergi ke Pejabat Tanah di Kajang untuk membayar cukai tahunan bagi tanah-tanah itu. Mulanya seorang kerani India yang bertugas menerima bayaran cukai daripada orang-orang kampung yang punya banyak keping tanah, tetapi luasnya hanya seekor dua sahaja, dan tidak setempat.

Ada pula cukai tambahan atas tanah-tanah kampung, biarpun luasnya hanya setengah ekar, iaitu cukai pembangunan namanya, hanya satu ringgit satu ekar. Kerani bukan Melayu itu telah menulis dengan betul dalam bahasa Malaysia, iaitu cukai pembangunan (CP) . . . \$1.00.

Sebelah petangnya seorang kerani Melayu pula bertugas. Dia telah menukar CP (cukai pembangunan) pada DT (*development tax*), iaitu daripada bahasa Malaysia, balik kepada bahasa Inggeris. Ini pun saya kira, adalah sifat atau sikap kurang ajar satu penyakit atau kelemahan mental (meskipun sudah direvolusimentalkan) orang Melayu, khususnya dalam golongan yang dinamakan cerdik-pandai atau golongan intelek.

Pada suatu hari satu tulisan saya yang bercorak politik, yang mana saya telah menegur kedudukan orang-orang besar di Pahang, negeri saya, yang dibayar gaji buta beratus-ratus ringgit sebulan, tetapi kerjanya atau tugasnya entah apa-apa, telah tersiar dalam suratkhbar Majlis dengan nama samaran saya IBHAM (Ishak bin Haji Muhammad).

Pada hari tersiarnya makalah saya itu, saya tidak ada di pejabat; saya berada di Triang, sebuah pekan kecil sebelah hilir bandar Temerloh, kerana membuat kerja mengukur tanah bersama Encik Taib yang mengajar saya.

Kami telah pergi ke Triang dengan perahu, singgah di Mukim Durian Tawar, tetapi kami telah balik ikut keretapi. Petang kami sampai di stesen Mentakab, lebih kurang enam batu dari Kuala Semantan, saya lihat ramai kawan saya menunggu di stesen itu.

"Sekali ini Encik kena buang kerjalah," kata seorang daripada mereka dengan air muka penuh cemas.

"Apa fasal?" tanya saya, penuh hairan.

"Besok boleh taulah," jawabnya. "Orang-orang besar dan penghulu-penghulu telah mengadu kepada Tuan DO, fasal karangan Encik dalam Majlis." Kata lagi orang itu, yang mungkin sayang

kepada saya, ataupun sebaliknya, sangat benci kepada saya.

Saya sendiri sedikit pun tidak gentar. Saya hanya telah mengemukakan pendapat saya mengenai masyarakat kaum bangsawan. Apa salahnya? Saya ada hak berbuat demikian.

Keesokan harinya, lebih kurang pukul 10 pagi, saya telah dipanggil oleh Tuan DO - J.J. Sheehan.

Semua kakitangan sepejabat, memandang ke arah saya, sunyi senyap, seolah-olah dalam ketakutan. Mungkin ada juga seorang berdua yang berkata dalam hatinya: "Sekali ini rasakanlah; handal sangat, pandai sangat."

Tuan J.J. Sheehan mempersilakan saya duduk. Air mukanya kelihatan serius.

"*I presume you know already what it is all about. Have you anything to say?*" katanya.

"*It's about my article in the Majlis, Sir; concerning the duties of the Orang-Orang Besar Negeri. But I have not read it yet, Sir,*" kata saya.

"*Never mind; I totally agree with your opinion on the matter. I am despatching my comments and recommendations to the SR today. I can assure you, Encik Ishak, no harm will be done to you. But please keep it to yourself,*" kata Tuan J.J. Sheehan lagi.

Sebentar saja perjumpaan empat mata itu. Saya pun keluarlah dari biliknya, balik ke meja saya, membuat kerja-kerja saya.

Saya menyebut peristiwa ini untuk membuktikan bahawa dalam jiwa orang Melayu, jauh di dalam lubuk hatinya masih ada perasaan takut kepada bayang-bayang sejarahnya, kepada hikmat dan kuasa kaum feudal. Beberapa peristiwa besar yang berlaku di Sabah dan di Selangor dalam zaman merdeka dan rakyat berdaulat ini adalah membuktikan lagi bahawa bangsa Melayu belum lagi terlepas bebas daripada puaka perhambaan, daripada *inferiority complex*.

Saya dengan sengaja tidak menterjemahkan kata-kata Inggeris di atas ini, sebab saya tahu bahawa kaum intelek Melayu, sebilangan besarnya pegawai tinggi, lebih mudah faham dan menangkap makna kata-kata Inggeris itu. Saya sukalah bertanya kepada mereka itu bahawa sungguhpun mereka sudah terpelajar, sudah maju dan *sophisticated*, adakah sudah bebas sepenuhnya daripada perhambaan, daripada cengkaman bayang-bayang sejarah bangsa?

Kerja dengan Kerajaan



Makan gaji atau kerja kerajaan memanglah satu pekerjaan yang senang, iaitu apabila dibandingkan dengan kerja menoreh getah, menanam padi, menangkap ikan dan sebagainya. Oleh kerana itulah, tidak syak lagi, anak-anak Melayu dalam zaman pemerintahan British dahulu sangat berminat makan gaji atau kerja kerajaan. Saya menyebut hal ini untuk menarik generasi zaman ini supaya meninjau semula dan memikirkan segala aspek perubahan sikap hidup kita anak-anak bumi Tanah Melayu yang telah berubah dan terbentuk dalam masa penjajahan British hinggalah ke zaman kita memerintah negeri kita sendiri.

Pada awal pemerintahan dan pengaruh sistem penjajahan British, orang Melayu atau bangsa Melayu tidaklah begitu tertarik untuk makan gaji. Kerja mata-mata (polis) misalnya, telah dianggap sebagai menjadi anjing kompanyi *East India Company*, iaitu satu ungkapan bahasa yang cukup terang makna dan maksudnya, iaitu satu pekerjaan yang hina.

Tetapi dalam tahun tiga puluhan anggapan hina itu sudah bertukar menjadi mulia. Akhirnya dianggap sebagai pekerjaan yang baik, tinggi darjatnya, banyak kelebihan dan kemudahannya, dan di antaranya ialah air datang mengalir dalam besi yakni tidak payah diangkut daripada perigi atau sungai dan api keluar dari kaca, yakni tidak payah pakai pelita minyak tanah atau pakai damar.

Akhir-akhirnya segala jenis kerja makan gaji dianggap baik, senang dan mudah. Kalau bernasib baik boleh naik pangkat, yakni naik darjat atau status dalam masyarakat, dan kalau umur panjang, apabila cukup 55 tahun, boleh pencen, dan kemudian boleh balik kampung, buat rumah sendiri, duduk senang-senang, naik haji ke Mekah, dan terus menjadi orang yang dihormati, yang disegani oleh orang ramai.

Bagi saya sendiri, kerja makan gaji sangatlah membosankan saya, sebab tidak ada apa-apa yang baru yang hendak dibuat, yang hendak difikirkan, tidak ada sebarang cabaran, atau semuanya rutin belaka.

Ada juga pegawai British yang punya perasaan seperti saya. Tuan J.D.H. Murphy, ADO di Temerloh pada masa itu, misalnya, telah menunjukkan kebosanannya dengan melanggar beberapa peraturan.

Pada masa dahulu resit pembayaran cukai, termasuk cukai tanah, tidak pakai karbon untuk satu atau dua salinan. Jadi, bagi satu resit, kami pegawai-pegawai kena tandatangan dua kali, satu tandatangan kecil di pangkalnya dan satu lagi tandatangan penuh. Ini leceh punya kerja. Tuan Murphy menandatangani sekaligus sahaja, dari pangkal resit itu hingga ke hujungnya.

Pada suatu hari orang putih yang dianggap tiga suku itu telah mengesyorkan kepada saya supaya menandatangani resit-resit dalam tulisan Jawi. Dia mahu tengoklah apa pejabat audit akan katakan mengenai tandatangan dalam tulisan Jawi.

Ya, memang betul telah terjadi. Beberapa bulan sahaja kemudian pihak pejabat audit telah membuat bantangan tentang resit-resit yang memakai tulisan Jawi.

Tuan Pegawai Daerah J.J. Sheehan telah memberi arahan supaya saya sendiri menjawab bantahan-bantahan pejabat audit itu. Maka kenalah saya membaca semula buku-buku *General Order* dan *Colonial Regulations*. Saya dapati tidak ada tercatat satu peraturan yang menegaskan bahawa semua resit mestilah ditandatangani dengan tulisan "Rumi". Maka saya jawablah tanya selidik pejabat audit itu dengan mengatakan bahawa tidak ada peraturan yang mewajibkan tulisan Rumi dan mengharamkan tulisan Jawi.

Dalam jawapan saya kepada *Audit Query* itu saya telah berikan pendapat saya sendiri bahawa tugas utama Jabatan Audit ialah memeriksa dan meneliti supaya wang bayaran-bayaran kepada kerajaan tidak kurang atau tidak lebih jumlahnya daripada jumlah yang terdapat dalam buku-buku resit, dan bukanlah menjadi satu tugas bagi pejabat audit memastikan bahawa semua tandatangan pegawai-pegawai yang menerima hendaklah dalam tulisan rumi.

Tuan J.J. Sheehan bersetuju dan menyokong jawapan saya itu. "Kita tengoklah nanti apa pihak Jabatan Audit nak cakap lagi." katanya tersenyum-senyum.

Kebanyakan kakitangan pejabat audit pada masa itu ialah orang-orang dari Ceylon (Sri Lanka). Yang agak aneh, lepas itu tidaklah datang lagi pertanyaan dari pejabat audit berkenaan perkara yang sama. Hal-hal seperti ini telah memberikan rasa seronok kepada saya bekerja.

Pada suatu masa yang lain ada seorang daripada orang kampung saya meminta tanah paya letaknya tidak jauh daripada tanah

paya milik ibu saya. Saya cukup tahu akan keadaan tanah di situ sebab saya seringkali ke situ menolong ibu saya bekerja merangai, mengubah dan kemudian menuai padi.

Apabila kertas minit berkenaan dengan permintaan itu diedarkan kepada saya untuk syor daripada saya, maka dengan cepat dan mudah sahaja saya memberikan pendapat saya, iaitu saya kenal baik dengan si peminta, dia seorang yang rajin bekerja, belum banyak punya tanah, anak-anaknya ramai, dan mengesyorkan juga beberapa bayaran-bayaran yang patut dikenakan.

Akan tetapi kemudiannya, apabila Tuan DO memerintahkan supaya seorang SO pergi menyukat tanah itu, maka S.O itu telah mengadukan kepadanya (DO) "Encik Ishak tidak pergi melawat tanah itu, Tuan."

Apabila saya dipanggil oleh Tuan J.J. Sheehan dan bertanya adakah betul saya tidak melawat tanah yang diminta itu, maka saya telah menjawab: "Saya sudah tuliskan semuanya dalam kertas minit itu. Saya tak payah pergi melawat, Tuan, sebab saya tau tanah itu seperti saya tahukan halaman rumah saya sendiri."

Tuan J.J. Sheehan senyum-senyum kambing sahaja. Dan saya menyebut peristiwa ini hanyalah untuk menunjukkan betapa tebalnya perasaan hasad dengki, iri hati dan jahat sangka di antara orang-orang Melayu sesama Melayu. Hal demikian di mana-mana pun ada berlaku.

Dalam banjir besar tahun 1931 bandar Kuala Sementan telah hanyut dan musnah sekali lagi. Tapaknya dahulu ialah kebun getah Melayu yang telah diambil beli oleh kerajaan.

Antara rumah-rumah kedai besar dua tingkat, diperbuat daripada kayu, tidak kurang sepuluh buah, dahulunya dipunyai oleh orang Melayu. Haji Sidin punya dua buah, Encik Osman Pahlawan punya sebuah, Haji Sulaiman punya sebuah, dan lain-lain. Dengar khabar semua kedai kepunyaan Melayu itu sudah dijual kepada bukan bumiputera. Kalau ada pun yang belum dijual barangkali hanya sebuah sahaja. Bukan sahaja rumah kedai Melayu yang telah dijual, tetapi tanah-tanah Melayu dalam bandar itu telah dijual semuanya.

Ada sebaris lagi kedai kayu, lebih kecil, di Jalan Ibrahim. Mungkin semuanya masih dimiliki oleh orang Melayu, tetapi kebanyakan yang berniaga dalam kedai-kedai itu bukanlah bumiputra. Jadinya, bagaimanakah boleh disebut-sebut, dimegah-megahkan bahawa, kononnya, kaum bumiputera sudah maju; ekonominya sudah meningkat 30 peratus? Elok juga saya sebutkan satu contoh keruntuhan ekonomi Melayu di bandar lama,

Temerloh, atau Kuala Semantan. Tuan Haji Dahan, ayah Bung Satar, orang kuat PSRM, di Pekan Lama Temerloh itu, dahulunya menjalankan perusahaan mencuci kain, atau tukang dobi. Maju perusahaannya itu. Saya sendiri pun, bila-bila balik kampung, mendobi kain baju saya di situ. Kedai itu punya satu almari sahaja yang berisi songkok-songkok lama. Beberapa orang tukang tulis surat rayuan menyewa tempat dalam kedai itu.

Maka betapa banyaknya pemuda Melayu yang menjadi tukang tulis surat rayuan (petesen reta: kata orang-orang Pahang) menunjukkan bahawa kaum Melayulah yang paling ramai sekali menyimpan perasaan tidak puas hati terhadap kerajaan.

Mujur saya tidak kena buang kerja seperti yang telah disangkakan oleh orang ramai dan kawan-kawan saya sebagaimana yang saya sudah ceritakan.

Pada suatu pagi, sedang saya tekun bekerja di bahagian lain, iaitu di *Sanitary Board* (Majlis Bandaran), seorang pegawai kulit putih telah datang dekat saya, dari belakang, dan berkata "*Why don't you say good morning to me?*"

Darah muda saya serta-merta menyirap. Dengan memegang sebatang kayu pembaris yang bulat dan hitam legam, saya pun bangun, menghadap ke arah orang putih itu, dan berkata: "*What did you say?*" Saya cuba hendak menghayunkan kayu keras itu ke kepalanya.

Mujurlah kayu itu segera disambar dari tangan saya oleh seorang kerani yang duduk dekat saya. Lepas itu gemparlah sekali lagi, iaitu kononnya saya akan kena buang kerja sebab berani berkelahi dengan orang putih. Tetapi peristiwa itu pun dapat diselesaikan dengan aman oleh Tuan J.J. Sheehan, DO Temerloh pada masa itu.

Sebaliknya dalam bulan Mei, tahun 1932 saya telah ditukarkan ke Bentong (naik pangkat) jadi Timbalan Penolong Pegawai Daerah. Dalam bahasa Inggeris ialah DADO atau penuhnya *Deputy Assistant District Officer*.

Menjadi DADO Bentong



Bandar Bentong, dari dahulu hinggalah sekarang, pada hakikatnya, ialah sebuah *China Town*, kerana sebilangan besar para penduduknya, dan juga dalam kawasan di sekitarnya, ialah orang Cina. Kaum Cina telah datang ke daerah itu beramai-ramai kerana di sana ada banyak bijih timah dan luas kawasannya serta subur tanahnya untuk ditanam dengan getah. Saya ditukarkan ke Bentong kerana menggantikan tempat untuk sementara, seorang pegawai Melayu yang bercuti panjang. Namanya Ibrahim, gelarannya Ibrahim Ah Chong, sebab rupanya macam Cina. Beliau bercuti selama tiga bulan balik ke kampungnya di Perak.

Pegawai Daerah Bentong, pada masa itu orang dari Perak juga, Raja Kamaruzzaman namanya, tetapi lebih terkenal dengan gelaran Tengku Kem sahaja.

Tengku Kem ialah seorang pegawai Melayu MCS yang sangat baik, seorang anak raja yang betul-betul berjiwa rakyat. Saya mudah sesuai dengannya, dan telah mendapat banyak panduan serta petua bekerja daripadanya.

Lombong biji timah yang besar di Bentong pada masa itu ialah di sekitar Pekan Ketari, simpang jalan hala ke Kuala Lumpur. Kini sudah habis bijihnya, dan tinggallah kebanyakan kawasan itu menjadi tanah belukar, semak-samun, berbencah-bencah.

Dibandingkan dengan masyarakat kaum Cina, maka masyarakat Melayu di Bentong sangat kecil. Tetapi pada masa dahulu masyarakat Melayu amat kuat perpaduannya, dan daripada mereka itu telah timbul satu dua orang tokoh perjuangan kebangsaan Melayu yang handal dan terkenal.

Seorang daripadanya ialah Encik Muhammad bin Baginda Besar, yang lebih terkenal dengan gelaran Encik Mat Tiga B. Anak lelaki Encik Mat Tiga B bernama Encik Abdul Malik.

Di bandar Bentong dahulunya ada sebuah persatuan Melayu, Sri Persatuan Melayu Bentong namanya, yang telah membuat banyak jasa memberikan banyak khidmat kepada kaum Melayu di sana. Tetapi, apakah persatuan itu masih wujud, saya tidak tahu.

Saya jarang-jarang ke sana, dan orang-orang Melayu dari sana pun, meskipun tidak jauh dari Kuala Lumpur, jarang-jarang saya jumpa, ataupun berjumpa dengan saya.

Penduduk Melayu Bentong kebanyakannya berasal dari Jambi atau Kerinci, Sumatera, dan sedikit-sedikit dari Minangkabau. Kampung Ketari ialah kampung Melayu yang terbesar di Bentong. Sebilangan besar orang-orang Melayu Bentong sudah berpindah ke Lembah Bilut, ke tanah rancangan (getah) FELDA dan juga ke dalam, iaitu ke Kampung Lebu, Ulu Kelau dan lain-lain.

Pengalaman hidup saya selama bekerja di Bentong tidaklah banyak, sebab saya tinggal di sana sekejap sahaja. Yang saya hendak ceritakan hanya satu dua peristiwa mengenai diri saya.

Saya telah ditukarkan ke Bentong, yang sebenarnya, kerana naik pangkat sedikit, iaitu jadi Pemangku Timbalan Penolong Pegawai Daerah (DADO) atau *Acting Deputy Assistant District Officer*. Kawan-kawan saya di Temerloh sangat hairan, penuh takjub kerana saya dua kali hendak dibuang kerja boleh naik pangkat? Demikianlah mereka itu tertanya-tanya.

Tengku Kem, ketua dan penasihat saya yang sangat saya ingati itu, suka mengajak saya melawat ke kawasan-kawasan tanah di sepanjang jalan hala ke Kuala Lumpur, menunjukkan kepada saya tanah-tanah yang baru diluluskan, baru ditanam dan yang baru ditebang.

Biasanya beliau mengajak saya melawat pada hari Sabtu. Tetapi apabila sampai agak jauh, di Batu Enam atau Tujuh, beliau akan berkata: "Saya nak ke Kuala Lumpur ni, awak tinggallah, jangan keluar dari daerah."

Ketika itu bagaimana kecewanya hati saya kerana tidak dapat pergi ke Kuala Lumpur pada setiap petang Sabtu, tidak dapat ber-seronok di Kuala Lumpur pada malam minggu, sebab saya juga orang muda.

Pada suatu hari, iaitu hari Sabtu, sesudah membaca senarai kerja pada hari Isnin lusanya, maka pagi-pagi lagi saya telah 'cabut' ke Kuala Lumpur tanpa memberitahu Raja Kamaruzzaman, Pegawai Daerah Bentong, ketua saya pada masa itu.

Mengikut peraturan dan disiplin bagi pegawai-pegawai kerajaan, maka saya memanglah telah melakukan satu kesalahan besar, iaitu meninggalkan daerah tanpa kebenaran, dan perbuatan itu bererti bahawa saya adalah seorang pegawai yang tidak bertanggungjawab.

Akan tetapi niat saya tidak jahat. Perbuatan saya itu hanyalah satu bentuk bantahan kecil, satu protes halus; bahawa saya juga

patut diberi hak sekali-sekala untuk pergi ke Kuala Lumpur berehat-rehat dan melepaskan wap. Di bandar Bentong tidak ada apa-apa hiburan. Di Sri Persekutuan Melayu permainan yang ada hanya loto sahaja. Memanglah di sana suasana biasanya riuh, selalu ada dibandar itu gelak ketawa, ada gurau-senda, tetapi jarang-jarang boleh bersua dengan seorang Melayu yang boleh bercakap berkenaan masalah tanah air, kaum bangsa atau tegasnya, masalah politik.

Berbalik pada kisah saya pergi ke Kuala Lumpur itu, keluar daerah tanpa kebenaran, maka pada pagi hari Isnin, lusanya, baliklah saya ke Bentong, tetapi saya tidak pergi ke pejabat. Apabila sampai di Bentong maka saya terus pergi berjumpa dengan pegawai perubatan, Dr. Vytilingam namanya.

Dr. Vytilingam tersenyum-senyum memerhatikan muka saya. Mungkin beliau sudah tahu dan mengerti apa sebab saya mahu minta cuti satu hari.

"Selamat pagi, Tuan Doktor. Saya mau minta cuti, *medical leave*, satu hari," kata saya.

"Apa sakit?" tanya Dr. Vytilingam.

"Tidak sakit apa-apa tuan, tapi saya tidak cukup tidur sudah dua malam, tuan; saya makan angin pergi ke Kuala Lumpur, tuan."

"Ada bikin apa-apa boleh dapat sakit punya? Kalau ada saya boleh kasi satu *injection*."

"Tidak bikin apa-apa, tuan. Saya pergi tengok wayang, tengok bangsawan, makan-makan, pergi dansa dan jumpa kawan-kawan sahaja, tuan."

"O.K., satu hari sahaja cukup, ya?" kata lagi Dr. Vytilingam, terus senyum-senyum.

Apabila dapat surat cuti itu saya terus balik ke rumah saya, sebuah banglo besar di atas puncak bukit, dan sepanjang hari Isnin itu saya tidur cukup-cukup.

Begitulah mudah dan indahnyanya hidup pada masa itu. Doktor yang bertugas cukup mengerti masalah pegawai-pegawai muda dan juga masalah orang kampung, kaum buruh dan sebagainya.

Kerana perkhidmatan yang cemerlang Dr. Vytilingam telah dikurniakan pangkat JP, dan setelah bersara beliau membuka kliniknya sendiri di bandar itu yang sangat popular kepada orang ramai.

Pada pagi Selasa, apabila saya balik bekerja, Tengku Kem saya lihat berkerut-kerut dahinya. Tetapi beliau tidak marah terang-terang kepada saya.

"Hari Isnin semalam cukup banyak kerja, dan mike tidak ada pulak di pejabat," katanya mengadukan hal-hal pejabat. "Nampak-

nya mike ini membalas dendam ya?" katanya lagi. Dan sejurus kemudian beliau pun tersenyum-senyum.

Raja Kamaruzzaman, seperti yang sudah saya katakan, adalah seorang yang sangat baik hatinya. Sesiapa yang telah pernah bekerja di bawah tangannya akan menyokong kata-kata saya ini. Pegawai-pegawai Melayu MCS masa dahulu kebanyakannya memang begitu. Mereka suka bercampur gaul dengan orang kampung, dengan rakyat jelata. Orang-orang lama yang telah membuat banyak jasa kepada tanah air dan kaum bangsanya itu sudah tidak ada lagi.

Cerita-cerita yang saya dengar zaman ini sangat lain bunyinya. Ketika saya menulis bab ini, saya mendengar berita di TV tiga orang pegawai RISDA baru ditangkap oleh BSN kerana terlibat dalam rasuah 10 juta ringgit iaitu wang bantuan menanam semula bagi pekebun-pekebun kecil di Perak Utara.

Daerah Bentong adalah satu kawasan yang sangat luas. Sempadannya dengan Negeri Selangor ialah Genting Sempah, di simpang jalan naik ke Genting Highlands. Terpencil hala ke dalam, di depan Kampung Baru Bukit Tinggi, ada sebuah perkampungan orang Melayu, tetapi, sehari demi sehari, tanah-tanah kampung di situ banyak yang telah dijual kepada orang-orang kaya yang tinggal di Kuala Lumpur.

Hampir lima puluh tahun selepas darurat, bandar Bentong tidak banyak berubah. Yang bertambah ialah panggung-panggung wayang gambar. Bentong mempunyai sebuah pasar baru yang besar, rumah moden dua tingkat. Yang saya tahu hanya ada seorang sahaja peniaga Melayu dapat sebuah gerai dalam pasar itu, seorang bekas tahanan darurat, iaitu Ustaz Yunus bin Haji Muhammad Nor, yang juga punya sebuah ladang pisang yang luas di tepi jalan hala ke Kuala Lumpur.

Dekat perhentian bas di bandar itu, Lembaga Kemajuan Negeri Pahang telah mendirikan beberapa buah rumah kedai dua tingkat untuk bumiputera. Semuanya sudah berisi, perniagaannya nampak maju. Tidaklah seperti Bandar Baru Cenor. Empat puluh pintu telah didirikan, sudah lama siap sedia, tetapi yang berisi, yakni yang sudah diduduki hanya empat lima buah sahaja.

Di Simpang Ketari kini ada sebuah masjid baru yang besar, yang kubah dan menaranya dicat dengan warna emas. Dekat masjid itu ada sebuah restoran kecil comel yang diusahakan oleh Tengku Jara dari Kuala Trengganu, isteri seorang guru Sekolah Kebangsaan. Pada suatu masa dahulu, di Kampung Ketari ada sebuah pekan minggu, yang bermula dari petang hari Sabtu hingga

ke pagi Ahad. Lebuhraya yang melencong dari Kuala Lumpur terus ke Pekan Karak, menyebabkan bandar Bentong semakin terpencil dari lalu lintas orang ramai.

Setelah cukup tempoh tiga bulan saya menjadi DADO di sana, dalam tahun 1932, maka kira-kira dalam bulan Julai tahun itu saya telah ditukarkan ke daerah kecil Rembau. Di sanalah telah bermula satu babak hidup saya yang telah memeranjatkan orang ramai di seluruh Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu.

Bertukar ke Rembau dan Berkahwin



Hati saya sangat suka apabila diberitahu bahawa saya akan diberi peluang bekerja, berlatih lagi, mencari pengalaman-pengalaman baru di luar negeri Pahang, iaitu di Rembau, Negeri Sembilan. Pada masa itu saya sudah punya motokar, jenis Fiat 514. Seorang jurujual kereta, Encik Lisut namanya, orang Bentong, telah dapat memujuk saya supaya membeli motokar itu, padahal yang sebenarnya saya tidak pernah ingin hendak pakai kereta. Sebab perangai saya tidak pandai megah dan tidak tahu sayang kepada harta dunia seperti itu, dan mudah sahaja meminjamkannya kepada saudara-mara atau kawan-kawan yang berhajat memakainya.

Ringkasnya, maka saya pun pindahlah ke Rembau, iaitu pada penghujung tahun 1932, bersama dengan tukang masak saya Pak Cat namanya orang Bukit Mertajam, yang dahulunya telah bekerja dengan abang saya, Encik A. Majid, mandur DID di Perak, dan drebar saya, Mat, orang dari Kampung Ketari, Bentong. Saya pada masa itu belum ada lesen memandu kereta.

Rembau pada masa itu masih bertaraf daerah kecil yang diketuai oleh seorang ADO, iaitu Encik Kamaruddin bin Haji Idris. Beliau dalam segala urusan dibantu oleh Tengku A. Hamid dari Kelang.

Di sini ingin saya nyatakan pegawai-pegawai lain yang pada masa itu bekerja di Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Rembau. Kerani besarnya ada dua orang, iaitu Encik Jabil, anak Rembau, bagi Pejabat Tanah, dan Encik Abdullah orang Perak, bagi Pejabat Daerah yang beristerikan orang Siam.

OCPD Rembau masa itu ialah Encik Jahil, orang Melaka, yang kemudiannya telah bertukar ke Temerloh. Pegawai Pertanian ialah Encik Nordin, Pegawai Perubatan Encik Ibrahim S.O. Haji Jahidin dan ada dua orang budak pejabat yang berkawan baik dengan saya, iaitu Encik Maarof dan Encik Shukur. Tetapi kawan saya yang paling baik ialah Encik Abdul Rahman Hussein, pegawai di Pejabat Pos Rembau.

Tidak jauh dari Pejabat Daerah Rembau itu dahulunya ada sebuah sekolah pertukangan kayu, di sinilah anak-anak muda Rembau, dengan dorongan kuat dari Datuk Abdullah, Undang Rembau, telah diajar membuat berbagai-bagai jenis perabot daripada kayu, besar dan kecil yang cantik-cantik dan tinggi mutunya. Guru besar sekolah tersebut namanya G. Lewis dari Sri Lanka. Daripada sekolah itulah saya membeli alat perkakas bagi rumah saya, rumah kerajaan dua bilik.

Eloklah saya nyatakan bahawa Rembau dikenali juga dengan nama tanah adat perpatih. Pegawai-pegawai yang bertugas di sana kenalah mengkaji satu undang-undang khas yang dinamakan *Customary Land Tenure Enactment*.

Ada beberapa perkara dalam undang-undang tanah adat itu yang amat menarik perhatian saya. Pertama, hanya kaum wanita sahaja yang boleh memiliki tanah. Kedua, tanah-tanah adat itu tidak boleh dijual, digadai atau dipajakkan sewenang-wenang tanpa sebab-sebab yang tertentu. Dan ketiga, sebelum sekeping tanah boleh dipindah milik, maka semua keluarga pemilik tanah itu hendaklah ditanya pendapat mereka, setuju atau tidak.

Kerja-kerja mengurus pemindahan milik bagi tanah-tanah adat itu memakan banyak masa, dan adakalanya menimbulkan macam-macam kerumitan. Datuk Lembaga bagi keluarga yang ada hak atas tanah yang hendak dipindah milik itu mesti hadir. Demikian juga penghulu dan ketua kampung.

Sayugialah saya sebutkan bagi pengetahuan para pembaca di luar Negeri Sembilan bahawa masyarakat dalam tanah adat itu terbahagi kepada beberapa suku atau Marga. Ada suku Sri Melinggang, Suku Tanah Datar, Suku Batu Hampar, Suku Tiga Nenek, Suku Anak Aceh, Suku Anak Pahang dan lain-lain.

Pada mulanya saya telah memberikan tafsiran saya sendiri mengenai usul-asal nama suku-suku itu. Waktu dalam sekolah lagi saya telah membaca buku-buku darihal usul-asal bangsa Melayu, perkembangannya dari satu ke satu abad dan sistem masyarakat, adat resam, agama dan kebudayaan yang dipakai olehnya.

Pada pokoknya ada dua adat sahaja yang dipakai oleh bangsa Melayu, iaitu adat temenggung dan adat perpatih.

Dari manakah asalnya adat perpatih yang kini masih dipakai oleh beberapa daerah di Sumatera, di Negeri Sembilan dan di sebahagian Negeri Melaka itu?

Daripada buku-buku yang mengandungi kajian-kajian mengenai hal ini, maka dikatakan bahawa yang awal-awal sekali telah memakai adat atau sistem matriaki, iaitu satu adat yang mem-

berikan hak dan kuasa memilik tanah, mentadbirkan ekonomi, menentukan adat resam kepada kaum wanita, ialah kaum asli yang mendiami tanah-tanah di Ulu Negeri Burma dan Thailand. Ada kemungkinan juga adat serupa itu dipakai oleh kaum di pedalaman negeri-negeri di Vietnam.

Pada ketika adat itu memuncak, maka telah berlaku pula sistem perkelaminan yang digelar *poliandry* yang memberikan hak kepada seorang wanita, akibat kuasanya dalam masyarakat dan ekonomi, bersuami lebih daripada seorang.

Menurut sejarah perkembangan manusia dalam rantau Tenggara Asia semenjak beribu-ribu tahun yang lampau, maka dari Utara Burma, atau dari Selatan China itulah sistem matriaki itu telah menjalar ke Sumatera Utara, dan dari sana pula, tegasnya yang disebutkan dari Pagar Ruyung atau Minangkabau, adat itu telah dibawa dan dipakai pula di Nanning, Melaka dan beberapa daerah di Negeri Sembilan.

Kerja-kerja saya di Rembau pada masa itu banyak tertumpu pada menguruskan perbicaraan para penduduk yang hendak berjual beli tanah, yang menerima pusaka tanah, memindah milik atau tukar nama tanah. Urusan itu semuanya lebih merupakan mesyuarat dan pakatan di antara keluarga, di antara buapak (ibu bapa) dan suku-suku yang terlibat.

Lazimnya yang datang ke pejabat tanah untuk urusan itu semuanya wanita; yang tua-tua pangkat nenek, yang muda, janda dan dara. Dalam bilik pejabat saya hanya ada empat lima buah kerusi sahaja, dan oleh kerana itu saya telah menyediakan sebidang tikar besar untuk dibentang dalam bilik itu supaya tetamu saya dari kampung-kampung boleh duduk dengan selesa. Saya tidak sampai hati membiarkan mereka itu duduk berjam-jam, kadang-kadang sehari suntuk, di atas bangku kayu kering kontang dan berpijat, berpanas, di kaki lima di luar pejabat itu.

Saya tidak menghiraukan komen pegawai-pegawai lain tentang sikap saya memberikan layanan yang lembut dan manja kepada orang-orang kampung. Malah saya membenarkan yang tua itu membawa tepak sirih dan bergobek dalam bilik pejabat saya. Sebab itulah agaknya, masih ramai orang-orang Rembau yang ingat dan terkenang kepada saya.

Apabila sudah tercapai kata sepakat, sudah selesai urusan tukar nama, maka terpaksa pula memegang ibu jari kanan wanita-wanita yang ada sangkut paut dengan urusan itu untuk menurunkan cap ibu jari, sebab pada masa itu jarang-jarang ada wanita yang pandai menulis.

Ya, adakalanya dada muda saya berdebar-debar juga kerana bersentuh dengan tangan anak-anak dara dan janda-janda muda yang putih bersih bagai kapas dibusar, yang licin dan lembut bagai telur berkupas. Tetapi bentuk muka mereka itu jarang-jarang boleh kelihatan, sebab semuanya bertudung litup; tidak boleh nampak dagu, mulut dan hidungnya, namun demikian, kadangkala je-lingan mata mereka itu amatlah tajam!

Adat perpatih kaya dengan pepatah-pepatih, bidalan dan perumpamaan atau kata-kata perbilangan. 'Pembawa kembali, pendapat dibagi dua' satu daripadanya yang masih saya ingat, iaitu peraturan pembahagian harta bagi suami isteri apabila bercerai, yang pada teorinya amat baik dan adil.

Betapa kukuh dan patuhnya pengikut-pengikut adat perpatih pada sistem masyarakatnya boleh difahami daripada kata-kata: 'Direbus tidak empuk, dianggur tidak mati, dijemur tidak kering, patah tumbuh, hilang berganti', dan lain-lain lagi.

Bagi saya yang terus berminat kuat hendak jadi seorang pengarang, maka bahasa dan kata-kata dalam adat perpatih itu telah memberikan banyak ilham, mendorong saya berfikir. Demikian juga bahasa yang digunakan oleh Datuk Lembaga, oleh orang-orang tua yang lebih arif dalam banyak hal mengenai adat perpatih yang telah turun-temurun sejak beratus-ratus tahun.

Sesungguhnya beberapa aspek dari adat perpatih sangat sesuai bagi kehidupan kaum tani yang bergantung kepada kebun dan dusun yang kecil, pada sawah yang diusahakan bergotong-royong. Masyarakat yang disusun, dikawal, dipimpin dan yang kukuh bersatu-padu, yang aman damai, sederhana dan hampir sama rata, yakni tidak ternampak ada jurang perbezaan di antara satu dengan lain, di antara satu suku, satu kampung dengan yang lain.

Dalam tahun tiga puluhan, Rembau tidak mengalami sebarang masalah besar seperti kurang makanan, diserang oleh wabak penyakit-penyakit bahaya, banjir, kemarau panjang dan sebagainya. Di setiap mukim, pada setiap hari ada pekan-pekan sari di sana sini di seluruh Wilayah Tanah Adat itu di mana orang ramai berhimpun berjual-beli, bersukaria.

Secara langsung, adat yang tidak memberikan hak milik tanah kepada kaum lelaki itu telah menyebabkan ramai kaum lelaki dari Rembau yang telah pergi mencari pekerjaan di negeri-negeri lain dalam Semenanjung, bahkan lebih jauh hingga ke Brunei, Sabah dan Sarawak.

Tetapi kedamaian hidup saya masa di Rembau itu, satu cara hidup sederhana yang memang sudah lama saya inginkan, telah

diganggu dan digugat oleh adat di negeri saya sendiri, Pahang.

Pada awal tahun 1933 ayah dan ibu saya telah datang ke Rembau, ke tanah adat perpatih, membawa tunang saya, pilihan mereka, sepupu saya. Secara lisan saya tidak membantah, tetapi dalam hati saya hanya Tuhan sahaja yang mengetahui.

Dengan simpati dan bantuan ikhlas daripada Datuk Kamaruddin dan isterinya, pegawai-pegawai sepejabat dan kawan-kawan saya, maka upacara perkahwinan saya dengan saudara sepupu saya itu telah selamat disempurnakan. Tetapi semenjak itu hati dan fikiran saya mulalah terganggu.

Saya tahu bahawa kalau saya tidak lekas membuat atau mengambil satu-satu tindakan, maka hidup saya selanjutnya akan terikat dengan urusan rumahtangga, dengan anak-anak dan oleh kerana itu cita-cita saya hendak menjadi pengarang, menulis rencana dalam suratkhbar, mengarang buku tidak akan tercapai. Saya sudah mempunyai keyakinan yang kuat bahawa pada suatu hari kelak cita-cita saya itu akan tercapai, biarpun keluarga saya, ayah dan ibu saya tidak faham, dan kerana itu tidak memberi galakan atau menyokong saya.

Kemudian pada suatu hari, setelah putus perhitungan saya, sesudah memikirkan buruk baiknya, saya telah meminta cuti tiga hari untuk menghantar isteri saya balik ke kampungnya.

Membawa Diri ke Tumpat



Sebenarnya saya tidak menghantar isteri saya terus sampai ke kampungnya atau ke kampung orang tua saya. Saya telah membelikan satu tiket kereta api kelas dua, dari Gemas ke Mentakab. Dari situ dia dan adik lelaki saya, Abdul Manan yang berusia lapan tahun, boleh naik kereta sewa atau bas. Saya tidak memberitahu dia yang saya dapat cuti beberapa hari dan ke mana saya hendak pergi. Saya hanya memberitahu untuk menyedapkan hatinya bahawa saya akan datang kelak menjemputnya semula apabila cuti akan habis.

Pendeknya, tidak ada siapa yang tahu, melainkan Tuhan, apa rancangan saya, ke mana saya hendak pergi. Tetapi hati saya tidak bimbangkan apa-apa. Keluarga isteri saya orang berada. Keluarga saya pun bukanlah susah sangat. Saya tidak menyesal tentang apa-apa jua yang telah saya lakukan. Semua yang telah berlaku itu ialah dengan kehendak Tuhan belaka.

Pak Cat tidak punya apa-apa masalah. Dia ada banyak duit sebab dia sangat cermat dan tidak punya isteri atau kanak-kanak. Kadang-kadang saya meminjam duit dia. Tentang Mat pula, drebar saya, kalau saya tidak balik, maka dia boleh pakai motokar saya untuk balik ke Bentong.

Pendeknya saya sudah nekad betul hendak meninggalkan kerja saya, apa hendak jadi pun jadilah.

Malam itu, saya tidak ingat hari apa, tetapi lewat dalam tahun 1933, saya tidur di rumah rehat Gemas. Saya telah menuliskan nama saya, pekerjaan dan pangkat saya dalam buku daftar penumpang, dan dalam ruangan 'hendak ke mana' saya telah mencatatkan 'Singapura'. Tetapi tujuan yang sebenarnya saya hendak pergi ke Kelantan.

Tempat yang saya hendak tuju ialah Pekan Tumpat, di penghabisan jalan kereta api Pantai Timur. Abah saya semasa hidupnya telah banyak kali menceritakan darihal pekan kecil tepi laut itu di mana beliau pernah bekerja sebagai Centeng (pegawai kastam), iaitu sekembalinya dari mengaji di Pattani.

Saya bercadang hendak menghilangkan diri sekurang-kurangnya setahun. Saya juga ingin pergi ke Pattani sebab namanya pada masa itu sangat megah dan masyhur sebagai pusat mencari ilmu dan pengalaman hidup.

Setelah habis cuti saya tiga hari itu, dan dua tiga hari kemudiannya saya tidak juga balik ke Rembau, maka seluruh Semenanjung telah jadi gempar. Kemudian suratkhbar Melayu dan Inggeris, telah menyiarkan berita berkenaan kehilangan saya. Sebuah suratkhbar Inggeris (saya sendiri telah membacanya) telah menyiarkan berita dengan tajuk *Young Malay Officer absconded from service* yang dalam bahasa Melayu ialah "Pegawai muda Melayu lari meninggalkan jawatannya". Saya senyum-senyum kambing sahaja apabila membaca berita itu.

Lewat seminggu lepas itu saya telah dapat tahu bahawa beberapa orang sahabat baik saya di Rembau telah pergi ke Singapura, membawa gambar saya, untuk mencari saya di sana. Tetapi tentulah tidak berjumpa sebab saya tidak ada di sana.

Kira-kira sebulan lepas itu saya telah mendapat maklumat bahawa abah saya sendiri telah datang ke Kelantan untuk mencari saya, tetapi tidak berjumpa. Pada masa itu adik saya, Ahmad, bekerja di Pejabat Pertanian Kelantan. Dia pun tidak tahu tentang diri saya ada di mana.

Memanglah pada masa itu kisah saya lari meninggalkan satu jawatan yang tinggi, dan dianggap begitu mulia, telah menjadi sangat heboh, menjadi buah mulut orang ramai, masing-masing dengan ulasan dan pendapatnya. Ramai orang yang telah mengatakan saya bodoh kerana menolak tuah, dan ramai juga yang hanya mencemuh dengan mengatakan saya gila. Kebetulan hanya beberapa tahun kemudian telah terbit pula buku saya yang berjudul *Anak Mat Lela Gila*.

Biarlah saya ceritakan bagaimana saya telah berjaya menyembunyikan diri saya hingga hampir tiga bulan lamanya tidak seorang jua pun yang mengetahui.

Apabila saya sampai di Tumpat dengan sebuah beg kecil dan sedikit wang, maka saya mencari sebuah rumah yang terpencil dalam sebuah kampung nelayan. Nasib saya pun baik, sebab saya telah bertemu dengan seorang lelaki lewat separuh umur yang hidup seorang diri dalam rumahnya yang berpagar dan terlindung daripada pandangan orang ramai oleh pokok-pokok jambu, kelapa dan pinang. Nama orang itu ialah Mat, lebih terkenal dengan gelaran Pak Mat Kuli Kapal, sebab kerjanya ialah mengangkat barang-barang daripada kapal-kapal yang masuk ke Pelabuhan

Tumpat, yang pada masa itu airnya masih dalam. Saya menyatakan bahawa saya ialah seorang musafir yang hendak pergi menuntut ilmu ke Pattani dan nama saya ialah Ahmad Baharuddin Kasbi, berasal dari Segamat, Johor.

"Oh, kalau hendak duduk rumah ambo bolehlah, berapa lamo pun boleh, tapi ambo ni ada kalonya tidak kelik ke rumoh, maklum sajolah ambo ni oreng buje." Demikianlah lebih kurang kata Pak Mat menyambut dan menerima saya dengan penuh ikhlas.

Memang betul Pak Mat selalu tidak balik ke rumahnya. Tetapi kadang-kadang dia memberitahu yang dia akan balik apabila pe-tang, dan dia memberi saya sedikit duit untuk saya membeli ikan dan beras.

Pak Mat juga berpesan kepada saya iaitu bila-bila dia tidak balik, dan saya malas memasak nasi, dia suruh saya beli nasi berlauk di pasar yang tidak jauh dari rumahnya itu.

Harga sebungkus nasi berlauk di pasar Tumpat masa itu hanya-lah sepuluh sen; nasinya banyak dan lauknya pun banyak. Pendeknya, makan satu bungkus boleh cukup kenyang, dan kalau makan tiga kali satu hari maka belanja satu hari hanyalah tiga puluh sen, yakni sebulan hanya \$9.00. Katakanlah belanja penuhnya \$10.00 sebulan, maka dengan wang tunai \$100/- saya boleh tinggal di sana selama sepuluh bulan.

Pekan Tumpat ketika dahulu tidak banyak bezanya dengan keadaannya ketika saya membuat lawatan terbaru di sana. Pekan Tumpat adalah sebuah pekan kecil tepi laut, hujung jalan kereta api Pantai Timur, satu pelabuhan kecil, dan rumah kedainya semua daripada kayu. Pejabat pos, rumah rehat dan rumah ubat daripada kayu juga. Ketika itu sudah ada balai polis baru dan berek-berek daripada batu, yang moden. Bagaimanapun, pejabat pos dan rumah rehatnya masih macam lama.

Yang saya ingat dalam pekan itu pada masa saya mula sampai itu ada tiga buah kedai biliard dan dua buah panggung wayang.

Tidak berapa jauh dari pekan itu ada sebuah gelanggang besar untuk berlaga lembu, kerbau dan biri-biri yang digelar *Bong Lago Lembu*. Setiap hari Rabu sangat ramailah orang dari seluruh Kelantan dan selatan Siam datang untuk menengok temasya berlaga lembu. Lembu-lembu jantan yang diperlagakan itu diberi nama untuk mengenalinya. Ada yang bernama *Anak Langsat*, *Kuning Duku*, *Tompok Manis* dan lain-lain. Lebih kurang samalah dengan kuda-kuda lumba yang ada macam-macam namanya. Pada hakikatnya *Bong Lago Lembu* itu ialah tempat manusia main judi, bertaruh kalah menang, bagi semua lapisan, lelaki dan perempuan.

Perihal orang Melayu suka main judi bertaruh berlaga lembu, berlaga kambing, biri-biri dan ayam, dan juga bertaruh main bola biliard telah menyebabkan saya tertarik hati untuk mengkaji kesan-kesan, yang buruk dan baik atau yang negatif dan positifnya.

Satu daripada akibat buruknya ialah banyak harta orang Melayu yang telah terjual dan tergadai. Dalam kedai pajak di pekan Tumpat pada masa itu saya telah melihat banyak barang kemas tergadai. Alat-alat perkakas mencari makan, seperti jaring, pukut, rantai jala dan sebagainya banyak dalam kedai pajak gadai. Begitu juga kain baju yang mahal-mahal, termasuk keris, pending dan lain-lain benda perhiasan.

Di sebaliknya pula, saya perhatikan, orang Melayu Kelantan semuanya rajin bekerja dan berusaha berjual beli, bertukang, bercucuk tanam, menangkap ikan, memburuh dan sebagainya.

Ada orang yang telah menceritakan dari hal usul-asal permainan berlaga lembu itu yang tujuannya bukanlah semata-mata untuk bersukaria dan bertaruh seminggu sekali. Temasya itu berasal dari Kemboja dan tujuan utamanya ialah untuk memilih lembu-lembu jantan yang kuat dan sihat untuk menurunkan baka lembu yang kuat dan sihat. Buktinya hingga kini Kelantan masih mempunyai banyak lembu. Tetapi tidaklah begitu banyak yang gemuk dan sihat seperti dahulu lagi. Betul atau tidaknya saya kurang tahu, sebab saya bukanlah pakar dalam ilmu haiwan atau penternakan.

Bahan-bahan eksport dari Kelantan pada masa itu ialah beras, kelapa kering, getah, bijih besi dan belulang lembu dan kerbau. Pada keseluruhannya kehidupan penduduk Kelantan pada masa itu sangatlah mewah dan makmur dan suasana masyarakat aman dan sentosa.

Lebih kurang sebulan saya menetap di Tumpat, maka pada suatu petang bapak angkat saya itu, Pak Mat, telah menyatakan kepada saya bahawa kerani besar Syarikat Boustead, Encik Ismail namanya tetapi lebih terkenal sebutan Cik Mei sahaja, suka hendak berkenalan dengan saya, dan beliau menjemput saya makan nasi di rumahnya malam itu.

Pak Mat seterusnya menyatakan bahawa isterinya Cik Esah itu ialah orang Pulau Pinang, sudah lama duduk di Tumpat dan keduanya sangat baik, suka menolong orang susah.

Malam itu dengan ditemani oleh Pak Mat saya pun pergilah ke rumah Encik Mei, dekat rumah rehat Tumpat dan makan malam dengan keluarganya.

Mereka tidak bertanyakan banyak perkara mengenai hal diri saya tetapi memerhatikan gerak-geri, bahasa dan percakapan saya.

Nampaknya mereka itu ingin hendak tahu siapakah saya yang sebenarnya, sebab barangkali rupa dan bahasa serta tingkah laku amat berlainan dengan ramai orang di pekan itu.

Semenjak perkenalan pertama kali itu, maka saya selalulah dijemput datang ke rumah suami isteri yang baik budi itu. Kadang-kadang dipanggil kerana minum teh, dan sesudah berbual-bual sampai pula makan malam. Kemudian mereka mengajak pula saya pergi menonton wayang gambar bersama dengan anak-anak mereka. Filem-filem masa itu masih hitam putih, belum bersuara lagi.

Seorang daripada anak-anak lelaki Encik Mei itu, Arshad namanya, telah menjadi kawan baik dengan saya. Dia masa itu baru dalam belasan tahun, dan kami sudah menjadi macam abang adik. Setiap hari saya dengan dia pergi mandi laut, mencari kepah di pantai hujung jalan keretapi Tumpat.

Hatta, pada suatu hari, kira-kira sudah dekat tiga bulan lamanya saya tinggal di Tumpat menyamar sebagai musafir, saya telah dipanggil oleh Encik Mei ke rumahnya. "Mesti datang, jangan tidak-tidak." Pesannya melalui orang gajinya.

Apabila sahaja saya sampai ke rumahnya, Encik Mei lama tersenyum-senyum memandang saya dengan tidak berkata apa-apa.

"Cuba baca satu kenyataan dalam suratkhobar *Majlis* ini," katanya lalu menghulurkan suratkhobar itu.

Kenyataan itu berkenaan dengan diri saya, iaitu: "Jikalau Encik Ishak bin Haji Muhammad boleh datang ke Kuala Lumpur sebelum sekian haribulan, maka dia akan diterima balik bekerja."

"Sekarang janganlah berselindung lagi. Awaklah orangnya yang bernama Ishak Haji Muhammad itu. Kami sudah lama mengagak yang awak ini seorang yang ada menyimpan satu rahsia istimewa. Sekarang tidak usahlah berdolak-dalik lagi. Pergilah balik ke Kuala Lumpur. Kalau tidak ada duit tambang biarlah kami belikan tiket kelas dua ke sana."

Demikianlah pecahnya rahsia saya sesudah hampir seratus hari bersembunyi.

Sebagai Majistret Kelas Tiga



Pagi itu berat sangat hati dan kaki saya hendak meninggalkan Tumpat. Oleh kerana hal saya sudah jadi heboh di pekan kecil itu, maka saya lihat ramai orang yang menghantar saya ke stesen kereta api. Atau mungkin setiap kali keretapi mel Sumpitan Mas akan bertolak ramai orang berhimpun di situ. Seorang koperal dari rumah pasung Tumpat (istilah dahulu) menyatakan kepada Encik Mei dan keluarganya serta kawan-kawan dan kenalan saya yang menghantar saya ke stesen bahawa gambar saya sudah lama sampai dan ditampalkan pada papan kenyataan di rumah pasung. Tetapi oleh kerana tidak ada perintah menangkap saya, maka tidaklah diambil apa-apa tindakan. Lagipun, katanya, gambar itu berlainan dengan rupa saya: Rambut lebat, pakai tali leher dan kot. Sekarang saya macam orang mengaji pondok sahaja.

Dalam kereta api melalui Wakaf Baru, Pasir Mas, Kuala Krai hinggalah ke Gua Musang, hati dan fikiran saya tidak mahu tenteram. Banyak persoalan timbul. Apa fasal saya dipanggil ke Kuala Lumpur? Adakah kenyataan dalam *Majlis* itu betul rasmi? Atau hanya satu helah hendak menjerat saya?

Apabila sampai di stesen Kuala Lipis, di mana keretapi berhenti setengah jam untuk mengisi air dan arang batu, maka hati saya menjadi sedih dan bimbang pula. Di sinilah dahulunya saya telah bersekolah. Sekarang apa sudah jadi? Dan di sini mungkin ada orang yang kenal saya dan mereka mungkin bertanyakan sesuatu mengenai diri saya.

Kemudian keretapi bergerak semula melalui Jerantut, masuk dalam daerah saya, Temerloh, melalui Kuala Krau, Kerdau dan Mentakab. Sampai di sini hati saya semakin bimbang; takut kalau-kalau ada saudara-mara saya atau saudara-mara isteri saya di stesen. Mungkin mereka akan menyusur saya turun dan mengajak saya balik ke kampung. Tetapi mujurlah saya tidak bersua dengan sesiapa yang saya bimbangkan itu.

Apabila lewat stesen Triang, maka seorang pegawai kereta api yang bertugas sebagai pengawal telah memberitahu saya bahawa

beliau telah menerima satu arahan khas dengan telegraf daripada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya saya turun di Stesen Bahau.

Di Stesen Bahau, lebih kurang pukul lima petang itu, sebuah *land rover* polis sudah sedia menunggu saya. Hati saya berdebar-debar. Tetapi sarjan yang menunggu saya di tangga gerabak kelas dua kereta api mel Pantai Timur - Sumpitan Emas - itu tersenyum-senyum menyambut saya dan segera berkata:

"Saya ini bukan hendak menangkap Encik. Saya dapat arahan untuk membawa Encik ke Seremban, ke rumah Tuan Residen. Ini sahajakah barang-barang Encik?" dia bertanya.

"Itulah sahaja, sebutir beg buruk tu," jawab saya sambil naik ke dalam *land rover*, di bahagian depan, sebelah drebar. Di bahagian belakang saya lihat ada empat orang mata-mata yang berse-napang. Sekali lagi hati saya berdebar-debar.

Malam itu, di Residensi Seremban, saya telah ditanya oleh Tuan G.G. Hughes, Residen British Negeri Sembilan, beberapa perkara mengenai diri saya, khususnya apakah sebab-sebabnya saya telah lari meninggalkan kerja tanpa cuti.

"Saya dapat tahu fikiran Encik Ishak sudah jadi sikit kacau sebab orang tua Encik Ishak lekas-lekas kasi kawin dengan saudara sepupu. Betulkah begitu?" Bertanya pegawai tinggi British yang tidak punya isteri itu.

Saya menerangkan bahawa itu hanya satu sebab yang kecil, tetapi sebab besarnya ialah saya tidak suka bekerja dengan kerajaan, saya mahu bebas, saya mahu jalan rata-rata dalam negeri saya, Semenanjung Tanah Melayu.

"Tetapi rekod Encik Ishak kerja di Rembau, satu tahun lebih kurang banyak baik, dan orang Melayu dalam Rembau banyak suka pada Encik Ishak," katanya lagi.

Selanjutnya Tuan Hughes menyatakan bahawa dasar kerajaan British ialah hendak menolong orang Melayu dan bilangan pegawai Melayu belum cukup banyak.

Sambil makan malam di rumahnya, Tuan Hughes telah menasihatkan saya supaya balik bekerja semula. Tetapi dia sendiri tidak boleh beritahu apa-apa, selain daripada mengarahkan saya hendaklah pergi ke Kuala Lumpur esoknya berjumpa dengan Tuan T.S. Adams, Residen British Selangor.

Untuk menyuluh sedikit kesangsian atau 'kegelapan' para pembaca mengenai mengapa saya telah dipanggil balik bekerja, pada hal saya telah meninggalkan jawatan saya tanpa cuti, maka eloklah diterangkan bahawa dari segi politiknya Kerajaan British pada

masa itu, dalam tahun tiga puluhan, sesudah sepuluh tahun lebih berakhirnya perang dunia pertama, telah mula menjalankan satu dasar baru yang dinamakan *Pro-Malay Policy*.

Tokoh-tokoh nasionalis Melayu yang telah mendesak kuat supaya British menjalankan dasar pro-Melayu itu, antaranya ialah Sir Raja Chulan, Datuk Abdullah, Undang Rembau dan lain-lain. Suratkhobar dan majalah Melayu pada masa itu semuanya telah menyiarkan banyak sentimen dan buah fikiran serta keinginan kebangsaan Melayu. Bermula dari tahun-tahun itulah wujudnya beberapa persatuan dan pertubuhan Melayu yang bercorak politik.

Cerita saya selanjutnya ialah pada pagi esoknya, seperti yang telah diarahkan oleh Residen British Negeri Sembilan, Tuan Hughes, saya pergi ke Kuala Lumpur untuk menemui Tuan T.S. Adams, Residen British Selangor.

Dengan tidak banyak soal jawab lagi saya telah diberitahu bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menimbangkan hal saya, dan telah memutuskan bahawa saya diterima bekerja semula dalam jawatan MAS, dan bahawa kepergian saya meninggalkan jawatan itu selama tiga bulan dianggap sebagai cuti bergaji penuh, dan dengan menimbangkan lagi kebolehan serta rekod saya selama telah berkhidmat adalah baik, maka saya akan digezetkan menjadi majistret kelas tiga di Kuala Lumpur.

Hanya ada satu syarat sahaja yang telah dikenakan kepada saya oleh Tuan Adams, iaitu kerana saya bekerja dalam negeri yang beliau jadi ketuanya, maka pada setiap petang hari Isnin saya hendaklah datang ke residensi, yakni ke rumahnya, untuk membaca buku undang-undang, sebab ada satu lagi pelajaran undang-undang yang saya belum lulus, iaitu *criminal procedure code*. Beliau mahu saya lulus seberapa cepat.

Tetapi, sebagai orang muda, saya selalunya lambat tidur pada malam minggu dan malam Isnin. Pada setiap petang Isnin, apabila membaca buku undang-undang di hadapan Tuan Adams, saya selalu tersenguk-senguk mengantuk.

Beberapa kali Tuan Adams bertanya: "Macam itu baca undang-undang boleh passkah?" Dan saya menjawab. "Tuan jangan bimbang, saya mesti boleh pass."

Apabila periksa, saya betul telah lulus dengan kelulusan yang baik. Tidak lama lepas itu jawatan saya telah ditetapkan, yakni bukan lagi sebagai seorang pegawai dalam latihan.

Sebagai majistret kelas tiga kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh undang-undang dan peraturan kehakiman tidaklah banyak dan berat. Dalam perkara-perkara jenayah, misalnya, saya

hanya berkuasa menjatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500.00 dan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan.

Dalam perkara-perkara maliah pula, yakni perkara hutang-piutang atau *civil matters*, saya hanya boleh membicarakan had nilai atau jumlah wang lima ratus ringgit sahaja.

Susunan tugas saya ialah setiap hari Isnin saya membicarakan kes-kes cukai tanah TOL (lesen duduk sementara), kes-kes cukai jamban. Hari Selasa pula ialah kes-kes perkelahian kecil. Hari Rabu ialah kes-kes trafik. Dan ini pun tidak banyak, sebab pada masa itu kereta dan jenis kenderaan tidak terlalu banyak.

Setiap Khamis dan Jumaat saya membicarakan kes-kes maliah, hal-hal hutang-piutang. Ini banyak, sebab masa itu peminjam-peminjam wang tidak dikenakan lesen dan mereka itu sangat ramai ada di Kuala Lumpur masa itu. Ceti dan orang Sikh, dan para pekerja ramai sangat yang berhutang.

Hari Sabtu biasanya saya tidak kena naik mahkamah. Tugas-tugas pejabat pun biasanya tidak banyak, hanya menyain surat-surat sahaja.

Petang minggu lazimnya datanglah kawan-kawan dari luar Kuala Lumpur, Encik Bahaman Shamsuddin pada masa itu jadi ADO Kuala Kubu. Tengku Hamid bekerja di Rembau. Saya punya ramai kawan lain, sebab saya tidak memilih golongan, saya boleh dan senang berkawan dengan sesiapa jua pun, tidak kira pangkat, bangsa atau harta ataupun kedudukan dalam masyarakat.

Untuk pengetahuan orang zaman sekarang, khususnya muda-mudi zaman ini, sukaulah saya menyebutkan sedikit darihal hidup kami pada masa dahulu.

Wayang gambar hanya ada dua tiga panggung sahaja. Yang lama sekali ialah Panggung Lido. Kebun bunga dan muzium sudah ada. Dahulu kami panggil sekolah gambar. Hiburan malam ialah wayang bangsawan.

Taman hiburan yang mula-mula ada di Kuala Lumpur namanya Merry World, letaknya ialah di antara Jalan Campbell (Jalan Dang Wangi) dan Eastern Hotel. Dalam taman hiburan Merry World itu ada panggung wayang Cina, ada pentas joget, ada gerai kopi, kuih-muih, makanan dan minuman. Di gerai-gerai itu ada ramai pelayan kebanyakannya wanita Melayu.

Dahulu peminat-peminat wayang bangsawan sungguh ramai; semua kaum suka tengok wayang bangsawan, semua peringkat masyarakat meminatinya.

Lepas menonton wayang atau bangsawan kami biasanya pergi makan minum di John Hotel, di Jalan Melayu, yang sejak dahulu

lagi sangat terkenal namanya tetapi sekarang sudah jadi kecil apabila dibandingkan dengan restoran-restoran yang baru. Namun demikian John Hotel (sebenarnya bukan hotel) masih tetap popular.

Satu tempat lagi yang disukai ramai ialah Rest House Dusun Tua (sekarang jadi Pusat Pemuda Pelopor Negara), di sana ada kedai Hailam yang menjual mi, nasi goreng dan di sana juga ada kolam air panas untuk mandi-manda waktu tengah malam.

Tempat rehat hujung minggu yang disukai ramai ialah Pantai Morib masa dahulu sangat lebar pasirnya landai dan permai sebab banyak pokok ru dan airnya sangat jernih.

Membicarakan Kes Kahwin Cerai



Pada suatu hari, lewat dalam tahun 1934, Tuan F.K. Wilson, Majistret Pertama, Mahkamah Kuala Lumpur telah datang menemui Tengku Ismail, Majistret Kedua. Tengku Ismail dan saya punya pejabat dalam satu bilik. Dalam istilahnya bilik itu digelar *Chamber* atau Dewan. Dalam perkara-perkara yang tertentu

kami boleh mendengar dan membicarakan tanpa naik mahkamah atau mengadakan perbicaraan yang terbuka. Tuan Wilson datang ke dewan kami itu untuk membincangkan satu perkara mengenai suami isteri yang baru bercerai dan mereka mempunyai seorang anak perempuan berumur lebih kurang lapan tahun.

Suami isteri itu orang Melayu, beragama Islam. Si suami seorang kerani bekerja dalam sebuah pejabat kerajaan. Untuk kes ini, yang telah saya putuskan lebih empat puluh tahun yang lampau, kita namakan si suami itu Amin dan isterinya Aminah. Amin menuntut supaya si anak itu dan untuk kisah ini kita namakan dia Ramlah, supaya diserahkan pada jagaannya.

Sebaliknya, Aminah juga menuntut supaya Ramlah diserahkan pada jagaannya. Kedua-duanya ada alasan-alasan untuk mendapat hak memelihara Ramlah dalam masa mereka berpisah kerana bercerai talak satu.

Sebelum membuat aduan dan dakwaan di Mahkamah Majistret, Amin dan Aminah telah pergi menemui Tuan Kadi Kuala Lumpur supaya beliau memberikan sesuatu fatwa atau memutuskan siapakah yang lebih layak untuk memelihara si anak itu dalam masa ibu dan ayahnya berpisah.

Tuan Wilson telah menyatakan pendapatnya bahawa: *the provisions of the Mohammedan Laws are not adequate for me to make a decision on the matter* yang ertinya ialah: 'peruntukan-peruntukan undang-undang Islam (yang dikanunkan untuk mahkamah-mahkamah kerajaan pada masa itu) tidak cukup baginya mencapai sesuatu keputusan dalam perkara itu', yakni Amin lawan Aminah mengenai anak mereka si Ramlah.

Tuan Wilson selanjutnya telah meminta supaya Ismail boleh

mengambil-alih perkara itu, dan kiranya boleh pada pertimbangannya, membuat sesuatu keputusan.

Apabila Majistret Pertama itu keluar daripada bilik kami, Tengku Ismail berkata: "Kaulah, Sahak, cuba bicarakan hal itu. Kau orang baru; kalau buat silap pun tidak mengapo. Nanti kalau orang-orang itu tak puas hati dengan keputusan kau, dan mereka *appeal*, eden boleh tolong kau."

Memang biasa beliau bercakap dengan saya begitu dengan loghat cakap Melayu Negeri Sembilan.

Saya sanggup mengambil-alih kes itu dengan syarat diberi tempoh seminggu untuk membolehkan saya menelaah undang-undang yang berkenaan dan juga untuk memikirkan masalah latar belakangnya.

Tengku Ismail kemudian memanggil lelaki dan perempuan yang berebut anak itu dan memberitahu mereka supaya datang pada pagi hari Sabtu minggu depannya.

"Bawalah anak kamu itu pada hari tersebut ya," kata Tengku Ismail mengingatkan.

Dalam tempoh satu minggu itu saya telah membaca undang-undang yang dinamakan *Mohammaden Law* itu. Memang betul-tulah peruntukan-peruntukan di dalamnya tidak lengkap bagi menentukan siapakah, ibunya atau ayahnya, yang patut diserahkan menjaga anak atau anak-anak suami isteri yang telah bercerai.

Yang banyak tersebut dalam undang-undang itu ialah mengenai khalwat, definisi berkhalwat dan hukuman-hukumannya.

Saya telah memikirkan perkara itu dari segi keharmonian masyarakat, masa depan anak yang dipertikaikan itu sekiranya kelak ibunya bersuami lain, atau ayahnya beristeri lain.

Memang betul saya sendiri belum banyak mengalami dan belum berjaya dalam soal-soal berumahtangga memelihara dan mendidik anak-anak.

Isteri saya yang telah saya suruh balik ke kampungnya tanpa menceraikannya, telah menuntut fasah, dan telah diluluskan. Tidak sampai satu tahun sesudah kami berpisah, maka dia telah menikah dengan lelaki lain, orang kampungnya.

Tetapi saya telah melihat betapa sedihnya hidup anak-anak yang ibu bapa mereka telah bercerai. Memang diketahui umum bahawa jarang-jarang ada ibu tiri yang baik hati. Demikian juga payah berjumpa seorang bapa tiri yang cukup mengasihi anak-anak tirinya.

Saya hairan mengapa Tuan Kadi yang berkenaan tidak berupaya mencari jalan atau ikhtiar, dengan memberi nasihat atau

sebagainya, supaya suami isteri yang masih muda itu rujuk dan hidup bahagia, rukun damai semula, memelihara dan membesarkan anaknya itu.

Dalam pengertian saya sendiri, sesudah mengaji, membaca dan mengkaji tujuan asas dan falsafah undang-undang, maka tugas utama seorang hakim bukanlah hanya menghukum, tetapi lebih mustahak mencari penyelesaian, khususnya dalam masalah yang berhubung dengan keharmonian masyarakat dan ketenteraman hidup manusia dengan adat-istiadat, kebudayaan dan tatasusilanya. Lainlah pula halnya mengenai perbuatan jenayah.

Hatta, pada pagi yang ditetapkan itu telah hadir lah Amin dan Aminah dan anak mereka yang untuk kisah ini tidak disebutkan nama mereka sebenarnya. Tetapi sesungguhnya, ini adalah satu kisah yang benar bukan rekaan semata-mata.

Oleh kerana kes ini adalah satu hal persendirian, atau *private case*, yakni tidak ada kena-mengena dengan polis, maka mereka itu diberi keistimewaan boleh dibicarakan dalam kamar. Memang dalam perkara-perkara yang tertentu para hakim boleh bertindak demikian.

Saya telah menyuruh *peon* saya pergi membeli sedikit gula-gula, dan juga meletakkan di atas meja majalah-majalah yang bergambar. Perangai semula jadi saya ialah suka kepada anak-anak, tidak kira anak siapa atau apa bangsanya.

Tengku Ismail memerhatikan ragam saya itu. Saya fikir beliau ingin mengetahui bagaimanakah saya akan memutuskan perkara itu.

Kemudian saya memanggil lelaki yang berkenaan dan menyuruh dia berdiri di satu sudut dalam kamar yang lapang itu. Lepas itu si perempuan pula dipanggil dan diarahkan supaya berdiri di sudut yang lain berjauhan sedikit dari suaminya. Kemudian saya memujuk anak mereka, si Ramlah berdiri di tepi meja saya dan memberikan gula-gula yang baru dibeli untuknya itu.

"Apa fasal awak menuntut supaya anak ini diserahkan oleh mahkamah ini kepada jagaan awak?" saya bertanya kepada Aminah.

"Sebab saya yang telah melahirkannya, tuan. Semenjak dia kecil saya telah memeliharanya, membasuh kencing dan beraknya, memberi dia makan minum. Ayahnya apa tau? Pagi pergi kerja, petang balik; kadang-kadang jauh malam baru balik," jawab Aminah dengan suara geram dan marah.

"Tapi, tuan pakaiannya, makan minumannya, saya yang membelinya dengan usaha saya. Ibunya tidak punya sebarang pekerjaan

atau mata pencarian, tuan," jawab Encik Amin, sebelum diberi izin menjawab.

"Tapi sebelum habis edah awak wajib beri nafkah kepada saya, bayar sara hidup kami berdua," kata pula Cik Aminah dengan suara semakin lantang.

Saya perhatikan Tengku Ismail tersenyum-senyum mendengar suami isteri yang seolah-olah sedang bertengkar itu. Nampaknya beliau ingin tahu bagaimana saya akan memutuskan perkara itu.

Saya tidak mencatatkan apa-apa dalam buku keterangan bicara, kecuali nombor saman, tarikhnya dan nama orang yang terlibat.

Saya menahan diri supaya jangan membuat apa-apa pertanyaan yang lain atau membuat sebarang komen. Orang berdua itu, pada hakikatnya, berkelahi di depan kami. Yang lebih penting saya mesti fikirkan ialah masa depan anak itu, si Ramlah yang baru berumur lapan tahun, masih kecil.

Kemudian saya bertanya Ramlah, dan memujuknya supaya jangan takut-takut. Budak itu cantik dan cerdik nampaknya.

"Sekarang Ramlah dengar cakap abang, ya, dengar baik-baik dan jawab terang-terang. Ramlah sayang siapa? Sayang emak atau bapa?"

"Sama-sama sayang," jawabnya tegas.

"Tapi sayang pada emak lebihkah, atau sayang pada bapa? Jangan takutlah, jawab betul-betul."

"Sayang pada emak lebih sedikit," jawabnya.

"Apa fasal?"

"Sebab bapa tak manjakan saya. Dia malam-malam baru balik, pagi-pagi sudah pergi bekerja." Jawab Ramlah menerangkan sambil menoleh ke arah emaknya.

Saya boleh mengagak bahawa Aminah telah mengajar anaknya bercakap begitu. Memang biasa, apabila satu-satu pasang suami-isteri bercerai, dan mereka ada anak atau anak-anak, si ibu akan mengacum membenci kepada bapa mereka. Hal-hal yang tidak patut disebut pun disebutkan.

Akhirnya saya telah membuat keputusan, iaitu si anak itu diserahkan kepada jagaan ibunya, tetapi dengan satu syarat. "Kalau pada petang minggu, atau hari minggu ataupun dalam masa hari-hari kelepasan, si bapa datang hendak mengambil anaknya itu untuk dibawa makan angin, dan kemudian bermalam di rumahnya, maka si ibu tidak boleh menahannya."

Apakah yang saya harapkan daripada keputusan seperti itu?

Apa yang sangat saya harapkan, malah saya yakin boleh berlaku, ialah pada suatu hari apabila Amin datang menjemput

anaknya untuk dibawa berjalan-jalan makan angin, maka si Ramlah akan berkata:

"Dulu bapak duduk sini, makan minum dan tidur di sini. Hari ini kita ajak emak pergi makan angin sama-samalah, Pak."

Saya juga mengharap emak Ramlah akan berkata: "Naiklah dahulu, bang; apa hendak disegangkan?"

Pendeknya, melalui anak mereka yang cerdik dan keletah bercakap itu saya berharap sangat supaya Amin dan Aminah akan memupuk semula kasih sayang mereka, dan sebelum habis edah mereka itu akan rujuk dan dengan demikian hidup si Ramlah akan cerah semula.

Harapan saya yang murni itu telah terkabul. Doa saya dimakbulkan oleh Tuhan, kerana tidak berapa lama kemudian mereka telah datang ke mahkamah untuk memberitahu saya bahawa mereka sudah rujuk.

"*You are very clever.*" Kata Tengku Ismail pada hari itu.

Menjadi Majistret di Kuala Lumpur



Kuala Lumpur dalam tahun-tahun tiga puluhan, meskipun menjadi kepala Negeri-negeri Melayu Bersekutu, hanyalah sebuah bandar yang terbesar di Semenanjung. Jumlah para penduduknya belum mencapai ratusan ribu seperti halnya sekarang. Dalam lorong-lorong besarnya belum ada lampu isyarat.

Mata-mata yang mengawal lalu lintas di simpang Jalan Campbell, Jalan Tuanku Abdul Rahman, di depan pawagam Odeon itu dahulunya berdiri tegak di atas tong minyak. Dia memberi isyarat dengan kedua belah tangannya yang dipakaikan sayap rotan.

Jalan Tunku Abdul Rahman (dahulu Batu Road) sudah jadi pusat beli-belah semenjak itu. Tetapi tempat orang ramai singgah makan minum ialah di Jalan Melaka, sebab dahulunya di situ ada banyak warung.

Tempat pejabat yang ramai dikunjungi oleh orang dari merata-rata daerah Persekutuan Tanah Melayu (FMS) ialah Jalan Klyne. Di sanalah letaknya pejabat-pejabat para peguam dan penaksir tanah, tukang-tukang lelong yang berlesen, tukang-tukang pelan dan sebagainya. Kebetulan Jalan Klyne berdekatan dengan Bukit Mahkamah yang sudah dipindahkan ke Jalan Duta.

Bandar Kuala Lumpur pada masa itu ditadbirkan oleh satu majlis yang dinamakan *Sanitary Board* atau Lembaga Kesihatan yang diketuai oleh seorang pengerusi.

Kes mengenai lalu lintas yang banyak dibawa ke mahkamah saya (Third Court) ialah bersabit dengan orang-orang menunggang basikal waktu malam tidak pakai lampu, kereta-kereta yang melampau bunyikan honnya (dari bola getah yang bila dipicit berbunyi pot-pot-pot). Semuanya kesalahan kecil sahaja mengikut undang-undang pada masa itu paling banyak dendanya kalau didapati bersalah ialah lima ringgit, tetapi biasanya \$2.00 atau \$1.50 sahaja termasuk belanja hantar saman.

Saya suka menyoal mata-mata yang membawa kes basikal tidak berlampu itu. Adakah pada hari dan masa dia menangkap orang itu hujan lebat turun?

Kalau mata-mata itu tidak dapat menerangkan dengan pasti bahawa pada hari itu tidak ada hujan lebat, maksudnya pada malam dia menangkap orang itu, maka saya biasanya melepaskan sahaja orang yang kena dakwa itu. Sebab kalau hujan, lampu basikal yang ulang-alik di jalan raya mestilah padam, sebab sumbu lampunya jadi basah.

Tetapi kadang-kadang ramai sangat orang yang dihadapkan ke mahkamah oleh berbagai-bagai pihak; orang tidak bayar lesen sementara tanah (TOL) oleh pejabat tanah, tidak bayar cukai angkat najis, peraih atau peniaga kecil yang tidak punya lesen, pengemis-pengemis dan sebagainya.

Apabila terjadi begitu, saya biasanya menyuruh orang-orang itu berbaris di depan saya untuk dibicarakan sekaligus.

Melalui jurubahasa, mereka itu diberi amaran supaya jangan tunjuk loyar buruk. Siapa yang mengaku salah akan didenda sedikit sahaja. Tetapi siapa yang tidak mengaku salah, maka mereka itu akan dibicarakan, dan jika kemudian didapati salah akan dikenakan hukuman yang lebih berat.

Memang cara begitu tidak wajar saya lakukan sebab yang demikian bukanlah satu cara yang baik untuk mentadbirkan undang-undang. Tetapi sebaliknya dalam pengalaman membuktikan bahawa kebanyakan para penduduk dalam bandar besar kurang takut dan tidak patuh pada undang-undang.

Akibat perbuatan saya yang ambil mudah dan mahu ringkas sahaja menjalankan undang-undang, Tuan T.S. Adams, Residen British Selangor pada masa itu, telah memberitahu saya bahawa semenjak saya bertugas jumlah hasil yang didapati daripada mahkamah saya telah banyak berkurangan.

Tetapi saya dengan cepat telah bertanya balik kepada beliau, iaitu adakah menjadi satu tujuan kerajaan untuk mengutip hasil daripada orang-orang yang susah hidupnya, yang kecil pendapatannya, yakni daripada orang-orang miskin? Beliau tidak dapat menjelaskan dengan cukup terang serta boleh memuaskan hati saya.

Semenjak itu, dan juga oleh beberapa sebab yang lain yang tidak dapat saya terangkan di sini, maka hati saya mulalah jadi tawar semula hendak terus bekerja dengan kerajaan. Dengan kata-kata lain, jiwa saya mula memberontak terhadap satu sistem yang saya tidak suka.

Pada suatu hari pihak Majlis Bandaran Kuala Lumpur telah membuat permohonan supaya mahkamah mengeluarkan perintah untuk merobohkan sebuah rumah kedai di Jalan Klyne. Saya tentulah tidak boleh ingat lagi rumah itu nombor berapa, dan

kejadian itu serta yang berikutnya, telah berlaku pada hari apa dan dalam bulan apa.

Yang hendak saya ceritakan atau terangkan ialah sebelum mahkamah mengeluarkan perintah meroboh maka pihak yang memohon hendaklah memberitahu sebab-sebab yang munasabah yang patut dan sesuai dengan kepentingan umum, mengapa rumah atau bangunan itu patut dirobuhkan dan kalau perlu hendaklah juga menyatakan apa tujuannya membuat permohonan itu.

Dengan berunding lebih dahulu dengan kerani dan jurubahasa saya, maka ditetapkanlah hari dan masa permintaan itu akan didengar (dibicarakan) oleh mahkamah.

Pada hari yang tersebut saya telah diberitahu bahawa pegawai *Sanitary Board* yang akan membentangkan perkara itu ialah seorang pegawai Inggeris bernama Dutton, dan pangkatnya ialah *Chief Sanitary Inspector*. Saya juga telah diberitahu bahawa beliau punya ijazah atau kelayakan dari *Royal Architectural Society* di England. Pendeknya, beliau adalah pakar bangunan.

Dalam keterangannya membentangkan sebab-sebab mengapa rumah kedai itu patut dan hendak dirobuhkan, Tuan Dutton telah berkata, (dalam bahasa Inggeris) lebih kurang seperti berikut:

"Saya telah melawat bangunan itu pada (sekian haribulan) dan saya dapati tiang-tiangnya condong ke sebelah, dinding-dindingnya banyak retak di sana sini, dan pada pendapat saya bangunan itu boleh runtuh pada bila-bila masa jua pun dan kerana itu membahayakan orang ramai."

"Dan lagi saya dapati bangunan itu tidak punya cukup lubang udara, pintu dan jendela, tidak cukup saluran air dan oleh kerana itu pada pendapat saya, bangunan itu tidak layak diduduki oleh manusia."

"Dan bahawasanya, dengan sebab-sebab itulah pihak Lembaga Kesihatan memohon supaya mahkamah mengeluarkan perintah merobuhkan bangunan itu."

Kemudian, sesudah berfikir sebentar, saya pun bertanya kepada Tuan Dutton:

"Yang engkau katakan bangunan itu tidak layak diduduki manusia, saya suka hendak bertanya, iaitu manusia macam mana? Macam orang Asli yang tinggal di hutan rimba? Atau kuli-kuli yang tinggal dalam bangsal atau manusia seperti engkau orang-orang kulit putih?" Jawab Tuan Dutton: "Bagi semua jenis dan peringkat manusia."

Kemudian saya berkata pula, dan lepas itu bertanyakan pendapatnya mengenai satu menara yang telah condong bertahun-

tahun, yang dianggap satu daripada tujuh benda-benda ajaib dalam dunia:

"Di bandar Pisa, dalam wilayah Tuscany, di Itali, ada sebuah menara tinggi yang telah condong sejak lebih kurang tiga ratus tahun yang lampau. Bolehkah tuan terangkan kepada saya, apakah sebabnya maka menara itu tidak runtuh, dan kerana itu ia dianggap sebagai satu dari tujuh benda-benda ajaib dalam dunia ini?"

Sekonyong-konyong saya lihat badan Tuan Dutton menggeletar. Barangkali dia tidak sekali-kali menyangka bahawa saya, seorang Melayu, seorang pegawai yang masih sangat muda, boleh mengemukakan satu pertanyaan seperti itu.

Oleh kerana ternyata dia tidak bersedia menjawab pertanyaan saya yang begitu aneh, maka dengan penuh hormat dia berkata:

"Benarkanlah saya tempoh seminggu tuan, untuk memberi masa yang cukup bagi saya hendak menelaah buku-buku mengenai perkara itu."

Dengan cepat saya berkata: "Permintaan tangguh seminggu dibenarkan. Sekarang mahkamah dibubarkan."

Seminggu kemudian, dengan rasmi pihak *Sanitary Board* telah memberitahu mahkamah bahawa pihak mereka menarik balik permohonanannya itu. Dengan kata-kata lain saya tidak lagi perlu memutuskan sama ada bangunan itu patut atau tidak dirobohkan.

Kisah ini hanyalah satu hal kecil yang telah berlaku kepada diri saya sewaktu saya menjadi majistret dahulu. Namun, semasa saya menulis memoir ini, deretan rumah kedai lama di Jalan Klyne masih belum dirobohkan.

Perbicaraan Kes Wayang Cina



Pada bab ini saya hendak menceritakan pula satu kes yang lebih menarik, sebab perkara yang terkandung dalam kes ini ada kena-mengena dengan kebudayaan bangsa-bangsa Asia. Berhampiran tapak kompleks kereta kabel Bukit Nanas, tinggal seorang pegawai tinggi Inggeris. Nama pegawai itu dan apa pangkatnya tidak usahlah saya nyatakan. Pegawai itu, untuk kisah ini saya namakan Mr. X, ada menghidap penyakit urat saraf yang dalam bahasa Inggeris digelar *choronic neurosis*. Oleh kerana penyakit itu Mr. X tidak boleh tahan mendengar bunyi bising seperti gendang, gong dan sebagainya.

Tidak berapa jauh dari bukit itu, di tanah lapang antara Jalan Campbell (sekarang Jalan Dang Wangi) dan Eastern Hotel, terletak taman hiburan yang pertama diadakan di Kuala Lumpur. Namanya ialah *Merry World*. Kemudian barulah ada pula *Lucky Park* dan *Bukit Bintang Park*. Ketiga-tiganya kini sudah tidak ada lagi.

Pada setiap malam riuhlah macam-macam bunyi yang terpancar dari taman hiburan *Merry World* itu; bunyi orang-orang bersorak, bertepuk, bunyi congcong-congcong dari wayang Cina, bunyi manusia gelak ketawa dan lain-lain. Maklum sahajalah taman hiburan tempat manusia bersukaria.

Mr. X tidak boleh tahan mendengar bunyi bising, riuh dan meriah itu. Dia tidak boleh tidur lena. Dia tidak suka kepada bunyi-bunyi itu. Malah dia marah, dan meradang.

Entah bagaimana, mungkin kerana dia seorang kulit putih, dan mungkin juga kerana dia seorang pegawai tinggi, maka pihak *Sanitary Board* telah mengeluarkan saman atas wayang Cina dan joget Melayu (atau ronggeng). Taman hiburan itu menyebabkan bunyi bising yang berlebih-lebihan yang mengganggu orang ramai, iaitu satu kesalahan di bawah undang-undang kesalahan-kesalahan kecil.

Oleh kerana perkara ini adalah satu perkara kecil, dan kiranya didapati salah hanya boleh dihukum denda tidak lebih daripada lima ringgit, maka dibawalah hal ini ke mahkamah saya.

Saman atas wayang Cina itu ialah juga kerana melanggar syarat tidak boleh menggunakan simbal yang diperbuat daripada tembaga. Syarat itu ada tertulis di belakang lesen yang telah dikeluarkan kepada wayang itu oleh pihak *Sanitary Board*.

Tetapi wayang itu telah menggunakan sepasang simbal yang diperbuat dari zink yang bunyinya lebih kurang sama juga dengan yang diperbuat daripada tembaga.

Saya sebagai orang Melayu, dan ketika itu tahun 1935, saya masih muda remaja, sangat berminat kepada wayang bangsawan dan joget. Kadang-kadang saya juga menonton wayang Cina. Oleh kerana itu tentulah mendukacitakan saya kiranya joget dan wayang itu tidak boleh bermain dalam taman hiburan itu.

Walau bagaimanapun pada hari perbicaraan kes itu saya telah mendengar segala keterangan yang diberikan oleh pihak *Sanitary Board*.

Setelah memikirkan beberapa aspek daripada perkara itu, aspek undang-undang, aspek kepentingan orang ramai dan implikasi yang kurang sihat dalam perkara itu, maka saya telah menolak dakwaan itu dengan alasan seperti berikut:

Pertama, kalau betul bunyi dari taman hiburan itu melampau dan kerana itu mengganggu ketenteraman orang ramai, maka mengapakah hanya satu sahaja, Mr. X yang telah mengadu; dan kedua, pada pendapat dan dalam pengetahuan saya, undang-undang belum pernah dikanunkan dengan tujuan hendak menghapuskan kebudayaan sesuatu kaum.

Jadinya, pada pendapat saya, joget Melayu tanpa gong dan gendang bukanlah joget Melayu yang sebenarnya, yang asli. Wayang Cina yang tidak menggunakan sepasang simbal iaitu selain alat-alat yang lazim digunakan, bukanlah satu wayang Cina yang tulen atau yang lengkap.

Dengan alasan dan kesimpulan itu, saya dengan penuh yakin dan suci hati, telah membuang kes itu. Pendapat umum yang saya tinjau kemudian dari itu adalah membuktikan bahawa pendapat saya itu betul dan keputusan saya itu cukup adil.

Akan tetapi beberapa hari selepas itu, saya telah diberitahu bahawa pihak yang mendakwa tidak puas hati dengan keputusan saya itu, dan mereka akan membuat permintaan ulang bicara di mahkamah yang lebih tinggi.

Saya tidak gentar sedikit juga pun dengan ulang bicara itu, sebab saya tetap berpendapat bahawa pengertian saya mengenai undang-undang itu adalah betul dan keputusan yang saya telah berikan itu adalah adil dan sesuai dengan kepentingan orang ra-

mai, yakin dengan masyarakat. Dalam satu ulang bicara, hakim yang telah memutuskan satu-satu perkara yang hendak diulang-bicarakan itu tidaklah perlu hadir di mahkamah yang mengadakan ulang bicara itu.

Saya yang telah memutuskan perkara yang diminta ulang bicara itu hanyalah diwajibkan memberikan alasan yang bertulis kepada mahkamah yang lebih tinggi yang akan mendengar dan memutuskan rayuan ulang bicara itu.

Saya telah memberikan alasan-alasan saya seperti yang saya nyatakan, iaitu: (a) joget Melayu tanpa gong dan gendang bukanlah, boleh lagi dinamakan joget atau ronggeng Melayu, dan (b) wayang Cina yang tidak dibolehkan memainkan satu alat yang penting bagi kesempurnaan lakonannya, iaitu sepasang simbal bukanlah wayang Cina mengikut tradisinya, dan (c) bahawasanya undang-undang tidak harus digunakan untuk menghapuskan kebudayaan sesuatu kaum, khususnya dalam tanah jajahan.

Keputusan hakim yang telah mendengar dan menimbangkan ulang bicara itu amatlah memeranjatkan orang yang berminat kepada undang-undang dan perjalanan keadilan, khususnya pegawai kerajaan pada masa itu.

Tuan Hakim Mahkamah Ulang Bicara telah bersetuju sepenuhnya dengan pendapat dan alasan yang telah saya berikan dalam keputusan saya atas dakwaan pihak *Sanitary Board* mengenai joget dan wayang Cina itu.

Secara spontan orang ramai dalam Kuala Lumpur pada masa itu telah menganggap saya sebagai seorang majistret muda yang berani. Orang ramai memuji-muji saya, dan nama saya mulalah terkenal.

Pihak kerajaan Inggeris pada masa itu telah menghargai khidmat saya yang mereka anggap memuaskan, dengan menaikkan gaji saya dan tingkatan pangkat dalam jawatan saya.

Tetapi minat saya pada kerja kerajaan semakin menurun. Pantang larangnya terlalu banyak. Saya seringkali telah diberi nasihat oleh Tuan T.S. Adams supaya menjaga tingkah laku dan maruah saya dengan cermat.

Kalau pergi menonton wayang, kata beliau, hendaklah duduk di kelas satu, sekurang-kurangnya. Janganlah sekali-kali duduk di tangga kambing. Saya hendaklah juga berpakaian lengkap. Kalau pakaian Melayu mestilah lengkap dengan sampingnya, dan kalau pakaian Barat mestilah pakai tali leher.

Pernah juga pada suatu masa dia mengesyorkan iaitu kalau saya hendak beristeri, maka eloklah saya mencari wanita dari go-

longan atasan. "Kalau sungguh ingin hendak beristeri," katanya. "Saya boleh kirakan anak seorang Datuk di Kelang."

Satu hal yang sangat saya benci ialah adanya orang-orang yang menjaga tepi kain saya, membuat fitnah yang bukan-bukan mengenai pergaulan saya dalam masyarakat. Kononnya, satu hal yang telah disampaikan kepada pihak atas, saya ada mempunyai seorang kekasih atau *girlfriend* nyonya Cina, namanya Quenie Chen.

Semenjak muda remaja saya suka bercampur gaul dengan lapisan masyarakat daripada semua kaum. Saya tidak tahu besar hati atau sombong, dan selalu bersedia menolong sesiapa jua yang ada masalah, yang menghadapi sebarang kesusahan.

Quenie Chen ini anak daripada keluarga miskin tinggal di kawasan setinggan, atas tanah TOL. Dia pernah menjadi anak angkat seorang peguam bangsa Inggeris, pernah tinggal lama di England, melawat negeri-negeri Eropah, pandai menunggang kuda. Meskipun rupa parasnya tidak dapat dikatakan cantik, tetapi budi bahasanya sangat baik. Kami berkawan bertahun-tahun lamanya, daripada Kuala Lumpur hingga ke Singapura. Dia telah mati ketika pemerintahan Jepun.

Akibat fitnah dan pesona orang-orang daripada bangsa saya sendiri, yang mudah iri hati dan hasad dengki, saya telah disuruh pindah dari rumah saya di Jalan Pekeliling, dinasihatkan oleh orang-orang atas supaya tinggal bersama pegawai-pegawai Melayu yang lain, yang kononnya boleh menjaga dan mengawal hidup saya.

Hal-hal seperti itulah yang menyebabkan saya telah merancang akan meninggalkan sekali lagi jawatan saya, akan merantau dan mengembara sekali lagi untuk menambah pengalaman hidup saya. Saya mempunyai keyakinan yang kuat pada masa akan datang, di hujung hidup saya kelak, kalau umur saya panjang, saya akan mendapat kejayaan, akan terkenal, biarpun pada pendapat orang ramai Melayu kerja makan gaji dengan kerajaan itulah yang paling baik, yang amat menyenangkan hidup.

Membicarakan Kes Hutang-Piutang



Suatu hal masyarakat yang sangat membosankan seorang pengadil atau majistret mahkamah rendah seperti saya dalam tahun tiga puluhan dahulu ialah mengenai hutang-piutang. Bilangan orang yang berpendapatan kecil yang telah meminjam wang daripada tukang pinjam wang sangat ramai. Hutang-hutang mereka itu jumlahnya tidak besar; ada yang \$10.00 sahaja, tetapi sudah menandatangani surat hutang IOU dan *Promisory Notes* yang tiga empat kali ganda lebih banyak daripada jumlah sebenarnya mereka itu berhutang.

Kes tuntutan seperti itulah yang paling banyak tiba ke mahkamah saya. Cerita-cerita persendirian dan masalah-masalah hidup yang telah disampaikan kepada saya amatlah menyedihkan.

"Saya anak ramai, Encik, tapi gaji saya kecil." Atau: "Saya selalu sakit, Encik, belanja saya berubat banyak, Encik." Atau pun: "Saya berhutang mulanya sikit sahaja, tetapi lama tidak dibayar, bunganya sudah jadi lebih daripada pokoknya." Dan termasuklah juga: "Saya ada dua isteri, tak cukup gaji."

Tetapi hakikat yang sebenarnya, dari dahulu sampailah sekarang, dan ini khususnya mengenai orang Melayu, ialah kebiasaan atau tabiat bangsa kita, semula jadi atau baru jadi, yang suka atau mudah berhutang, tetapi payah membayar. Tabiat itu telah didorong pula oleh tabiat suka joli, suka main judi, suka khayal, ber-seronok, makan minum, makan angin, berfoya-foya, tanpa mempunyai perancangan hidup jangka panjang.

Pendapat saya ini kesimpulan daripada pengalaman saya sendiri daripada kes-kes tuntutan hutang yang telah saya bicarakan dan putuskan selama saya berkhidmat sebagai majistret kelas tiga dalam tahun-tahun 1934-35 dahulu. Dan saya fikir kedudukan hal ini sekarang pun tidak banyak berubah, dan mungkin jumlah hutang kita orang Melayu kini sudah bertambah besar jumlahnya.

Tetapi sekarang sudah ada undang-undang yang menghadkan bunga pinjaman. Sekarang peminjam-peminjam wang sudah dikenakan bayaran lesen. Dahulu siapa pun boleh jadi ceti atau pe-

minjam wang. Sekarang sudah ada institusi yang meminjamkan wang. Namun demikian, hakikatnya tidak banyak berubah, iaitu perandai bangsa suka berhutang, payah dan liat sangat hendak membayar balik.

Saya berharap janganlah hendaknya ada sesiapa yang marahkan saya, atau menuduh saya suka menepuk air di dulang. Saya menyebut hal ini dengan tujuan baik.

Dan sekarang dengarlah bagaimana saya telah menolong orang-orang yang berhutang, dan secara tidak langsung mencuba menghapuskan lintah darat yang berkeliaran pada masa dahulu itu.

Si A datang berjumpa saya dan merayu: "Gaji saya sebagai pekerja di bengkel kereta api Sentul, hanyalah \$3.50 sahaja sehari, encik. Tolonglah saya, Encik, besok saya kena bicara, nak tentukan berapa banyak saya boleh bayar sebulan.

"Yang sebenarnya saya tidak boleh bayar satu sen pun, Encik, sebab saya ada berhutang pada banyak tempat, pada banyak orang; pada ceti ada, pada Benggali ada, di kedai tempat saya beli barang pun ada, bahkan di kedai dobi pun ada."

Kalau pembaca boleh cukup faham bagaimana rumitnya masalah hutang-piutang ini, maka pembaca bolehlah pula faham betapa rumitnya kerja saya hendak menolong sesiapa yang telah "dibelit oleh hutang-hutang di sekeliling pinggangnya."

Dan apabila kita fikirkan semula dengan penuh insaf, dan kita analisis secukup-cukupnya dan sedalam-dalamnya, maka kita patutlah menerima satu fakta besar sejarah kaum bangsa kita, iaitu harta, tanah dan rumah Melayu dalam bandar-bandar besar dan kecil di Semenanjung Tanah Melayu ini sudah boleh dikatakan habis, licin semuanya tergadai dan terjual, sebab perandai kaum bangsa kita suka hidup mewah, boros, suka joli, pandai berbelanja, tetapi kurang pandai mencari, tidak punya perancangan hidup yang jauh. Saya fikir kita patut mengakui hakikat ini supaya kita boleh berubah dan membunuh semua kelemahan seperti itu.

Sejak merdeka, kita patut mengakui bahawa perandai bangsa kita yang tidak konstruktif, yang lemah, dan boleh membawa kepapaan itu, masih lagi belum banyak berubah.

Dan sejarah masyarakat kita membuktikan bahawa perandai mudah berhutang dan payah membayar ini adalah menjadi penghalang yang besar untuk bangsa kita boleh maju dalam berbagai-bagai lapangan perniagaan dan perusahaan.

Menjadi cerita yang lumrah di mana-mana bahawa kesemua kedai, syarikat Melayu banyak yang telah mengalami kerugian besar sebab pembeli atau pelanggan banyak berhutang. Kantin

kepunyaan Melayu banyak tutup sebab para pelanggannya tidak membayar hutang, dan peniaga itu sendiri pun tidak membayar hutang kepada para pembekal untuk kedai, kantin dan perusahaan mereka itu.

Ya, eloklah juga saya terangkan siapa atau apakah jenis orang ramai keturunan Melayu yang pada masa dahulu suka berhutang dan banyak berhutang?

Purata yang ramai berhutang, mengikut kes tuntutan maliah yang banyak sampai ke mahkamah saya ialah orang makan gaji, khususnya yang makan gaji dengan kerajaan. Ini termasuklah guru sekolah, kerani, buruh kereta api, Jabatan Kerja Raya, kakitangan hospital, pegawai-pegawai tinggi dan rendah.

Orang kampung yang tinggal di sekitar bandar besar dan yang punya agak banyak kebun getah dan kelapa ramai juga yang berhutang. Tetapi mereka itu lazimnya berhutang kepada ceti sebab kaum ceti memerlukan cagaran yang berharga, iaitu geran tanah.

Kalau dibuat kajian di pejabat tanah di Johor Bahru, Batu Pahat dan Muar, di Melaka, di Kedah dan Perlis, maka masih boleh dapat diketahui berapa banyaknya kebun kepunyaan orang Melayu yang telah tergadai, terjual lelong dan bertukar milik sebab hutang yang tidak dibayar balik.

Kalau hendak dibuat kajian, mesti meliputi kedai pajak yang masih ada di mana-mana dalam Semenanjung Tanah Melayu. Saya percaya hasil daripada kajian demikian itu akan membuktikan bahawa masalah mudah berhutang payah membayar di kalangan kaum bangsa kita masih tetap menjadi masalah besar, yang sangat rumit atau kompleks yang boleh menjadi penghalang besar tujuan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Saya telah berbuat sedaya-upaya saya untuk menolong orang Melayu supaya jangan mudah sangat berhutang, dan juga hendak menghapuskan cengkaman lintah darat pada masa dahulu.

Masih ada orang-orang lama yang masih hidup, yang sudah pencen daripada jawatan kerajaan, yang apabila berjumpa dengan saya akan berkata: "Terima kasih, Encik, atau Pak Doktor, sebab dahulu Encik sudah menolong saya berkenaan hutang saya pada si anu dan si anu."

Perasaan bosan saya bekerja dengan kerajaan semakin memuncak. Saya terasa benar pada ketika itu bagaimana susahnya hendak berbuat sesuatu untuk menyedarkan kaum bangsa saya tentang kedudukannya yang semakin lemah dalam negerinya sendiri, tentang bagaimana banyaknya perpecahan dalam masyarakat kita, masing-masing dengan khayalannya, tanpa memikirkan apa

hendak jadi kepada tanah air dan kaum bangsanya pada masa yang akan datang kelak.

Akhirnya, pada suatu hari, dengan nekad yang kuat dan dengan keyakinan yang penuh bahawa saya akan lebih berjaya memperjuangkan nasib bangsa dan tanah air saya, dalam bidang yang lebih luas dan bebas, sebagai pengarang atau wartawan, maka saya sekali lagi telah meninggalkan jawatan saya, satu jawatan dan kedudukan yang dianggap tinggi, mulia dan dihormati oleh masyarakat Melayu.

Saya tahu bahawa kali kedua ini saya tidak akan dipujuk lagi untuk bekerja semula, sebab sedikit sebanyak kerajaan Inggeris atau penjajah sudah tahu aliran fikiran dan pendapat saya terhadap mereka.

Kali kedua ini saya tidak menuju ke Pantai Timur. Saya pergi ke arah selatan. Tempat yang saya tuju ialah Muar, di Negeri Johor, sebab di sana pada masa itu ada percetakan Melayu, ada suratkhbar Melayu, *Suara Benar* namanya, yang diterbitkan di sana. Bandar Maharani (Muar) pada masa itu ialah pusat penerbitan buku, majalah dan suratkhbar Melayu, iaitu selain Kota Bharu, Kelantan.

Dalam kereta api menuju ke Melaka saya telah bersua dengan Hakim Mac Intyre, yang pada masa itu punya pejabat guamannya di Muar. Kami berbual-bual sekejap. Dan apabila ditanya olehnya ke mana saya hendak pergi, maka saya telah berbohong kepadanya mengatakan saya dalam cuti dan hendak makan angin ke Singapura.

Maka telah hebohlah sekali lagi seluruh Tanah Melayu, orang ramai bercakap tentang kebodohan dan kegilaan saya, menolak tuah, lari meninggalkan satu jawatan kerajaan yang begitu baik.

Menjadi Guru di Johor



Sampai di Muar saya menyewa sebuah bilik di Nanyang Hotel, bilik yang menghadap ke Sungai Muar, dekat dengan Pangkalan Penambang dan setentang dengan Dewan Majlis Bandaran Muar. Sewa bilik hotel itu ialah \$3.00 sehari semalam. Bilik itu besar, bersih. Dengan wang \$200.00 dalam saku saya, maka saya kira boleh tinggal sekurang-kurangnya satu bulan. Belanja makan minum pada masa itu sangat murah. Sateh hanya dua sen secucuk, ketupat pun dua sen satu. Belanja 20 sen sudah cukup kenyang.

Para pembaca boleh bertanya mengapa saya tidak memilih Melaka sebagai tumpuan pengembaraan dan pengkajian saya? Melaka ada hubungan banyak dengan sejarah bangsa Melayu, sejarah kejatuhannya dalam tahun 1511 Masehi.

Melaka, bagi maksud saya, sangat kecil. Ia sebuah Negeri Selat. Sebaliknya, Johor ialah sebuah daripada empat buah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang belum tunduk seratus peratus di bawah kuasa Kerajaan British.

Muar pada zaman dahulu kala, mengikut cerita dongeng, sangat masyhur. Kisah Malim Deman, misalnya, dipercayai telah berlaku di Muar. Saya tidak pernah jemu membaca *Hikayat Malim Deman* dan *Hikayat Malim Dewa*.

Ulu Sungai Muar ialah di banjaran bukit yang menjadi sempadan antara Negeri Sembilan, Pahang dan Johor. Kini sudah ada lebuh raya menyambungkan Johor (dari Segamat) dengan Pahang (ke Kuantan). Saya sendiri percaya bahawa Laksamana Hang Tuah apabila diperintahkan oleh Sultan Melaka pergi menculik Tun Teja di Pekan Pahang, telah mudik ke hulu Sungai Muar. Kemudian 'gerombolannya' telah hilir Sungai Triang, dan kemudian, dari sana, telah hilir ke Pekan.

Di Muar saya telah menyamar sekali lagi sebagai 'Ahmad Baharuddin Kasbi', iaitu nama yang telah saya pakai di Kelantan dua tahun dahulunya. Masih ada kenalan-kenalan saya yang memanggil saya 'Encik Bahar'.

Selama tinggal di Nanyang Hotel di Bandar Maharani (Muar) itu saya telah mencatatkan beberapa hal dan peristiwa dalam buku peringatan untuk panduan menulis rencana atau buku cerita apabila sampai masanya. Kebanyakannya ialah dalam tulisan Jawi.

Tetapi nasib saya sangat baik. Hanya beberapa hari sahaja lepas itu saya dapat tahu ada sebuah sekolah rakyat, Madrasah Haji Talib namanya, di Kampung Parit Jamil, lebih kurang 7 batu dari bandar Maharani sedang mencari seorang guru bahasa Inggeris. Dan sehari dua lepas itu pihak sekolah itu telah datang menemui saya dan menawarkan jawatan itu.

Selanjutnya saya telah dibawa pindah ke Parit Jamil ditempatkan di sebuah 'dahlia' atau asrama kecil bersama dengan lima enam orang pemuda yang mengaji di sekolah itu. Seorang daripadanya ialah Encik Mohd Zin dari Segamat dan Encik Zaiton bin Haji Alias dari Kampung Parit Kangkung dekat Parit Jamil. Zaiton dan 'Zabha' kemudiannya telah bekerja bersama-sama dengan saya di *Utusan Melayu* di Singapura.

Madrasah Haji Talib di Kampung Parit Jamil, Muar ini telah didirikan dan dibiayai oleh dua orang kaya adik-beradik, Haji Hassan dan Haji Jaafar bin Haji Talib yang punya banyak kebun getah dan kelapa. Mudirnya atau guru besarnya pada masa saya di sana dahulu ialah Yang Mulia Raja Yunus dari Tanjung Pinang, Riau.

Untuk menjadi seorang guru bahasa Inggeris di sekolah itu yang dianggap moden dan progresif pada masa itu saya telah dikehendaki melalui satu ujian oleh Pejabat Pelajaran Negeri Johor. Dan untuk itu saya telah diperiksa oleh guru besar Sekolah Inggeris Muar. Tuan Taylor namanya. Tetapi dengan mudah sahaja saya telah lulus ujian itu dan telah diberikan satu sijil dan kebenaran mengajar.

Madrasah Haji Talib pada masa dahulu mempunyai sebuah percetakannya sendiri untuk mencetak risalah dan buku teks mengenai pelajaran agama.

Kami juga telah menerbitkan majalah bulanan, *Masa* namanya, memakai tulisan Jawi, bidangnya sama besar dengan *Kiblat* atau *al-Islam* yang diterbitkan oleh Syarikat Utusan Melayu. Dalam majalah *Masa* itu saya telah menulis beberapa siri artikel yang berbentuk politik dan ekonomi dengan judul 'Memandang ke Hadapan'.

Dari mulanya saya memang tidak mahu tinggal lama di Muar. Akan tetapi oleh kerana Tuan Haji Jaafar dan keluarganya sangat baik dan suka atau bersimpati dengan saya, maka saya telah menetap di sana selama lebih kurang satu tahun. Dalam masa satu

tahun itu saya telah dibawa melawat ke segenap pelosok negeri Johor, termasuk ke ladang getahnya di Gerisik, sebelah hulu Sungai Muar.

Dengan murah hati atau ihsan Haji Jaafar juga saya telah diperkenalkan kepada orang-orang besar dan Datuk-Datuk dalam Negeri Johor, termasuk DYMM Sultan Johor (1977) yang pada masa itu menjadi Tengku Mahkota. Dengan jasa baik beliau juga, saya sampai ke rumah Ungku Abdul Hamid, ayahanda Profesor Ungku Aziz yang pada masa itu baru berusia sembilan atau sepuluh tahun, badannya gemuk gedempol.

Di penghujung tahun 1936 saya telah meminta izin dari Haji Jaafar dan keluarganya untuk menyambung semula pengembaraan saya. Abang saya yang tertua Abdul Hamid yang pada masa itu bekerja sebagai S.O. atau pegawai penyelesaian tanah, di Kemaman, Terengganu telah mengirinkan wang untuk belanja saya pergi ke negeri itu.

Jadi, dengan rasa penuh sedih sebab sudah begitu mesra dengan keluarga Madrasah Haji Talib dan orang-orang kampung di sekitar Parit Jamil, maka saya telah meninggalkan Muar, dengan kapal menuju ke Singapura. Tambangnya pada masa itu hanyalah \$2.00 makan tanggung.

Dari Singapura saya telah menyambung perjalanan saya dengan kapal juga, ke Kemaman dan tambangnya ialah \$4.00.

Madrasah Haji Talib, Parit Jamil, Muar kini sudah bertukar menjadi sekolah kerajaan. Keturunan Haji Jaafar dan Haji Hassan sangat ramai, lelaki dan perempuan. Hanya sedikit sahaja daripada mereka itu yang kini tinggal di Kampung Parit Jamil. Ishak seorang daripada anak-anak Haji Jaafar dan isterinya, Habibah anak Haji Hassan. Amir anak Haji Hassan. Kampung Parit Jamil kini tidak terkenal lagi seperti halnya dalam tahun tiga puluhan dahulu.

Saya fikir, sejarah orang dua beradik, Haji Hassan dan Haji Jaafar bin Haji Talib yang sangat banyak jasanya kepada tanah air dan bangsa, patutlah sangat ditulis oleh penulis-penulis di Muar atau oleh pihak Persatuan Sejarah Bahagian Muar.

Dalam tahun-tahun lima dan enam puluhan dalam masa menjadi Pengerusi Parti Buruh Malaya saya telah melawat sekali lagi ke seluruh pelosok negeri Johor termasuk tempat-tempat kecil dan kampung-kampung baru seperti Pekan Nenas, Bukit Siput, Jabi, Labis dan lain-lain.

Paling akhir di awal tahun 1974 saya telah dijemput oleh Persatuan Penulis Johor Muar melawat sekali lagi ke bandar itu, ke-

tika itu sudah banyak berubah, sudah ada jambatan yang menyambungkan dua tebing sungai yang banyak sejarah itu, yang memudahkan dan mendekatkan perjalanan ke Melaka dan ke utara Malaysia.

Dan sekali lagi saya suka mengesyorkan, bahawa di samping berusaha mengkaji sejarah dan cerita-cerita lama negeri Johor, para penulis dan peminat sejarah di negeri Johor patutlah memikirkan dan merancang untuk menulis dan merakamkan satu sejarah baru bagi negeri Johor yang mengandungi segala aspek kemajuan dan perubahannya sejak sebelum perang (tiga puluhan), masa perang, masa pemerintahan Jepun (empat puluhan) masa darurat, perjuangan kemerdekaan, hinggalah terbentuknya ASEAN.

Kenangan saya pada negeri Johor, para penduduknya, pada adat resam, budi bahasa orang Melayu Johor, ketika pengembaraan saya, dari masa ke masa ke seluruh negeri itu, masih sangat banyak. Yang saya tuliskan ini hanyalah secebis sahaja daripada kisah-kisah yang panjang bermacam-macam peristiwa.

Dalam beberapa hal, pada pendapat saya yang tulus ikhlas, kaum penulis dalam negeri Johor, sedang tertinggal jauh ke belakang, iaitu apabila dibandingkan dengan para penulis di negeri-negeri lain dalam Malaysia. Pada halnya, dalam zaman Datuk Haji Muhammad Said, membawalah ke zaman Abdullah Sidik, negeri Johor telah menjadi medan persuratan Melayu yang sangat maju, dan telah meninggalkan banyak kesan kepada perkembangan kesusasteraan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Keadaan masyarakat Melayu Johor pada tahun empat puluhan yang masih saya ingat, ialah satu masyarakat yang sangat teratur, berdisiplin, bersatu padu dalam semua aspek. Pelajaran agama sangat diutamakan, adat resam dipatuhi dan dihormati. Sekolah-sekolah agama ada dalam setiap mukim, lengkap serba-serbi, dan gaji guru-gurunya adalah tinggi. Pemuda pemudi Johor lebih ramai telah melanjutkan pelajarannya ke Mesir, Mekah dan Beirut. Kalau saya tidak silap, Johor masih mempunyai asramanya sendiri di Kaherah.

Orang ramai berketurunan Melayu lelaki perempuan, kecil besar pada masa itu lazimnya memakai pakaian Melayu yang lengkap, dan apabila hari Jumaat, semua masjid dan surau penuh.

Kaum tani dan nelayan Melayu pada masa itu kuat dan tekun bekerja. Para pegawai Melayu di semua peringkat dalam semua pejabat kerajaan sangatlah peramah, suka bercampur gaul dengan rakyat biasa. Tidak pernah terdengar cerita rasuah, sombong dan bongkak.

Pendeknya, satu tahun saya di Muar dalam tahun 1936 dahulu telah memberikan banyak pengalaman dan kesan pada diri saya. Tetapi tiga puluh tahun kemudian, seperti juga halnya yang telah berlaku kepada negeri-negeri Melayu yang lain, keadaan negeri Johor, keadaan kaum Melayu dan masyarakatnya sudah banyak berubah, nilai-nilai hidup sudah banyak bertukar.

Atas segala hal tentulah kaum Melayu Johor sendiri yang lebih tahu akan keadaan mereka selepas zaman itu. Johor tidak kurang dengan orang bijak pandainya. Perdana Menteri Malaysia Ketiga Tun Hussein Onn ialah anak Johor.

Menjadi Peguam di Kemaman



Kali pertama saya menjejakkan kaki di Kemaman, pada awal tahun 1936. Bandar kecil di tepi Sungai Kemaman itu lebih merupakan sebuah kampung nelayan yang besar dan ramai penduduknya. Nama rasmi bagi kawasan bandarannya, ialah Cukai. Tetapi oleh kerana Kuala Kemaman pada masa itu masih belum terlalu cetek, maka kapal besar yang berulang-alik di Pantai Timur, dari Singapura ke Bangkok, boleh masuk dan berlabuh di Pelabuhan Cukai. Di hulu Sungai Kemaman, di Kampung Machang, pada masa itu ada sebuah lombong bijih besi yang besar, yang diusahakan oleh syarikat Jepun yang terkenal dengan nama ISK yang sama dengan nama pendek saya.

Di sebelah hulunya lagi, di tempat yang bernama Bandi, ada pula sebuah lombong bijih timah yang besar yang telah dikelolakan oleh seorang Cina Singapura yang terkenal dengan nama Ah Hong. Dua perusahaan inilah yang telah menjadikan Kemaman maju, sibuk dan ramai para penduduknya.

Abdul Hamid, abang saya yang tua, pada masa itu bekerja sebagai S.O bersama dengan Encik Dahlan, orang Negeri Sembilan, ayah Encik Dahlan, Pegawai Daerah Kuala Pilah ketika itu, dan Syed Hamzah dari Pulau Pinang.

Syed Hamzah sangat tertarik dengan cita-cita saya hendak menjadi seorang pengarang, dan dengan galakan beliau saya telah mengarang sebuah buku cerita yang telah diterbitkan dalam tulisan Jawi. Tetapi nama buku itu saya sudah lupa. Beliau kemudiannya telah lulus ilmu undang-undang, naik pangkat menjadi DPP (Timbalan Pendakwaraya) bagi Negeri Terengganu dan Kelantan. Dan kemudiannya beliau menjadi hakim Mahkamah Tengah di Kota Bharu, Kelantan dan telah meninggal dunia di sana.

Dengan nasihat ketiga-tiga orang 'anak luar' yang tersebut namanya di atas ini, saya telah memohon lesen peguam (pleader) kepada Kerajaan Terengganu. Untuk mendapatkan lesen itu saya telah dipanggil ke Kuala Terengganu untuk satu ujian oleh Jabatan 'Perdana Menteri' Kerajaan Terengganu pada masa itu.

Setelah lulus ujian itu, dan dengan membayar \$50.00, saya telah dibenarkan menjadi seorang peguam selama enam bulan.

Untuk kerja guaman itu saya telah menyewa sebuah rumah kedai kayu di Jalan Kampung Tengah. Sewanya hanya \$6.00 sebulan. Di samping menjadi peguam saya juga menjadi pemberita khas harian *Warta Malaya*, *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka*, dan juga jadi wakil penjual akhbar.

Oleh kerana kedai itu lapang, maka saya telah membenarkan dua orang kawan saya dari Sumatera untuk menjahit dan membuat songkok. Seorang dari mereka itu, Yahya namanya, menjadi peniaga yang maju di Kuantan, Pahang, tuan punya Sumatera Hotel dan restoran yang terkenal.

Kami tinggal (abang, isterinya dan anaknya) di sebuah rumah kayu cengal, berpagar kayu, di Jalan Penghiburan, jalan besar yang menuju ke Kuala Terengganu. Sewanya \$12.00 sebulan.

Pada masa itu belum ada air paip. Kami semua, kebanyakan penduduk Kemaman pada masa itu, menggunakan air telaga. Sungguhpun begitu telaga masa itu sudah boleh dikatakan moden, sebab kebanyakannya memakai palung simen. Tukang buat palung-palung itu bernama Umar, bergelar Pak Umar Jadam, sebab kulitnya hitam. Saya suka berjumpa dengan orang tua itu untuk mendengar cerita-cerita lama berkenaan hal ehwal orang Melayu Terengganu.

Orang harapan saya, bernama Wan Awang bergelar Wan Awang Pokkeh, tidak pandai menulis, tetapi saya beri tugas untuk menghantar surat, menjaga pejabat, mengutip wang dan lain-lain. Wan Awang ini suka memakai seluar pendek, stokin panjang, baju kemeja lengan pendek, bertopi dan bila berjalan pakai tongkat. Pendeknya, Awang masa itu menjadi orang atau personaliti yang istimewa.

Sebaliknya, saya sendiri berpakaian cara Melayu biasa sahaja, dan pakaian biasa bagi nelayan (lelaki) di Terengganu pada masa itu ialah berkain batik dan berbaju singlet. Tujuan utama saya masuk ke Terengganu ialah hendak mempelajari hal kehidupan orang Melayu. Dan kerana itu saya mesti berkenalan dan berkawan dengan semua lapisan masyarakat.

Apabila malam saya pergi ke bandar menemui kawan-kawan baru saya, anak-anak nelayan yang sedang muda remaja, dan kemudian kami merayau ke kampung-kampung.

Pada suatu malam pemuda-pemuda nelayan itu telah mengajak saya pergi ke sebuah rumah perempuan simpanan seorang pegawai kerajaan. "Pegawai itu sombong sangat, banyak makan

duit luar dan kendaknya itu pun sombong," kata salah seorang pada saya.

"Habis, mu nak buat apa pada dia?" tanya saya.

"Kita gi kacau dia, kita naik atas rumahnya, kita makan nasi-nya, lauk-lauknya, apa-apa makanan lain yang ada. Kemudian kita buangkan tangga rumahnya itu, kita ajar sama dia." Mereka itu menerangkan.

Saya sebagai orang muda pada masa itu, setuju dengan tindakan demikian itu, yang bertujuan menghapuskan maksiat, memberi amaran kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya jangan berlagak sombong, jangan makan suap, jangan merosakkan masyarakat.

Setelah tindakan liar itu, kami keluar semula ke pekan, dan saya belanja mereka makan minum sesuka hati mereka, sebab pendapatan saya pada masa itu boleh dikatakan lumayan.

Di pejabat, apabila tidak banyak kerja, tidak ada bicara di mahkamah, tidak ada surat yang hendak ditulis, saya menterjemahkan rencana-rencana yang saya fikirkan berguna untuk disiarkan dalam *Warta Malaya*, *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka* daripada majalah-majalah bahasa Inggeris seperti *The Strand Magazine*, *The Wide World Magazine*, *The Punch*, *Tit-Bits*, *The Illustrated London News* dan lain-lain. Dalam *Warta Ahad* ada ruangan khas untuk saya yang berjudul 'Hal-Hal Siasah dari Timur dan Barat', 'Siasah' pada masa itu ertinya politik.

Saya juga telah menulis berkenaan kehidupan kaum nelayan, keadaan masyarakat, berita-berita ganjil dan sebagainya. Satu daripada rencana-rencana saya itu mengenai letaknya Masjid Jamek Kemaman, yang terlalu dekat dengan belakang kedai di bandar itu, yakni terlalu dekat dengan jamban atau tandas. Saya telah mengesyorkan supaya satu tembok, kayu atau batu, dibuat untuk menutup masjid itu daripada bau atau pandangan yang kotor itu.

Rencana itu telah tersiar dalam *Warta Malaya* sepenuhnya. Saya fikir saya telah berbuat khidmat yang baik untuk agama dan masyarakat. Tetapi pendapat pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan Terengganu pada masa itu adalah sebaliknya. Mereka marah kepada saya, dan lesen peguam bagi saya telah ditarik balik, dan bayaran \$50.00 telah dikembalikan kepada saya.

Kampung nelayan yang terbesar ialah di Kuala Kemaman. Di sanalah kita boleh lihat perahu nelayan, pukut dan jaring, perusahaan ikan kering, rumah dan masyarakat kaum nelayan.

Profesor Ungku Aziz pernah tinggal di Kuala Kemaman untuk

mengkaji dan menyelidik darihal kemiskinan kaum nelayan.

Orang yang terkemuka di Kuala Kemaman pada masa saya tinggal di sana dahulu ialah Encik Ali, lebih terkenal dengan gelaran Pak Ali Pilot, seorang tokoh dan pakar pelayaran yang riwayat hidupnya patut sangat ditulis oleh para pengkaji sejarah Terengganu.

Ada dua orang lagi tokoh yang terkenal pada masa itu, khususnya dalam perniagaan dan kemajuan kaum Melayu. Yang saya maksudkan ialah Tuan Haji Wan Muhammad atau Mamat ayah YB Haji Wan Yahya, dan Tuan Haji Tahir yang riwayat hidupnya patut ditulis oleh para penulis sekarang.

Apabila sumber pencarian saya telah tertutup, iaitu dengan pembatalan lesen guaman saya, maka saya telah mengembara ke rantau-rantau lain di Pantai Timur, ke Kuantan dan Pekan, Pahang, ke Dungun, Kuala Terengganu, Besut dan ke beberapa buah kampung yang terpencil di negeri Kelantan.

Setelah puas merantau, mencatatkan seberapa banyak maklumat berkenaan negeri itu, mengenai para penduduknya dari dekat dan mempelajari darihal masyarakatnya, bahasa dan adat resamnya, maka saya telah kembali semula ke Kemaman.

Kerja saya sebagai pemberita telah terhenti sebentar oleh kerana Kerajaan Terengganu pada masa itu telah menyekat kemaskinan *Warta Malaya* ke negeri itu. Pihak yang berkuasa di Negeri-negeri Melayu pada masa dahulu sangatlah sensitif. Apa-apa hal yang mereka itu buat tidak boleh ditegur, pantang dikritik. Dan dalam beberapa hal yang bersifat menutup mata atau menyekat kemajuan pemikiran rakyat jelata Melayu, saya dapati tangan pihak penjajah ada bermain di belakangnya.

Kini, kalau pembaca melawat Kemaman, sudah mulalah nampak beberapa kemajuan. Sebuah Masjid Jamik yang baru telah didirikan dalam kawasan yang lebih baik, tidak jauh di depan rumah tempat saya tinggal dahulu. Kini feri yang menyeberangi sungai besar dan kecil di sepanjang Pantai Timur telah diganti dengan jambatan yang kukuh. Kemaman kini sudah punya banyak bangunan baru, pasar baru, hotel-hotel baru, termasuk sebuah *Coffee House* yang comel.

Tetapi adakah sebenarnya orang ramai di sepanjang Pantai Timur yang masih tetap permai itu sudah mencapai kemajuan yang sebenarnya, ini merupakan satu hal yang bukanlah saya patut menghakimkan. Bagaimanapun, berita-berita dari wilayah yang merupakan benteng kuat bagi kaum bumiputra itu kadang-kadang amatlah mencemaskan.

Dalam tahun 1937, bulan September, dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa, saya telah meninggalkan Kemaman, belayar naik kapal menuju ke Singapura. Pada 24 September, 1937 saya mulalah bekerja dengan *Warta Malaya*, sebagai seorang pembantu pengarang.

Bekerja di *Warta Malaya* dan Kena Tahan



Setelah begitu lama bercita-cita hendak bekerja di Singapura, maka akhirnya cita-cita itu diperkenankan Tuhan dengan memberikan peluang yang sangat baik. Masa mengembara, merantau ke sana sini untuk mengenali tanah air sendiri, para penduduknya, keadaan ekonomi, politik, masyarakat, bahasa-bahasa daerah dan adat resam, bagi seluruh Pantai Timur sudahlah selesai. Ketua Pengarang dan Pengurus Besar Syarikat *Warta Malaya*, YM Tuan Syed Hussin bin Ali Alsagoff telah menerima saya dengan penuh sukacita, dan kepada saya telah diterangkannya apa yang sebenarnya telah berlaku di antara *Warta Malaya* dan saya berhubung dengan 'Fasal Masjid Jamik' di Kemaman.

Saya telah ditawarkan gaji permulaan \$125.00 sebulan yang dibayar seminggu sekali, pada setiap hari Sabtu. Semua pekerja dibayar gaji seminggu sekali.

Dalam minggu-minggu permulaannya saya diberi tempat tinggal di Kampung Paya Lebar, di rumah bonda Encik Mahfudz bin Haji Abdul Hamid, ketika menjadi pegawai di Dewan Bahasa dan Pustaka, ibu mertua Tuan Syed Hussin. Kemudian saya telah diberi sebuah rumah kedai dua tingkat di Jalan Tanjung Katung, tanpa sewa, berdekatan dengan rumah-rumah Abdul Rahim Kajai, dan Encik Zaiton bin Haji Alias (*Zabha*) yang juga diberi rumah serupa, tanpa sewa, oleh Syarikat *Warta Malaya*.

Sidang Pengarang *Warta Malaya* pada masa itu ialah A. Rahim Kajai, Datuk Ghazali, Ustaz Md. Hashim Yunus, Encik Ismail, *Zabha* dan saya. Pembaca prof ialah Encik Adnan dan Raja Shafik. Keraninya ialah Encik Idris bin Matsil orang Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Jumlah kakitangannya seramai 40 orang sahaja.

Kerja saya yang utama ialah menterjemah berita-berita dari luar negeri, menuliskan tajuk gambar-gambar dan kartun-kartun politik. Apabila ada masa saya menulis cerpen. Satu cerpen saya yang hingga sekarang masih diingat oleh para pembaca *Warta Malaya* yang masih hidup bernama 'Nyonya Bergelang Kaki' iaitu

kisah penyeludupan dan pengedaran candu.

Kemudian saya telah diminta menulis tinjauan politik seminggu sekali untuk *Warta Ahad* dengan judul 'Tinjauan Siasah daripada Timur dan Barat.'

Dalam tahun-tahun tiga puluhan itu, mulai 1936, peperangan sudah pun berlaku di Timur Jauh, antara Jepun dan China. Setiap hari kami telah menerima macam-macam berita dari medan perang China - Jepun itu.

Kemudian Tuan Syed Hussin telah mengesyorkan supaya saya menulis pojok seminggu sekali untuk *Warta Jenaka*. Dengan persetujuan sidang pengarang nama samaran penulis pojok itu ialah 'Hantu Raya'. Tidak berapa lama kemudian, maka ulasan, tinjauan, sindiran, teguran dan usik-usik halus mengenai berbagai-bagai perkara, yang semata-mata bertujuan untuk kebaikan orang ramai, kemajuan masyarakat, dan secara tidak langsung menyedarkan orang ramai Melayu yang pada masa itu boleh dikatakan sedang tidur lena dalam hal-hal politik tanah airnya, ekonomi dan masyarakat kaum bangsanya, telah menarik minat ramai para pembaca *Warta Jenaka*.

Penulisan seperti itu, yang pada hemat saya amat sesuai untuk menyedarkan kaum bangsa saya daripada 'tidurnya', untuk mengusik dan menyuntik jiwanya yang sudah begitu lama menjadi *dormant* (ertinya tidak bergerak, tidak ingin maju atau tidak dimajukan, yang hidup segan, mati tidak mahu) ada bermacam-macam.

Pada suatu hari Tuan Syed Hussin telah menerima sepucuk surat daripada *British Adviser* Kelantan, (Tuan J.V. Day, kalau saya tidak silap) yang menyatakan bahawa golongan raja dan para pembesar Negeri Kelantan berasa tersinggung terhadap tulisan 'Hantu Raya' mengenai temasya berlaga lembu di negeri itu yang telah diadakan pada setiap hari Khamis.

Dalam tulisan itu, lengkap dengan gambar dua ekor lembu sedang beradu tenaga, saya telah menerangkan bahawa 'Bong Laga Lembu' itu yang sebenarnya ialah tempat berjudi; dan yang paling ramai bertaruh ialah dari kalangan kaum tani, lelaki perempuan, kebanyakan Melayu, sedangkan keuntungan besar telah didapati oleh tauke-tauke yang berkongsi dengan golongan Melayu atasan.

Surat *British Adviser* itu selanjutnya, dengan halus dan sangat diplomatik telah mengesyorkan supaya pihak *Warta Malaya* meminta maaf kepada pihak-pihak yang telah terasa pedih kena jarum suntikan Hantu Raya itu.

"Bagaimana, Encik Ishak, kita harus jawab surat Tuan B.A. ini?" Syed Hussin meminta fikiran saya.

"Kita diamkan saja, Habib. Jangan pedulikan. Mereka bukan boleh buat apa-apa. Suratkhbar kita ini terbit di Negeri Selat," jawab saya dengan tegas. Pendapat saya seperti inilah yang seringkali disalahtafsirkan oleh pengkaji-pengkaji sejarah, iaitu kononnya saya antifeudalisme. Yang saya anti itu bukan orang-orang feudal, tetapi perbuatan mereka, khususnya terhadap kaum tani, golongan miskin.

"Tetapi akhbar kita mungkin ditahan masuk ke negeri Kelantan seperti yang telah terjadi dulu di Terengganu, bersabit dengan tulisan Encik Ishak juga," kata lagi Syed Hussin.

"Kalau Habib takut rugi sedikit, eloklah Habib jawab surat itu bagaimana yang Habib fikirkan baik. Tetapi apa yang saya tulis, semuanya benar belaka, sebab saya telah membuat penyelidikan yang lengkap semenjak awal-awal tahun tiga puluhan lagi."

Syed Hussin adalah seorang yang bijak dan pandai menulis surat yang diplomatik dalam bahasa Inggeris. Dan hasilnya akhbar kumpulan *Warta Malaya* tidaklah disekat masuk ke negeri Kelantan seperti yang tersekat sekejap masuk ke Negeri Terengganu.

Tetapi kesan pojok 'Hantu Raya' itu kepada orang ramai Melayu, pada keseluruhannya, sangat baik.

Pada suatu masa, saya bercuti balik kampung. Untuk itu saya telah membeli banyak kain baju untuk ibu bapa dan adik-adik saya. Satu beg penuh dengan macam-macam barang yang mesti kena cukai apabila kereta api yang saya naik itu sampai di Gemas.

Pada beg saya itu telah saya tuliskan nama penuh saya dengan huruf besar: ISHAK BIN HAJI MUHAMAD dan di bawahnya dengan tulisan lebih kasar HANTU RAYA.

Apabila hampir sampai ke Gemas saya telah buat olok-olok tidur, terbujur atas bangku kayu kelas tiga, berselimut hapus seluruh badan, dari kaki hingga ke hujung rambut. Apabila kereta api berhenti di Stesen Gemas, maka saya pun memasang telinga tetapi perasaan takut ada juga takut kalau-kalau saya akan digerakkan diperintah buka beg, isinya dibongkar, dan kemudian diminta membayar cukai.

Tetapi akhirnya, Alhamdulillah, syukur kepada Tuhan, saya telah terdengar pegawai-pegawai kastam bercakap perlahan-lahan dekat tempat saya tidur itu:

"Hai, ini beg Hantu Raya! Jangan gerakkan dia; kita jangan kacau dia, jangan buka begnya. Orang macam dia ni memang patut kita tolong. Lagipun kain baju yang dibawanya bukan banyak,

untuk adik-adiknya barangkali. Saya kenal dia, dan orang macam dia ni selalunya bukan ada banyak duit: kalau berduit takkanlah dia naik kelas tiga."

Apabila saya berpindah ke *Utusan Melayu*, maka ruangan 'Hantu Raya' telah disambung pula dalam *Utusan Zaman*.

Masa perang, sungguhpun saya terus jadi pengarang juga dalam *Berita Malai*, ruangan itu telah diberhentikan. Tetapi dalam tahun 1946 hingga bermulanya masa darurat, Hantu Raya muncul pula dalam suratkhbar *Pelita Malaya*. Dan sesuai dengan keadaan dan semangat perjuangan kebangsaan masa itu, maka ditambah namanya menjadi Jeneral Hantu Raya.

Selama hampir enam tahun saya dalam tahanan dan kemudian aktif pula dalam Parti Buruh Malaya dan Barisan Sosialis, bertahun-tahun lamanya, maka nama samaran saya Hantu Raya itu telah hilang dari ingatan orang ramai.

Tetapi semenjak saya diberi peluang berkhidmat dalam *Utusan Melayu* di Kuala Lumpur, maka ruangan itu disambung semula. Tentang bagaimana pula kesan dan pengaruhnya kepada para pembaca *Utusan Melayu*, saya tidak mahu mengatakan apa-apa. Biarlah orang-orang lain membuat penilaian. Saya tidak mahu dikatakan orang sendiri masuk bakul, sendiri angkat bakul itu.

Berbalik pula kenangan saya masa tinggal dan bekerja di Singapura. Dari bulan September 1937 hingga bermula perang Asia Timur saya hidup membujang tidak beristeri.

Dalam tahun 1938 saya telah dilantik menjadi Setiausaha Kesatuan Melayu Singapura dan penolong saya ialah Encik Sidik bin Haji Sudin. Kebanyakan penyokong kuat Kesatuan Melayu Singapura ialah guru-guru Melayu, termasuk Pegawai Pelajaran, Bahagian Melayu, Singapura, Cikgu Abdul Hamid bin Abdul, ayah saudara Kalam Hamidi, dramatis yang terkenal.

Guru-guru Melayu yang lain patut saya nyatakan kerana mereka itu telah banyak menolong saya dalam KMS ialah Cikgu Osman, Guru Besar Sekolah Melayu Kota Raja ayah Profesor Taib Osman, Universiti Malaya dan Cikgu Safaruan. Dan seorang guru Melayu Cikgu Haji Nayan, yang bertemu semula dengan saya dalam masa Perayaan Jubli Emas SITC/MPSI. Tanjung Malim, pada 20 Julai, 1973.

Dalam tahun 1941, sebelum Jepun masuk ke Singapura, saya dan lebih seratus orang lagi anggota Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang telah ditangkap oleh British, iaitu dari seluruh Semenanjung telah dibebaskan dari penjara Outram Road.

Dalam masa saya kena tahan, lebih kurang enam bulan, rumah

dan harta benda saya di Sim Lim Park, Lorong 40 Geylang, telah dijaga oleh Encik Tajuddin bin Shamsuddin, yang kemudian berkhidmat dalam Keretapi Tanah Melayu ketika itu.

Tidak berapa lama kemudian, kerana hidup terasa amat kesepian, saya telah berkahwin dengan seorang janda, Masani binti Haji Osman atau Haji Agus, keturunan Melayu Palembang.

Dalam masa Jepun, dalam keadaan serba payah kami telah mendapat seorang puteri yang kami namakan Fatimah (mengambil nama ibu saya). Fatimah kini sudah berumahtangga, dan sudah punya tiga orang anak lelaki. Saya sudah punya tiga orang cucu. Adik kepada bekas isteri saya itu bernama Masning, kini tinggal di Johor Bahru. Seorang lagi adiknya bernama Mas Ayu, berada di Singapura dan seorang anak perempuan Mas Ayu ada bekerja di Kuala Lumpur sebagai pegawai perhubungan SIA - Singapore International Airlines - tetapi saya tidak kenal dia.

Hidup sebagai Banduan



Mengingat kembali di masa lampau, ketika sejarah purba Temasik, Riau, Majapahit, Aceh dan Palembang, seperti yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* yang ditulis oleh Tun Seri Lanang, juga yang kemudiannya ditulis pula oleh orang-orang Cina, dan kemudian lagi telah dicatatkan oleh orang-orang Inggeris, Belanda dan Portugis, maka Singapura ialah satu daripada tempat tersemainya benih kebangkitan bangsa Melayu. Kenyataan saya di atas ini agak payah dinafikan oleh sesiapa juapun. Lebih-lebih lagi kalau dongeng yang tersulam dalam *Sejarah Melayu* dan juga dalam catatan-catatan oleh orang-orang bukan Melayu itu boleh dikincih dan kemudian ditapis sehingga tinggal isi dan intisarinnya sahaja.

Sudah tentu dalam pergolakan yang terus berlaku, biarpun banyak namanya dan bermacam-macam corak dan caranya, namun yang dituju tetaplah kebangkitan semula bangsa Melayu, sebab sesudah beribu-ribu tahun lenyap, maka gilirannya muncul semula di muka bumi ini akan tiba.

Dalam memoir ini, yang saya tulis pada pukul 5 pagi Jumaat, 25 Jun 1976, saya hendak menceritakan bagaimana, bagi kali pertamanya, saya ditangkap oleh agen penjajah di Singapura dalam masa mula tercetusnya perang Asia Timur Raya, yang kemudiannya telah merombak semua sekali jalinan dan corak politik dalam benua Asia sebelah timur.

Saya tidak ingat lagi hari apa bulan berapa saya kena tangkap itu. Tetapi waktunya malam, kira-kira pukul sebelas, sesudah saya menonton wayang, dalam perjalanan balik ke sebuah rumah banglo, di Sims Avenue, di belakang Jalan Geylang. Rumah itu diduduki oleh Encik Ibrahim bin Haji Yaakub, yang kini sebagai rakyat Indonesia bernama dan bergelar Drs. Iskandar Kamel.

Dua hari sebelum itu Encik Ibrahim dan iparnya Encik Onan bin Haji Siraj, yang kini bermastautin di Colorado, Amerika Syarikat, dan bekerja sebagai seorang jurutera yang berjaya, telah ditangkap. Tetapi dengan helah yang cekap, iaitu menerangkan

kepada pihak berkuasa British pada ketika itu bahawa beliau hanya drebar kepada Encik Ibrahim, yakni tidak ada sangkut-paut dengan kegiatan politik Encik Ibrahim, maka Encik Onan bin Haji Siraj telah dibebaskan tanpa banyak soal.

Saya pada masa itu menyewa rumah di Sim Lim Park, Lorong 40, Geylang, tetapi malam itu saya menerima pesan daripada Encik Ibrahim supaya bermalam di rumahnya untuk menenangkan keluarganya yang sedang dalam ketakutan. Encik Hassan Manan, seorang lagi pemimpin KMM, juga diminta berkumpul di situ.

Lebih kurang pukul sebelas malam, apabila saya mengetuk pintu rumah banglo di Sims Avenue itu beberapa orang pegawai dan mata-mata gelap telah menyerbu dan menangkap saya dengan kata-kata bahawa "kami dapat perintah untuk membawa Encik Ishak ke Markas Cawangan Khas."

Saya tidak digari dan tidak dibawa dalam kereta polis, atau van cat hitam yang dalam istilah polis digelar 'Black Maria'.

Dari Geylang saya sekali lagi naik bas bersama-sama dengan pegawai polis dan mata-mata gelap itu menuju ke Markas Cawangan Khas yang pada masa itu terletak hujung Cecil Street, tidak berapa jauh dari Pejabat *Warta Malaya*.

Tetapi mujurlah pengalaman pertama kali masuk lokap polis itu tidak lama, hanya sekerat malam sahaja, dan esoknya saya telah dipindahkan ke Syarif Jel, di Jalan Outram. Penjara ini dikhususkan untuk menahan orang-orang yang tidak melakukan kesalahan jenayah.

Saya terperanjat besar sebab apabila saya 'sudah selamat' dimasukkan ke situ, maka saya telah bersua dengan beberapa orang kawan saya, kebanyakannya orang-orang yang aktif dalam Kesatuan Melayu Muda, dari merata tempat seluruh Tanah Melayu.

Saya telah dicampakkan ke dalam sebuah lokap besar yang biasanya diisi dengan tujuh orang tahanan sahaja, tetapi pada hari saya 'menjadi member' bilik berpagar besi dalam rumah besar bertembok batu kelilingnya itu, saya dapati sudah ada lebih 14 orang di dalamnya, termasuk seorang samseng Melayu yang terkenal di Singapura dengan gelaran Mat Spring yang bermata juling, dan seorang samseng India yang termasyhur di sekitar kawasan Bukit Timah dengan gelaran Vellu Pakar Tumbuk yang pandai cakap Cina.

Nama yang saya masih ingat dan patut saya nyatakan kerana mereka itu orang-orang terkenal belaka, ialah Doktor Ghaus, Bakhtiar Effendi, Syed Husin bin Ali, *Warta Malaya* dan Syed Syahab, tuan punya kilang tenun kain di Macpherson Road, Singa-

pura. Beliau telah ditangkap oleh polis di lapangan terbang, Singapura, sebelum terlepas lari ke Indonesia.

Pada hari yang pertama Syed Syahab bersama-sama dengan kami itu, saya perhatikan dia ternyata dalam ketakutan, resah gelisah dengan keadaan yang mungkin tidak pernah disangkakan-nya sebab dia seorang yang berada atau hartawan.

Tempat kencing dan berak dalam bilik kami itu yang menjadi tamu bagi Duli Yang Maha Mulia Raja Inggeris, hanyalah ada satu sahaja, terletak di sudutnya, tanpa dinding, dan untuk kebersihan hanya disediakan satu baldi air.

Semua banduan istimewa itu diberi pakaian macam banduan biasa, baju putih yang ada nombor di belakangnya dan seluar putih singkat, yang diperbuat daripada kain belacu yang paling kasar. Pakaian seragam itu hanya boleh ditukar seminggu sekali.

Macam-macam kejadian telah berlaku dalam 'negara kecil' kami itu. Kadang-kadang kami berkelahi dan bertengkar. Adakalanya mengenai petua-petua sembahyang tayamum. Ada yang mengatakan kononnya kalau tidak cukup air maka boleh mengambil air sembahyang dengan menyapu-nyapu kedua tapak tangan kepada tembok batu ataupun kepada lantai simen bilik itu, kemudian disapu-sapu pulalah muka kedua tangan telinga dan kedua kaki. Pada lain kali pun timbul pula pertengkaran sebab kononnya berak si anu itu lebih busuk dari yang lain.

Untuk menghadapi peperangan dengan Jepun, kerajaan telah mengisytiharkan 'keadaan darurat dan peraturan-peraturan tentera' atau *Military Emergency Regulation* dan kerana itu barangkali peraturan hidup dalam penjara pada masa itu diketatkan. Kami tidak dibenarkan bercukur, mengandam janggut dan misai. Kebanyakan para pegawai yang bertugas di penjara Outram Road itu terdiri daripada orang kulit putih dari Australia.

Encik Ibrahim Haji Yaakub telah dikurung dalam bilik, seorang diri, dan tidak dibenarkan sesiapa juga dari kawan-kawannya datang dekat ke bilik yang gelap gelita itu. Tetapi tidak lama kemudian dia telah dipindahkan ke Penjara Changi, dan sebelum meninggalkan kami dia telah sempat menyampaikan satu berita penting yang khusus untuk kami berdua sahaja, iaitu jikalau tentera Jepun lambat sampai mengambil Singapura, maka 'kita berdua mungkin akan kena *court marshall*, yakni dihukum tembak sampai mati kerana kononnya kami bersubahat dengan Jepun.

Tetapi saya tidak gentar, sebab saya tahu diri saya sendiri tidak pro sesiapa, melainkan pro bangsa saya sendiri. Saya tidak aktif dalam KMM. Saya tidak punya cita-cita politik peribadi;

hendak jadi menteri, hendak jadi kaya, hendak dapat bintang-bintang, mertabat tinggi atau gelaran yang berjela-jela. Penglibatan saya dalam gerakan politik, dalam parti apa juapun, hanyalah untuk menambah ilmu dan pengalaman hidup saya sahaja.

Berita yang telah disampaikan oleh Encik Ibrahim dengan gopoh-gapah itu, tidak benar.

Mengikut N.J. Ryan, dalam bukunya *The Making of Modern Malaysia and Singapore*, Kerajaan British pada masa itu telah ber-cadang hendak melarikan Encik Ibrahim ke India dan ditahan di sana sehingga tamat peperangan. Saya lebih percaya kenyataan N.J. Ryan itu, sebab puncanya telah didapati dari Pejabat Tanah Jajahan di London.

Bukti yang lebih terang bahawa penglibatan saya dalam politik hanya untuk pengetahuan diri saya semata-mata ialah sesudah perang saya tidak ditangkap oleh kerajaan British dan dituduh sebagai *Collaborator* atau tali barut Jepun.

Tetapi rancangan British hendak membawa lari Encik Ibrahim ke India dan menahannya di sana itu tidak sempat dilaksanakan, sebab tentera Jepun telah mara begitu cepat ke selatan Semenanjung Tanah Melayu dan telah masuk ke Singapura lebih awal dari yang telah disangkakan.

Empat tahun kemudiannya, dua hari sebelum Jepun menyerah kalah, Encik Ibrahim telah dibawa oleh Jepun pindah ke Jakarta, Indonesia, di sana beliau telah meneruskan kegiatan politik dan perniagaannya. Saya sendiri tidak pergi ke mana-mana tetap dalam tanah air, di kampung halaman saya, di Semenanjung Tanah Melayu.

Memang benar bahawa selepas perang saya telah bergiat pula dalam PKMM, dan kemudian dalam Parti Buruh dan Socialist Front, tetapi itupun semuanya hanyalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman saya sendiri. Saya tidak berganjak dan beralih setapak juapun daripada kepercayaan saya sendiri, bahawasanya tujuan politik yang diredai Allah ialah untuk membasmi kemiskinan, kejahilan, kezaliman dan perhambaan, rohani atau jasmani, *spiritual* atau *material*.

Oleh kerana sudah tua, dan orang-orang Melayu yang bijak pandai pun sudah semakin ramai, maka sudah bersaralah saya daripada kegiatan dan aktiviti politik.

Kesatuan Melayu Muda Bukan Tali Barut Barat



Sebelum saya ceritakan lagi darihal hidup saya di Singapura dalam zaman pemerintahan Jepun, maka eloklah saya nyatakan sedikit berkenaan Kesatuan Melayu Muda atau KMM. Walaupun sudah banyak ditulis oleh penulis mengenai KMM, beberapa tesis telah dibuat oleh para mahasiswa di universiti-universiti dalam negara kita untuk mendapat kelulusan dan ijazah, namun demikian masih ramai rakyat Malaysia yang salah faham atau memberikan tafsiran yang kurang benar.

Memang ada orang yang telah mengatakan dan akan mengatakan bahawa KMM itu yang sebenarnya hanyalah sebuah badan yang telah menyokong tentera Jepun masa perang dunia kedua dahulu, atau hanya sebuah pertubuhan yang telah menjadi tali barut Jepun. Dan ada pula orang-orang yang dahulunya aktif dalam KMM yang telah melibatkan diri mereka sepenuhnya dalam kegiatan KMM, telah mengungkit-ungkit jasa mereka itu yang kini menjadi rakyat Republik Indonesia dan tinggal menetap di sana. Malah ada beberapa orang bekas pemimpin KMM yang kini menjadi warganegara Indonesia.

Biarpun berapa ramai anak-anak Melayu yang cuba menafikan atau memperkecilkan peranan KMM dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, tetapi hakikat sejarah tidaklah mudah diputarbelitkan.

Saya sendiri tidak aktif dalam KMM, jarang-jarang menghadiri 'mesyuarat sulitnya', sebab dalam *inner circle* KMM tidak termasuk saya. Dalam masa pemerintahan Jepun saya tidak masuk angkatan *Gyugun*, tidak pakai pedang Jepun, tidak masuk sekolah Jepun.

Lagipun dalam masa itu saya tidak tinggal di Semenanjung Tanah Melayu. Hingga akhir tahun 1944 saya tinggal di Singapura. Oleh sebab itu saya tidak tahu banyak apa-apa juapun yang telah berlaku dalam Tanah Melayu ketika itu.

Akan tetapi daripada surat-surat perakuan di bawah ini para pembaca akan dapat tahu bahawa KMM telah membuat banyak jasa

kepada kaum bangsanya, termasuk kepada beberapa orang per-seorangan.

Surat 1

Dimaklumkan iaitu surat Encik Mustapha bertarikh 6 November, 1975 telah selamat tiba ke tangan saya, faham maksudnya dan saya ucapkan terima kasih.

Sebenarnya peristiwa yang dimaksudkan itu telah pun saya lupakan sesudah saya dititahkan oleh bapa saudara saya Sultan Abdul Aziz (Almarhum) yang pada masa itu menjadi Sultan Negeri Perak.

Sekiranya saya tidak menjunjung titah tersebut harus agaknya banyak peristiwa yang tidak diinginkan berlaku dan diambil tindakan oleh pihak tentera dan kerajaan British yang semula bertapak di negeri ini dalam tahun 1945.

Walau bagaimanapun saya sendiri telah mendapat penjelasan yang begitu terang bahawa bagi diri Encik Mustapha Haji Hussain tidak begitu banyak menyusahkan fikiran saya malah sebaliknya telah bersungguh-sungguh mengambil tindakan untuk mententeramkan fikiran dan peribadi saya dan seterusnya kepada kaum keluarga saya pada masa itu berkediaman di sebuah rumah kerajaan di Jalan Circular, Kuala Lumpur.

Sekian dahulu dimaklumkan.

Wassalam dari:

Saya yang Ikhlas
Raja (Dato' Sri) Ahmad Hisham, SPMP, JP, PJK,
Raja Kechil Sulong Perak.
11.11.75.

Surat 2

Semasa meletusnya Perang Dunia Kedua dan berkuasanya pihak tentera Jepun di Malaya masa itu, saya telah ditangkap oleh pihak yang berkenaan dengan perantaraan daripada Onan Haji Siraj. Bersama saya juga Yang Mulia Raja Hisham sebagai ketua saya dan sebagai pegawai terkanan dalam masa sebelum perang, telah dikurung di suatu tempat yang dikawal rapi oleh kakitangan askar Jepun bersama-sama ahli KMM.

Semasa saya ditahan dalam bilik kurungan bersama dengan Yang Mulia Raja Hisham, diri saya sentiasa diugut dan digertak oleh Onan Haji Siraj dengan berbagai-bagai perkataan antaranya akan dibunuh selepas sahaja kekalahan pihak Tentera British terutama apabila sahaja Singapura jatuh ke tangan pihak tentera Jepun. Ketika itu tidaklah saya tahu bagaimana perasaan dan fikiran saya yang sentiasa sahaja dimental torture oleh Onan Haji Siraj.

Saya sangatlah terhutang budi dan berterima kasih kepada Encik Mustapha Haji Hussain, yang mana beliau ketika dan saat saya dalam tahanan tentera Jepun bersama Yang Mulia Raja Hisham, Encik Mustapha telah memberikan pertolongan yang ikhlas dan dengan usaha serta ikhtiar beliaulah diri saya terlepas daripada kena hukuman kejam.

Saya masih ingat lagi bahawa pada suatu masa, saya bersama Encik Mustapha pergi ke Serdang dan Ulu Langat kerana mencari makanan untuk kami semua. Dan beliau jugalah yang memberikan saya pergi berulang-alik menemui keluarga Yang Mulia Raja Hisham untuk memberi apa-apa pertolongan.

Dengan akuan dan jaminan dari Encik M.N. Osman, ketika itu beliau adalah bekas setiausaha KMM cabang Selangor saya telah balik ke kampung saya di Temoh untuk menemui keluarga. Dan sekembalinya semula saya ke Kuala Lumpur, saya dapati bahawa Yang Mulia Raja Hisham telah dibebaskan.

Saya telah menulis satu *statement* berhubung kedudukan orang-orang yang aktif dalam gerakan KMM terutama terhadap diri Encik Mustapha dengan tujuan menerangkan perkara yang sebenarnya atas diri saya dan Raja Hisham, antaranya saya menyebutkan mengenai pertolongan dan jasa baik Encik Mustapha semasa kedudukan tentera Jepun.

Demikianlah catatan yang masih dalam ingatan saya hingga pada masa ini dan adalah perkara-perkara yang sebenarnya.

Jalaludin bin Abu Bakar,
Bekas C.I.D. Malaya

Surat 3

Bahawa catatan detik-detik sejarah peperangan Malaya adalah ditulis dengan segala perasaan bertanggungjawab, cermat, benar dan dengan ikhlas.

Sungguhpun peristiwa ini telah berlaku hampir-hampir 35 tahun yang lampau tetapi saya masih ingat lagi akan kebanyakan daripadanya.

Di waktu peperangan Asia Tenggara sampai di Singapura, 30 orang askar Melayu sedang berada di medan perang Pasir Panjang. Di waktu itu saya menyandang pakat Leftenan dalam *Malay Regiment*.

Saya dan pegawai-pegawai yang lain yang tinggal di Kem Normanton di masa itu telah berasa bahawa peperangan akan berakhir tidak lama lagi dengan kemenangan di tangan tentera Jepun. Kami juga telah melihat bendera putih dinaikkan ke udara dan juga mendengar siaran dari Radio Jepun bahawa Tentera British akan menyerah kalah.

Pada petang 14 Februari 1942, jika pengingatan saya tidak salah kami mulalah berundur dari situ mencari perlindungan dan keselamatan diri sama ada secara berasingan atau berkumpulan. Banyak di antara kami telah berjalan kaki ke Masjid Sultan dan berlindung di situ.

Ada juga sepuak anak isteri askar Melayu yang meletakkan diri mereka di bawah kelolaan Cikgu Abu Samah seorang guru bahasa Inggeris yang berkhidmat dengan askar Melayu sebagai pegawai pelajaran juga pindah ke Istana Kampung Gelam.

Kami berasa kedudukan kami masih belum terlepas daripada bahaya besar lagi kerana mengikuti *International Law* kami seharusnya menjadi *Prisoners of War* (pow) atau orang tawanan perang. Saban hari kami keluar bersiar-siar menyiasat nasib kawan-kawan seperjuangan kami yang lain-lain. Tidak payah saya beritahu bahawa kami sudah tanggalkan uniform kami sejak *surrender* dan berjalan ke sana ke sini dengan memakai pakaian awam.

Tidak berapa hari kemudian kami mendengar akan adanya satu badan atau kumpulan orang Melayu bernama KMM yang berpihak kepada Jepun. Kononnya mereka ini berada di sebuah rumah di Bukit Timah. Saya, Leftenan Ismail Taha dan beberapa orang lagi telah berjalan kaki ke

rumah itu kerana Encik Mustapha bin Haji Hussain dari Taiping ada bersama mereka ini.

Beliau adalah ipar kepada Leftenan Ismail Taha dan kenalan saya. Sesudah kami menceritakan hal-hal kami yang dia dengan penuh simpati, memberi kami satu pengakuan bahawa dia dan rakan-rakannya dalam KMM akan membawa perkara kami dari Askar Melayu dan Sukarelawan Melayu kepada pihak Jepun yang berkenaan, supaya kami tidak dijadikan POW. Sesudah kami dapat pengakuan ini maka kami pun diberi makan tengah hari dan pada hemat saya, makanan itu sangat sedap. *It was a damned good meal.* Kami berasa senang hati apabila di antara kami telah mengatakan 'Mustahil orang Melayu mengkhianati bangsanya sendiri'.

Di Markas KMM ini kami terlihat akan wajah beberapa orang Pegawai Sukarelawan seperti Kapten Salleh, Kapten Ali, Kapten Dr. Abbas dan lain-lain. Dan dengan perasaan yang tidak lagi berkeadaan bimbang kami pun kembali ke rumah bertuah Istana Kampung Gelam. Pada satu hari saya ternampak Encik Mustapha bin Hussain berbual-bual dengan Cikgu Abu Samah dan dua tiga hari lepas itu saya nampak orang ramai menerima beras dan barang-barang makanan.

Pada suatu hari kami diperintahkan pulang ke kampung masing-masing tetapi saya masih kurang percaya - boleh jadi ini adalah satu helah untuk menangkap kami. Hari-hari saya dan dua tiga orang kawan-kawan pergi ke stesen kereta api untuk mengintai-intai supaya mengetahui dengan sah adakah benar atau tidak perintah itu. Urat saraf kami sentiasa tegang kerana kebimbangan.

Untuk menanti-nanti ketika yang baik saya pun bertemu dengan seorang kawan lama - Encik Yahya bin Haji Hussain yang baru sahaja dibebaskan dari penjara kerana kesalahan menjadi seorang ahli KMM. Beliau adalah adik kepada Encik Mustapha, dan pada ketika itu hendak berlepas balik ke Taiping. Saya telah sempat berpesan kepada beliau memberitahu ibu dan bapa saya bahawa saya berada dalam keadaan sihat dan selamat dan janganlah hendaknya mereka bersusah hati dan saya akan kembali tidak lama lagi.

Saya kembali dengan kereta api menumpang gerabak barang dengan tidak ada apa-apa gangguan atau halangan di jalan oleh pihak Jepun. Berkenaan dengan perkara makanan

di jalan mujurlah saya ada cukup wang. Sesampai di Taiping saya telah keluar stesen kereta api melalui pintu kecil. Bekas askar yang keluar melalui pintu besar telah ditangkap dan dibawa ke pejabat Kempeitai Jepun untuk diperiksa, tetapi kemudian telah dibebaskan.

Apabila British kembali kami pun kembalilah ke kem kami di Port Dickson. Pada suatu hari saya lihat bapa Encik Mustapha Haji Hussain datang ke kem kami berceritakan hal nasibnya.

1. Kami askar dari Taiping tahu bahawa anaknya yang bernama Encik Ali (ketua pegawai kehutanan, Perak) telah diculik oleh pihak tertentu dalam tahun 1943 hingga kini tidak kedengaran berita apa-apa.
2. Anaknya bernama Encik Yahaya yang telah membawa berita baik kepada ibu dan bapa saya telah dibunuh bersekali dengan isterinya oleh pihak tertentu di Pahang pada masa peralihan.
3. Sekarang barulah kami tahu bahawa bapa kepada orang yang telah menghulurkan segala jenis pertolongan kepada kami waktu kami dalam kesusahan sedang berdiri di hadapan kami. Sekarang kata orang tua itu, anaknya baru ditangkap oleh pihak British. Kami pun terus memberi pengakuan kami kepadanya untuk bertindak menolong anaknya yang kena tahan itu.
 - (1) Cikgu Abu Samah telah menulis sepucuk surat yang ditujukan kepada pihak British bercerita akan nasib anak isteri askar-askar di bawah jagaannya dengan Encik Mustapha memberikan pertolongan hinggalah ke hari mereka berlepas balik ke tempat masing-masing. Ia telah tambah di bawah suratnya bahawa beliau sekarang ini berada dalam penjara Batu Gajah.
 - (ii) Saya telah memungut beberapa banyak tandatangan dari askar sebagai membalas jasa baik Encik Mustapha kepada mereka kerana mereka pernah berjumpa dengan beliau di sana sini atau sekurang-kurangnya mendengar namanya disebut oleh kawan-

kawan. Mereka telah berebut-rebut menurunkan tandatangan seperti orang membeli goreng pisang panas. Dengan begini maka dapatlah saya membalas budi saya kepada Encik Yahaya dan kami beramai-ramai membalas budi kami kepada Encik Mustapha. Sekian dan tamat.

Ibrahim bin Aladitta,
Bekas Mejar, *Malay Regiment*.

Dibebaskan dari Penjara



Sesudah pembaca mengetahui sedikit daripada banyak dan berbagai-bagai peristiwa yang telah berlaku pada awal-awal peperangan Asia Timur Raya, saya mencecitkan pengalaman-pengalaman saya sendiri. Tujuh hari sebelum peperangan berakhir, kami yang ditahan dalam Penjara Outram telah melihat beberapa kebakaran di Singapura melalui jendela dan jaring besi penjara itu. Kami juga telah mendengar bunyi mesin gan dan senapang yang menggerutup, macam bunyi bertih atau macam kacang dilempar ke bidai.

Pada suatu petang beberapa butir bom telah digugurkan oleh kapalterbang-kapalterbang Jepun dan meletup dekat bangunan penjara itu, bergegar rumah batu besar itu, gugur sawang-sawang dari siling.

Seorang kawan saya, orang Melaka, tetapi namanya tidak usahlah saya nyatakan, amat terperanjat serta takut, pucat lesi mukanya, sekira-kira kalau ditoreh dengan pisau, tidak keluar darah setitik juapun. Dia dengan cepat mencari surat Yasin dari bungkusan pakaiannya. Dan berkat membaca Yasin maka segeralah tenang semula, hati dan fikirannya.

Kami telah diberitahu oleh kakitangan penjara itu bahawa yang berperang bersungguh-sungguh itu ialah askar Melayu. Perjuangan hebat antara askar Melayu dengan tentera Jepun itu ialah di Pasir Laba, Pasir Panjang, Bona Vista Road, Kampung Batu Belayar dan di Alexander.

Lima hari lepas itu semasa seluruh Pulau Singapura dalam ketakutan dan sewaktu tangki minyak di Bukit Timah, di Pulau Bela-kang Mati dan lain-lain terbakar, api menjulang mencakar langit, pegawai-pegawai penjara telah memberitahu kami bahawa kami hendak dibebaskan. Mereka telah mengeluarkan duit dan benda-benda berharga untuk diserahkan balik kepada kami masing-masing.

Pegawai-pegawai kulit putih itu rupanya hendak lari, hendak menyelamatkan diri, anak-anak dan isteri masing-masing itu se-

belum tentera Jepun melanggar masuk ke Singapura.

Semua orang KMM yang bersama dengan saya dalam Penjara Outram itu, saya perintahkan supaya berkumpul di luar sebab saya hendak kira ada berapa orang semuanya. Sesudah dikira, maka saya telah menyuruh mereka itu supaya berpecah kepada beberapa pasukan, satu pasukan sepuluh orang.

Dari Outram setiap pasukan itu tidak boleh berjalan mengikut satu jalan yang sama, iaitu untuk menjaga keselamatan. Kalau kena bom, misalnya, tidaklah terkena semuanya.

Tempat yang dituju mengikut arahan yang telah dibuat awal-awal lagi, ialah pejabat *Warta Malaya* di Cecil Street.

"Jangan takut-takut, kita semua lelaki, dan tujuan kita ialah hendak membebaskan tanah air dan kaum bangsa kita. Tuhan akan menolong kita." Kata saya sebelum berangkat menuju matlamat, sebelum meninggalkan 'istana putih' di Outram Road itu.

Oleh kerana sudah berbulan-bulan tidak dapat menghisap rokok, maka sepanjang perjalanan menuju ke Cecil Street saya telah memerhatikan kalau-kalau ada sebatang dua rokok yang tercicir.

Saya sepatutnya memintas jalan, ikut Cross Street, supaya cepat sampai ke tempat yang dituju, tetapi saya telah mem-bawa rakan-rakan dalam pasukan saya ke arah sungai yang memisahkan antara South Bridge Road dengan North Bridge Road.

Dari situ kami akan melalui High Street untuk melihat ramai orang kulit putih yang berkumpul di keliling Town Hall atau Jam Besar, menunggu saat genting, masa kecemasan, iaitu ketibaan tentera Jepun. Mana-mana yang sempat lari sudah lari, naik tongkang dan perahu kecil menuju entah ke mana.

Di tebing sungai sempadan dua jalan besar iaitu North Bridge Road dan South Bridge Road, saya telah bersua dengan seorang askar Gurkha yang telah terkena peluru sesat, sedang berdarah dan menggeletek lagi badannya.

Saya meraba-raba dalam kocek baju dan seluarnya. Terjumpa sebungkus rokok. Mancis api tidak susah dapat. Di sepanjang jalan ada banyak jatuh bersepah. Maka kami pun merokoklah. Amboi mak, sedapnya!

Kami sekalian telah selamat sampai ke bangunan *Warta Malaya* pada kira-kira sudah masuk waktu asar. Seratus dua puluh orang lebih jumlah kami. Semuanya lapar. Apahal hendak makan dan hendak minum malam itu? Kedai semuanya tutup. Kebanyakannya telah ditinggalkan oleh tuannya. Tetapi secara kemujuran tiap-tiap orang dari kami mempunyai wang, duit British, duit kertas yang melambangkan Raja Inggeris.

Dengan cepat kami telah membuat keputusan dengan suara ramai, iaitu empat orang dari kami hendaklah masuk ke dalam bandar untuk mencari periuk belanga, pinggan mangkuk dan lain-lain yang diperlukan.

Pilihan itu telah dibuat dengan undi sulit, pakai tulis pada kertas. Entah macam mana, nama saya kena undi itu. Orang kedua ialah bekas sarjan *Malay Regiment*, orang Kelantan, Hussin namanya, kini terkenal dengan gelaran Hussin Hababa, tinggal di Desa Jaya, Kepong, Selangor. Yang dua orang lagi saya tidak ingat siapa namanya.

Tidak berapa jauh dari Cecil Street, di Teluk Air Street, kami telah bersua dengan sebuah kedai makan mamak. Kami tendang dinding depan kedai itu. Pecah, telus badan boleh masuk. Kami masuklah ke dalam kedai itu. Kami telah mengambil dua buah kualiti, sebuah periuk besar, beberapa biji pinggan mangkuk, sudu dan lain-lain. Ada sedikit nasi dalam sebuah periuk besar dalam kedai itu. Tetapi sudah basi. Kami ambil juga periuk itu. Tuan kedai itu dan kakitangannya entah ke mana hilang lesapnya.

Kemudian kami merayau lagi hingga sampai ke China Town. Terjumpa beberapa buah kedai yang masih terbuka dan ada menjual macam-macam barang. Kami membeli beberapa tin ikan sardin, *quaker oats*, dan lain-lain benda yang halal dimakan.

Di sebuah lorong yang agak gelap, dalam China Town, kami telah melihat sekumpulan orang Cina yang mencuri barang-barang daripada beberapa buah kedai yang telah ditinggalkan oleh tuannya.

Ada yang berebut-rebut kain, main tarik tali kain sekayu, berpasuk-pasuk. Nampaknya macam geng orang jahat atau samseng. Begitulah halnya dalam masa perang, di mana-mana jua pun dalam dunia ini. Seperti kata pepatah jong pecah yu kenyang ada dalam semua bahasa, pada segala bangsa.

Setelah dapat cukup barang-barang yang kami perlukan; kebanyakannya dibeli, hanya sedikit sahaja *di looting* kerana terpaksa, maka balikkah kami ke markas besar kami. Dalam masa aman pun ada orang *looting* cara senyap-senyap. Misalnya, mencuri susu tepung dari stor kerajaan. Pada hal susu itu ialah untuk kanak-kanak dan orang-orang tua yang miskin. Ini lebih berbahaya daripada *looting* masa perang.

Sehari sebelum tentera Jepun masuk ke Singapura dari Johor Bahru, Bung Zainal (Zainal Abidin anak Pak Kassim Kaya, Tapah, Perak) dan dua orang rakannya telah sampai ke pejabat *Warta Malaya*. Kami semua hairan tercengang-cengang. *Sub-machinegun*

yang dipakainya, dan peluru di sekeliling pinggangnya serta pula dengan topi hijau di kepalanya, menukar wajahnya daripada seorang pemuda lawa yang peramah kepada rupa seorang pahlawan gagah berani.

"Tak jumpa musuhkah di tengah jalan," tanya saya.

"Askar orang putih dah tidak ada lagi, dah menyerah diri semuanya," jawabnya. Kemudian dia bercerita:

"Kereta kebal Jepun dan meriam besarnya sudah sampai ke Johor Bahru. Saya fikir esok Singapura akan jatuh. Waktu subuh nanti bung bolehlah bang kuat-kuat untuk memberi isyarat kepada kaum muslimin dan muslimat bahawa masa kecemasan akan berakhir.

Dia bercerita lagi "Waktu mula-mula sampai ke Johor Bahru saya masuk ke dalam sebuah kedai Bata. Penuh dengan kasut. Lama saya duduk di atas longgokan kasut macam-macam fesyen. Mulanya tergerak juga saya hendak mengambil sepasang dua, jenis yang mahal, tetapi saya teringat akan disiplin KMM dan tujuan suci perjuangan kita."

Tidak berapa lama lepas itu telah tiba pula Saudara Onan bin Haji Siraj, abang ipar kepada Encik Ibrahim bin Haji Yaakub. Merah menyala mukanya, garang, memekik-mekik, menepuk-nepuk meja, marah kepada kami yang katanya sudah tidak jaga disiplin.

Dalam masa Jepun di Singapura Saudara Onan telah membuka dua buah kedai barang runcit di Joo Chiat. Dalam kedua-dua kedai itu penuh dengan beras, gula dan macam-macam barang makanan, minuman dan pakaian.

Apabila tiba pula giliran Jepun kalah dan menyerah diri kepada British, Onan dan Ibrahim Yaakub dan isterinya telah dibawa oleh Jepun ke Indonesia.

Bagi sekalian para pembaca, yang telah membaca tiga pucuk surat yang telah disiarkan dalam bab terdahulu, haruslah boleh faham mengapa Encik Onan bin Haji Siraj kini berada di Colorado, Amerika Syarikat, dan begitu juga pembaca tentu boleh faham mengapa Encik Ibrahim bin Haji Yaakub atau Drs. Iskandar Kamel kemudian tinggal di Indonesia.

Surat-surat dan laporan-laporan mengenai bagaimana para anggota KMM telah menyelamatkan ramai mata gelap dan pegawai yang terlampau pro-British, yang sama sekali tidak punya rasa kebangsaan, tidak peduli apa akan jadi kepada kaum negaranya, ada banyak lagi dalam simpanan saya.

Encik Mustapha Hussain yang tersebut namanya dalam tiga pucuk surat itu tinggal di Matang, dekat Bandar Taiping, Perak.

Saya rasa orang seperti Encik Mustapha Hussain ini, yang sungguh banyak jasa dan khidmatnya pada tanah air dan bangsa kita, patut sangatlah dianugerahkan dengan sesuatu kehormatan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab serta bijak dan bestari memilih yang mana intan, yang mana kaca.

British Menyerah Kalah



Apabila tentera British menyerah kalah, dan tentera Jepun dengan cepat mengambil alih kuasa memerintah di seluruh Pulau Singapura, kami orang KMM yang berkumpul di pejabat *Warta Malaya* di Cecil Street, bersama dengan beberapa orang anggota KMM yang baru dibebaskan dari Penjara Changi, telah diberi markas baru, iaitu sebuah rumah banglo di Malcolm Road, off Bukit Timah Road. Tugas kami yang pertama ialah pergi mencari askar Melayu, askar Sukarela FMS atau *FMS Volunteers*, pegawai-pegawai Melayu yang telah mengungsi ke Singapura, untuk menasihatkan mereka itu supaya jangan lagi memakai uniform, dan hendaklah bersiap-siap balik ke kampung masing-masing. Pas kereta api dikeluarkan oleh KMM dengan persetujuan tentera Jepun yang menduduki Singapura.

Anggota KMM yang berasal dari Tanah Melayu, mana-mana yang mahu pulang cepat untuk berjumpa semula dengan anak isteri dan saudara-mara, juga telah diuruskan perjalanannya dengan kereta api.

Saya sendiri telah ditugaskan mencari pegawai-pegawai Melayu, khususnya yang ada hubungan dengan polis, untuk diselamatkan daripada tangkapan dan hukuman keras pihak Jepun.

Kami dapat tahu bahawa seorang daripadanya yang sangat dikehendaki oleh Jepun ialah Inspektor Hamzah yang lama berkhidmat di Kota Bharu, Kelantan sebelum perang meletus.

Perisik-perisik kami memberitahu bahawa Inspektor Hamzah ada bersembunyi di Johor Bahru, di belakang rumah Tengku Temenggong Ahmad.

Saya telah diperintahkan supaya pergi segera ke Johor Bahru, sebab kalau terlambat, mungkin pegawai tentera Jepun akan sampai lebih dahulu ke Johor Bahru, dan jika terjadi demikian, Inspektor Hamzah mungkin akan jatuh ke tangan orang Jepun yang menaruh dendam kepadanya.

Alhamdulillah, dengan susah-payah, saya telah dapat membawanya ke markas besar kami, di sana beliau telah diberi tempat

yang selamat, makan minum; dan kemudian apabila keadaan sudah mula tenang, beliau telah dihantar pulang ke Tanah Melayu.

Empat lima tahun kemudian, apabila tiba pula giliran Jepun menyerah kalah, dan British memerintah semula Tanah Melayu, pegawai-pegawai kerajaan telah dibayar gaji kebelakangan. Sebaliknya kami yang telah berjuang kerana Allah, kerana bangsa dan tanah air telah dapat apa? Dapat maki hamun, kata nista dan kecurigaan yang berlanjutan.

Usaha dan tindakan KMM dalam beberapa tempat di Semenanjung Tanah Melayu tidak banyak direkodkan. Tambahan pula orang-orang yang tahu sudah ramai yang mati. Mana-mana yang masih hidup pula sudah tua dan uzur, dan mereka itu lazimnya, tidak suka menceritakan perkara-perkara lama.

Sungguhpun begitu, ada beberapa orang dari KMM yang telah mencatatkan kejadian-kejadian dalam zaman serba cemas dan penuh kerumitan itu. Seorang daripadanya ialah Encik Abdul Manan Cik, bekas pegawai rendah di Seremban, yang tinggal di Kampung Beranang, Selangor.

Menurut catatan Encik Abdul Manan, yang telah disimpannya begitu cermat selama hampir-hampir 40 tahun, maka pada awal tahun 1942 KMM telah disusun semula di bandar Seremban, diketuai oleh Encik Abdul Hamid Naran, kini tinggal di Jelevu. Antara ahli jawatankuasa KMM di Seremban itu ialah Encik Jaalam Othman, tinggal di Kampung Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Pada masa itu ada seorang mata-mata gelap Melayu yang sedang dicari-cari oleh tentera Jepun. Namanya, menurut catatan Encik Manan, ialah Muhammad Yusuf. Tetapi KMM telah dapat menyelamatkannya. Sama ada beliau masih hidup atau tidak, saya tidak tahu.

Encik Jaalam dengar khabar senang hidupnya. Seorang daripada anak-anak lelakinya menjadi jurutera. Encik Manan juga lega hidupnya. Anak-anaknya sudah bekerja. Dia telah memberikan banyak kerjasama kepada Arkib Negara dan Muzium Negara dengan memberikan segala dokumen dan beberapa banyak gambar bersejarah kepada kedua-dua badan itu.

Saya menyebutkan peristiwa ini ialah untuk menegaskan bahawa dalam perjuangan untuk bangsa, untuk negara, untuk manusia, kebebasan dan keadilan, seseorang itu wajiblah berniat bahawa mereka berbuat demikian hanyalah kerana Allah, untuk bangsa, negara, agama dan kesejahteraan rakyat terbanyak, untuk manusia, dan bukanlah untuk faedah diri sendiri.

Zaman pemerintahan Jepun memanglah satu zaman empat tahun yang sangat susah, zaman penderitaan bagi sekalian penduduk Semenanjung Tanah Melayu; tidak kira apa bangsa, apa agama, kaya atau miskin, orang besar atau orang kecil; zaman yang digelar dan diingati dengan sebutan zaman ubi kayu atau zaman duit cap pokok pisang. Tetapi dalam mengenang zaman itu, maka satu fakta hendaklah jangan dilupakan, iaitu peperangan antara kuasa penjajah yang telah menyebabkan mala petaka dan penderitaan itu.

Di mana-mana jua telah berlaku peperangan, atau sedang berlaku peperangan, besar atau kecil, rakyat jelata mestilah mengalami kesusahan dan penderitaan. Peperangan di Indo-China, peperangan di Lebanon juga membawa penderitaan yang sungguh dahsyat.

Dalam perang dunia kedua atau Asia Timur Raya, bangsa dan negara Jepun telah mengalami seksa dan derita yang sangat teruk. Mengikuti Profesor Ezra Vogel, dari Pusat Penyelidikan Politik Timur Jauh, Universiti Harvard, Amerika Syarikat, yang telah memberikan ceramahnya satu ketika dahulu, di Universiti Malaya, bangsa Jepun berasa kesal yang bangsanya telah terlibat dalam peperangan itu, malah mereka terasa telah terpedaya oleh pihak tentera Jepun.

Hingga sekarang kebanyakan rakyat Jepun membenci peperangan, dan dasar Jepun sekarang ialah berkecuali, dan justeru itu Jepun tidak mempunyai angkatan tentera yang besar, tidak mahu berlumba-lumba menambah dan melengkapkan pasukan pertahanannya dengan pelbagai alat senjata moden.

Tetapi, walaupun Jepun kalah perang, kena ledakan dua butir bom atom, bangsa Jepun tidak pernah luntur semangatnya, sentiasa erat perpaduannya. Dalam masa yang singkat sahaja sesudah perang, Jepun kini sudah tegak semula sebagai satu bangsa yang maju, satu kuasa ekonomi yang terbesar di dunia.

Menurut kata Profesor Vogel (bunyiya Vojel) yang telah tinggal di Jepun beberapa tahun, tahu bahasa Jepun, maka disiplin dan perasaan kebangsaan Jepun sangat baik. Di sana, katanya, tidak ada belia yang berambut panjang, dan amat sedikit, kalau ada sekalipun yang menyalahgunakan dadah.

Cubalah kita bandingkan Jepun dengan sekutunya dalam perang dunia kedua dahulu. Jerman kini pecah dua, dan Itali menghadapi berbagai-bagai masalah politik, ekonomi dan sosial. Demikianlah dunia ini berubah-ubah. Jadinya, tidaklah ada faedahnya bagi sesiapa pun mengungkit-ungkit hal-hal lama, apalagi bagi

pemuda pemudi zaman sekarang yang tidak menempuh zaman ubi kayu itu.

Selang dua tiga hari sahaja sesudah Jepun menyerah diri, sebelum berdiri semula pemerintahan British, kita di Tanah Melayu telah mengalami pula satu peristiwa sedih yang digelar zaman bintang tiga. Sekali lagi ramai juga orang kita yang telah menerima akibat buruk kerana terlalu sangat menunjukkan kuasa dalam zaman Jepun.

Kemudian, hanya empat tahun sesudah perang dunia kedua, maka telah berlakulah pula zaman darurat di tanah air kita ini.

Mengenai zaman darurat, saya ada mempunyai banyak gambar-gambar yang bersangkutan-paut dengan zaman itu. Zaman itu, pada pendapat saya, adalah satu zaman yang besar maknanya dalam sejarah negara dan bangsa kita yang kini sedang berhadapan sekali lagi dengan cabaran fahaman komunis.

Sesudah zaman darurat kita telah mengalami satu masa yang kritikal sekali lagi, iaitu konfrontasi. Kisah masa konfrontasi akan dimasukkan juga dalam memoir hidup saya ini, sebab seperti sebelum perang, masa perang, sesudah perang dan datangnya zaman darurat, saya telah terlibat juga sedikit dalam konfrontasi Malaysia - Indonesia, yang sekarang sedang berbaik-baik benar seperti isi dengan kuku.

Hanya ada sedikit lagi kenangan hidup saya di Singapura telah dicantumkan dalam seksi penerangan tentera Jepun, dikendalikan dalam satu bangunan, iaitu di Straits Times, Cecil Street. Namanya ditukar, *Straits Times* menjadi *Syonan Shibun*, *Utusan Melayu* dan *Warta Malaya* menjadi *Berita Malai*.

Kami, kebanyakan para wartawan Melayu masa itu, bekerja dalam *Berita Malai*, A. Rahim Kajai, Zubir Salam, Noraini, Abdullah Kamel, Ramli Haji Tahir, A. Samad Ismail dan saya.

Pada mulanya *Berita Malai* dan bulanan *Semangat Asia* telah menyiarkan propaganda angkatan tentera Jepun sahaja, tetapi kemudian, sedikit demi sedikit, kami telah dapat menyelitkan rencana-rencana mengenai cita-cita kebangsaan Melayu. Malah kadang-kadang mengkritik dasar tentera Jepun dalam hubungannya mengenai masa depan bangsa-bangsa Asia.

Dalam bulan November, 1943 saya telah terpilih menjadi wakil ke Persidangan Para Wartawan Asia Timur Raya yang telah diadakan di Tokyo, Indonesia menghantar empat wakil, iaitu Adi Negoro, Manai Sophian, Patimapau dari Sulawesi dan seorang lagi dari Surabaya yang namanya saya sudah lupa. Wakil dari Burma dua orang: U Thun Than dan U Thun Pey. Dari Thailand, Hong

Kong dan Filipina juga dua orang. Apabila selesai persidangan itu kami telah dibawa melawat ke selatan Jepun, ke Nara, Kyoto dan Osaka. Hala balik kami singgah di Taiwan, Shanghai, Okinawa, Filipina dan Labuan.

Waktu di Nara, yang terkenal kerana taman rusa dan kesan sejarah lama Jepun, saya telah bertemu dengan Encik Yusuf Ahmad (adik Za'ba) yang masa itu menjadi pensyarah bahasa Melayu di sana.

Di Pulau Okinawa, di sini kami terpaksa berhenti tiga malam sebab cuaca tidak baik untuk terbang ke Filipina, saya telah kehilangan sebentuk cincin yang telah saya jadikan tajuk sebuah cerpen saya yang telah disiarkan dalam majalah bulanan *Suluh Malaya* dalam tahun 1946.

Ceritanya amat romantik. Masa perang kaum wanita Jepun tidak dibenarkan memakai sebarang perhiasan yang berharga, daripada emas, perak; apalagi intan berlian. Semuanya dijadikan derma peperangan. Saya masa itu ada memakai sebentuk cincin kuasa batu delima hitam; hadiah daripada abah saya yang mengatakan cincin itu bertuah.

Seorang wanita pelayan di Hotel Naha, pusat bandar di Okinawa, telah meminjam cincin itu sebab, katanya, sudah lama tidak memakai cincin. Nama wanita jelita itu ialah Ohara, berasal dari Hawaii, anak kacukan kulit putih. Saya yang lurus dan tidak biasa dengan cara halus wanita Jepun berasmara telah memberikan cincin itu dengan penuh ikhlas; usahkan hendak pinjam pakai sekejap, kalau hendak ambil terus pun boleh.

Waktu tengah malam, sedang saya tidur lena, berselimut tebal kerana musim sejuk (*Samoi-des, ne*, kata orang-orang Jepun) wanita itu masuk ke dalam bilik saya, menggerakkan saya dari tidur, dan sambil menghulurkan tangan kirinya ke dalam kelambu saya, Ohara-san berkata: "*Please take back your ring, because you are flying back early tomorrow morning.*"

Tetapi saya tahu maksudnya yang sebenar. Maka saya tariklah tangannya yang putih bersih, yang licin dan wangi itu. Dan dia menggeluncur tumbang ke atas tilam saya. Bak kata pepatah: 'pucuk dicita ulam mendatang.'

Dalam Pemerintahan Jepun



Lawatan ke negara matahari terbit, dan kemudian hala balik, dapat pula melihat Taiwan, Shanghai, Okinawa, Manila dan Labuan dalam masa pendudukan Jepun, telah menambah banyak pengetahuan dan pengalaman hidup saya. Waktu tinggal di Imperial Hotel, Tokyo, saya telah dapat peluang pertama kali bertemu dengan Ir. Sukarno, yang kemudiannya telah menjadi presiden pertama bagi Republik Indonesia, yang kebetulan dalam lawatan ke Jepun juga bersama Dr. Muhammad Hatta.

Dalam pertemuan empat mata yang sebentar itu Sukarno telah sempat berpesan: "Jangan lupa kepada perjuangan kita."

Di Taipeh kami telah dibawa melawat ke muzium pulau itu. Yang sangat menarik perhatian saya ialah bahagian orang asli Taiwan. Beberapa benda yang dipamerkan dalam bahagian itu banyak yang serupa dengan benda-benda budaya penduduk asli di Tanah Melayu. Di pulau itu juga saya perhatikan ada papaya, nanas dan pisang. Di Okinawa pula saya melihat banyaknya keledak.

Di sekitar Kota Manila saya telah bertemu dengan lelaki menyamar sebagai perempuan. Kerja mereka itu ialah mengecek barang-barang seperti rokok, mancis api, gula-gula dan sebagainya - dari askar-askar Jepun yang kemudiannya dijual di pasar gelap.

Di satu lorong beli-belah yang terkenal dengan nama Escolt saya telah melihat banyak kedai besar kepunyaan saudagar-saudagar India, iaitu lebih kurang sama dengan yang ada di Pasar Baru, Jakarta.

Di Manila juga saya telah bersua dengan seorang wanita yang mengaku keturunan Melayu, berasal daripada Kotabatu, Cebu. Dia memastikan kepada saya bahawa dia boleh menghitung macam Melayu: satu, dua, tiga, hingga sepuluh.

Tetapi yang berkesan lama, malah hingga sekarang, ialah semangat bangsa Jepun dalam menghadapi peperangan. Di Osaka, misalnya, apabila satu jawatankuasa derma perang berseru ke-

pada orang ramai menderma apa-apa sahaja yang ada, maka saya telah melihat rakyat Jepun serta-merta atau spontan menderamkan wangnya, bajunya, payungnya, malah apa sahaja bertimbun-timbun barang yang terkumpul.

Di Shanghai saya telah dapat melihat dan merasakan betapa kuatnya perasaan anti-Jepun di antara orang Cina.

Waktu berhenti di Labuan, kerana menanti cuaca baik untuk terbang ke Singapura, rombongan kami dan yang datang dari Indonesia, Thailand dan Burma telah diajak pergi ke sebuah rumah hiburan bagi askar Jepun. Di situ saya telah melihat bagaimana seorang wanita Korea telah tidak mahu melayan kehendak seorang askar Jepun, dimaki-hamun dan dimarahi oleh perwira dari matahari terbit itu.

Pendeknya, bagi kami kaum wartawan yang telah dilatih supaya punya perhatian dan pendengar yang tajam, maka kami sudah tahu, pada akhir tahun 1943 itu, bahawa perasaan anti-Jepun sudah mula membara. Di Tanah Melayu sudah tersusun satu gerakan bawah tanah yang dinamakan MPAJA atau *Malayan Peoples Anti-Japanese Alliance* yang para anggota dan penyokong terdiri kebanyakannya daripada orang Cina, sebab negara dan bangsa mereka telah dilanggar oleh Jepun sejak tahun 1937 lagi.

Sebaliknya orang Melayu kecuali satu bilangan yang amat kecil, tidak berbuat apa-apa, tidak berkata apa-apa, sebab mereka tidak mengerti apa-apa yang sedang berlaku ke atas tanah air bangsa dan agamanya.

Pada awal tahun 1944, dengan pengalaman yang saya dapati dari lawatan ke Timur Jauh itu, saya telah membuat keputusan meninggalkan Singapura untuk menyelamatkan diri saya, anak dan isteri saya.

Fakta dan faktor yang telah mendorong saya merancang begitu ialah kepercayaan saya bahawa Jepun akan kalah perang. Keadaan hidup amat susah bagi saya yang tidak tahu putar belit, tidak pandai berjual beli barang-barang di pasar gelap. Harga se-gantang beras pada masa itu, di pasar gelap, sudah naik \$40,000.00, dan sebiji telur \$4,000.00. Yang menjadi makanan kami, bahkan untuk kebanyakan orang ramai di Singapura, ialah ubi kayu: pagi ubi kayu, tengah hari ubi kayu, malam ubi kayu, mi ubi kayu, buah Melaka ubi kayu. Itulah sebabnya zaman pemerintahan Jepun lebih terkenal dengan gelaran zaman ubi kayu.

Tetapi sebelum muktamad membuat keputusan balik ke negeri saya, Pahang, saya telah pergi ke Pulau Bintan sebagai ketua rombongan orang Melayu Singapura yang telah ditawarkan oleh Jepun

meneroka tanah hutan di sana untuk ditanam dengan benda-benda makanan seperti padi, sekoi, jagung dan sayur-sayuran.

Pihak Jepun telah memberi jaminan bahawa dalam masa peringkat permulaan, iaitu sebelum tanah yang dibuka itu kelak mengeluarkan hasil, seorang peneroka lelaki dewasa akan diberi empat gantang beras sebulan, wanita dewasa tiga gantang setengah, anak-anak dua gantang. Gula juga dijamin akan dibekalkan dua kati sebulan untuk seorang. Selain itu peneroka-peneroka dibekalkan dengan ikan basah dan kering dan sayur-sayuran secukupnya setiap hari dengan percuma.

Tetapi manusia Melayu yang telah diberi peluang yang begitu baik lekas lupa akan untung nasib dan tujuan hidup. Sebelum meninggalkan Singapura mereka semuanya, seperti yang saya sebutkan di atas ini, makan ubi kayu pagi dan petang. Apabila mereka berjumpa dengan banyak beras, yang diberi percuma oleh tentera Jepun, mereka telah menjualkan sebahagian besar daripada beras dan gula yang didapati percuma itu di pasar gelap, dan dengan wang yang banyak didapati dari jualan haram itu, mereka telah bermain judi dengan kumpulan jahat yang telah membuka warung makanan dan meja judi dalam hutan dan belukar tidak jauh daripada kawasan tanah yang kami teroka itu.

Permainan yang disukai mereka ialah *sintir*, sejenis permainan dadu. Kemudian apabila mereka cuai menjaga kesihatan, tidak cukup makanan berzat dan tidak punya vitamin, maka ramailah yang dapat sakit.

Tiga bulan kemudian, dengan perasaan penuh bosan dan me-luat kerana tujuan yang begitu baik telah diselewengkan oleh orang yang tidak mahu insaf, tidak mengerti bahawa dunia masih dalam peperangan, maka saya telah diserang oleh demam malaria. Isteri dan anak kecil saya juga jatuh sakit.

Penyakit yang tidak ada ubatnya itu, sebab maklumlah masa perang, memberi peluang kepada saya untuk meminta kebenaran balik semula ke Singapura. Oleh kerana pihak yang berkuasa Jepun cukup faham akan kedudukan saya, maka mereka telah membenarkan saya balik ke Singapura, malah pihak Jepun telah mengirimi dua orang sahabat baik saya, iaitu Encik Melan Abdul-lah dan Encik Sidek Haji Siraj untuk menjemput saya balik.

Tidak berapa lama lepas itu, setelah mengemaskan barang-barang dan urusan-urusan saya di Singapura, maka saya telah balik ke Pahang dengan kereta api, melalui Kuala Lumpur. Yang telah memberi banyak bantuan untuk saya mengungsi ke utara itu ialah Saudara Abdul Karim Rashid, yang pada masa itu menjadi

seorang pegawai dalam pasukan *Gyugun*. Wah, sungguh ramai orang dari Singapura yang mengungsi ke Semenanjung Tanah Melayu! Pada setiap hari kereta api penuh sesak hingga atas bumbungnya pun kadang-kadang ada orang duduk.

Apabila sampai di Kuala Lumpur, timbul pula masalah macam mana hendak meneruskan perjalanan ke Pahang, melalui Bentong dan Mentakab. Orang Melayu Kuala Lumpur pada masa itu sudah ramai yang pindah ke Tanjung Karang untuk bertanam padi. Kereta sewa yang ada pada masa itu ialah yang menggunakan tenaga arang, sebab bekalan minyak benzin sudah tidak ada lagi, walau setitik pun, untuk kegunaan orang ramai.

Dengan penuh sabar dan tahan menderita, kami telah selamat sampai ke Temerloh, balik ke kampung halaman, tinggal bersama ibu bapa dan adik-adik saya. Alhamdulillah, di Pahang pada masa itu tidaklah kurang sangat benda makanan dan harganya pun tidak mahal. Tetapi kami berjimat cermat seberapa yang boleh. Kalau memasak nasi, maka kenalah dicampur atau dirandau pisang muda. Zat protin mudah didapati, sebab pada masa itu ikan masih banyak dan mudah didapati dalam Sungai Pahang. Demikian juga sayur-sayuran. Pernah pada suatu pagi saya menjala dekat tepian kami, dan sekali tebar sahaja jala saya telah mengena dua ekor ikan belida iaitu ikan yang banyak sisik, banyak tulang, badannya bongkok, berenang terliuk-liuk.

Setelah enam bulan berada di kampung sendiri, dengan makanan yang cukup dan suasana yang lebih aman daripada Singapura, maka sembuhlah kudis saya, dan isteri dan anak-anak saya pun pulihlah semula. Dan apabila saya sudah sihat dan segar semula, maka timbullah keinginan yang kuat hendak mengembara untuk melihat bagaimana keadaan masa perang, dalam zaman pemerintahan Jepun, di negeri-negeri Melayu, sebelah barat dan timur, iaitu Perak, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu, mengembara ikut keretapi dari Padang Besar, melalui Haadyai, Yala dan Golok, masuk ke Kelantan.

Zaman Ubi Kayu Berakhir



Dalam zaman pemerintah Jepun, istimewa dalam tahun 1944, para penduduk Tanah Melayu ramai sangat yang mengembara. Orang Negeri Sembilan datang beramai-ramai ke Pahang. Orang Selangor pergi balik ke Perak ke Bagan Serai, Parit Buntar dan Gunung Semanggul. Orang Johor datang ke Melaka. Tujuan mereka itu ialah hendak mencari beras. Itulah dorongan mereka biar bagaimana susah sekalipun. Beras, beras, beras! Itulah jeritan mereka. Bagi saya pula dorongannya ialah hendak menemui kawan-kawan seperjuangan. Doktor Burhanuddin Al-Helmi (Al-marhum) pada masa itu berada di Taiping, bekerja sebagai penasihat dalam Pusat Pentadbiran Tentera Jepun bagi Malaya dan Sumatera. Nama Jepunnya, kalau saya tidak silap, ialah *Gunse-seribu*.

Saya mengembara itu sehelai spinggang, sehelai seluar pendek kuning dan baju kemeja kuning dari kain *drill*. Tetapi, dengan kawalan kuat pihak Jepun, tambang kereta sewa dan kereta api tidak naik. Sewa hotel juga tidak naik.

Saya tidak bimbang meninggalkan isteri dan anak saya. Emak dan abah saya masih sihat. Keluarga saya semuanya punya padi. Kerbau, kambing dan ayam itik kami banyak.

Dalam tahun 1942 dan 1943, menurut cerita kedua-dua orang tua saya, ramai orang Pekan, Pahang, telah pindah ke sebelah hulu, kebanyakannya ke Temerloh, termasuk keluarga Diraja, DYMM Tengku Ampuan Pahang sekarang pernah tinggal di rumah orang tua saya. Masa itu, mengikut kata baginda sendiri, baginda masih anak dara sunti. Saya memang kenal biasa dengan ayahandanya, Tengku Muhammad dan bondanya, Tengku Mandak.

Di sebelah hilir rumah kami, di rumah Tuan Haji Kia (Allah-yarham), tinggal Cik Melati dan anak-anak mereka. Seorang daripada anak-anak perempuan mereka telah bertemu jodoh dengan seorang pemuda di kampung kami Cikgu Dollah bin Paklang Mat, yang berkhidmat sebagai guru pelawat di Kuala Lipis, Pahang.

Dengan tekad yang kuat dan berserah kepada Tuhan yang maha kuasa, saya telah meninggalkan Temerloh dalam saat yang genting. Saya berhenti sebentar sahaja di Kuala Lumpur. Dengan keretapi saya telah menuju ke utara, ke Taiping, Perak.

Di Taiping saya telah diberi tugas oleh Doktor Burhanuddin supaya menyusun pemuda-pemuda di Pantai Timur – Kelantan dan Terengganu – untuk bersedia kalau-kalau tenaga mereka itu dikehendaki kelak, iaitu apabila Jepun kalah perang, kita di Semenanjung, yakni penyokong KMM akan terpaksa mengangkat senjata untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Kerana tugas itu saya telah diberi wang dan surat penting untuk mendapatkan bantuan yang saya akan perlukan dari pihak Jepun. Di Kelantan dan di Terengganu, kata Doktor Burhanuddin, saya kena cermat sedikit sebab yang memerintah ialah orang Siam. Demikian juga di Kedah dan Perlis.

Perjalanan kereta api malam dari Taiping ke Padang Besar sangat lambat. Masa Jepun tidak ada kereta api mel, tidak ada kelas satu dan kelas dua. Semuanya kelas tiga, kereta api angkut barang, bawa kerbau lembu, dan manusia lapar yang sangat ramai.

Kami sampai di stesen Padang Besar pada esok paginya, lebih kurang pukul enam. Oleh kerana sangat letih dan lapar saya telah tidur sebentar di atas rumput depan stesen itu. Kemudian saya pergi mencari tempat penginapan. Rumah tumpangan di Padang Besar, sebelah Siam, masa itu ada banyak, tetapi semuanya tidak ada tilam, tidak ada kain cadar. Kami tidur atas katil beralaskan tikar sahaja.

Makan minum tidak kurang di sana pada masa itu, dan harganya pun murah. Saya telah berjumpa ramai askar INA atau Indian National Army yang diketuai oleh mendiang Subhas Chandra Bose (mendiang). Mereka itu kebanyakannya orang Pathan dari Songkla atau Senggora (Islam) yang baru mengungsi dari Singapura sebab pihak tentera Jepun sudah tidak sanggup lagi membantu mereka untuk masuk ke India melalui Burma. Pasukan INA telah kalah teruk dalam peperangan dengan tentera British di Imphal, dekat sempadan Burma dengan India, dan Subhas Chandra Bose, pemimpin mereka, telah diberitakan mati dalam satu kemalangan kapal terbang dalam perjalanannya ke Tokyo.

Dari Padang Besar saya telah meneruskan perjalanan saya ke Hadyai dan berhenti di sana selama dua hari sebelum meneruskan pula perjalanan hala ke Kelantan, melalui Yala dan Golok.

Di stesen Yala kami berpeluang membeli macam-macam makanan yang dijual oleh wanita-wanita Melayu. Nasi ada, ayam

panggang, ikan panggang ada dan juga macam-macam buah-buahan. Barulah kami boleh makan kenyang-kenyang.

Di stesen Golok, sebelum masuk ke Rantau Panjang, saya telah diperiksa dengan rapi oleh askar Jepun. Tetapi saya ada membawa dokumen yang cukup dan juga beberapa keping gambar yang saya bawa balik dari Tokyo. Satu daripada gambar itu menunjukkan saya duduk dekat Jeneral Tojo (mendiang) dalam satu majlis makan malam di Tokyo.

Apabila askar-askar Jepun itu melihat 'gambar istimewa' dari tanah airnya itu, barulah mereka tercengang lalu mengangkat tabik kepada saya.

Saya fikir pada mulanya mereka itu syak yang saya boleh jadi seorang agen atau *spy* British. Tetapi bila melihat muka Jeneral Tojo, dan kemudian merenung-renung muka saya, maka mereka itu telah melepaskan saya masuk ke Rantau Panjang dengan hormat.

Setibanya di Kota Bharu, Kelantan, saya pun mencari kawan-kawan bekas anggota KMM. Di antara mereka itu ialah Cikgu Wan Ibrahim Mustapha.

Seorang lagi yang saya telah temui ialah Abdul Hamid bin Mahmud (Allahyarham) yang berumah di Kampung Sirih, Kota Bharu. Beliau telah kena tahan bersama anggota Parti Kebangsaan Melayu Malaya dalam masa darurat, dan pernah bersama saya dalam satu blok di khemah tahanan, Ashby Road, Ipoh. Beliau telah dibebaskan daripada khemah Ipoh, dan sebaik bebas sahaja beliau telah membuat satu kenyataan dalam *Utusan Melayu* menghentam peribadi saya. Kemudian beliau telah masuk UMNO dan pernah menjadi senator mewakili Kelantan. Orang-orang yang saya telah temui di Kota Bharu itu sudah sejuk semangatnya. Dan apabila tamat darurat mereka itu sangat takut pula kepada pihak yang berkuasa.

Abdul Kadir Adabi, seorang pejuang kebangsaan yang sangat gigih dan berani, telah tidak dibenarkan balik ke Kelantan oleh pihak yang berkuasa di Kelantan masa pemerintahan Siam - Jepun apabila beliau kembali dari Singapura setelah dibebaskan daripada tahanan di sana. Bagaimanapun beliau telah dibenarkan tinggal di Terengganu, menikah di sana, dan akhirnya telah meninggal di Kuala Terengganu. (Maktab Abdul Kadir adalah mengambil sempena perjuangan beliau).

Dari Kota Bharu saya telah meneruskan perjalanan, atau lebih tepat dikatakan pengembaraan saya, ke Kuala Terengganu. Saya dapati pemuda-pemuda di sana pun sudah tidak bersemangat lagi.

Tan Sri Ibrahim Fikri (Almarhum) dan Datuk Wan Daud Ahmad pada masa itu berniaga beras. Datuk Mansor pada masa itu masih muda sangat lagi. Tuan Haji Salleh 'Sketeh' atau MISBAHA lebih berani daripada pemuda-pemuda Terengganu yang lain, tetapi oleh kerana dia tinggi dan mudah dikenali orang, maka tidaklah boleh saya ajak dia masuk dalam satu pergerakan bawah tanah untuk menentang British apabila Jepun kalah perang.

Pendeknya tugas saya yang diamanahkan oleh Doktor Burhanuddin itu tidak berjaya ataupun gagal sama sekali.

Sebelum meneruskan pengembaraan saya balik semula ke Pahang, saya telah pergi ke Kuala Brang, Ulu Terengganu, untuk menemui abang sulung saya, Abdul Hamid yang pada masa itu - dalam zaman pemerintahan Jepun menjadi ADO Kuala Brang. Beliau telah ditembak mati oleh askar Bintang Tiga di sana, akibat laporan palsu dari seorang India Muslim penjual beras kepada askar MPAJA dalam hutan di sana iaitu kononnya dalam masa Jepun abang saya itu tidak membahagikan beras catuan dengan adil kepada orang ramai.

Dari Kuala Terengganu saya telah berbalik ke Kelantan, pergi ke Kuala Krai dan telah naik kereta api ikut Gua Musang, Kuala Lipis, turun di stesen Mentakab dan selamat balik ke kampung saya di Temerloh. Saya dapati keluarga saya dalam sihat, aman dan selamat.

Pada suatu malam beberapa minggu lepas itu, kira-kira pukul dua pagi, seorang askar Jepun yang masih sangat muda, seorang mahasiswa dari sebuah universiti di Tokyo telah datang ke rumah kami di Kampung Buntut Pulau. Keluarga saya telah terperanjat besar. Dan jiran-jiran kami telah gempar kerana menyangka sesuatu hal yang tidak baik menimpa kami.

Tetapi askar muda itu tahu bahasa Inggeris. Dia menerangkan bahawa dua orang profesor Jepun, seorang daripadanya bernama Yamada berhajat sangat menemui saya.

Saya sudah tahu bahawa mereka itu hendak menyampaikan kepada saya suatu berita penting yang amat rahsia, iaitu Jepun mungkin kalah perang, sebab rakan-rakannya di Eropah - Nazi Jerman dan *Fascist* Itali sudah kalah teruk dihentam oleh Angkatan Tentera Sekutu, iaitu Amerika Syarikat, British dan lain-lain yang telah mendapat kerjasama dan persefahaman dengan Angkatan Tentera Soviet Union.

Memang tepat perhitungan dan ramalan saya itu. Profesor Yamada telah menasihatkan saya supaya berjaga-jaga daripada salah faham, sakit hati atau prasangka dari askar MPAJA. Tetapi

sebelum itu saya telah membuat hubungan dengan tentera wataniah di Raub melalui Datuk Yeop Mahidin dan Abdul Rahman Ismail. Tentera wataniah pula, yang ditubuhkan oleh SEAC kependekan *South East Asia Command*, di bawah pimpinan Lord Mountbatten telah membuat 'understanding' dengan MPAJA untuk menentang tentera Jepun.

"Kalau ada wang", kata Profesor Yamada, "Isako-san lebih baik beli kebun getah sementara harganya murah, sebab lepas perang kelak harga getah akan naik.

Tetapi nasihatnya itu tidak saya hiraukan sebab saya tidak berniat hendak membuat harta, hendak hidup senang, apa lagi jadi kaya raya.

Itulah barangkali sebabnya apabila British masuk balik ke Tanah Melayu dan berkuasa semula saya tidak ditangkap oleh British sebagai seorang '*collaborator*' atau pembantu tentera Jepun yang boleh didakwa di mahkamah.

Tentang saya telah kena tangkap dan ditahan lama dalam masa darurat dahulu, maka itu, satu cerita yang lain pula.

Selama 13 Hari Bintang Tiga Berkuasa



Sekarang tibalah pada satu ketika yang sangat penting, tetapi amat penting, dalam pengalaman hidup saya. Apabila Seri Maharaja Jepun atau Teno Heika, yang dianggap sebagai Tuhan oleh bangsa Jepun mengisytiharkan bahawa angkatan bersenjata Jepun mengaku menyerah kalah perang kepada pihak sekutu serta memerintahkan supaya bangsa Jepun, hamba rakyatnya yang taat setia dan berdisiplin, menyerah diri dan patuh pada syarat-syarat dan undang-undang peperangan, maka keluarlah askar Bintang Tiga yang menumpang kemenangan pihak sekutu itu, sebab negara China yang diketuai oleh Jeneral Chiang Kai-Shek dalam peperangan itu bersekutu dengan pihak sekutu.

Di bandar Temerloh telah keluar lebih kurang dua puluh orang askar Bintang Tiga itu yang memakai uniform, yang bertopi tiga bucu, lengkap dengan senapang dan bom tangan. Mereka keluar itu bukan sahaja hendak menyambut kemenangan, tetapi juga hendak menunjukkan kekuatan dan 'kecauvinisan' kaum Cina dalam Tanah Melayu.

Mereka itu keluar mengarak seekor babi panggang, yang dihiasi dengan benda-benda kebudayaan bangsa Cina, seperti colok yang berasap dan sebagainya.

Sesudah menunjukkan kekuatan mereka itu, yang dari segi psikologi memanglah telah menggerunkan orang Melayu yang miskin, yang lurus dan yang tidak tahu apa-apa berkenaan dengan pergolakan politik dunia, maka askar Bintang Tiga itu pun mulalah menangkap beberapa orang Melayu dan India yang kononnya telah melakukan kesalahan.

Di antara 'kesalahan-kesalahan' yang kononnya boleh mereka itu tangkap, dibicarakan dan diputuskan dengan hukuman-hukuman berat ialah 'tidak membayar hutang seringgit dua' kepada para peniaga dan peraih-peraih, iaitu hutang-hutang kecil yang lama, sepuluh dua puluh tahun yang lampau.

Dalam masa tujuh hari sahaja lokap di Rumah Pasung Temerloh, tempat saya telah dilahirkan dan dibesarkan itu, sudah penuh sesak dengan orang-orang Melayu dan India. Pak Uda Kia kena tangkap. Usup Kampar kena tangkap. Alun, (nama sebenarnya Harun) penembak gajah, kena tangkap.

Saya dengan beberapa orang kawan yang mengerti hal-hal politik dan yang punya perasaan kebangsaan dan keagamaan yang kuat dan sihat, telah berpakat penuh rahsia akan berarak ke rumah pasung itu untuk melepaskan orang-orang yang telah ditangkap dan ditahan oleh askar Bintang Tiga dan para penyokongnya itu.

Hari dan masa yang telah kami tetapkan untuk 'operasi tebus malu' itu ialah hari Jumaat, sesudah selesai sembahyang.

Kami akan menyusun barisan dengan berteriak Allahu Akbar! Allahu Akbar, kami akan serbu rumah pasung itu, pecahkan pintu-pintu besinya dan bebaskan semua orang yang dikurung itu.

Tetapi, dengan sedih saya merakamkan di sini, bahawa beberapa orang telah meninggalkan barisan yang bersejarah itu. Seorang daripadanya, yang namanya malu saya menyebutkannya, telah berkata kepada saya. "Pak Uda, minta maaf, saya ada hal mustahak yang hendak diuruskan hari ini."

Tetapi kerja kami melepaskan orang-orang tahanan itu, Alhamdulillah, telah berjaya. Semua orang tahanan politik Bintang Tiga itu telah dikeluarkan daripada lokap. Kebanyakan mereka itu, apabila sudah dilepaskan, telah mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada kami. "Terima kasihlah, Encik; terima kasihlah Pak Uda, nasib baiklah ada awak, abang." Dan ucapan-ucapan lain lagi.

Tidak kurang pula orang-orang yang mengatakan: "Berani sangat awak, Sohok, awak tidak takut," kata mereka lagi.

Esok paginya saya telah dipanggil ke pejabat besar Bintang Tiga di bandar Temerloh untuk disoal oleh ketuanya.

Saya tahu siapa yang telah melaporkan peristiwa kami berarak dari Masjid Jamik Temerloh menuju ke rumah pasung dan kemudian memecahkan pintunya untuk membebaskan sekumpulan orang yang tidak bersalah yang telah dikurung dalam bangunan yang berpintu dan berbilik besi itu. Tetapi oleh kerana orang itu sudah mati, maka tidak usahlah saya sebutkan namanya.

Di kaki tangga rumah ibu pejabat Bintang Tiga itu, sebuah rumah kedai yang menuju ke tingkat atas (loteng) berdiri seorang pengawal Bintang Tiga yang bersenjatakan sepucuk mesin-gan yang berisi peluru, yang bengis rupanya. Saya ingat benar mukanya itu.

Pada pagi itu sangat ramai orang Melayu, Cina dan India yang

memerhatikan peristiwa saya naik ke markas besar Bintang Tiga di Bandar Temerloh itu. Kebanyakannya telah menyangka bahawa saya mesti mati kena hukum tembak. Dan sebilangan kecil, saya tahu, memang suka kalau saya ditembak.

Apabila saya sampai ke loteng, maka saya disuruh masuk ke dalam sebuah bilik untuk menemui dan disoal oleh pegawai tinggi pasukan Bintang Tiga di Temerloh masa itu.

Beruntunglah saya, sebab pegawai itu, seorang pemuda dari Bentong, Pahang, pandai berbahasa Inggeris dan juga Melayu.

"Saya dapat tahu Enciklah yang mengetuai perarakan ke rumah pasung semalam, dan telah membebaskan orang-orang yang ditahan di situ. Apa, betulkah atau tidak? Dan kalau betul apakah tujuannya?" kata pegawai muda itu dengan hormat dan suara lemah lembut.

Saya mengaku terus terang bahawa memang benar sayalah ketuanya. Masa dalam peperangan dahulu, kata saya, pihak Bintang Tiga telah menerbitkan suratkhbar mingguan dalam mana Bintang Tiga menyarankan bahawa Cina, Melayu dan India adalah 'abang-adik'.

Kata saya lagi, "Sekarang, apabila awak menang, awak telah menangkap orang Melayu dan India saja. Dan sebab mereka ditangkap ialah kononnya ada berhutang kepada orang Cina. Mengapa awak tidak tangkap dan kurung orang bangsa awak sendiri?"

"Saya sangat dukacita kerana nampaknya sudah timbul salah faham di antara kaum Melayu dengan kaum-kaum lain dalam negeri ini. Sebenarnya, oleh kerana pihak kami, yakni pihak sekutu telah menang peperangan dengan pihak *facist*, iaitu Jerman, Itali dan Jepun, maka kami patutlah diberi peluang untuk bergembira," katanya menjawab pertanyaan saya.

"Orang Cina, kebanyakannya yang sudah tua-tua, tidak tahu akan tujuan kami. Malah, mereka itu tidak tau apa-apa. Kerja mereka itu menangkap orang-orang Melayu dan India ialah untuk melepaskan dendam. Mereka itu yang sebenarnya ialah orang-orang bodoh, atau terlalu *chauvinistic*."

Pegawai Bintang Tiga itu kemudian mencadangkan supaya perkara itu diselesaikan dengan cara mengadakan satu kenduri besar.

"Dua hari lagi hari Raya Haji akan tiba. Saya fikir sangatlah elok jika kita dapat mengadakan satu perayaan atau sambutan besar dalam mana semua kaum - Cina, Melayu dan India, boleh bersukaria, kenal mengenal antara satu dengan lain. Kita boleh potong tujuh ekor kerbau, kita adakan tarian-tarian dengan memainkan macam-macam muzik," dia mencadangkan.

"Di mana boleh dapat kerbau begitu banyak?"

"Oh, kami sekarang ada punya tujuh ekor kerbau untuk disembelih. Beras, gula, minyak masak, biskut dan kuih-muih kami ada," kata lagi pegawai Bintang Tiga itu.

"Kerbau itu awak orang MPAJA telah curi dari orang Melayu, bukan?" Tempelak saya. "Saya tidak dapat menyokong cadangan awak itu," tegas saya.

"Tapi pihak kami sudah mengatur satu rancangan untuk menyambut kemenangan agung pihak tentera sekutu, pihak demokrasi. Saya harap Encik boleh menyokong cadangan itu dan ikut serta merayakan kemenangan kami yang cemerlang itu," tegas beliau lagi.

Beberapa hari kemudian satu perayaan besar telah diadakan di Batu Lima Jalan Maran dan ramai tokoh Melayu dan pemuda pemudi telah mengambil bahagian. Ada beberapa orang Melayu yang masih hidup, di antaranya ialah Tan Sri Yahya Mohd. Seh, yang boleh mengesahkan perayaan besar yang telah diadakan di Batu Lima Jalan Maran itu. Saya sendiri tidak hadir, malah tidak mahu hadir kerana sebab-sebab yang sudah saya terangkan di atas ini.

Beberapa hari kemudian, apabila kuat kuasa pemerintahan British sudah berjalan semula di seluruh Tanah Melayu, dan masa 'Kerajaan Tiga Belas Hari' iaitu kuasa maharajalela Bintang Tiga sudah tamat, maka ramailah orang Melayu yang bercakap tentang nasib baik saya tidak mati dibunuh oleh Bintang Tiga.

"Panjang umur Cik Sohok," kata mereka itu.

Tetapi seorang tauke Cina, yang sengau-sengau telah menyatakan tidak puas hatinya dengan bercakap ke hulu ke hilir: "Saya tidak puas hati selagi Cik Sohok tidak mati."

Tetapi orang itu sudah pun lama mati, dan sebaliknya, dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa dan Maha Adil, saya masih sihat dan sempat menceritakan kisah-kisah benar yang telah berlaku dalam masa pemerintahan Jepun, masa pemerintahan 'Tiga belas hari Bintang Tiga', dan peristiwa lain yang berlaku di sejarah negeri ini pada masa lampau untuk dibaca dan diketahui oleh generasi zaman sekarang.

Oleh kerana bahaya perkauman masih tetap ada dalam negara kita ini, maka itulah sebabnya Kerajaan Malaysia tetap menuruskan dasar perpaduan kaum. Malah satu jabatan khas diadakan untuk itu dan ia mempunyai alat sebarannya sendiri dengan nama *Balai Muhibbah* serta beberapa kerjaya dan rancangan yang lain, seperti kuiz perpaduan dan sebagainya.

Satu lagi dasar dan tujuan politik yang sangat baik untuk mewujudkan perpaduan nasional, atau untuk menghapuskan pertentangan perkauman ialah Dasar Ekonomi Baru. Malangnya, dasar dan tujuan yang begitu baik untuk ketahanan negara, untuk keamanan, untuk kesejahteraan sosial dan perkembangan ekonomi telah dan sedang disalahgunakan atau diselewengkan oleh setengah pihak dalam negara ini, khususnya oleh beberapa orang.

British Kembali Berkuasa



Setelah mengalami azab sengsara selama empat tahun lebih di bawah pemerintahan tentera Jepun, empat tahun makan ubi kayu campur pisang, empat tahun tidak berganti kain baju, empat tahun tidak berjumpa susu pekat dan mentega sejuk, maka sekalian rakyat Tanah Melayu telah menyambut dengan penuh gembira kedatangan semula pemerintahan Inggeris yang dengan cepat telah berjaya membawa beras, gula, tepung gandum, rokok, tembakau paip, ubat-ubat, kain baju dan lain-lain untuk kemudahan dan kesenangan hidup. Bilangan terbesar atau majoriti orang Melayu dari semua lapisan masyarakatnya hanya memikirkan soal makan minum, rumahtangga, pakaian dan harta benda mereka yang hanya sedikit, iaitu kebun getah, kebun kelapa, dusun, tanah padi yang luasnya, bagi seseorang, purata, hanya 3 hingga 4 ekar sahaja, ditambah dengan dua tiga ekor kerbau atau lembu, dan sedikit ayam itik.

Orang Melayu yang makan gaji dengan kerajaan Inggeris mula merahlah semula muka masing-masing. Orang yang berniaga mendapat harapan dan peluang baru. Bagi anak-anak, maka sekolah pun dibukalah semula. Pertadbiran Tentera British atau *British Military Administration* (BMA) dengan cepat dapat memulihkan keadaan seperti biasa macam sebelum perang.

Tetapi bagi segolongan kecil anak-anak muda Melayu, iaitu bekas anggota Kesatuan Melayu Muda (KMM), pemuda-pemuda radikal yang mengaji di Maktah Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, para penuntut di sekolah-sekolah rakyat dan sebagainya telah terasa gelisah berkenaan masa depan tanah air, agama dan kaum bangsanya.

Sungguhpun begitu, pihak sekutu, melalui perjanjian Yalta dan Potsdam dan lain-lain, dengan segera pula telah mencuba memberikan corak baru kepada tanah jajahannya, iaitu bagi Inggeris ialah India, Burma, Singapura dan Tanah Melayu, termasuk Brunei, Sabah dan Sarawak.

Untuk menggantikan *The League of Nations* yang telah di-

tubuhkan sesudah Perang Dunia Pertama untuk mengekalkan perdamaian dan persefahaman antara manusia sejagat, tetapi malangnya telah gagal, maka pihak Sekutu - Amerika Syarikat, Britain, Rusia, Perancis dan China telah mewujudkan *The United Nations* atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang kemudiannya, dalam berbagai-bagai dokumen penting telah membentangkan tujuan yang lebih terancang untuk perdamaian dunia untuk persaudaraan manusia sejagat.

Antara dokumen-dokumen itu ialah *The Charter of Human Rights* atau *Piagam Hak-Hak Asasi Manusia*, yang menjamin hak manusia yang dijajah menuntut kemerdekaan, atau sekurang-kurang berkerajaan sendiri, kebebasan bagi semua manusia, tidak kira apa warna kulit, apa agama, hak bersuara, berkumpul, menubuhkan parti politik, menerbitkan suratkhbar, bebas daripada kelaparan, bebas daripada tangkapan dan tahanan tanpa melalui proses undang-undang dan jaminan lain lagi untuk kebebasan jasmani dan rohani.

Berdasarkan pengakuan yang begitu mulia daripada kuasa-kuasa besar dunia, jaminan kebebasan yang begitu lengkap dan konkrit, kami golongan nasionalis radikal dalam Tanah Melayu telah menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dengan tujuan menuntut kemerdekaan penuh atas tanah air Melayu dan bangsa Melayu.

Kami juga, secara tidak langsung telah mendapat ilham dan contoh yang amat baik daripada gerakan kebangsaan di Indonesia yang telah lama berjuang untuk kemerdekaan tanah air dan bangsa Indonesia.

Kaum elit di Tanah Melayu hanya telah terkejut daripada khayalannya apabila British mencadangkan satu corak pemerintahan baru bagi Semenanjung Tanah Melayu (Malaya), iaitu dalam bentuk dan susunan yang dinamakan *Malayan Union*. Mereka terkejut sebab hak dan kedudukan mereka yang istimewa telah tergugat oleh gagasan *Malayan Union*, itu dan itulah sebab dan dorongan utama PEKEMBAR atau UMNO telah ditubuhkan.

Hak-hak rakyat jelata, keadilan ekonomi dan sosial tidak difikir dan ditimbang pada masa itu. Slogan orang kiri pada masa itu ialah merdeka. Orang-orang kanan takut mendengar pekikan merdeka, dan mereka telah membuat slogannya sendiri iaitu hidup melayu, satu slogan yang amat sempit dan lemah apabila dikaji dari konsep persamaan dan persaudaraan manusia.

Tetapi, tidaklah menjadi maksud saya dalam memoir ini hendak mengungkit perkara lama, sebab semenjak Inggeris

memberikan taraf berkerajaan sendiri kepada negeri-negeri Melayu (kecuali Brunei), maka sudah banyak perubahan baik berlaku.

Apa yang hendak saya ceritakan ialah, apabila keadaan sudah pulih semula, sesudah tamatnya Perang Dunia Kedua yang berganda-ganda lebih dahsyat daripada Perang Dunia Pertama, maka saya telah cuba menyusun semula hidup saya sendiri.

Dengan sedikit modal wang British saya telah mencuba hendak berniaga, secara kecil-kecil dahulu. Langkah pertama ialah menyewa sebuah perahu kajang, perahu besar yang beratap, untuk hilir ke Pekan, Pahang, kerana di sana boleh didapati bermacam-macam barang yang boleh dijual di kampung-kampung sebelah hulu, iaitu ikan kering, ikan jeruk, gula, tembakau, daun pucuk, garam dan mungkin juga boleh didapati kain baju.

Yang telah membantu saya dalam rancangan ini ialah Pak Itam Haji Awang, seorang yang kuat tubuh badannya dan boleh dipercayai.

Dalam perjalanan hilir itu kami dapati keadaan dalam kampung di kiri kanan Sungai Pahang tidaklah teruk sangat. Hanya dua tiga orang sahaja yang telah mati ditembak oleh askar Bintang Tiga. Seorang daripadanya ialah Encik Ghazali, seorang pemuda dari Temerloh, yang telah mati kena tembak di Kuala Sungai Aur Duri, sebelah hilir Kampung Lubuk Paku.

Walau bagaimanapun bekalan makanan yang perlu seperti beras, gula dan garam belum lagi sampai ke kampung yang jauh. Waktu kami singgah di beberapa buah kampung, sebelum sampai ke Pekan, kami dapati nasi masih dirandau dengan pisang dan ubi kayu.

Kami hairan, apabila sampai di Pekan, melihat banyak barang yang tidak ada sama sekali dalam masa pemerintahan Jepun, ada dijual di situ. Antaranya ialah kain batik. Benda itu, rupanya, telah disembunyikan oleh peniaga Cina di Pekan. Dan ketara juga pada masa itu orang Cina dan Melayu di Pekan ada menyimpan banyak wang British.

Dengan modal yang sedikit itu kami telah membeli sembilan bakul ikan kering, beberapa tempayan ikan jeruk, tembakau dan daun pucuk. Tetapi rancangan saya itu telah gagal sama sekali sebab ketika hala mudik, perahu saya, tanpa angin ribut, telah karam di Kampung Pulau Rumput. Banyak barang dagangan saya telah hanyut dan sembilan raga besar ikan kering kami telah menjadi ikan basah. Kami selamat dan dapat dinaikkan semula ke darat semuanya. Tetapi kerana musim hujan, ikan itu semuanya telah jadi busuk dan hancur.

Dengan nekad saya telah membuat keputusan kilat untuk hilir semula dengan perahu ketua kampung Paya Rumput dan saya suruh Pak Itam Haji Awang mudik dengan dua orang tukang galah perahu kami itu untuk membawa saki-baki barang dagangannya yang telah dapat diselamatkan. Perahu yang karam itu telah dapat ditimbulkan semula. Saya percaya Tuhan belum mengizinkan saya menjadi seorang penjual ikan kering, ikan jeruk, tembakau dan daun pucuk.

Dengan menumpang lori askar Gurkha yang telah mendarat di pantai-pantai Semenanjung dari India dan Ceylon (sekarang Sri Lanka), maka saya telah pergi ke Kuantan. Di sana di Jalan Teluk Sisik, sebelum sampai ke simpang Kampung Padang Lalang, saya telah nampak sangat ramai askar Bintang Tiga yang telah diperintahkan oleh pihak berkuasa British supaya keluar menyerahkan alat senjata masing-masing.

Markas besar askar MPAJA (Bintang Tiga) bagi daerah Kuantan dan Pekan ialah di sebuah bangunan besar sebelah kanan hendak ke Teluk Sisik dan ke Kemaman, iaitu lebih kurang pada tempat yang kini menjadi pusat perniagaan, bengkel dan kilang pelbagai perusahaan.

Semangat Nasionalisme dan Darurat



Dari Kuantan saya telah pergi ke Jerantut dan dari situ saya telah hilir ke Temerloh balik semula ke kampung saya. Hanya beberapa hari lepas itu saya telah pergi pula ke Singapura dengan dua tujuan. Pertama, hendak bekerja semula dengan *Utusan Melayu*, dan kedua hendak menemui isteri dan anak saya yang telah balik lebih dahulu ke Singapura. Belum sempat lama saya di Singapura, belum sempat mengatur semula hidup saya di sana, maka sepucuk telegram telah sampai dari Kuala Lumpur, daripada markas besar Parti Kebangsaan Melayu Malaya, menawarkan kepada saya jawatan pengarang bagi suratkhbar mingguan yang bakal diterbitkan oleh PKMM dengan nama *Pelita Malaya*, dan majalah bulanan yang dinamakan *Suluh Malaya*.

Lama saya terpaksa berfikir sama ada akan menerima tawaran itu atau lebih baik menunggu hingga dapat satu pekerjaan lain, dalam mana-mana suratkhbar atau penerbitan di Singapura.

Bagaimanapun, untuk tujuan yang lebih sesuai dengan cita-cita dan faham politik saya, maka saya telah memilih akan menerima tawaran daripada PKMM yang pada masa itu beribu pejabat di Nombor 2, Batu Road (sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman) iaitu rumah hujung di depan bangunan Dewan Bandaraya, sebelah kanan hala ke pejabat besar pos, atau jam besar.

Akan tetapi oleh kerana persiapan untuk memulakan *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya* memakan banyak masa, iaitu oleh sebab-sebab kewangan, mendapatkan satu percetakan yang sanggup mencetak suratkhbar dan majalah PKMM itu, bekalan kertas dan lain-lain, maka saya telah balik semula ke kampung saya, di Temerloh.

Waktu di sana telah timbul lagi satu masalah yang rumit juga, iaitu beberapa orang Melayu telah ditangkap pula oleh pihak British dan dikurung dalam lokap rumah pasung Temerloh. Seorang daripadanya ialah Abdul Ghani bin Abu Samah, abang Datuk Hamzah Abu Samah.

Sekali lagi kami pemuda Melayu yang radikal di Temerloh telah terpaksa memecahkan pintu lokap rumah pasung Temerloh untuk membebaskan mereka itu.

Bagi saya, masa dua tahun setengah sesudah perang dunia kedua itulah yang sangat banyak memberi pengajaran, pengalaman dan ilham untuk menyemaikan perasaan insaf saya, khususnya kaum tani, kaum nelayan dan kaum buruh mengenai untung nasib mereka dalam tanah airnya sendiri, betapa kita semua wajib bersatu-padu, berjuang, bekerja kuat, melalui usaha politik, kegiatan ekonomi, sosial dan pendidikan.

Di atas segala hal, inti atau isi perjuangan bangsa, ialah setiap orang Melayu mestilah mempunyai cita-cita membangunkan semula bangsa dan tanah airnya yang telah kena jajah berabad-abad lamanya, iaitu mulanya oleh pengaruh agama, falsafah dan sikap negatif yang telah dibawa oleh orang dari negeri-negeri Arab, Parsi dan India. Kemudian datang pula pengaruh kaum penjajah dari dunia Barat, iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris dan sesudah itu oleh Jepun selama tiga tahun lapan bulan.

Mengikut pendapat saya bangsa Melayu sudah lama sangat dijajah dan ditakluk rohani dan jasmaninya oleh bangsa-bangsa mendatang, dari segala ceruk rantau dunia. Akibat tekanan rohani dan jasmani yang begitu lama, dan berlapis-lapis pula prosesnya, maka bangsa Melayu sudah jadi seperti 'ayam kelaparan di atas padi, itik kehausan di atas air'.

Dalam buku saya yang bernama *Yang Mewah dan Yang Miskin* (Pustaka Melayu Baru, 1966: m.s. 30), kiasan ini saya tambah lagi: Di atas bangkai kebulur langau. Di belakang kerbau lapar bangau. Dalam reban kempunan musang. Dalam lubuk tak kenyang memerang.

Sesudah Semenanjung Tanah Melayu merdeka atau berkerajaan sendiri, berparlimen, berdeewan senat, punya universiti, beratus-ratus buah persatuan dan kesatuan, berpuluh ribu syarikat perniagaan bumiputera, kemiskinan tetap menjadi satu masalah besar dan sangat rumit.

Dengan dua lidah rasminya *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*, PKMM telah mengembangkan sayapnya di seluruh Malaya, Sarawak dan Brunei. Cabang dan ranting PKMM boleh dikatakan ada dalam setiap pekan kecil dan besar di seluruh Tanah Melayu.

Tahun 1945 hingga pertengahan tahun 1948 telah bekerjalah para pemimpin PKMM menyedarkan bangsa Melayu, lelaki dan perempuan, di seluruh pelosok Tanah Melayu. Aktiviti PKMM dalam tahun-tahun itu, sangat panjang ceritanya kalau hendak

dituliskan semuanya. Tetapi, dalam bulan Jun, 1948 telah diisytiharkan satu keadaan darurat oleh Kerajaan Inggeris.

Akibat kuasa yang diberikan oleh undang-undang darurat, yang pada hakikatnya ialah hendak menjaga kepentingan politik dan ekonomi British, iaitu ladang-ladang, lombong-lombong, perusahaan-perusahaan dan segala macam kegiatan perdagangan British, maka ramailah para anggota dan penyokong PKMM yang aktif telah ditangkap, disumbatkan dalam lokap dan penjara dan ditahan dalam khemah-khemah tahanan selama keadaan darurat itu berlaku.

Menurut buku *The War of The Running Dogs* oleh Noel Barber, yang bahan-bahannya telah didapati dari Pejabat Tanah Jajahan, sejumlah 29,857 orang telah ditangkap dan ditahan dalam masa darurat selama 12 tahun itu. Kebanyakannya ialah orang Cina, iaitu lebih kurang 19,000 orang, dan bakinya ialah orang Melayu, dan sedikit orang India.

Untuk pengetahuan belia dan beliawanis zaman ini, eloklah saya sebutkan nama dan di mana khemah-khemah tahanan itu. Yang besar sekali ialah Tanjung Bruas, Melaka. Yang lain-lain ialah Pulau Jerjak, Kluang, Majidi, Johor Bharu dan akhirnya untuk pemulihan orang tahanan Melayu ialah di Morib, Selangor.

Saya hanya boleh menyebutkan mengenai pengalaman pahit orang Melayu yang telah menjadi mangsa keadaan darurat itu. Bagi para penduduk Kampung Jenderam, Selangor, misalnya, bukan sahaja mereka itu telah ditangkap dan ditahan, tetapi rumah mereka itu, kebanyakannya terpaksa diruntuhkan; padi, ayam itik, perabot, mesin jahit telah disita, diambil dan dijual oleh pihak yang berkuasa pada masa itu. Mangsa-mangsa dari Kampung Jenderam itu, yang berdekatan dengan Bangi, UKM, telah disumbatkan ke dalam khemah tahanan Kluang dan Majidi, Johor, dengan anak-anak dan isteri mereka itu.

Satu lagi kampung dan para penduduknya yang telah kena teruk apabila darurat diisytiharkan ialah Kampung Bukit Raya, jalan Ulu Langat, kampung yang menjadi kampung halaman saya kemudiannya. Sekolah Melayu kampung itu pun telah dibongkar dan dipindahkan ke tempat lain.

Setelah merdeka, masih ada ramai orang Melayu dalam daerah Ulu Langat yang menaruh dendam, sakit hati, benci dan marah kepada bekas tahanan yang, pada keseluruhannya, sudah pulih penghidupannya. Malah taraf hidupnya, berkat rajin dan usaha, adalah lebih baik daripada orang yang tidak jadi mangsa darurat.

Seorang daripada orang Melayu yang berdendam tidak sudah-sudah itu telah menulis berpuluh-puluh pucuk surat kepada saya, menghentam, mencaci, menghina, mengkritik diri saya, isteri dan anak-anak saya. Orang itu memakai nama samaran 'Kaki Berang'. Surat-surat itu ada dalam simpanan saya.

Kena Tahan Lagi



Kali ini izinkanlah saya menceritakan bagaimana saya telah ditangkap, bagi kali yang keduanya, dan bagaimana saya dan rakan-rakan seperjuangan saya telah dibawa daripada satu lokap ke satu lokap, dan kemudian dimasukkan pula ke dalam Penjara Pudu, di Kuala Lumpur. Saya ingat benar kejadian itu. Sampai mati pun saya tak boleh lupa. Dalam bulan puasa, bulan Julai, 1948. Petang itu, lebih kurang pukul 5.00, saya sedang memasak agar-agar di luar sebuah rumah buruk di Kampung Benggali, Taiping, Perak. Saya sedang memikirkan bagaimana hendak mewarnakan agar-agar yang sedang dimasak itu untuk dibuat penyedap berbuka puasa.

Tepi rumah buruk itu ada sebatang pokok inai yang sedang bertaruk muda. Saya ambil sehelai daun mudanya itu dan saya bubuh dalam air agar-agar yang sedang mendidih ketika itu. Dengan cepat warna agar-agar itu menjadi kuning kemerahan-merahan. Saya tersenyum seorang diri. Ujian saya sudah berjaya. Tidak payah pakai pewarna yang dibeli.

Tiba-tiba saya terdengar bunyi menderu-deru; semakin lama semakin dekat bunyinya. Hati saya pun berdebar-debar. Berita bahawa beberapa orang anggota PKMM, termasuk Saudara Ahmad Boestamam, Ketua Angkatan Pemuda Insaf (API), sudah kena tangkap saya sudah dapat tahu.

Kemudian, sebuah kereta perisai GMC datang menjeramah dekat dapur tempat saya sedang memasak agar-agar itu. Macam gajah turun minyak lakunya! Daripada atas kereta kebal itu melompat turun beberapa orang mata-mata khas (SC) yang berpakaian serba hijau, yang bersenapang dan penuh peluru di keliling pinggang mereka itu.

Kemudian turun pula seorang yang berpakaian preman. Saya kenal orang itu. Namanya Yunus Saidi, kerjanya mata-mata gelap Cawangan Khas (*Special Branch*) dan pangkatnya sarjan. Sebagai seorang manusia biasa, Encik Yunus ini mengaku menyokong kuat PKMM yang bertujuan hendak memerdekakan Tanah Melayu

daripada penjajah Inggeris. Beliau seringkali datang ke Pejabat PKMM di Jalan Halek, Ipoh, Perak.

"Saya dapat perintah membawa Encik ke balai," katanya, sambil senyum-senyum mata gelap. "Silalah tukar pakaian," tambahnya.

Encik Yunus Saidi ini telah meninggal dunia, di Kampung Batak Rabit, Teluk Intan, Perak kerana sakit lemah jantung dan darah tinggi. Beberapa tahun kemudian saya telah diberitahu bahawa seorang daripada mata-mata khas dalam kereta perisai yang datang mendadak ke tepi dapur rumah saya di Taiping itu, ialah Ustaz Abu Bakar Hamzah.

Apabila sampai di Rumah Pasung Taiping saya telah diserahkan kepada sarjan yang bertugas di situ; Sarjan Mat namanya, orang Minang, yang betul-betul menyokong PKMM kerana cogan-kata dan tujuan besarnya ialah Malaya-Indonesia Satu.

"Bung duduk dekat *charge room*, malam boleh tidur atas manja, (katil atau ranjang ala-Sikh yang tempat duduknya dibuat daripada tali). Dalam lokap sana sangat kotorlah, bung. Pijat-pijat banyak. Lagipun semua lokap itu sudah penuh. Pagi nanti, kalau bung nak puasa, saya gerakkan untuk makan sahur. Kena makan nasi dan lauk daripada kantinlah, bung," kata Sarjan Mat, penuh hormat dan belas kasihan.

Saya telah ditahan di rumah pasung Taiping hanya dua hari dua malam. Pagi ketiganya saya telah dibawa naik kereta api kelas tiga, menuju ke Kuala Lumpur. Bersama dengan saya dalam gerabak itu ada beberapa orang wanita Tionghua, anggota *Progressive Women's Association*, Taiping.

Mata-mata yang mengawal kami semuanya masih muda-muda belaka. Tidak ada seorang pun yang berpuasa. Malah mereka itu merokok di depan saya, menayang-nayangkan satu tin penuh rokok *Craven A*, dan ketika kereta api berhenti di Padang Rengas, mereka itu telah membeli dua ikat rambutan lekung yang masak ranum. Mereka menawarkan-nawarkan rambutan itu kepada amoi-amoi yang di antaranya ada yang lawa, tetapi semua wanita itu telah menolak tawaran itu dengan hormat, dengan senyum manis.

Kami selamat sampai di Kuala Lumpur lewat petang itu, dan dengan sebuah *Black Maria* kami telah diangkut ke Rumah Pasung Jalan Campbell.

"Heh, awak punya cermin mata mesti bukalah, simpan sini, tak boleh pakailah,," kata Koperlah Sikh yang bertugas petang itu.

"Apa pasal itu macam, datuk?" saya bertanya.

"Takut nanti awak kasi pecah itu cermin, awak bunuh diri-lah," jawabnya.

"Apa fasal saya mau bunuh diri?" tanya saya lagi.

"Itu mana saya tahu; hukum tak boleh pakai cerminlah, mesti bukalah, simpan sini. Itu kasut pun tak boleh pakailah, kasi buka," kata Koperal Sikh itu lagi.

Saya menurut sahaja. Dalam lokap di rumah pasung itu sudah penuh sesak dengan orang-orang PKMM dan API yang baru dibawa dari Pahang. Antara mereka itu ialah Encik Mahmud Baginda, ayah Pak Osman Abadi, Tuk Empat Kampung Mai, Kuala Krau, Temerloh, Pahang dan lain-lain. Lokap yang biasanya, mengikut peraturan, untuk dua orang, telah diisi empat lima orang. Satu lokap dengan saya ialah Pak Baginda Buyung, Ustaz Samdani dan adiknya Hasan Basri, anak Pak Haji Hamid, orang Kampung Sungai Tua.

Masih dalam bulan puasa bila kebanyakan kami disimpan dan dikawal rapi dalam lokap yang banyak pijat-pijat di Jalan Campbell itu. Untuk berbuka puasa kami diberi satu kole kecil teh susu, satu buku kecil roti. Makanannya pula ialah sedikit nasi, seekor kembang rebus, satu piring kecil sayur tauge, yang kuahnya kuning tetapi cair, dan taugenya adalah sepuluh dua puluh urat. Untuk sahur juga makanan dan minumannya serupa.

Saya telah disimpan dalam lokap Jalan Campbell itu selama lebih 50 hari, tanpa sebarang tanya, sebarang soal. Kawan-kawan saya sudah lama dipindahkan ke Penjara Pudu.

Akhirnya, pada satu petang datanglah seorang Sub Inspektor berbangsa Cina yang bertanya kepada saya mengapa saya belum pergi ke Penjara Pudu.

"Saya mana tau, Encik," kata saya. Dan saya telah bersungut: "Menangkap orang pandai, tapi sudah ditangkap dibiarkan sahaja, tidak ambil tau apa-apa lagi."

Dan esoknya, sesudah 50 hari lebih dalam lokap Jalan Campbell itu, maka saya telah dipunggang pula masuk ke dalam Penjara Pudu.

Dalam Penjuru Pudu pada masa itu juga sudah penuh sesak dengan orang-orang yang telah ditangkap di bawah undang-undang darurat tahun 1948. Tetapi tidaklah bersempit-sempit sangat seperti dalam lokap di balai-balai atau rumah-rumah pasung. Makanan dan minuman dalam penjara itu juga adalah lebih baik, dan kami dapat mandi dua kali sehari.

Di Penjara Pudu



Meskipun ada kerjasama yang rapat antara jabatan polis dan penjara, tetapi keduanya adalah berasingan. Uniform para pegawainya berlainan. Skim gajinya pun, saya fikir, tidak sama. Di balai-balai polis makanan untuk orang yang ditahan biasanya dibeli dari kedai-kedai yang berdekatan. Ataupun dari kantin-kantin. Tetapi dalam penjara ada dapurnya sendiri, dan tukang masaknyanya terdiri daripada orang banduan. Apabila kami orang tahanan masa darurat dahulu dipindahkan beramai-ramai ke Penjara Pudu, Seremban dan lain-lain, maka makan minum untuk kami barulah teratur dan baik sedikit. Pagi-pagi kami diberi bubur beras. Pukul lapan kami diberi teh pula, dan lepas itu kami pun disuruh bersiap untuk mandi beramai-ramai di sebuah kolam besar.

Kami semuanya disuruh telanjang. Sama-sama lelaki apalah hendak dimalukan, kata pegawai yang bertugas. Tetapi mula-mulanya, sekali dua, malu juga. Masing-masing memekap kangkang dengan sebelah atau dua belah tapak tangan. Tetapi lepas itu hilanglah malu dan segan; nampaklah yang bermacam-macam bentuk.

Makan tengah hari cukup banyak nasi dan lauknya. Demikian juga makan petang. Minum teh sebelah petang ada roti dan pisang dua biji seorang.

Dalam Penjara Pudu saya duduk bersama Syed Ahmad bin Syed Abdul Kadir. Bilik kami itu di tingkat yang ketiga, blok tengah. Yang payah bagi kami ialah rokok, tetapi kadang-kadang mewah juga.

Orang Melayu yang mula-mula kena hukum gantung di Penjara Pudu ialah Wahab, orang Kampung Budu atau Tanjung Besar. Dia telah didapati salah kerana menyimpan selaras senapang dalam lubang sebatang pokok leban dekat rumahnya. Lepas itu ramai lagi yang telah kena hukum gantung sampai mati. Seorang darinya ialah saudara saya, Ghazali namanya, anak Pak Andak Seman dan Mak Andak Cik, Temerloh.

Kalau boleh ditengok rekodnya, maka saya agak tidak kurang daripada dua puluh orang anak-anak muda Melayu telah kena hukum gantung sampai mati. Yang mati kena tembak dalam pertarungan dengan askar dan polis British lagi ramai. Ketika bulan puasa itu, lebih-lebih lagi menjelang Hari Raya, saya teringat juga kepada mereka itu: Manaf Jepun, Cikgu Taha, Idris Haji A. Rahman, sepupu saya, Yusuf, adik Roomai Nor. Moga-moga Tuhan memberikan pertimbangan yang penuh belas kasihan kepada roh mereka itu, biarpun alim-ulama telah memberikan fatwa bahawa kononnya mereka itu telah mati sesat, dan akan masuk neraka.

Pada tiap-tiap pagi Rabu saya dipanggil untuk berjumpa dengan Pesuruhjaya Penjara. Kalau tidak silap namanya Mr Strickland. Uniformnya lawa, ada paku-paku, lebih kurang sama dengan uniform pegawai tinggi polis juga.

"Apa-apa hendak cakap, hendak mengadu apa-apa hal?" Itulah yang dikatakannya pada tiap-tiap kali saya dipanggil berjumpa dengannya.

"Saya mahu lepaslah, tuan. Saya bukan ada buat apa-apa kesalahan," jawab saya pula pada tiap-tiap kali berjumpa dengannya.

"Itu saya tidak boleh buat apa-apa, saya tidak ada kuasa; itu polis punya fasal," jawabnya.

Akhirnya saya katakan kepadanya: "Kalau saya tidak boleh lepas, saya mahu minta pergi *library* hari-hari. Saya mahu baca buku-bukulah, tuan." Kebenaran itu saya dapati. Tetapi kebanyakan buku yang ada dalam perpustakaan Penjara Pudu itu tidak cukup muka suratnya kerana sudah dikoyakkan orang untuk membuat penggulung tembakau.

Bagaimanapun saya telah dapat membaca dua buah buku yang berguna untuk pekerjaan dan perjuangan saya. Satu namanya *The Black Age*, menceritakan perjuangan kaum miskin di England dengan kaum bangsawan. Dan sebuah lagi ialah berkenaan dengan ilmu kewartawanan.

Beberapa hari kemudian saya disuruh pula kemaskan tempat tidur dan kain baju saya. Hal itu segera diketahui oleh semua kawan yang ada dalam penjara itu. Mereka sangat bimbang kalau-kalau saya dipindahkan ke tempat lain, atau akan dikenakan apa-apa hukuman berat. Esok paginya barulah mereka tahu bahawa saya dimasukkan di dalam bilik gelap, di tingkat bawah. Saya diasingkan daripada orang tahanan lain, tidak boleh makan minum bersama, tidak boleh mandi bersama.

Pada atas pintu saya ada tertulis dengan huruf besar, warna merah S.W., maksudnya *Special Ward*. Waktu kawan saya turun minum teh sebelum mandi, ada yang berani datang dekat pintu itu dan bertanya: "S.W. itu apa maknanya, bung?"

"Sihat walafiat," jawab saya kuat-kuat dari dalam bilik gelap itu, dari gua pertapaan.

Yang saya katakan bilik gelap itu ialah bilik biasa juga dalam penjara itu. Tetapi saya kena berak, kencing dan makan dalam bilik itu. Pagi-pagi saya kena angkat tahi sendiri keluar. Sebelah pagi saya boleh keluar atau dikeluarkan selama 20 minit untuk pergi mandi, kemudian 10 minit untuk berjalan-jalan untuk menghilangkan lenguh otot-otot. Petang saya dikeluarkan sekali untuk 'bersiram' seorang diri di kolam yang terletak di tepi bilik gantung.

Saya katakan 'bersiram' sebab yang mengiring saya pergi mandi pagi dan petang itu ialah 14 orang warder yang bersenjata, pakai senapang, seorang pegawai kulit putih yang berpistol, dan seorang pegawai, orang Pathan yang memakai pedang panjang. Saya merasakan diri saya ketika itu seperti Sultan Melaka turun pergi bersiram di taman larangan baginda, diiringkan oleh pahlawan dan hulubalangnyanya. Tetapi yang tidak ada pada saya ialah Tun Teja.

Lamanya saya dikurung seorang diri itu ialah 100 hari genap. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menakutkan saya, untuk merosakkan fikiran saya. Itulah yang dikatakan *mental torture*. Tetapi, mudah-mudahan, dengan pertolongan Tuhan Yang Maha Kuasa, tidak jadi apa-apa kepada saya. Malahan saya telah mendapat beberapa rahmat dan hikmat dari pertapaan '100 hari dalam Gua Pudu Rama' itu.

Seratus Hari sebagai Banduan



Sederet dengan bilik istimewa saya di tingkat bawah, *Centre Block*, Penjara Pudu itu ada dua orang lagi yang bertaraf S.W. atau *Special Ward*, iaitu Raja Abdullah, dari Kapar, Selangor dan Encik Abdul Karim, dari Batu Gajah, Perak. Raja Abdullah, Penghulu Mukim Kapar, telah ditangkap oleh British dalam masa pemerintahan BMA kerana membantu Jepun. Beliau telah dikenakan hukuman 17 tahun penjara. Encik Abdul Karim dari Batu Gajah pula telah dihukum penjara jangka panjang juga kerana dalam masa pemerintahan Jepun dia telah menjadi tukang gantung dalam Penjara Pudu.

Mereka berdua inilah yang menjadi jiran saya, untuk bercakap-cakap, bercerita di waktu malam, apabila pegawai-pegawai bergaji besar sudah tidak ada bertugas lagi.

Pada awal tahun 1950 Raja Abdullah telah diampunkan oleh YMM Sultan Selangor. Beliau kemudian masuk UMNO, dan kemudian lagi telah menjadi calon pilihan raya dan telah menang. Raja Abdullah inilah yang pada satu masa dahulu telah menjadi speaker Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Saya tidak ingat dalam tahun berapa beliau telah meninggal dunia.

Saya tidak dapat berita yang sah sama ada Encik Karim, yang juga telah diampun dan dibebaskan, masih hidup atau sudah mati. Saya menganggap kedua-dua orang ini sama baik hatinya, sama penyabar dan kuat imannya. Kedua mereka inilah yang telah menceritakan beberapa rahsia dalam penjara yang terbesar dalam Tanah Melayu itu.

Para banduan yang beragama Kristian, kata mereka, dibenarkan memakai kasut atau selipar dalam penjara. Tetapi orang beragama Islam tidak dibolehkan. Tidak pernah perkara diskriminasi ini dihiraukan oleh para pemimpin Islam, oleh JAIS atau Jabatan Agama Islam Selangor atau badan-badan lain pada masa itu.

Rahsia yang kedua ialah walaupun setiap bilik dalam penjara besar itu digeledah setiap hari untuk mencari kalau ada tembakau

dan pemetik api yang disembunyikan, tetapi apabila malam tetaplah ada juga orang tahanan yang dapat merokok.

Saya sendiri, dalam tahun 1948 itu, ada melihat dua orang tawanan perang Jepun yang masih belum dikembalikan ke negerinya menurut perjanjian tamat perang. Mereka berdua ini dibekalkan oleh Palang Merah Dunia dengan tuala, kecil dan besar, berus dan ubat gigi, susu dan cokelat. Tetapi orang tahanan darurat tidak mendapat layanan demikian itu.

Keadaan dalam Penjara Pudu dalam masa pemerintahan Jepun, menurut cerita Raja Abdullah dan Abdul Karim, lagi dahsyat, lebih teruk.

Sangat ramai orang daripada semua kaum dalam Tanah Melayu yang telah ditangkap dan diseksa oleh Tentera Jepun. Dalam tiap-tiap sel kecil, yang biasanya untuk satu dua orang saja, telah diisi sampai lima enam orang. Tiap-tiap hari ada yang mati kerana sakit atau kerana tidak cukup makan.

Telah diceritakan juga kepada saya bahawa oleh kerana makanan yang disediakan bagi orang-orang yang ditahan dalam penjara itu tidak mencukupi, yakni sangat sedikit, dan seringkali hanya ubi kayu atau keledak sahaja, maka ramailah yang telah mati kebulur.

Dalam masa itu juga, masa Jepun memerintah Tanah Melayu, menurut cerita selanjutnya, ada beberapa orang pegawai Melayu yang telah kena tangkap dan ditahan dalam Penjara Pudu. Kesalahan yang telah dilakukan oleh mereka itu ialah menjual beras kerajaan dalam jagaan mereka. Seorang daripadanya, menurut cerita itu lagi, telah membunuh diri dengan mengerat saluran darah, pada pergelangan tangannya, dengan mata pisau cukur.

Pada satu malam saya telah diserang oleh sakit gigi. Maklum sahajalah sudah berbulan-bulan tidak bersuci gigi, kecuali meng-gonyoh-gonyohnya dengan jari telunjuk.

Sakit gigi barang siapa yang pernah mengalaminya tahulah bagaimana sakitnya. Seluruh tubuh badan terasa sakit, daripada hujung kaki sampai ke hujung rambut. Dan dalam penjara mana nak dapat *Aspro*, *Dusil*, *Panadol* dan sebagainya.

Dalam mengadoi-adoi seorang diri itu saya terdengar seekor tikus sedang mengucau-ucai sampah dalam lubang angin di penjuru bilik saya itu. Sudah banyak kali saya mengintai kelakuan tikus itu. Apabila senjakala keluarlah ia daripada lubang itu, dan setelah jauh malam baliklah ia. Kadang-kadang ia makan remah-remah dalam bilik saya itu: nasi, tulang ikan, dalam mangkuk makanan saya.

Kebetulan malam itu saya ada mempunyai dua batang anak mancis dan secebis kertas belerang untuk memanciskannya. Dalam samar-samar api lampu di luar bilik itu saya nampak banyak kertas yang telah dikiraikan oleh tikus itu keluar dari lubangnyanya.

Dengan berhati-hati saya panciskanlah anak mancis itu dan saya bakar kertas-kertas itu. Maka berasaplah lubang itu. Asap pekat yang naik perlahan-lahan ke atas lubang saluran angin itu. Tidak lama kemudian saya terdengar bunyi tikus itu menggelicai hendak keluar kerana mabuk kena asap itu. Dalam gopoh-gapahnya lari keluar itu, maka semakin banyak sampah dan kertas yang keluar dari lubang itu.

Setelah tikus itu lari keluar, berdecit-decit ketakutan dan kesakitan, maka saya rabalah dalam timbunan sampah sarap itu. Saya teraba satu benda bulat, keras rasanya. Apabila saya teliti apa bendanya yang keras itu, maka saya dapati ialah satu tin kecil minyak rimau. Saya buka, masih penuh isinya. Belum luak sedikit jua pun. Alhamdulillah! Segeralah saya sapukan minyak rimau itu pada gigi saya yang sedang berdenyut-denyut itu. Tidak lama kemudian hilanglah sakit gigi saya itu, dan saya pun tidurlah, menunggu satu hari lagi akan berlalu.

Esok paginya, apabila cahaya terang masuk ke dalam bilik saya, maka saya cari-cari lagi kalau ada apa-apa benda berguna dalam sampah-sarap itu. Ya, saya jumpa pula satu pengorek telinga alminium. Masih baru belum pernah dipakai.

Saya juga telah terjumpa satu bungkus tembakau Cina dan kertas pembalutnya. Tetapi, sayang, tembakau itu telah kena kencing tikus. Hancing baunya, tidak boleh digulung buat rokok lagi.

Oleh kerana sarangnya atau tempat tidurnya sudah binasa, maka tikus itu, apabila jauh malam, apalagi kalau malam itu ada hujan lebat, datang menumpang tidur di celah-celah kain selimut saya.

Datang rasa kesal kerana saya telah memusnahkan tempat tidurnya. Oleh kerana saya juga kesepian maka saya cuba memanjakan tikus itu; saya biarkan dia mencari tempat panas, iaitu celah paha atau bawah ketiak saya. Saya gosok-gosok badannya, saya sapu-sapu kepalanya. Sekali dua dia terperanjat. Tetapi lamalama jinak dan manjalah tikus jantan besar yang saya namakan 'Timat' (Tikus Rahmat), dan setelah sepuluh hari berlalu Si Timat mengerti apabila saya memanggil namanya: dia akan datang dekat saya dan saya boleh pegang.

Makanan untuk saya selama dalam bilik sw itu, mudah-mudahan, *Special Wards* tidak kurang. Tukang masak, dalam per-

jalanan mereka hala ke dapur, lalu di depan bilik saya. Lazimnya seorang daripada mereka itu, entah siapa akan mencampakkan dua keping roti ke dalam bilik saya.

Apabila mereka hala balik dari dapur, saya akan menerima pula sekeping ikan atau daging goreng yang masih panas.

Adakalanya, dengan ikhtiar Raja Abdullah dan Encik Karim, kami dapat pula beberapa keping capati dan gulai yang likat dengan minyak sapi dari dapur Penjara Pudu itu.

Akhirnya hampir genaplah 100 hari saya dikurung dalam 'Pudurama', dan tidak lama kemudian dapatlah berita bahawa kami akan dipindahkan ke khemah tahanan, di Tanjung Bruas, Melaka.

Dipindahkan ke Khemah Tahanan Melaka



Pada hari kawan-kawan saya dipindahkan dari Penjara Pudu ke Tanjung Bruas itu hati saya sangat sayu, air mata berlinang-linang, sebab saya tidak diberitahu awal-awal bahawa saya tidak akan dipindahkan atau saya juga akan ikut ke Tanjung Bruas. Saya dapat melihat kawan-kawan saya itu keluar beriring-iringan menuju ke pintu besar penjara, dengan gelak ketawa, senyum simpul dan gurau jenaka. Saya berfikir: Apakah ini satu lagi ujian semangat bagi saya? Adakah ini satu lagi taktik pihak berkuasa British untuk menyakitkan hati saya atau merosakkan otak saya?

Tidak lama kemudian, kawan-kawan saya dikeluarkan daripada penjara itu, maka terjengullah muka Mr. Strictland dengan senyum-senyum kambing dan pura-pura bertanya: "Encik Ishak tidak pergi Melakakah?"

Saya menjawab mengatakan bahawa tidak ada siapa yang telah memberitahu saya adakah saya hendak dipindahkan atau tidak.

"Nanti saya tanya pihak atas, saya pergi telefon sekejap," katanya. Tetapi 'sekejap' itu terasa sangat lama kepada saya. Saya ingin hendak bersama dengan kawan-kawan saya, meskipun sudah seratus hari saya tidak bersama dengan mereka, tetapi apabila mereka turun mandi atau makan, saya boleh mendengar suara dan gelak ketawa mereka. Kami masih serumah, masih berdekatan. Akhirnya Pegawai Besar Penjara-penjara Persekutuan Tanah Melayu itu menyatakan kepada saya bahawa saya juga hendak dipindahkan ke Khemah Tahanan Melaka. Pendeknya, dari sejumlah seratus orang lebih orang tahanan dari Pahang, Selangor, Terengganu dan Kelantan, maka sayalah akhir sekali yang meninggalkan penjara besar itu.

Di luar penjara itu, di kiri kanan Jalan Shaw, saya nampak ramai askar Gurkha yang bersenjata lengkap, dengan benet berkilat di hujung senapang masing-masing itu sedang berkawal rapi.

Kami digari berangkai dua-dua orang. Dan saya telah dirangkaikan satu gari dengan seorang pemuda Cina.

Kemudian kami telah disuruh berlari, dengan memikul atau menjunjung barang-barang kami menuju *Shunting* kereta api arah lekuk dekat bangunan klinik Jalan Shaw.

Sesudah melalui ujian atau seksa yang telah sengaja dilakukan itu, maka pada petang itu sampailah kami ke stesen kereta api Tampin. Dari situ kami telah diangkut pula dengan trak tentera ke Tanjung Bruas, yang terletak lebih kurang tujuh batu dari bandar Melaka.

Kami dapati tempat itu baru siap, terletak tepi pantai Selat Melaka. Tunggul-tunggul pokok kelapa masih merah lagi kesan baru ditebang.

Kami dimasukkan ke dalam Blok G. Dalam satu blok ada empat buah bangsal kayu yang beratap nipah dan sebuah bangsal dapur. Dalam tiap-tiap bangsal boleh diisi dengan 120 orang.

Pemuda Cina yang satu gari dengan saya dalam keretapi itu telah dimasukkan ke Blok B. Masih teringat saya bagaimana semasa dalam kereta api kami berdua terpaksa bekerjasama. Bila saya hendak terkencing maka dia terpaksa masuk tandas bersama saya. Begitulah pula apabila dia hendak *pangcai*, saya kenal ikut dia, tolong bawakan kertas penyapu beraknya.

Penghuni Blok G berjumlah lebih 400 orang. Nombor saya dalam blok itu ialah 112. Antara yang sama satu blok dengan saya ialah Encik Rosedin Yaakub (bekas ADUN Kawasan Kelumpang, Selangor). Encik Nazar Nong, Encik Ali Ibrahim, Yaakub Baginda, Tuan Syeikh Kadir, Cikgu Jaafar Haji Mohd. Nor dan adiknya Ustaz Yunus dan lain-lain lagi, kebanyakannya sudah pulang ke rahmatullah.

Yang jadi *Superintendent Detention Camp* Tanjung Bruas itu ialah Tuan Warman, dibantu oleh Encik Ismail (Tempang) orang Melaka, bekas Inspektor polis. Yang jadi pegawai perubatan ialah Encik Ibrahim yang saya sudah kenal lama, iaitu dari waktu saya bekerja di Rembau dalam awal tahun 1930 dahulu lagi.

Dalam bangsal dapur tiap-tiap blok - dari A hingga K - disediakan lapan buah kawah besar. Pada tiap-tiap hari barang-barang makanan untuk kami orang tahanan akan tiba dengan beberapa buah lori besar. Kami dapat atau diberi ikan hidup tiga kali seminggu, daging dua kali seminggu dan bagi dua hari lagi ialah ikan kering. Selain itu kami juga diberi kacang hijau dan keledak dan sayur-sayuran secukupnya, meskipun kualitinya kadang-kadang tidak begitu baik.

Seminggu sekali datang pula bekalan kayu api beberapa lori. Oleh kerana lori itu tidak dibenarkan masuk hingga ke dapur, maka kami kenalah mengangkutnya dari luar pagar kawat berduri. Tetapi oleh kerana kami ramai, maka tiap orang hanya kena mengangkut dua tiga puntung sahaja. Bagaimanapun ada juga orang tahanan yang degil tidak mahu mengangkat kayu itu kerana kononnya mereka itu orang politik. Yang degil sekali ialah Bung Karim Bakar, ketua API Melaka.

Untuk memudahkan kerja-kerja urusan makan minum, kesihatan, pendidikan, hal-hal agama, kebersihan dan tatatertib selama hidup dalam tahanan itu, maka kami telah mengadakan sistem demokrasi, iaitu melantik ketua dengan mengadakan pilihan raya dan secara kecil-kecil menubuhkan parti politik yang diberi berbagai-bagai nama.

Ketua yang kami lantik sesudah selesai pilihan raya itu kami gelar 'Menteri'; ada Menteri Makanan, Menteri Kesihatan, Menteri Kebudayaan dan Sukan dan ada juga Menteri Agama. Dan dari menteri-menteri serta wakil-wakil bangsal dalam satu-satu blok itu dibentuklah sebuah 'Kabinet'.

Ustad Yunus Yatimi pernah menjadi 'Menteri Agama' bagi negara saya, iaitu Blok G, Khemah Tahanan Tanjung Bruas, Melaka.

Tetapi kabinet yang kami tubuhkan itu selalu sahaja jatuh atau berhenti ataupun dibubarkan oleh kerana berbagai-bagai sebab, iaitu tidak cekap mentadbirkan 'negara', atau terdapat berlakunya 'perbuatan rasuah'. Kemudian pilihan raya yang baru pula diadakan. Itu semuanya menjadi latihan dan pendidikan politik yang sangat baik kepada kami sekalian.

Kebanyakan kami, dalam setiap blok, ada dengan aktiviti, dan tiap-tiap orang tahanan pula masing-masing ada dengan hobinya. Rosedin Yaakub dan Ali Ibrahim, kedua-duanya dari Selangor, suka bertanam bunga dan memelihara anak kucing. Hobi saya ialah bertanam sayur-sayur: terung, kacang bendi, papaya dan lain-lain.

Permainan yang diadakan untuk kami ialah bola tampar, badminton, catur, domino dan dam. Kami juga telah meminta supaya surau didirikan dalam tiap-tiap blok yang didiami oleh orang Melayu dan juga sebuah radio untuk satu blok. Itu semuanya telah diperkenankan oleh kerajaan.

Setelah lebih kurang satu tahun kami di Tanjung Bruas, maka dengan suara ramai kami telah meminta supaya tanah kosong yang bersempadan dengan kawasan khemah tahanan itu dibukakan kepada kami untuk dijadikan kebun sayur. Itu pun telah dipersetujukan.

Kemudian pula, oleh kerana kekurangan air, dan hawa di pantai Selat Melaka itu selalu sahaja hangat, maka kami telah meminta pula supaya dibenarkan mandi air laut, secara bergilir-gilir. Permintaan ini pun telah diperkenankan juga walaupun dengan menambah mata-mata khas untuk mengawal dengan motobot di tengah laut kerana bimbang kalau-kalau ada di antara yang berani berenang menyeberang Selat Melaka, lari ke Sumatera.

Aktiviti lain yang menyeronokkan kami, ialah mengadakan pertunjukan drama atau sandiwara dan juga perlawanan bola tampar antara blok-blok. Pasukan Blok G, iaitu blok saya, pernah menjadi johan beberapa kali. Kapten kami ialah Cikgu Jaafar. Saya selalu dimarahi olehnya kerana tidak pandai *smash*. Tetapi saya mempunyai kepandaian *serve* yang istimewa, iaitu bola yang saya *serve* itu ada *screw*, yakni payah hendak dipukul balik oleh pihak lawan.

Kami juga mengadakan temasya sukan. Bulan dan hari yang kami pilih untuk temasya besar itu ialah 17 Ogos, hari kemerdekaan Republik Indonesia. Maka telah diadakanlah bermacam-macam pertandingan; lari jauh, lompat tinggi, angkat berat dan lain-lain. Yang paling kuat berlari dan melompat tinggi ialah Lebai Kamat dari Kampung Lancang, Temerloh, Pahang. Dia itu memang gagah orangnya, boleh angkat dua tin minyak tanah yang penuh berisi air dengan jari telunjuknya, kiri kanan.

Tetapi blok yang banyak sekali mempunyai alat permainan dan bunyi-bunyian ialah Blok K. Mereka mempunyai pasukan wayang kulit, satu pancaragam yang lengkap. Kebanyakan penghuni Blok K itu ialah orang-orang dari Kedah, dan di antaranya ialah Encik Zain Ariff, Rashid Mydin, Syed Aziz, dan juga orang-orang dari Negeri Perak yang nakal-nakal.

Selama saya di Tanjung Bruas itu tidak pernah masuk mana-mana parti politik dan tidak pernah masuk bertanding dalam pilihan raya. Saya hanya lebih senang, malah lebih sesuai punya peranan sebagai penasihat yang tidak rasmi sahaja. Dan kebetulan apabila berlaku satu-satu masalah yang agak rumit, maka saya telah dipanggil oleh para pegawai tahanan. Begitu juga apabila ada hal-hal yang memerlukan pandangan dan nasihat dari saya.

Masa yang paling payah dan teruk bagi saya ialah dalam bulan puasa kerana dalam bulan itu pemakaian air bertambah sekali ganda banyaknya, sedangkan bekalan air sangatlah terhad. Saya terpaksa mengawal catuan air, sebab orang lain tidak disegani oleh orang-orang politik yang semuanya keras kepala itu.

Pada suatu malam kami dalam blok lain telah menerima surat terbang daripada Blok K yang mencadangkan supaya kami semua mengadakan mogok lapar sebagai membantah hukuman mengangkat najis dan membuang najis kami itu ke dalam laut. Sepatutnya, kata surat terbang itu, kita sebagai orang-orang politik, tidak patut disuruh berbuat begitu, yakni kerajaan hendaklah mengadakan kuli untuk kerja itu, dan yang khususnya, sebab bantahan itu, ialah kami beragama Islam.

Mogok Lapar di Khemah Tahanan Bruas



Adapun surat terbang yang kami terima dari Blok K di Khemah Tahanan Tanjung Bruas Melaka itu ialah surat kecil yang diikatkan pada batu dan kemudian dibalingkan dari satu ke satu blok lain yang menyeru kami semua supaya mogok lapar. Arahan daripada Blok K itu, yang ajaibnya, telah mendapat sambutan baik dari blok-blok lain yang didiami oleh orang-orang Melayu, Cina dan India. Kami telah mogok serentak. Tetapi yang sebenarnya kami mogok tidak makan itu hanya pada siang hari sahaja. Lebih kurang macam puasa jugalah. Tetapi merokok dan minum air sejuk boleh. Dan apabila malam kami pun memasaklah apa-apa benda makanan yang ada - beras, kacang hijau, keledak, pulut dan lain-lain.

Tetapi kesan mogok lapar serentak itu sangat hebat. Pada hari yang ketiganya kerajaan telah mendatangkan ramai polis dan askar untuk mengugut dan memaksa kami berhenti mogok. Kami tidak mempedulikan tunjuk kekuatan kerajaan itu.

Pada hari yang kelima pula kerajaan telah menghantar doktor untuk memeriksa kesihatan kami. Pada hari itu kami semua buat pura-pura letih lesu, seolah-olah sudah hampir atau separuh mati. Kerajaan Inggeris, kami tahu, sangat takut kalau berlaku kematian tidak makan di antara kami orang-orang yang ditahan kerana politik. British takut hal itu diketahui oleh kerajaan lain dalam dunia. Hal itu kami tahu. Kalau tidak tahu apalah gunanya jadi orang politik, berjuang menentang penjajah. Tetapi pada hari yang ketujuhnyalah mogok lapar yang bersejarah itu telah selesai dalam senyap-senyap sahaja.

Pada hari yang keenam saya telah dipanggil oleh Tuan Warman, Ketua Pengawas, dan pembantu-pembantunya untuk menolong mereka bagaimana hendak menyelesaikan mogok itu.

Saya katakan kepada Tuan Warman bahawa perkara itu mudah sangat menyelesaikannya. Dalam setiap blok, kata saya, mesti ada tiga empat orang tahanan yang sangat miskin, yang

putus hubungan dengan keluarga, yang perlukan wang untuk beli kopi atau teh, gula, rokok, ubat gigi dan lain-lain. Dalam blok saya - Blok G - ada dua orang yang sanggup angkat najis, mulai pukul tiga pagi, iaitu ketika semua orang-orang tahanan lain sedang tidur nyenyak.

Tetapi gaji mereka itu, kata saya lagi, jangan ikut peraturan yang ada, iaitu bagi orang tahanan hanya 75 sen sehari. Sekurang-kurang mereka itu hendaklah dibayar sekali ganda banyaknya, iaitu \$1.50 sehari atau \$45.00 sebulan.

Cadangan saya yang mudah itu telah diterima, dan kesannya sangat baik, sangat serasi, macam kunyit dengan kapur.

Pada pagi hari yang ketujuhnya, bila orang tahanan dalam semua blok bangun dari tidurnya, maka mereka dapati tandas sudah bersih.

Hanya beberapa hari kemudian barulah mereka tahu bahawa tujuan mogok lapar itu telah tercapai. Mereka semua puas hati oleh kerana tindakan serentak itu telah berjaya sepenuhnya. Mereka tidak perlu tahu siapakah yang sebenarnya mengangkat najis dan membersihkan tandas dalam kawasan tahanan itu.

Apabila suasana tenang dan teratur semula, maka telah timbul masalah lain pula. Satu daripadanya ialah ada ramai pula orang yang berasal daripada Sumatera dan Pulau Jawa yang ingin dihantar balik ke negeri asalnya. Mereka itu memohon dibuang negeri atau *deportation*. Rundingan dan langkah untuk memenuhi hajat orang-orang itu telah dijalankan. Hasilnya, beberapa orang tahanan, dengan kehendak mereka sendiri, telah dihantar balik.

Dalam tahun 1962, dalam lawatan saya pertama kali ke Jakarta, saya telah bertemu dengan beberapa orang bekas tahanan darurat 1948 itu di sana, seorang daripadanya ialah Mat atau Mohamed, keturunan Jawa yang dahulunya tinggal di Batu Enam, Jalan Kuantan - Maran, tidak jauh dari Gambang. Dan seorang lagi ialah Encik Baharuddin Latiff dari Kampung Kati, dekat Kuala Kangsar, Perak. Kedua-dua orang ini tidak mahu pulang ke Tanah Melayu. Akan tetapi ramai orang yang dahulunya telah 'dibuang negeri' ke Sumatera telah balik semula ke Tanah Melayu.

Kebanyakan orang tahanan darurat 1948 itu bukan sahaja keras kepala, tetapi otak mereka itu juga bergeliga.

Setelah soal angkat najis selesai soal nak balik negeri beres, timbul pula soal bagaimana, sekali-sekala, mereka boleh dibawa keluar, makan angin dalam bandar Melaka.

Caranya ialah meminta supaya mata mereka diperiksa, dan bagaimana kalau betul ada yang menghidap sakit mata: rabun

berselaput dan sebagainya, boleh berubat di hospital dan kemudian boleh dapat cermin mata dengan percuma.

Maka ramailah yang mendakwa ada menghidap sakit mata, dan dapatlah mereka itu keluar ke bandar Melaka untuk diperiksa dan dirawat. Dan secara kebetulan, ada beberapa orang yang telah diberi cemin mata dengan percuma oleh kerajaan, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Selain dari cara agak 'mengelat' sikit itu, maka kerajaan masa itu sangat memerlukan pekerja untuk membuat itu dan ini di luar Tanjung Bruas. Maka ramailah yang telah dapat kerja kuli, buat kerja menebang dan menebas, mencangkul tanah, membuat rumah dan lain-lain kerja buruh dengan upah 75 sen sehari, makan tanggung dan tempat tinggal tidak bersewa. Antara mereka itu ialah Rashid Mydin yang dengan kepintarannya telah dapat lari melepaskan diri dari tahanan.

Masuk tahun kedua kami di Tanjung Bruas, maka mulalah kami mendapat perhatian dan simpati dari masyarakat di luar. Pemimpin-pemimpin Melayu yang sangat gigih berusaha untuk memberi pelbagai bantuan kepada kami di Melaka ialah Kapten Mohd Ali, Encik Mohd. Abdul Rahman, Tuan Haji Sulung, Encik Mat Daud, Cikgu Yusuf Harun dan lain-lain. Benda-benda yang telah diberikan kepada kami ialah berus dan ubat gigi, kain tuala, sabun mandi dan sebagainya.

Kemudian MCA yang pada masa itu diketuai oleh Tan Cheng Lock telah menghantar satu lori penuh barang-barang seperti saya sudah nyatakan di atas ini kepada semua orang yang ditahan di Tanjung Bruas itu.

Saya sendiri, pada suatu masa di sana telah menerima dua kodi kain pelekat cap kerusi dan lima puluh helai baju singlet dari sahabat handai saya di Singapura. Kain dan baju itu telah saya berikan kepada orang tahanan yang miskin dan sudah agak tua untuk dibuat kain sembahyang dan baju tidur.

Apabila keadaan bertambah senang, tenang dan aman, ditambah pula dengan berbagai-bagai kemudahan yang diberikan oleh pemerintah Inggeris, hubungan dan bantuan dari keluarga masing-masing mudah didapati, maka telah timbullah pula macam-macam yang jelik.

Ada beberapa orang tahanan yang asyik berjambu sahaja siang malam, berkurung di belakang tabir berdua-duaan. Ada yang membuat komplot liar untuk memecah-belahkan perpaduan yang baik. Ada yang gila menulis surat minta lepas kepada pihak atas dan memecahkan rahsia yang entah ya entah bukan.

Bagaimanapun, rakan-rakan saya yang kukuh cita-citanya terus memberikan khidmat sukarela yang kami anggap baik. Kami telah menerbitkan dua majalah tulis tangan, dengan pensel warna-warni. Satu bulanan dan satu lagi mingguan; kedua-duanya dalam tulisan Jawi. Sayangnya naskhah-naskhah itu tidak ada siapa yang menyimpannya.

Kami juga terus mengadakan kelas agama, kursus politik, biarpun minat kebanyakan orang radikal itu sudah mula merosot.

Pengalaman saya membuktikan bahawa watak manusia yang sebenarnya boleh nampak apabila mereka dalam kesusahan. Sebaliknya, dalam masa kesenangan watak-watak itu, kebanyakannya menjadi palsu.

Setelah hampir dua tahun kami di Tanjung Bruas, maka telah kedengaranlah berita bahawa kami akan dipindahkan pula ke khemah tahanan di Ipoh, yang khabarnya lebih besar, lebih baik keadaan dan kemudahan yang disediakan, yang baru sahaja siap dibuat.

Dipindahkan ke Khemah Tahanan Ipoh



Apabila kami dipindahkan dari Tanjung Bruas, Melaka, ke Ipoh, maka mulalah ketara bahawa dasar dan sikap Kerajaan British terhadap masalah politik dan orang tahanan politik sudah banyak berubah. Perubahan itu mungkin telah bermula sesudah Sir Henry Gurney mati ditembak oleh gerila komunis dekat Kuala Kubu, dan sebelumnya Sir Edward Gent pula telah mati akibat kemalangan kapalterbang di London. Dalam masa tiga tahun keadaan darurat berlaku kerajaan Inggeris telah membawa ramai pegawai tentera dari Palestin. Mereka itu tidak mengerti banyak darihal Tanah Melayu, sejarah dan keadaan masyarakatnya, dan kerana itu seringkali bertindak keras dan kasar dalam menjalankan tugas-tugasnya. Mungkin pegawai tempatan juga telah diberi kursus dan arahan baru yang lebih baik supaya berlaku lebih bijaksana dalam menjalankan tugas masing-masing.

Tanda-tanda yang kami dapati tentang perubahan sikap dan dasar itu ialah kami semua tidak lagi digari apabila dalam kereta api menuju ke Ipoh, satu perjalanan yang jauh, melalui hutan rimba dan bukit bukau.

Apabila sampai di Gemas, di sini kereta api berhenti setengah jam lebih, pancaragam kami telah dibenarkan bermain di atas platform lebar di situ dan ramailah para penumpang yang dalam perjalanan ke selatan, ke utara dan ke pantai timur serta orang ramai yang telah menonton dan mendengar lagu yang kami mainkan. Kebanyakannya ialah lagu semangat.

Apabila tiba di stesen Kuala Lumpur, maka satu lagi bukti perubahan sikap dan dasar Inggeris terhadap kami telah ketara pula. Nasi yang diberikan kepada kami pada tengah hari itu ialah dari beras Siam nombor satu dan lauknya ialah ikan kurau.

Kemudahan bagi kami di khemah Ashby Road, Ipoh, Perak, jauh lebih baik daripada yang kami dapati di Melaka. Bekalan air tidak ada hadnya. Kantin berisi penuh dengan macam-macam

barang. Kakitangan pejabat untuk mentadbirkan hal kami ada lebih ramai. Tukang angkat najis disediakan. Hospital yang diadakan untuk kami lebih besar, termasuk doktor untuk menjaga kesihatan kami.

Termasuk dalam kemudahan-kemudahan itu ialah juga keberanian, malah galakan, kepada orang luar datang melawat kami dan juga mengadakan guru-guru agama. Tun Abdul Razak pernah melawat khemah di Ashby Road itu mengiringi DYMM Sultan Pahang.

Dalam masa Hari Raya yang pertama kami di Ipoh, maka kami telah mendapat lebih banyak kiriman kuih dari kawan-kawan, para penyokong yang bersimpati dengan tujuan perjuangan kami.

Dalam musim durian, saya ingat benar, saya telah menerima empat gantang tempoyak dan juga ikan haruan hidup daripada orang Batu Kurau, Perak.

Orang yang berasal dari Perak, seperti Ustaz Abu Bakar Albaqir, Semanggul, Ustaz Abdul Rauf, Rasyid Ali, Rasyid Karim, Cikgu Sabron dan ramai lagi, telah dilawati oleh isteri masing-masing dan saudara-mara dua tiga kali seminggu.

Nombor saya di khemah tahanan Ipoh ialah 4987. Ini menunjukkan bahawa tidak kurang 8,000 orang tahanan dari semua kaum ada ditempatkan di khemah itu.

Berlainan dengan khemah tahanan di Melaka, blok di Ipoh itu tidak diceraikan jauh sangat di antara satu dengan lain. Ini lebih memudahkan hubungan kami antara satu dengan lain. Dan di Ipoh juga hubungan antara blok dengan pejabat menggunakan alat pembesar suara.

Kalau pada suatu pagi, misalnya, terdengar suara "4987, parsel, 4987 parsel," maka dengan serta-merta diketahuilah oleh semua penghuni yang satu blok dengan saya, bahawa ada satu bungkusan untuk saya yang baru sampai melalui pos.

Dan biasanya bungkusan yang saya terima itu berisi cerut, seratus atau dua ratus batang, yang telah dikirimkan oleh kawan-kawan saya di luar. Dan biasanya ramailah orang yang satu blok dengan saya menunggu di pintu besar blok itu untuk mendapat bahagian.

Dalam satu dua minit sahaja apabila saya masuk balik ke dalam blok, maka semua isi bungkusan itu sudah habis diambil – berebut-rebut – oleh kawan-kawan saya. Kadang-kadang saya sendiri satu batang pun tidak dapat. Bagaimanapun hati saya seronok sebab rezeki itu dapat dibahagikan sama rata.

Dan berlainan dari Melaka, kami tidak lagi menerbitkan majalah, dan tidak juga mengadakan pilihan raya untuk melantik menteri. Sebaliknya kami mengadakan kelas bimbingan bahasa Melayu dan Inggeris. Antara murid-murid kelas saya (Inggeris) ialah Sdr. Nazar Nong dan Harun Yahya. Apabila bebas dari tahanan Harun Yahya telah dapat kerja kerani di Pejabat Tanah Kuala Kubu dan Rawang hinggalah dia bersara, beliau menjalankan perniagaan di Kuala Lumpur.

Bagi orang tahanan yang mahu bekerja, maka mereka itu telah diberikan pekerjaan, memedang rumput dan sebagainya, dalam kawasan khemah yang luas itu, dengan upah 75 sen sehari.

Usaha berniaga juga telah digalakkan. Osman Yahya dari Kelantan berniaga kain baju. Ada yang menjual roti canai, rojak dan lain-lain makanan.

Saya sendiri telah diminta jadi jurubahasa bila-bila Jawatankuasa Tinjau Semula datang memeriksa semula kes tahanan. Dua tokoh Melayu yang pernah menjadi pengerusi jawatankuasa itu ialah Raja Musa dan Encik Mahmud Kaya, Chemor Perak.

Kes atau sebab begitu ramai orang Melayu, Cina dan India telah ditangkap dan ditahan dalam masa darurat itu bukanlah semuanya ada kena-mengena dengan politik, atau ada sangkut-paut dengan perjuangan kemerdekaan.

Seorang tahanan dari Perlis, misalnya, menurut fail kesnya yang saya telah baca telah ditangkap kerana beliau telah menyembelih seekor lembu tanpa kebenaran dari pihak yang berkuasa. Dan kerana itu beliau telah ditahan bertahun-tahun lamanya.

Perbuatan adu-mengadu, membuat fitnah yang bukan-bukan, telah banyak berlaku sepanjang masa darurat. Dan apabila ramai orang yang tidak berbuat sebarang kesalahan telah kena aniaya, ditangkap dan ditahan, maka telah berlakulah pula perbuatan curang dan rasuah. Ugut-mengugut pun banyak berlaku dalam masa darurat dahulu itu. Tetapi, demi Tuhan yang maha adil lagi mengasihani, orang-orang yang jahat, khianat, curang dan rasuah itu kebanyakannya telah menerima pembalasan yang setimpal.

Menurut peraturan kerajaan, makanan bagi orang tahanan adalah ditentukan jenis dan kelasnya. Ikan, misalnya, kami patut dibekalkan dengan ikan kelas dua, iaitu bawal hitam, tenggiri dan sebagainya. Demikian juga sayur-sayuran. Kalau sayur daun, misalnya, maka kami hendaklah dibekalkan dengan bayam yang berdaun, sawi yang berdaun.

Tetapi oleh kerana ada sistem kontrak, dan pegawai ada yang pandai makan suap, maka dalam tahun 1950, waktu kami di Ipoh,

selalu sangat dibekalkan dengan ikan pari, ikan duri (atau ma-yung), ikan kekek dan sebagainya yang sangat rendah kelasnya. Demikian juga sayur-sayuran. Beberapa kali sayur bayam yang kami dapat hanyalah batang-batangnya sahaja.

Maka pada suatu hari kami sekali lagi telah melancarkan mogok lapar, dan ini telah dipatuhi oleh sekalian orang tahanan di Ipoh itu.

Seperti yang telah berlaku di Tanjung Bruas, maka pihak berkuasa telah mencubakan macam-macam cara hendak memecahkan mogok itu. Mulanya kami ditegah membeli barang-barang daripada kantin. Kemudian surat dan parcel yang tiba telah ditahan. Dan kemudian lagi kami telah dipindah-pindahkan daripada satu ke satu blok dengan tujuan memecahkan perpaduan kami.

Pada suatu hari Tuan Warman, yang juga telah ditukarkan ke Ipoh, telah bertanya pada saya: "Hai, Encik Ishak, awak yang berpelajaran Inggeris pun mogok jugakah?"

"Tentulah, Tuan. Kalau saya tidak ikut mogok, kepala saya nanti kena pukul dengan kayu api," demikian jawab saya.

Dan dalam suasana hanya lagi rumit itu seorang warder (Melayu) pula telah buat pasal. Pada satu malam warder itu telah merangkak masuk ke dalam blok wanita di mana dia telah dihentam oleh wanita-wanita dengan kayu api, dipukul dengan botol hingga luka parah kepalanya dan lebam-lebam seluruh badannya. Dua puluh empat jam kemudian warder itu telah kena hukuman buang kerja.

Kemudian Tuan Warman telah meminta nasihat dan jasa baik saya untuk menamatkan mogok itu.

"Ini bukan Melaka, Tuan. Ini Ipoh. Kali ini tuan mesti panggil semua ketua blok untuk bermesyuarat, dan semua pegawai, termasuk ketua keselamatan mesti hadir untuk membincangkan masalah makanan kami," demikian saya mengesyorkan.

Sehari lepas mesyuarat itu, mudah-mudahan, mogok itu telah selesai dengan kepuasan kedua-dua pihak.

Diskriminasi Kerajaan British terhadap Tahanan Melayu



Pada awal tahun 1951 sebuah pusat pemulihan bagi orang tahanan Cina telah diadakan di Taiping, Perak. Lima bulan kemudian kami telah mendapat berita baik berkenaan kejayaan pusat pemulihan itu. Para tahanan yang diberikan peluang membetulkan diri itu telah diberikan latihan dan kursus bekerja belajar cara-cara bercucuk tanam, menternak babi, ayam itik, menjahit, membuat perabot, membaiki mesin dan pelbagai jentera berat dan ringan. Langkah itu adalah satu daripada beberapa langkah Kerajaan British untuk menamatkan keadaan darurat, untuk 'memenangi hati dan fikiran orang ramai' supaya menjadi rakyat yang baik, yang menyokong kerajaan dan tidak akan pro-komunis.

Kerajaan British telah menanggung perbelanjaan yang semakin banyak untuk menyelesaikan keadaan darurat buatannya sendiri itu. Pada awalnya hanya 500 ribu ringgit sahaja telah dibelanjakan dalam satu hari. Pihak berkuasa British, Malcolm MacDonnal dan lain-lain, telah meramalkan bahawa keadaan darurat itu akan tamat dalam masa enam bulan dan bahawa pasukan gerila tidak kuat, bilangan mereka hanya lebih kurang seribu orang sahaja. Tetapi keadaan darurat itu telah berlarutan sampai hampir empat tahun. Jumlah kerugian, kematian dan kemalangan bertambah banyak. Khabar-khabar angin telah tersiar bahawa seorang pegawai tinggi tentera, berpangkat jeneral, akan mengambil alih sebagai pucuk pimpinan menjalankan gerakan menentang pemberontakan rakyat itu.

Perkembangan baru itu memaksa saya berfikir panjang, menanyakan beberapa hal dalam hati saya sendiri. Apa halnya orang tahanan Melayu? Tidakkah Kerajaan British akan memberikan peluang yang sama kepada kami untuk dipulihkan semula? Kenapa orang Cina didahulukan?

Lama saya berfikir seorang diri. Kemudian saya meninjau pendapat beberapa orang tahanan Melayu dari Pahang. Apa kata

kalau kita cuba meminta satu kawasan tanah di Pahang untuk kita membukanya, membuat kampung halaman dan memajukannya? Kawasan yang kami pilih ialah di Kota Gelanggi, dekat Jerantut.

Persetujuan sebulat suara telah didapati dari semua orang tahanan dari Pahang. Sepucuk surat mengenai permohonan dan rancangan kami itu telah dihantar kepada Kerajaan Negeri Pahang. Tidak lama kemudian satu jawapan telah diterima daripada Menteri Besar Pahang ketika itu, Tengku Muhammad menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pahang tidak mampu dan tidak sanggup menerima cadangan dan rancangan itu. Yang sangat sukar untuk mengadakan, kata surat itu, ialah pasukan keselamatan untuk mengawal kami.

Tidak lama kemudian saya dapat tahu bahawa YB Datuk Onn Ja'afar telah dilantik menjadi Setiausaha (Menteri) Hal-Ehwal Dalam Negeri bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai saya sudah dapat tahu bahawa sebuah khemah pemulihan semula untuk orang tahanan Melayu akan diadakan juga. Kawasan yang dipilih untuk itu ialah dekat Kelang. Tetapi kawasan itu tanahnya berair, akan mengambil masa membuat tali air untuk mengeringkannya, untuk mengelakkan daripada nyamuk membiak.

Saya memang tahu bahawa hal-hal mengenai kami mesti lambat. Banyak *red-tape* dan tidak ada pula pihak atau badan yang mengambil tahu, untuk menekan supaya rancangan itu disegerakan. Pihak UMNO memang tidak ingin ambil peduli akan hal kami, nasib dan masalah kami.

Sebaliknya, kaum Cina sangat mengambil berat atas hal-hal orang tahanan Cina. MCA selalu bertindak tegas. Mereka punya banyak wang. Akhirnya saya telah membuat keputusan untuk berjumpa dengan Datuk Onn. Masa itu beliau sudah meninggalkan UMNO dan sedang hendak menubuhkan sebuah parti baru bernama *Independence of Malaya Party* atau IMP.

Cadangan itu telah saya beritahu kepada para pemimpin parti-parti Melayu, kepada ketua-ketua, seberapa ramai orang yang mengaku pemimpin atau ketua, atau orang kuat. Tetapi hampir semuanya tidak bersetuju dengan saya. Menurut mereka sebagai orang perjuangan kebangsaan kita tidak boleh kompromi dengan pihak penjajah.

Saya tahu dengan sah bahawa ramai di antara orang Melayu dari Pahang telah kena tangkap kerana dendam, iri hati dan fitnah semata-mata. Kisah seorang Melayu Perlis telah kena tangkap dan ditahan kerana menyembelih lembu tanpa kebenaran sudah saya nyatakan.

Kemudian apabila saya pindah tinggal di Selangor sesudah bebas dari tahanan, maka angkara yang serupa juga telah berlaku dalam beberapa buah kampung. Saya telah membuat banyak penyelidikan dengan teliti.

Tetapi apakah yang saya boleh atau patut buat untuk menolong orang yang kena aniaya itu? Para pemimpin mereka terlampau kenyang semangat. Diajak berunding mereka tidak mahu. Mereka nampaknya tidak mahu memikirkan masa depannya, untung nasib anak isterinya, seolah-olah mereka sanggup kena tahan seumur hidup, sampai mati.

Sebaliknya, saya telah dituduh oleh mereka itu kononnya pengecut, kononnya reaksioner, pro-British, tak ada pendirian dan sebagainya. Tetapi tidak saya hiraukan mereka itu. Saya mengerti masalah kaum bangsa saya, istimewa orang Melayu kampung, sebab saya sendiri pun anak orang kampung.

Akhirnya saya buat keputusan sendiri. Saya mahu jumpa dia. Walau bagaimanapun, dalam surat kepada beliau, saya telah memohon beberapa keistimewaan. Saya mahu tahu keadaan pemikiran para pembesar Melayu pada masa itu. Saya ingin tahu apa reaksinya.

Dalam surat kepada YB Datuk Onn itu saya meminta supaya saya di bawa ke Kuala Lumpur untuk menemuinya dengan kapal-terbang, pergi dan balik. Dalam satu hari sahaja. Saya juga mengesyorkan supaya pegawai polis yang mengiringi saya ke Kuala Lumpur itu jangan memakai uniform, yakni pakai preman sahaja.

Kehendak-kehendak atau syarat-syarat itu telah diperkenankan. Jadi, pada 6 September, 1951 saya telah diterbangkan dari Ipoh dengan Dakota Malayan Airways. Inspektor yang mengiring, dan mengawal saya bernama Ariffin, yang dengkol sebelah kakinya. Beliau telah menjaga saya bersungguh-sungguh. Apabila saya pergi buang air kecil, waktu di airport Ipoh, dia mengawal tepi pintu tandas. Takut kalau-kalau saya lari, agaknya. Encik Ariffin tentu sudah bersara. Tetapi adakah beliau masih hidup atau sebaliknya, tidaklah saya tahu.

Belum pukul 10.00 pagi itu saya sudah selamat sampai di Kuala Lumpur dan dengan sebuah motokar kerajaan saya telah dibawa ke pejabat YB Datuk Onn. Beliau telah menyambut saya dengan mesra. Saya telah menghadiahkan beliau satu patung ayam jantan yang diperbuat daripada kayu getah oleh orang tahanan. Mereka yang menyuruh saya bawa patung itu untuk disampaikan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa itu. Entah apa tujuan-

nya, apa simboliknya, saya juga kurang faham. Tetapi saya ingat bahawa dalam *Sejarah Melayu* ada tersebut cerita Pak Kaduk menyabung ayam di Negeri Terengganu pada zaman dahulu kala. Indah ceritanya. Tajam sindirannya.

Datuk Onn telah menunjukkan dengan girang poster parti barunya, IMP. Kemudian dia menyatakan bahawa khemah pemuliharaan bagi orang tahanan Melayu sedang disiapkan di Morib, Selangor. Soal yang rumit, katanya, ialah memilih seorang pegawai yang layak dan sesuai untuk mengetuai khemah itu. Di antara yang telah memohon jawatan itu ialah seorang pegawai MCS, Mr. Bottoms namanya; dan Encik Aziz Ishak. Tetapi kedua-duanya meminta gaji mahal, \$2,000.00 sebulan.

Petang itu, saya telah meminta supaya saya dibawa berjalan makan angin sebentar, melihat-lihat bandar Kuala Lumpur. Saya singgah di sebuah kedai di hujung Campbell Road untuk membeli dua dozen *shuttlecock* – bola bulu ayam untuk main badminton – kerana kawan-kawan berpesan minta belikan.

Pukul 5.00 petang itu juga saya dan pengawal saya sudah selamat balik ke Ipoh, dan saya masuk balik ke dalam rumah saya yang berpagar dengan kawat berduri yang dikawal rapi siang malam di Jalan Ashby itu.

Kemudian daripada itu, ringkas ceritanya, ialah pada 4 Mei, 1952, rombongan yang pertama (Skuad A), antaranya Zain Arif, Syed Aziz, telah dihantar ke Morib. Kemudian, pada 11 Ogos 1952, saya pula telah dihantar ke Morib berserta 29 yang lain (Skuad D). Kami di sana digelar siswa, dan nombor saya 112.

Adapun pegawai yang telah dipilih untuk menjadi ketua kami ialah Tuan G.S. Patterson, MCS, seorang pegawai yang sangat pandai dan amat sesuai dengan kami. Beliau dibantu oleh seorang timbalan iaitu Encik Ismail Tempang, dua orang pegawai pertanian, iaitu Encik Mohamed Said dan Encik Mat, seorang guru tukang kayu, iaitu Encik Ghani Kadim dan seorang guru jahitan, Encik Omar Basha.

Saya sendiri telah diberi kerja jadi kerani dalam pejabat Tuan Patterson, menjaga fail-fail para siswa yang sesudah dilatih membuat macam-macam kerja untuk hidup, selewat-lewatnya dalam masa enam bulan, akan dibebaskan.

Berpindah ke Pusat Pemulihan Morib



Apabila kami mula dipulihkan, setelah Pusat Pemulihan Morib menerima siswa atau orang Melayu yang ditahan di bawah Undang-Undang Darurat – 1948-60, maka ini bererti bahawa kami sudah mula dibebaskan. Di KPM warder yang berkawal tidak memakai senapang. Waktu siang, apabila kerja kami sudah habis, apabila kelas dan kursus tamat, kami boleh keluar dari khemah itu, boleh bersiar-siar di tepi pantai, boleh mandi laut, boleh menjala, memukat, mencari ketam. Kawasan yang dibebaskan untuk kami ialah satu batu keliling khemah itu.

Kami dibenarkan bermain sepak bola di padang sekolah Melayu Morib. Untuk kami, diadakan tiga gelanggang badminton yang baik. Wayang gambar ditayangkan untuk kami dua kali sebulan. Seorang guru agama, Ustaz Dahlan, datang mengajar kami tiga petang dalam seminggu. Ustaz Dahlan kini menjadi seorang pegawai di JAIS.

Dalam masa tidak sampai enam bulan kebun sayur kami sudah mengeluarkan berpikul-pikul sayuran sehari; kacang panjang, terung, timun dan lain-lain. Dalam masa yang sama ternakan ayam kami sudah membiak. Pelawat datang ramai pada setiap minggu. Tun Razak telah datang melawat, mengiring Sultan Abu Bakar, Pahang dan Jeneral Templer datang melawat.

Setelah enam bulan proses pemulihan itu dijalankan, maka beberapa orang tahanan daripada Skuad A, telah dibebaskan. Ada yang tanpa syarat, dan ada yang dikenakan syarat-syarat yang ringan.

Tetapi beberapa masalah baru telah timbul pula. Ini berpunca kerana adanya watak-watak manusia yang lahir dalam keadaan senang dan tenang. Ada siswa yang tidak mahu bekerja, tidak mahu belajar apa-apa kepandaian yang berguna untuk hidupnya. Ada seorang anak penghulu, yang pada masa sebelum darurat dahulu telah menjadi anggota API yang cergas, penuh semangat

tetapi waktu di Morib sangat berat tulangnya. Apabila disuruh menyabit rumput danalang, maka mukanya serta-merta jadi masam, muram dan marah.

Beberapa orang siswa yang lawa, tetapi nakal, telah didapati sangat suka bekerja mencuci kawasan rumah Tuan Patterson, yang letaknya tidak jauh dari kawasan berpagar PKM itu.

Pada suatu hari Tuan Patterson menyuruh saya memberitahu semua siswa supaya berkumpul di dewan pada malam hari itu. "Kita mahu main wayang malam ini," katanya.

Biasanya sebelum pertunjukan wayang gambar dimulakan Tuan Patterson akan bercakap dahulu untuk menerangkan perkara-perkara yang berlaku, peraturan-peraturan baru dan berita-berita yang baik atau kurang baik. Sungguhpun dia pandai dan fasih berbahasa Melayu, tetapi untuk beberapa tujuan istimewa dia akan bercakap dalam bahasa ibundanya, iaitu Inggeris.

"Encik Ishak bila menterjemahkan ucapan saya bolehlah tambah mana-mana yang patut. Kalau bahasa saya keras atau agak kasar, tolonglah lembutkan," katanya sambil menggenyitkan sebelah matanya.

Ucapannya pada malam itu menyentuh banyak perkara. Di antara lain-lain beliau telah menyebut:

"Ada orang kampung yang telah mengadu kepada saya bahawa siswa telah mencuri buah-buah pauh dan mangga dari kebunnya. Mulanya saya tidak percaya; tetapi apabila saya periksa keliling blok, dalam kebun sayur, di kelas tukang kayu, kelas tukang jahit dan lain-lain, saya telah terjumpa banyak kulit dan biji buah pauh dan mangga. Orang kampung sebenarnya tidak berapa marah kepada kamu sekalian. Tapi, sebaliknya, mengapa kamu semua jadi begitu bodoh. Bukankah ada peribahasa Melayu yang mengatakan bahawa pandai makan, pandai-pandailah simpan."

Siswa semuanya diam, tetapi ada yang berpandang-pandangan, dan budinya pun kedapatan. Mana yang termakan cili tentulah terasa pedasnya.

Tuan Patterson menyambung ucapannya:

"Saya perhatikan ada sekumpulan siswa yang sangat suka pergi bekerja dekat rumah saya, mencuci kawasan rumah saya. Di antaranya ialah Mohd. Zain Ariff, Syed Aziz. Kebanyakannya ialah siswa dari Negeri Kedah. Saya tahu apa tujuan mereka itu. Ada yang hendak mengurati isteri saya, dan ada yang berhajat hendak mencuri minum wiski di rumah saya."

Pada suatu masa yang lain pula, Tuan Patterson telah menyindir lebih tajam kepada siswa yang sedang diorientasi itu.

Ceritanya begini. Pada suatu hari, atas permintaan ramai, makan malam, untuk beralih rasa, ditukar daripada nasi kepada mi. Yang jadi tukang masak kami ialah orang tahanan juga. Tetapi esoknya banyak sungutan telah sampai kepada pengetahuan pegawai-pegawai, kononnya, mi yang mereka makan malam tadi sangat tidak sedap, tidak kena masakannya, tidak sempurna buatannya.

"Malam ini kita main wayang lagi, Encik Ishak. Ada filem baru. Suruhlah siswa semua berkumpul awal sedikit. Suruh mereka pakai lawa-lawa. Ada wanita-wanita dari luar yang nak datang tengok filem itu," kata Tuan Patterson.

Istilah "filem baru" itu ialah kata rahsia yang kami berdua sahaja tahu apa maknanya, iaitu ada perkara baru yang hendak dicakapkan, atau ada sindiran baru yang hendak kami sampaikan.

Petang ini saya perhatikan ramai siswa yang memakai baju baru, seluar baru, bertali leher, berkasut baru. Mereka berebut-rebut hendak duduk di kerusi barisan depan, sebab ada beberapa orang wanita yang akan hadir. Di antaranya ada guru-guru, tetapi yang diminati sangat oleh kaki urat itu ialah seorang janda muda, anak Sarjan Ali, ketua pasukan keselamatan di PPM itu.

Setelah menyatakan bahawa kerajaan amat puas hati dengan kemajuan pemulihan, kejayaan latihan dan kursus yang diberikan, Tuan Patterson berkata:

"Saya dapat tahu ada beberapa orang siswa yang mengatakan mi yang dihidangkan malam tadi tidak sedap rasanya. Ada yang mengatakan mi itu tawar. Ada pula yang mengatakan terlalu masin. Ada yang mengatakan kuahnya cair, tetapi ada pula yang mengatakan kuahnya pekat sangat. Memang pepatah Melayu telah mengatakan: Banyak udang, banyaklah garamnya, banyak orang, banyaklah ragamnya.

"Tapi pagi tadi apabila saya memeriksa pinggan-pinggan yang dikumpulkan sebelum dibasuh, saya dapati tidak ada satu pun yang berbaki, yang dimakan tidak habis. Semuanya licin, seolah-olah sudah kena jilat oleh pemakannya yang kesedapan," katanya lagi

"Aha, lantaklah kamu semua. Sindiran itu sungguh tajam, sangat hebat," saya berkata dalam hati.

Dua kisah kecil yang saya catatkan ini adalah dua contoh untuk menyatakan kepada pembaca, orang muda zaman sekarang, bagaimana banyak dan kompleksnya masalah yang kami telah hadapi pada masa itu, dalam zaman darurat.

Eloklah saya sebutkan dua tiga contoh lagi untuk pengajaran dan keinsafan orang sekarang.

Ada seorang tahanan dari Selangor yang sudah sampai masanya untuk dibebaskan, sebab kelakuannya, pada pendapat dan perhatian kami, sangat baik. Dia rajin bekerja patuh kepada peraturan dan disiplin. Tetapi apabila hendak dibebaskan, maka tidak ada sesiapa yang sanggup menjaminnya. Ketua kampungnya sendiri tidak mahu menjaminnya.

"Saya tidak sanggup menjamin orang itu, tuan," kata Ketua Kampung itu apabila ditanya fikirannya. "Saya takut orang itu akan lari masuk hutan semula."

"Biar bagaimanapun kami hendak bebaskan juga orang itu," kata Tuan Patterson. "Kalau orang itu lari semula masuk hutan, maka Tok Empat bolehlah datang ke khemah ini untuk diberi satu bulan gaji saya (lebih seribu ringgit). Biarlah tidak ada sesiapa yang hendak menjaminnya; kami hendak bebaskan juga." Tegas Tuan Patterson, merah padam wajahnya.

Dan orang itu, sesudah beberapa tahun selepas itu, tidak lari masuk hutan semula; malah menjadi seorang warganegara yang baik, yang taat setia. Beliau sudah pun menunaikan rukun Islam yang kelima. Tetapi nama tuan haji itu tidak usahlah saya terangkan. Minta maafah ya!

Pada suatu hari yang lain pula seorang isteri orang tahanan di KPM itu telah datang, dari jauh, hendak berjumpa dengan suaminya. Wanita itu masih muda dan jelita. Suaminya juga masih muda dan lawa.

"Di mana yang eloknya kita bagi peluang orang berdua, suami isteri itu berjumpa, Encik Ishak?" Tuan Patterson bertanya, meminta panduan saya.

"Saya fikir kita kasi peluang mereka berjumpa di hujung pantai sana, nun, di bawah pokok ru besar sana," kata saya sambil menunjuk ke arah seponon ru yang rendang, di hujung Pantai Morib, sebelah kanan.

"Maklumlah, tuan, mereka sudah lama tidak berjumpa. Tentu-lah mereka itu ingin nak berpeluk cium melepaskan rindu dendamnya. Kalau diberi peluang berjumpa dalam blok, dekat-dekat sini, nanti buruk padahnya, tuan," tambah saya.

"Bagus, bagus, sangat baik cadangan itu," sahutnya dengan senyum simpul.

Itik Betina Bertelur tanpa Itik Jantan



Pada suatu hari, Mansur, orang tahanan dari Kuala Ketil, Kedah, memberitahu Tuan Patterson, katanya: "Tuan, itik kita ini tidak akan bertelur kalau tidak ada yang jantannya." "Itu itik kita belum lagi cukup besar. Awak kasi makan cukup-cukup. Kita punya nasi yang berlebih setiap hari ada banyak. Hampas kelapa dan lebih-lebihan sayur juga banyak. Awak kasi makan itu itik; setiap hari jangan kurang. Nanti kita boleh tengok, bila cukup umurnya enam bulan, boleh bertelur atau tidak," kata Tuan Patterson.

Tetapi Mansur, terus percaya bahawa tanpa itik jantan, sekumpulan itik betina tidak akan bertelur. Setiap kali diberi tugas menjaga itik sekawan yang kami pelihara di PPM, dia bising, dia ngomel minta belikan satu dua ekor itik jantan.

Beberapa bulan kemudian itik itu pun mulalah bertelur. Kali pertama kami dapat sembilan biji. Kali kedua bertambah. Setiap hari kami mengutip telurnya untuk jadi lauk tambahan bagi kami.

"Malam ini kita main wayang. Beritahulah para siswa semua." Tuan Patterson memberitahu saya.

Malam itu syarahannya pendek sahaja. Beliau memberitahu darihal itik kami yang sudah bertelur itu.

"Saya sangat sukacita pada malam ini sebab boleh menyampaikan satu berita yang baik, iaitu itik-itik kita yang dijaga oleh Mansur sudah bertelur. Sebelum itik itu bertelur Mansur telah menyatakan fikirannya bahawa sekumpulan itik betina tidak akan bertelur kalau tidak ada itik jantan. Sekarang itik kita itu sudah bertelur. Jadinya, bolehlah kita katakan bahawa yang menjadi bapak kepada itik itu ialah Mansur," demikian kata Tuan Patterson, dan serta-merta sekalian yang hadir ketawa berdekah-dekah.

Saya menyebut kisah kecil ini ialah untuk menarik perhatian masyarakat Melayu, khususnya kaum tani, tentang bagaimana kurangnya pengetahuan am mereka itu berkenaan dengan ilmu

pertanian, kurangnya perhatian kepada hikmat Tuhan yang maha bijaksana. Hingga sekarang pun mungkin ramai orang kampung yang tidak mengetahui berapa lamakah telur ayam, bila mula diramkan oleh ibunya, akan menetas.

Dalam ceramah saya kepada siswa-siswi di universiti, dan juga kepada pelajar-pelajar tingkatan lima dan enam, saya suka bertanyakan perkara-perkara mudah berkenaan tumbuh-tumbuhan, sayur-sayuran dan binatang-binatang dalam tanah air kita, Malaysia yang subur dan kaya ini. Misalnya, apakah bezanya antara puyuh dan pikau, antara lalat dan langau, antara tebu dan teberau, burung merbah dan burung sebarau.

Pada suatu masa saya telah mengemukakan pertanyaan kepada siswa-siswi di Universiti Pertanian, iaitu berapakah sanding-sanding yang ada pada sebiji ketola sanding. Anehnya mereka itu pun tidak tahu.

Hanya ada seorang sahaja siswa yang paling istimewa, yang banyak inisiatif dan pandai mencari wang waktu kami di Morib dahulu. Pemuda itu ialah Encik Ali bin Abdul Rahman, dari kampung Jenderam, Selangor.

Pada hari minggu, Ali, yang pada masa itu masih belasan tahun umurnya, keluar ke tepi pantai Morib membawa barang-barang pertukangan tangan dari Bahagian Tukang Kayu di PPM itu untuk dijual kepada para pelancong dan pelawat.

Encik Ali Abdul Rahman kemudiannya menjadi seorang pegawai penting dalam Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan Malaysia, dan telah berpeluang melawat beberapa buah negara asing, termasuk Soviet Union, untuk menghadiri kursus kesatuan sekerja.

Dari kisah Mansur yang heboh mengatakan bahawa itik betina tidak boleh bertelur tanpa itik jantan, saya hendak menceritakan pula satu kejadian yang lebih besar ertinya, yang lebih baik pengajarannya.

Satu perkara yang dilarang keras oleh semua agama dan masyarakat ialah takbur; baik dengan perkataan yakni cakap besar, megah dan sombong, ataupun dengan perbuatan. *Pride goes before a fall*, kata satu pepatah Inggeris. Orang yang meludah ke langit, mukanya akan ditimpa oleh ludahnya itu, kata pula bidalan Melayu.

Kisah berikut ini ialah mengenai akibat Takbur:

Pada suatu hari Encik Wan Din dari Kangar, Perlis, telah terkena sengat ikan sembilang dalam masa dia menjala di sebuah sungai dekat PPM itu.

Barang siapa yang pernah terkena sengat ikan sembilang (atau semilang) tahulah betapa sakitnya. Pak Wan Din yang bertubuh kecil, berkulit hitam manis, adalah seorang yang penyabar. Dia menahan sakit kena sengat ikan semilang itu seberapa upayanya. Tetapi kadang-kadang mengerang dan mengadoi-adoi juga dia sebab tidak tertahan pedih dan sakit bisanya.

Seorang siswa dari utara Semenanjung juga telah mengejek-ejek Pak Wan Din. "Macam budak-budak, kena sengat sikit menangis, mengadoi-adoi. Aku, memang aku cucuk-cucukkan sengat semilang itu pada lengan aku, pada badan aku," katanya.

Tetapi Pak Wan Din telah ditolong dengan segera. Encik Vytilingam, pegawai perubatan di PPM itu dengan cepat telah memberikan suntikan *procaine* kepadanya, dan serta-merta kuranglah sakitnya itu.

Orang yang takbur itu namanya Awang, yang lebih terkenal dengan gelaran Pak Awang Gagah.

Lebih kurang satu minggu lepas Pak Wan Din kena sengat ikan semilang itu, maka dengan kehendak Tuhan yang Maha Adil, Pak Awang Gagah pula telah terkena sengat ikan semilang apabila dia pergi menjala ikan di sungai yang sama.

Pak Awang Gagah yang bertubuh besar, hebat dan masih muda itu telah bertukar menjadi seorang budak kecil. Dia menangis, dia melolong, mengadoi-adoi meminta tolong, berteriak sekuat hatinya.

Dibebaskan daripada Tahanan



Setelah hampir setahun di Morib, maka tibalah pula giliran saya untuk dibebaskan. Beberapa hari sebelum itu seorang pakar ilmu jiwa (psikologi) telah datang (atau sengaja didatangkan) hendak berkenalan, hendak bercakap-cakap atau menginterbiu saya. Menurut katanya, dia baru balik dari Korea Selatan.

Dia telah berkhidmat di sana dalam masa perang Korea. Dia berasal dari England. Bolehkah Encik Ishak terangkan mengapa ramai anak-anak Melayu di Pahang yang telah menentang pemerintahan Inggeris, menyebelah pihak gerila-gerila dalam hutan?

Begitulah lebih kurang pertanyaannya yang pertama.

Saya terpaksa menjawab panjang lebar, menerangkan latar belakang sejarah orang-orang Melayu yang tinggal di sepanjang Sungai Pahang, menyebutkan nama-nama Bahaman, Imam Rasu, Mat Kilau.

Pakar ilmu jiwa itu mengangguk-angguk. Nampaknya dia pun tahu darihal Tuan Clifford, yang mengetuai dan memimpin askar-askar dan polis upahan British dalam peperangan puak antara nasionalis Melayu dengan British pada masa dahulu itu.

Kemudian beliau menanyakan pula sebab-sebab lain: Ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan masyarakat.

Saya telah menjawab dengan terus terang. Tidak ada apa-apa yang saya hendak sorokkan. Saya tak payah 'berdiplomasi' dengan pakar ilmu jiwa. Saya menerangkan kebanyakan kami orang-orang Melayu yang tinggal di sepanjang kedua belah tebing sungai yang terbesar itu sangat miskin, kekurangan serba-serbi, jalan raya yang baik tidak ada, sekolah tidak cukup, pelajaran yang diberi amat rendah, perhubungan antara satu kampung dengan yang lain memakai perahu, sawah-sawah padi tidak cukup, kebun-kebun getah dan kelapa untuk satu-satu keluarga amat kecil.

Saya menerangkan lagi, bahawa hidup kami aman damai, sederhana, cukup makan pagi petang. Tetapi dengan kedatangan orang-orang dagang (asing) yang semakin ramai, kami merasakan

hak-hak kami akan hilang, keselamatan dan kesentosaan hidup kami dalam masa yang akan datang tentu akan terganggu.

Yang bertanggungjawab untuk memajukan kami, untuk melindungi kami, mengajar kami dan mengawal hak-hak kami dari direbut oleh orang-orang luar ialah Kerajaan British, sebab pada hakikatnya yang berkuasa penuh atas tanah air kami ialah British.

Saya juga telah menyebutkan penderitaan-penderitaan kami dalam masa pendudukan Jepun, peristiwa-peristiwa 'Bintang Tiga' dan lain-lain.

Pakar jiwa itu mencatatkan butir-butir percakapan saya itu, kalau tidak semua pun, kebanyakan darinya. Saya tahu banyak masalah rohani kaum bangsa saya. Rohani yang saya katakan itu bukanlah berkenaan agama, kepercayaan agama, kepercayaan kepada Tuhan, hari kiamat dan sebagainya. Rohani yang saya maksudkan itu ialah daya pemikiran, cita-cita hidup, rasa kasih sayang kepada tanah air, semangat megah kepada sejarah, warisan, tradisinya, bangsanya.

Sampai sekarang pun masalah-masalah itu masih kusut-masai, masih belum dapat diuraikan selesai dengan sempurna. Kita semua boleh lihat bukti-buktinya. Murid-murid sekolah yang banyak sekali ponteng sekolah ialah dari Sekolah-sekolah Kebangsaan (Melayu), yang ramai terlibat dalam 'menyalahgunakan dadah' ialah Melayu, yang cicir dalam pelajaran pun, paling ramai, ialah Melayu juga.

Lebih baiklah saya tinggalkan dahulu masalah 'ayam mati di atas padi' ini, biarpun hal ini termasuk juga dalam memoir hidup saya selagi saya masih hidup.

Sehari dua sebelum saya dibebaskan tanpa syarat, setelah ditahan hampir lima tahun enam bulan, saya telah ditawarkan satu jawatan dalam Jabatan Penerangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu, yakni sebelum negeri ini merdeka.

Saya fikir lebih baiklah saya menerima tawaran itu, sebab kalau tidak ada kerja, payahlah saya nak hidup. Saya bukan ada punya harta benda, saya tidak punya kebun, sawah dan ladang. Duit ringgit dan emas perak jauh sekali.

Lagipun, sesudah melalui dan mengalami begitu banyak peristiwa, sejak dari sekolah, masa remaja, masa Jepun dan masa darurat yang penuh huru-hara, saya kenalah merancang dan mengatur hidup saya bagi masa-masa yang akan datang supaya apabila tua kelak, hidup saya tidaklah sengsara sangat.

Yang menjadi Ketua Jabatan Penerangan pada masa itu - iaitu zaman Jeneral Templer memerintah ialah seorang guru sekolah

daripada London, Peterson namanya, yang dikatakan sangat pandai, baik hatinya dan peramah. Sekurang-kurangnya, fikir saya pada masa itu, saya boleh belajar lagi, menambah pengalaman dan ilmu pengetahuan saya.

Mulanya saya bertugas sebagai penterjemah: Melayu ke Inggeris dan Inggeris ke Melayu. Kemudian saya telah ditukarkan ke Unit Filem (sekarang Filem Negara) 'Komentator Filem', yakni memberi suara kepada filem-filem, dalam bahasa Melayu, yang kebanyakannya bercorak propaganda untuk 'memenangi hati dan fikiran rakyat'.

Kemudian lagi saya telah dinaikkan pangkat, daripada Division Dua ke Division Satu, sebagai *Script Writer*, dengan gaji \$790.00 sebulan. Tetapi sebagaimana yang sudah-sudah, saya mudah jadi bosan bekerja lama-lama dengan kerajaan. Maka saya pun mulalah mencari jalan supaya saya kena buang kerja.

Pada awal tahun 1955 Saudara Ahmad Boestamam telah dibebaskan daripada tahanan. Beliau telah kena tahanan lebih lama daripada saya, iaitu tujuh tahun. Kalau anda hendak tahu kisah-kisahanya dalam masa darurat silalah baca bukunya yang berjudul *Tujuh Tahun Malam Memanjang*.

Tidak berapa lama lepas itu orang-orang bekas tahanan telah berpakat hendak menubuhkan satu parti politik baru yang dinamakan Parti Rakyat Malaya. Perundingan-perundingan untuk menubuhkan parti itu telah diadakan di rumah saya (rumah kerajaan) di Bukit Petaling dan Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Dalam bulan Mei tahun itu Kongres Parti Rakyat Malaya yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpur.

Tidak berapa lama lepas 'peristiwa politik' itu, maka saya telah menerima satu nota (surat kecil) daripada Ketua Unit Filem, Mr. Tom Hodge, yang menyatakan bahawa saya diturunkan pangkat, dari Division Satu ke Division Tiga, dan gaji saya pun turunlah, dari \$790.00 sebulan kepada hanya \$330.00 sebulan.

"Jerat saya sudah mengena," fikir saya seorang diri.

Orang-orang atas, termasuk orang-orang di luar Unit Filem (orang-orang politik, maksud saya) mungkin memikirkan bahawa saya boleh tunduk kepada 'permainan' mereka, ataupun dengan jalan menurunkan pangkat saya itu saya akan terasa malu dan akan meminta berhenti.

Salah oranglah! Saya tidak minta berhenti. Saya ponteng kerja. Satu bulan saya tidak pergi ke pejabat. Akhirnya, Kerani Besar Filem Unit telah datang ke rumah saya (rumah kerajaan) membayar saya sebulan gaji (dengan cek) sebagai ganti sebulan notis

untuk memberhentikan saya, menamatkan jawatan saya.

Lebih kurang sebulan lepas itu saya telah pindah ke rumah isteri saya, di Batu 13, Ulu Langat, Selangor.

Yang agak anehnya, saya tidak masuk Parti Rakyat Malaya, walaupun parti itu telah ditubuhkan di rumah saya, oleh kawan-kawan yang seperjuangan dengan saya. Saya masuk Parti Buruh Malaya.

Parti Rakyat dan Parti Buruh kemudian telah bergabung dalam satu Barisan Parti-parti Pembangkang dengan nama *Front Sosialis Rakyat Malaya*.

Dalam pilihan raya umum tahun 1959 Saudara Ahmad Boes-tamam telah menang dalam kawasan Parlimen Setapak. Saya telah masuk bertanding dalam Kawasan Parlimen Temerloh, tempat saya telah dilahirkan dan disekolahkan. Saya telah mendapat sokongan orang-orang kampung sebanyak 6,665 undi, tetapi saya tidak menang kerana orang-orang polis dan askar-askar – kebanyakannya Melayu – yang pada masa itu ramai dalam Daerah Temerloh, belum cukup yakin untuk memberikan undi-undi mereka itu kepada saya.

Kebanyakan pembaca mungkin ingin hendak tahu mengapa saya tidak menang. Satu sebab besarnya ialah pada masa itu (1959), biarpun Semenanjung Tanah Melayu sudah dimerdekakan oleh British, tetapi keadaan darurat belum lagi tamat.

Merenung balik ke masa-masa yang telah lama berlalu itu, dan menimbangkan dengan pergolakan-pergolakan politik sesudah itu, khususnya daripada tahun 1969 hingga ke hari ini, saya sendiri sangatlah puas hati dengan kesan-kesan penglibatan kami dalam perkembangan politik dan sistem demokrasi di negara kita bersama ini. Beberapa ramalan dan amaran saya tentang apa yang berlaku sesudah tahun 1959 seperti yang terkandung dalam risalah yang telah saya sebarkan pada masa itu *Suluh Rakyat* kebanyakan telah berlaku betul.

Bertanding sebagai Calon Parti Buruh



Apakah yang saya buat sesudah berhenti dari Malayan Film Unit (sekarang Filem Negara Malaysia) dalam tahun 1955 hingga ke tahun 1959 apabila saya masuk Parti Buruh Malaya? Saya mengembara semula, berulang-alik dari Singapura ke Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Saya bekerja dengan Geliga Limited, sebuah syarikat percetakan dan penerbitan yang dipunyai oleh Tuan Syed Omar Alsagoff. Sekali-sekala, untuk menjual buku-buku penerbitan Syarikat Geliga, kami juga telah melawat negeri-negeri dan bandar-bandar di Pantai Timur.

Dalam tahun enam puluhan buku-buku seperti yang diterbitkan oleh Syarikat Geliga telah dianggap oleh bijak pandai Melayu yang semakin ramai lulus dari pusat pengajian tinggi sebagai roman picisan, atau buku cerita yang rendah mutunya. Di antara buku-buku ciptaan saya itu ialah *Judi Karan*, *Mencari Yang Lari*, *Mata-Mata Sukarela*, *Pengantin Baru* dan lain-lain yang kesemuanya kini tidak ada lagi dijual sebab sudah kehabisan.

Dalam bulan Jun, 1959 saya telah diminta oleh Syarikat Semenanjung di Singapura untuk jadi Ketua Pengarang *Harian Semenanjung* (tulisan Jawi) dengan gaji \$700.00 sebulan.

Dalam masa dua bulan sahaja harian itu telah meningkat pengeluarannya sebanyak 18,000 naskhah sehari, dan mula menjadi saingan hebat kepada *Utusan Melayu*.

Akan tetapi, oleh kerana isi harian itu amat bertentangan dengan pihak yang berkuasa di *Harian Semenanjung* pada masa itu, maka saya telah diminta berhenti oleh pihak Syarikat Semenanjung, wakil atau para pemberita *Semenanjung* di Kuala Lumpur pada masa itu ialah Encik Ghazali Yunus, di Kuala Terengganu Encik Wan Daud (Datuk) bin Wan Ahmad dan di Kota Bharu, Kelantan Encik Osman Yahya. Kedua-dua yang akhir itu ialah bekas tahanan.

Sebelum itu, dalam masa suku akhir tahun 1956, saya telah be-

kerja dengan mingguan *Pedoman* dan bulanan *Pati* yang berpejabat di Bangunan China Insurans, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Bulanan *Pati* telah berjaya membimbing dan memimpin penulis baru. Ada ruangan istimewa dalam bulanan itu yang dinamakan 'Mengasah Bakat dan Bakal.'

Dalam keluarannya yang kesembilan bertarikh November/Disember 1956 kami telah menyiarkan sepucuk surat dari London oleh Encik Wan Abdul Hamid yang menanyakan beberapa hal mengenai pantun Melayu.

Maka untuk renungan dan pengetahuan cerdik pandai zaman sekarang saya dengan sukacitanya menyiarkan semula surat itu:

Wan Abdul Hamid,
3, Susset Street,
London, S.W.I.

Saya ucapkan terima kasih kepada Encik Ishak kerana mengiriskan senaskhah majalah *Pati*, dan kerana sudah menjawab soal-soal yang dikandung oleh rencana saya berkenaan dengan beberapa pantun Melayu.

Encik Ishak terlebih maklum, sungguhpun saya dukacita menerima keputusan Kerajaan Johor darihal bukannya sahaja *scholarship* dan jawatan saya seorang tetapi termasuk juga *scholarship* bini saya. Saya hendak menerangkan iaitu Kerajaan Johor tidak dan belum lagi menegahkan saya balik ke Johor. Yang sebenarnya, saya disuruh balik dengan bini saya secara terkejut dan pada masa saya kedua hampir tamat belajar di London. Oleh itu, tidaklah saya endahkan perintah Kerajaan Johor itu dan itulah menyebabkan jawatan saya pula digantung dan akhirnya (satu tahun kemudian) saya dibuang kerja sama sekali. Saya sifatkan keputusan Kerajaan Johor itu seperti suatu keputusan membalas dendam (*vindictive*). Tetapi saya sendiri tidak menyesal pergi ke U.S.S.R. dan ke Negeri China kerana saya sudah melihat dengan mata saya sendiri keadaan di dalam kedua negeri itu dan tidaklah fikiran saya mereng atau berat sebelah apabila membaca laporan-laporan di dalam suratkhbar-suratkhbar di negeri barat berkenaan dengan keadaan di dalam negeri-negeri itu.

Insyallah saya dan bini saya akan balik ke Malaya. Saya berdua tidak merajuk dan tidak sekali-kali ingin

meninggalkan tulang saya di negeri asing. Jadi saya sukacita mendengar Encik Ishak sudi mengucapkan Selamat Pulang kepada saya. Terima Kasih.

Ada di antara jawapan Encik Ishak pada soal-soal saya itu boleh diterima dan ada pula di antaranya (maaf saya) yang tidak, pada fikiran saya, begitu menasabah. Saya harap ada lagi orang-orang lain yang boleh menolong kita menerangkan isi pantun-pantun itu. Kemudian saya akan cuba mengumpul dan memikir semula maksud pantun-pantun itu.

Semua pantun itu ada di dalam (buku) *Pantun Melayu*, dikutip oleh R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt, dicetak di Singapura pada tahun 1954. Tetapi buku itu sudah diterbitkan semula pada tahun yang lepas dan kalau saya tidak salah, boleh dibeli di Kelly & Walsh. Sayang sedikit sunguhpun dicap semula, ada beberapa kesalahan di dalamnya tidak dibetulkan. Berkenaan dengan pantun yang penghabisan sekali dalam rencana saya itu. *Pantun Melayu* tidak menerangkan asalnya. Boleh jadi pantun itu karangan Encik Ishak sendiri. Pantun itu ialah nombor 1045 dalam buku ini.

Lagi sekali saya ucapkan terima kasih kepada Encik Ishak dan kirim salam kepada Pengarang *Pati Merdeka*.

20 September, 1956.

Yang benar,
Wan Abdul Hamid.

Kemudian, saya suka juga menyebutkan bahawa sebagai Pengerusi Parti Buruh Malaya, sebuah parti politik yang kuat pada masa itu, saya telah melawat juga beberapa buah kampung baru di seluruh Semenanjung untuk mempelajari keadaan hidup orang Cina yang kebanyakannya telah menjadi korban zaman darurat dahulu.

Pada suatu hari saya telah melawat Pekan Nanas, sebuah kampung baru yang terbesar di Negeri Johor. Parti Buruh Cawangan Pekan Nanas telah mengadakan satu jamuan teh untuk menyambut saya. Tetapi apabila saya lihat cara mereka itu tidak melambangkan gambaran hidup masyarakat di negeri ini yang sebenarnya, maka saya telah mengesyorkan supaya ditukar cara itu.

"Kamu yang tinggal di sini banyak menanam ubi kayu dan nanas. Kenapa kamu tidak hidangkan ubi kayu rebus, buah nanas yang masak, papaya dan pisang? Kenapa kamu hidangkan kuaci dan kacang tanah sahaja? Ini mengikut sangat adat Cina. Macam

ini kita tidak boleh dapat banyak sokongan daripada pekerja-pekerja Melayu."

Demikian, lebih kurang kata saya untuk mengubah sikap orang Cina yang tinggal dalam kampung-kampung baru dan lebih menyesuaikan cara hidup mereka itu dengan suasana masyarakat di Tanah Melayu ini yang sebenarnya.

Beberapa masalah dan kesan buruk yang telah ditimbulkan oleh masa darurat dahulu masih lagi belum selesai dan dibetulkan dengan sebaik-baiknya. Ini bukan sahaja mengenai kampung-kampung baru yang diduduki oleh orang Cina. Bahkan beberapa buah kampung-kampung Melayu yang terpencil juga masih belum disesuaikan dengan keperluan hidup zaman sekarang.

Dalam tahun 1964 saya sekali lagi masuk bertanding dalam pilihanraya umum, sebagai calon Parti Buruh, bagi kawasan Parlimen Bukit Bintang. Sesudah tidak berjaya dalam kawasan Melayu, maka saya mencuba pula dalam kawasan Cina dalam bandar. Tetapi saya tidak berjaya juga, malah undi yang telah saya dapat jauh lebih kecil daripada jumlah yang saya telah dapati di Temerloh dalam tahun 1959.

Tidak lama lepas itu saya pun berhentilah dari Parti Buruh Malaya. Dan secara kebetulan, tidak berapa lama lepas itu parti itu pun matilah, tamatlah riwayatnya. Saya pun kembalilah semula dan cara hidup dan kerja saya yang sebenarnya, iaitu menulis, mengarang, mengembara dan menjual karangan saya kepada mana-mana akhbar dan majalah yang mahu menerima karangan dan tulisan saya.

Patut juga saya nyatakan bahawa dalam tahun 1962 saya telah dapat peluang melawat dua negara asing. Dalam bulan Jun itu saya telah melawat Jakarta, Yokyakarta dan Bandung. Dalam bulan Oktober tahun itu saya telah dapat peluang melawat negeri Mesir pula: Kaherah, Ismailia, Port Said dan Iskandariah, iaitu berhubung dengan genap 10 tahun kemerdekaan Republik Arab Bersatu yang dipimpin oleh Presiden Gamal Abdul Nasser.

Pada 27 Januari, 1965, hari Rabu, saya telah kena tangkap sekali lagi bersabit dengan peristiwa konfrontasi. Saya telah ditahan setahun lamanya dengan Encik Aziz Ishak dan Datuk Abu Hanafiah (Datuk Raja) kemudiannya menjadi seorang pegawai Tabung Haji.

Saya ada menyimpan satu buku yang lengkap berkenaan saya kena tangkap dan ditahan itu. Bagaimanapun bahan-bahan sejarah, surat-surat dan dokumen-dokumen lama berkenaan dengan sejarah tanah air kita masih banyak lagi dalam simpanan saya.

Kebangkitan Semangat Melayu Menentang Penjajah



Sepanjang masa saya sentiasa memikirkan nasib orang Melayu. Pada waktu-waktunya saya segera teringat berpuluh tahun yang lampau, pendeta Za'ba telah menulis dalam majalah *Al-Ikhwani*, jilid pertama, penggal kelapan, berkenaan latar belakang, sebab-sebab dan faktor-faktor kemiskinan orang

Melayu. Silalah baca baik-baik dan cuba fahamkan apa yang ditulis oleh beliau:

"Tiada syak lagi bahawa keadaan kehidupan orang Melayu pada zaman silam sangatlah dipenuhi oleh kesempitan, azab sengsara dan kebuasan yang tiada terderitakan, istimewa pada masa tiada berapa lama terdahulu daripada kedatangan British.

Beratus-ratus tahun lamanya mereka telah kena perabdikan, kena picit perah dan ramas di tangan pemerintah-pemerintahnya pada zaman dahulu itu. Oleh itu tentulah berkehendakkan lama juga masanya bagi menghilangkan segala kejadian keji-keji yang telah terbabit daripada keadaan yang demikian itu.

Adapun kejadian yang keji-keji telah terbabit daripada keabadian zaman dahulu itu telah mengambil rupa, ia jadi kebiasaan pada orang Melayu sekarang. Maka segala perkara yang telah jadi kebiasaan itu ialah satu keperangaian yang kedua pangkatnya daripada tabiat keperangaian semula jadi.

Peraturan perintah British yang ada ini telah melepaskan mereka dari sekatan dan kebuasan tuan-tuan penghulunya seperti yang telah lalu itu. Tetapi tiadalah dapat ia melepaskan mereka dengan serta-merta daripada cengkaman kebiasaan yang telah tertempa bentuknya dalam tuangan pekeliling tatkala azab sengsara dahulu itu.

Jikalau sekiranya tidaklah dengan sebab kedatangan British (yang dikatakan 'Tentera Allah Ta'ala' itu) mengambil akan perintah negeri ini daripada genggaman tuan-tuan penghulu yang buas dan tiada berperasaan manusia itu, nescaya orang Melayu ini kesudahannya dalam sedikit kurun lagi tentulah hapus sekali

tersapu wujudnya daripada hitungan jadi satu puak di antara kaum-kaum manusia di muka bumi ini dengan sebab kezaliman dan kekuasaan tuan-tuan penghulunya yang buas dan liar itu.

Orang Melayu zaman itu perlahan-lahan, tetapi tentu sekali, semakin beransur ditelan dan dilulur oleh hutan rimba belantara di kelilingnya, dan nampaknya ada sangatlah tiap-tiap tanda dan alamat yang mereka itu akan mengambil gilirannya jadi kaum Semang dan lain-lain bangsa orang liar pula dalam hutannya itu. Tetapi tangan masa - Alhamdulillah!, syukurilah kerana orang-orang British datang - telah menahan akan gerak meng-gelongsor ke bawah ini: dan pada masa sekarang hanyalah tinggal lagi kerja kita menghapuskan segala kehasilan keji-keji dan malang yang telah jadi daripada kesalahan-kesalahan dahulu itu, dan bertaubat (berpaling) serta buat 'kadza' akan pemulih pengganti segala taksir yang telah sudah itu."

Demikian sebahagian daripada tulisan Pak Za'ba berkenaan kejatuhan dan kemiskinan bangsa Melayu yang saya salin daripada majalah *Al-Ikwan* keluaran 16 April 1927. Pada masa itu saya masih budak-budak lagi, baru naik darjah tujuh dalam sekolah Inggeris di Kuala Lipis, Pahang.

Maka besarlah harapan saya supaya anak-anak muda zaman sekarang membaca dengan cermat dan teliti akan pendapat, pandangan dan pemikiran Pendeta Za'ba kerana pada zaman beliau telah dianggap sebagai seorang penulis yang agung, yang masyhur, dan seorang nasionalis yang terkemuka.

Komen saya sendiri ialah: Memang betul pada masa itu - tahun dua puluhan dan tiga puluhan - orang Melayu telah merasakan amat beruntung diperintah oleh Inggeris, sebab pentadbiran Inggeris, purata, amat adil dan baik, undang-undang dan peraturan-peraturannya baik, seluruh Semenanjung aman, damai dan tenteram, harga makan dan pakaian murah, cukai tidak tinggi dan juga oleh banyak lagi sebab-sebab lain.

Peperangan dunia yang pertama - 1914 hingga 1919 tidak mendatangkan apa-apa kesan buruk dalam Semenanjung Tanah Melayu. British telah menang dalam peperangan itu. Yang kalah ialah Jerman dan rakannya, Turki.

Akan tetapi apabila Jepun menyerang Tanah Besar China dalam tahun 1937, maka telah bermulalah pula pemikiran yang lain di antara pemuda-pemuda Melayu pada masa itu, dan bermulalah pendapat, perasaan dan anggapan yang baru terhadap pemerintahan British.

Berapa baik, adil dan saksama sekalipun pemerintahan Ing-

geris di tanah air kita ini, tetapi bangsa Inggeris itu tetaplah satu bangsa lain. Jadinya, mulai tahun itu telah bangkitlah perasaan di antara pemuda-pemuda Melayu, para pelajar di SITC, di sekolah-sekolah agama dan lain-lain, bahawa Tanah Melayu ialah tanah air, hak dan harta bangsa Melayu, pusaka mutlak daripada datuk nenek mereka. Kenapa satu bangsa lain, bangsa yang telah datang dari jauh, mesti memerintah kita, menguasai tanah air kita?

Meskipun sehingga dalam tahun 1937 bilangan anak muda Melayu yang berfikiran anti-British dan berjiwa tidak mahu diperintah oleh bangsa asing itu tidak ramai, tetapi dalam tahun 1938, dalam senyap-senyap dan bersembunyi telah tersusunlah satu per-satuan yang dinamakan Kesatuan Melayu Muda (KMM).

Perasaan kebangsaan, kesedaran politik yang baru itu telah berkembang dengan cepat, dan tanda-tanda atau manifestasinya telah timbul dalam berbagai-bagai bentuk.

Dalam bulan Jun 1939 sebuah akhbar Melayu tulen, yang bertujuan memupuk perasaan kebangsaan Melayu, merebut, memelihara dan menuntut hak bangsa Melayu telah wujud di Singapura. Sebuah suratkhbar Melayu - *Majlis* - yang bertujuan serupa, telah wujud lama sebelum itu, di Kuala Lumpur, kepala Negeri-negeri Melayu Bersekutu atau FMS.

Dalam tahun itu juga 1939, Perang Dunia Kedua telah meletus di Eropah, yang seperti Perang Dunia Pertama, adalah juga di antara British dan sekutunya, dengan Jerman dan sekutunya, iaitu Itali dan Jepun di timur.

Harapan sekalian kaum yang tinggal dalam Semenanjung Tanah Melayu, istimewa orang Melayu pada kekuatan bangsa British dan rakan-rakannya, sangatlah besar, dan kepercayaan bala ten-tera British tidak boleh kalah (ada yang katakan mustahil) sangatlah kuat. Pangkalan Angkatan Laut British di Singapura pada masa itu, mengikut propaganda British sendiri, adalah yang paling kuat, kukuh dan kebal.

Pada 25 dan 26 Disember 1940, (sudah dekat Perang Dunia Kedua) perwakilan persatuan-persatuan Melayu daripada seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Sabah telah berhimpun di Singapura.

Biarlah saya nyatakan nama-nama besar, para pemimpin kebangsaan Melayu yang telah menghadiri kongres umat Melayu itu, perkara-perkara yang telah dibincangkan dan keputusan-keputusan itu serta ketetapan-ketetapan yang telah dibuat oleh mereka itu, yang kebanyakannya telah pulang ke rahmatullah.

Perak telah diwakili oleh Encik Tak, Datuk Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta, dan Encik Rahmat Karim. Yang mewakili Selangor ialah YM Tengku Ismail bin Tengku Mohamed Yassin, YM Raja Bon bin Raja Yahya, YM Raja Yaakub bin Raja Alang, Encik Ismail bin Mohamed Shah, Encik Mohamed Yunus Abdul Hamid, Encik Nordin bin Nawī, Tuan Haji Mohd. Kamal dan Tuan Haji Mohd. Dahlan Masuud.

Dari Pahang telah datang Mohd. Tahir bin Setia Raja dan Encik Mohd. bin Baginda Besar (ayahanda YB Encik Abdul Malik, wakil rakyat negeri Pahang bagi Bentong).

Negeri Sembilan telah diwakili oleh tokoh-tokoh istimewanya pada masa itu. Di antaranya ialah YTM Tengku Nasir (Tengku Panglima Besar) Datuk Diraja Muid dan YM Raja Mohd. Nordin bin Raja Deli. Brunei telah diwakili oleh Encik Mohd. Hassan pada masa itu berkhidmat sebagai seorang pegawai Istana Sultan Brunei.

Persatuan Melayu Sarawak yang telah mengambil peranan penting dalam perkembangan cita-cita kebangsaan Melayu negeri itu telah diwakili oleh Abang Haji Zaini bin Datuk Bentara, Encik Mohd. Johari bin Anang dan Encik Mohd. Makmun bin Nor. Perwakilan dari Johor ialah Doktor Hamzah bin Haji Taib, Kapten Mohd. Top bin Haji Ismail, Encik Jaafar bin Haji Abdul Manan, Tuan Haji Hashim bin Hitam, Tuan Haji Mohd. bin Haji Hassan dan Tuan Haji Arshad bin Awang.

Bagi pihak Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat Cawangan Melaka telah hadir Encik Mohd. Ali bin Mohd. Arif, Encik Othman bin Kering (Orang kaya Seri Raja Merah, Datuk Penghulu Naning) dan Encik Saidin bin Abdullah.

Persetiaan Melayu Kelantan telah diwakili oleh Encik Ismail bin Ibrahim dan Encik Ibrahim bin Haji Yaakub (IBHY). Yang telah mewakili Kesatuan Melayu Pulau Pinang ialah Encik Abdul Majid bin Abdul Hamid, Encik Abu Bakar bin Mod dan Encik Abdul Wahab bin Mohd. Zain.

Yang mewakili Singapura yang menjadi tuan rumah persidangan besar yang bersejarah itu, ialah Encik Daud bin Mohd. Shah, jp. Encik Ishak bin Ahmad, (ayahanda Encik Aziz Ishak). Tuan Putra Jumat, Encik Ismail bin Abdul Aziz, Encik Yunan bin Haji Daim dan Encik Rahim bin Ibrahim.

Dari senarai negeri-negeri dan wakil-wakil di atas ini pembaca tentu sedar bahawa nama wakil dari Kedah, Terengganu, Perlis dan Sabah tidak ada. Namun demikian negeri-negeri itu ada pemerhatinya dalam persidangan besar itu.

Dengan sebulat suara Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yassin, seorang peguam, telah dilantik menjadi pengerusi persidangan itu dan dengan sebulat suara juga saya telah dilantik menjadi setiausaha bagi persidangan dua hari itu.

Sukalah saya mencatatkan beberapa kenangan saya mengenai peristiwa itu untuk pengetahuan dan renungan umat Melayu zaman sekarang.

Pertama, majoriti tokoh-tokoh kebangsaan pada masa itu, adalah orang-orang yang *konservatif*, yang pro-British, yang terpengaruh fikirannya oleh persekolahan, latar belakang, kepenyingan hidup, pangkat dan kedudukan mereka itu dalam masyarakat *feudal* pada masa itu.

Tidak dapat tiada sedikit sebanyak, corak pemikiran mereka itu terpengaruh oleh akhbar-akhbar, majalah-majalah dan tulisan-tulisan para pujangga pada zaman itu, seperti Pendeta Za'ba dan lain-lain.

Biarpun saya dan Ibrahim Yaakub pada masa itu sudah yakin bahawa tentera Jepun akan melanggar Borneo dan Semenanjung, dan kami sudah pun punya rancangan dan persediaan politik untuk menghadapi peristiwa yang hampir tiba itu, tetapi kami amat ber-waspada hendak menyatakan apa rancangan kami itu.

Za'ba Menaikkan Semangat Nasionalisme



Sesungguhnya Pendeta Za'ba cukup sedar dan insaf akan nasib orang Melayu di tanahairnya sendiri. Antara lain kata-katanya lagi:

Lain-lain sebab lagi boleh didapati pada kejahilan dan 'tiada tahu' mereka itu, iaitu mereka tiada pengetahuan, tiada pelajaran, mereka tiada mempunyai pengetahuan-pengetahuan yang wajib darihal apa nak buat, bagaimana membuatnya dan sebab apa dibuat akan dia dalam kesibukan pekerjaan manusia yang beribu-ribu jenis ada di kelilingnya itu.

Otak mereka pula tidak pula berapa tajam tentang hal perniagaan dan jalan-jalan perusahaan mencari duit, atau pada mempelajari kepandaian tukang-menukang atau ilmu-ilmu berjual-beli dengan tiada diajar dan dilatih betul-betul, mereka tiada pernah biasa dengan kehidupan berusaha mengadakan dagangan atau membuat barang-barang atau berniaga dari zaman dahulu kalanya, dan kejahilan 'bagaimana' dan 'mengapa' yang bersangkutan dengan berbagai-bagai cawangan pekerjaan dan perusahaan manusia itu telah melekat pada mereka jadi sebahagian tabiat perangainya.

Demikian dengan ringkas setengah daripada sebab-sebabnya yang besar maka orang Melayu ini miskin dengan makna-makna 'miskin' seperti yang diisyaratkan di atas tadi. Negeri mereka ini kaya dan tersangat mewah dirahmati Tuhan dengan mahsul.

Tetapi bukanlah mereka (orang Melayu) yang beroleh untung dan faedah daripada kekayaan itu, perusa-haan dan perniagaan, pekerjaan tukang kayu, tukang kasut, tukang jahit, berkedai barang-barang, berjual beli getah, berkedai kopi, berkebun sayur, iaitu sekadar menyebutkan sedikit sahaja dan tiada payah ilmunya di antara pekerjaan-pekerjaan dan perniagaan-perniagaan yang dibuat oleh orang dagang dalam negeri ini; semuanya itu sentiasa dijalankan orang dengan sibuknya dalam tiap-tiap sudut dan penjur bandar-bandar, bahkan sehingga dalam ceruk-ceruk

kampung dan hulu-hulu negeri mereka itu yang jauh-jauh pun, tetapi bukanlah mereka (orang Melayu) yang membuat atau menjalankan segala pekerjaan-pekerjaan itu."

Selanjutnya dalam tulisan yang bersambung-sambung dalam majalah tersebut (tulisan Jawi, diterbitkan di Pulau Pinang oleh Alsyed Sheikh bin Ahmad Alhadi) Pendeta Za'ba telah meratapi, menyatakan sedihnya bukan sahaja tentang tidak adanya orang Melayu yang berniaga, berusaha, tetapi juga tentang kurangnya anak-anak Melayu yang masuk belajar dalam sekolah Inggeris, dan kemudian melanjutkan pelajaran ke negeri-negeri Eropah.

Pendeta Za'ba juga telah menarik perhatian tentang kurangnya orang Melayu yang bekerja dalam pejabat-pejabat kerajaan, kecuali jadi peon, tambu, orang suruhan.

Pada 10 Disember 1941, dua buah kapal perang British: *Prince of Wales*, 34,000 tan dan *Repulse* 32,000 tan telah ditenggelamkan oleh kapal terbang Jepun di Laut China Selatan, tidak jauh dari Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu.

Pada 15 Februari 1942, Singapura (yang dikatakan kuat, kukuh dan kebal itu) telah jatuh ke tangan tentera Jepun. Nampaknya peringatan sejarah Inggeris tidak menyatakan negeri-negeri Melayu telah ditawan oleh Jepun, tetapi hanya Malaya dan Singapura telah jatuh.

Ada dinyatakan juga bahawa lebih kurang 70,000 orang askar bersekutu, termasuk satu division tentera Australia telah ditawan oleh tentera Jepun. Adakah dalam jumlah itu termasuk juga askar Melayu dan askar sukarela atau *F.M.S. Volunteers* yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu?

Sekarang semua itu telah berlalu. Detik-detik sejarah bangsa Melayu, ditapis dari tulisan para pujangga kita, dari Munshi Abdullah sampai kepada Za'ba ada menyatakan pada zaman dahulu kala orang Melayu telah ditindas sehingga menjadi sangat lemah dan rendah, hingga 'kalau tidak datang pemerintahan British mereka mungkin telah menjadi Semang dan Jakun dan hidup terpercik dalam hutan rimba.'

Tetapi pada hakikatnya, selama dalam masa pemerintahan British pun orang Melayu disebabkan oleh dasar dan tujuan penjajahan, tidak mencapai banyak kemajuan. Dalam tahun 1939, peperangan meletus sekali lagi di Eropah, dan dalam tahun 1941 peperangan itu telah merebak ke seluruh benua Asia dan semua negeri dalam Tenggara Asia telah jatuh ke tangan Jepun. Selama tiga tahun lapan bulan Tanah Melayu telah diperintah oleh tentera Jepun. Kemudian, dalam tahun 1945 Jepun pula telah kalah

perang, dan Tanah Melayu sekali lagi dikuasai dan diperintah oleh British. Dalam bulan Jun 1948, satu keadaan darurat telah berlaku dalam Semenanjung Tanah Melayu.

Pada 31 Ogos 1957 Negeri-negeri Melayu Semenanjung telah dimerdekakan oleh kerajaan British. Dan kemudian lagi nama Persekutuan Tanah Melayu telah ditukar kepada Malaysia, iaitu kerana percantuman Sabah, Sarawak dan Singapura.

Dari detik-detik bersejarah dan ringkasan peristiwa politik di atas ini, maka sukalah saya mengemukakan beberapa pertanyaan untuk kajian dan penilaian semula, iaitu seperti di bawah ini:

Bagaimanakah keadaan bangsa Melayu sekarang? Berapa banyak dan berapa jauhkah kemajuan pelajaran, ekonomi, politik kebudayaan, pemikiran dan cita-cita hidupnya telah tercapai? Atau sudah banyakkah telah berubah lebih baik daripada keadaan dan kedudukan rendah dan lemah yang telah disebutkan oleh Pendeta Za'aba lima puluh tahun yang lampau itu?

Kalau hal keadaan lemah, rendah, kurang maju seperti beberapa tahun dahulu masih ada, maka bagaimanakah cara dan jalan-jalan untuk mengubah atau mengubahnya?

Siapakah dan apakah faktor yang telah dan sedang menghalang kemajuan yang lebih baik yang sepatutnya telah dicapai oleh bangsa Melayu dalam tanah air sendiri yang kaya dan mewah ini?

Saya sendiri biarlah jangan menjawab soal provokatif yang saya kemukakan ini. Cukuplah saya mengatakan bahawa ditinjau dari segi jiwanya, rohani atau psikologinya, maka 'perasaan rendah dan lemah, akibat sejarahnya pada zaman dahulu kala itu belum lagi terkikis habis. Dalil dan saksinya atau manifestasinya masih boleh kita lihat hingga ke hari ini pun.

Perangai suka mendewakan tokoh-tokoh bangsawan dan hartawan ialah satu daripadanya. Perangai suka mengampu, mengabdikan diri kepada orang atasan, perangai boros, tidak amanah, menyembah kebendaan juga membuktikan kesan pengaruh sejarah dan keadaan hidupnya pada zaman dahulu kala.

Sungguhpun begitu, beberapa kemajuan yang positif, yang lahiriah, sudah banyak tercapai, istimewa sejak tercapainya kemerdekaan dalam tahun 1957. Ini semua tidak boleh dinafikan. Tetapi segala kemajuan lahiriah itu tentulah tidak boleh menjadi jaminan bagi pengekalannya dan keutuhan bangsa Melayu dalam masa yang akan datang.

Oleh kerana masalah-masalah yang terkait dalam penilikan saya sepiantas lalu ini terbuka kepada banyak hujah, sokong-bang-

kangnya atau ataupun sifat kontroversial, maka cukuplah saya mengatakan sebanyak itu sahaja. Saya sentiasa insaf bahawa pendapat saya ini tentulah sangat payah boleh diterima atau dipersetujui oleh golongan orang Melayu yang sudah mencapai kemajuan itu.

Yang sebenarnya, mengenai diri saya yang sudah tua, tetapi belum maju ini, sudah semakin ramai dan bertambah kerap kali orang mengatakan, bahawa salah dan silapnya ialah saya sendiri.

"Awak ini macam musang. Sebab awak tak dapat makan mangga manis, maka awak katakan mangga itu masam," kata seseorang orang.

"Masa orang Melayu diberi peluang berebut-rebut meminta tanah balak, hutan dara atau KSK, awak tidak mahu minta." Kata pula yang lain.

"Awak punya salah sendiri, Encik," kata pula orang yang lebih mengetahui akan kisah hidup saya.

"Kalau Encik taat bekerja dengan kerajaan dahulu, sekarang barangkali Encik sudah jadi hakim besar," kata mereka itu.

Orang-orang yang berasa megah dengan parti politik mereka mengatakan bahawa kononnya saya memang sengaja menolak tuah. "Kalau Encik telah menyokong parti politik yang kuat, yang disukai oleh orang ramai Melayu, Encik sekarang tentu sudah jadi seorang menteri," hujah mereka itu.

Barangkali apa yang telah dan masih dikatakan oleh ramai orang Melayu yang kenal biasa dengan saya itu memang betul. Tetapi pada awalnya lagi saya telah memilih satu cara hidup, iaitu hidup yang sederhana, atau pertengahan, mengikut ajaran nabi besar kita Muhammad s.a.w., maka saya terasa bahagia dengan cara hidup demikian. Saya sangat bersyukur kepada Allah s.w.t kerana telah memberi segala petunjuk dan ilham untuk berkhidmat kepada tanah air dan kaum bangsa saya dan mengurniakan kesi-hatan dan panjang umur saya.

Biarlah ramai sahabat dan kawan-kawan terus menyatakan kesedihan mereka, iaitu: "Kesian sangat melihat nasib awak, Pak Sako. Begitu lama awak telah berjuang, motokar pun tak ada. Di rumah awak peti sejuk pun tak ada. Nak buat gigi palsu, nak celup rambut dan ganti cermin mata pun tidak ada berduit ..."

Lebih hebat lagi ialah kata-kata ejekan atau sindiran sinis seperti: "Kawan-kawan seperjuangan awak di Indonesia, di Amerika dan di Malaysia sudah pakai Mercedes 350, awak masih juga naik bas."

Saya hanya mahu mengatakan: Alhamdulillah!

Persidangan Besar Persatuan-persatuan Melayu



Apakah yang telah dicadangkan, dibincang dan diputuskan oleh persidangan besar persatuan-persatuan Melayu, bertempat di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Singapura, di Palembang Road pada 25 dan 26 Disember, 1940 itu? Perkara yang pertama ialah masalah bagaimana jalannya untuk meluaskan pelajaran anak-anak Melayu, lelaki dan perempuan pada masa akan datang. Masalah ini telah dikemukakan oleh Datuk Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta, Yang Dipertua Persatuan Melayu Perak.

Encik Ismail bin Abdul Aziz, wakil Kesatuan Melayu Singapura telah mengesyorkan supaya diadakan *scholarship* (sekarang biasiswa) untuk pelajaran tinggi oleh semua persatuan Melayu. Beliau juga mencadangkan supaya pelajaran di sekolah-sekolah Melayu dinaikkan hingga darjah enam dan tujuh di mana-mana tempat yang patut diadakan. Satu lagi cadangannya ialah supaya diadakan sekolah-sekolah pertukangan aliran dalam bahasa Melayu.

Encik Ismail bin Abdul Aziz telah mengesyorkan juga supaya anak-anak perempuan Melayu yang bersekolah diajarkan pelajaran urusan rumahtangga. Tetapi, katanya, bagi anak-anak orang kaya bolehlah mereka itu dihantar ke sekolah Inggeris.

Pendapat akhir dari Encik Ismail itu, apabila ditinjau balik oleh orang zaman sekarang, mungkin boleh diertikan sebagai bertujuan menggalakkan atau mengekalkan kelas-kelas dalam masyarakat Melayu. Tetapi demikianlah coraknya pendapat cerdik pandai Melayu di zaman yang lampau.

Tuan Haji Muhammad bin Haji Hassan, wakil Persatuan Melayu Johor, telah mengesyorkan supaya ajaran tulisan Rumi di Sekolah-sekolah Melayu dihapuskan dan digantikan dengan ajaran bahasa Inggeris.

Encik Muhammad Yunus bin Abdul Hamid, wakil Selangor, telah mengesyorkan supaya ditanam perasaan kebangsaan Melayu pada murid-murid di sekolah-sekolah Melayu. Beliau bersetuju

dengan syor menaikkan darjah sekolah Melayu dan mengadakan *scholarship* untuk anak-anak Melayu melanjutkan pelajarannya.

Cadangan-cadangan untuk memperbaiki serta menaikkan darjah pelajaran bagi anak-anak Melayu itu telah mendapat sokongan kuat dari sekalian yang hadir.

Tengku Ismail bin Tengku Mohd Yassin, selaku pengerusi, bagi pihak Persatuan Melayu Selangor telah mencadangkan supaya semua persatuan Melayu mengadakan kumpulan wang untuk membeli kapal terbang jenis *Spitfire*.

Encik Daud bin Mohd. Shah, wakil Singapura, telah menyatakan bahawa Kesatuan Melayu Singapura ada cadangan yang serupa yang akan dibentangkan sepenuhnya oleh Tuan Putra Jumat yang telah diberi tugas untuk mengemukakannya.

Tuan Putra Jumat menerangkan bahawa caranya ialah dengan mengadakan loteri yang disokong oleh semua persatuan Melayu bagi mengumpulkan wang yang banyak. Tujuannya ialah untuk membantu pemerintahan Inggeris dalam masa peperangan iaitu Perang Dunia Kedua di Eropah.

Cadangan ini telah disokong oleh wakil-wakil Selangor, Pahang dan Brunei. Tetapi, Doktor Hamzah bin Haji Taib, wakil Johor, telah menyatakan fikirannya tidak bersetuju dengan tujuan mengumpulkan wang itu, kerana, katanya, kapalterbang itu kelak akan membunuh kanak-kanak dan perempuan.

Daripada keterangan ini ternyatalah, seperti yang pernah saya katakan, bahawa majoriti para pemimpin Melayu pada masa itu pro-British. Tidak ada satu orang pun yang mengemukakan apakah sikap yang elok diambil oleh orang Melayu sekiranya peperangan itu kelak melarat hingga ke benua Asia, sampai ke negeri-negeri Tanah Melayu? Kebanyakannya mereka itu belum tahu bahawa di Semenanjung Tanah Melayu sudah ada satu pergerakan politik yang bernama Kesatuan Melayu Muda (KMM).

Pengerusi persidangan, Tengku Ismail, telah mengulas bingkangan Doktor Hamzah dengan mengatakan bahawa kalau kita tidak membunuh musuh nescaya mereka itu akan membunuh kanak-kanak dan perempuan kita sendiri.

Akhirnya persidangan itu telah memutuskan dengan sebulat suara 'menolong pemerintahan Inggeris dengan seberapa daya upaya dalam masa peperangan ini.' Kemudian dengan cadangan Tengku Ismail dan disokong oleh Datuk Panglima Kinta maka sebuah jawatankuasa telah dilantik untuk menghalusi jalan-jalan yang baik sekali untuk mengadakan bantuan itu.

Jawatankuasa itu mengandungi seorang wakil dari setiap

2

persatuan Melayu yang hadir. Wakil-wakil yang telah terpilih itu ialah seperti berikut: Singapura (Tuan Putra Jumat), Perak (Datuk Muda Orang Kaya Panglima Kinta), Selangor (YM Raja Bon bin Raja Yahya), Pahang (Encik Mohd. bin Baginda Besar), Negeri Sembilan (Datuk Raja Diraja Muid), Sarawak (Encik Muhammad Makmun bin Nor) Brunei (Encik Mohd. Hassan), Melaka (Datuk Penghulu Naning), Pulau Pinang (Encik A. Majid bin A. Hamid) Johor (Tuan Haji Muhammad bin Haji Hassan), dan Kelantan (Encik Ibrahim bin Haji Yaakub).

Dan dengan sebulat suara saya telah dipilih menjadi setiausaha bagi jawatankuasa khas itu.

Kini, hujung tahun 1976, tiga puluh enam tahun kemudian, bolehlah saya menyebutkan bahawa jawatankuasa itu tidak sempat berbuat apa-apa, sebab tidak berapa lama kemudian Semenanjung Tanah Melayu telah dilanggar oleh tentera Jepun, dan hanya bebe-rapa minggu sahaja lepas itu Singapura telah jatuh ke tangan tentera Jepun.

Dalam masa Jepun mara dari utara Semenanjung hingga ke Singapura, maka ramailah sangat orang Melayu yang hairan melihat adanya pemuda-pemuda Melayu yang memakai tanda 'F' pada lengan baju masing-masing. Peranan pemuda itu hingga sekarang masih disangsikan oleh para pemimpin Melayu, kecuali Tun Doktor Ismail, tidak ada seorang pun yang telah memberikan nilai yang sewajarnya kepada peranan penting yang telah dijalankan oleh pemuda-pemuda itu.

Sukalah saya menyiarkan sepucuk lagi surat pengakuan mengenai khidmat dan jasa orang KMM dalam masa perang dan pemerintahan Jepun dahulu. Surat ini telah ditulis oleh askar Melayu berbunyi demikian:

Saya, Shaari bin Muhammad, bekas seorang anggota askar Melayu yang berpangkat sarjan, nombor 272 dalam pasukan yang dinamakan RDL.

Dalam masa peperangan antara tentera Jepun dengan tentera British (1941 - 1942) kami telah mara hingga ke sektor Pasir Panjang, di Singapura, iaitu bersama dengan 18 orang askar Melayu di bawah tangan saya. Sampai di situ kami telah ditawan oleh satu pasukan askar Jepun. Waktu itu saya sedang memegang sepucuk *tommy gun*, ketua askar Jepun itu telah mengangkat pedangnya hendak memancung kepala saya. Tetapi mujurlah ada seorang budak Melayu yang memakai tanda 'F' di lengan bajunya menahan daripada memenggal leher saya.

Kemudian kapten askar Jepun itu telah menyarungkan semula

pedangnya. Lepas itu dia menyuruh saya mengajarnya bagaimana menggunakan *tommy gun* itu. Tidak berapa lama lepas itu kami telah dibawa oleh budak ahli KMM itu ke sebuah bangunan di Bukit Panjang, dan di situ kami telah bertemu dengan Encik Mustapha bin Haji Hussain. Beliau telah menyuruh saya, sebagai ketua, 'mendetailkan' orang-orang saya supaya menyediakan makanan dan tempat tidur kami untuk malam itu.

Waktu berada di Bukit Panjang itu saya telah mendapat khabar bahawa ada dua platun askar Melayu di bawah Sarjan Mejar Mohd. Noor telah diselamatkan oleh KMM dan mereka itu ditempatkan dalam balai polis tidak berapa jauh daripada kami.

Pada petang 14 Februari 1942 saya telah dapat tahu bahawa pihak British telah mengaku kalah, dan tembakan telah dihentikan dengan serta-merta.

Keesokan harinya saya dengan berpakaian preman telah menyeberangi Selat Tebrau, dan mulalah berjalan kaki menuju ke kampung saya di Tanjung Malim, Perak. Perjalanan itu telah memakan masa 16 hari. Saya dan kawan-kawan saya telah diberikan pas jalan, seorang satu, oleh Encik Mustapha.

Sepanjang perjalanan yang jauh itu kami telah melalui berbagai-bagai peristiwa dan macam-macam cabaran. Beberapa kali kami telah terpaksa menyembunyikan diri daripada askar-askar Jepun yang berkawal dan meronda tempat-tempat penting di Tanah Melayu.

Bagaimanapun, pada suatu hari saya telah bersua dengan askar Jepun. Mereka itu telah menyuruh saya memanjat pokok nyiur. Saya sebenarnya tidak biasa memanjat pokok nyiur. Tetapi pada hari itu saya pandai memanjatnya. Siapa pula yang tidak pandai memanjat jika benet yang terhunus menunggu di bawahnya.

Makanan lazim bagi kami di sepanjang perjalanan itu ialah pisang muda, betik muda, ubi kayu, air dan isi kelapa. Menurut pengalaman saya, maka makanan yang boleh menahan lapar dan menjadi lama terasa kenyang ialah isi nyiur tua.

Patutlah juga saya tegaskan di sini bahawa saya, jikalau tidak dengan pertolongan dan jasa baik dari Encik Mustapha bin Haji Hussain pada masa tersebut, maka haruslah saya dan rakan-rakan saya yang lain telah menerima hukuman yang kejam, seperti dipancung dengan pedang atau ditembak mati oleh askar Jepun.

Demikianlah, di antara lain, isi surat pengakuan seorang sarjan Melayu masa British dahulu.

Konfrontasi Indonesia-Malaysia



Masih ramai para penduduk Malaysia yang boleh ingat. Dua buah negara jiran. Dua bangsa yang serumpun telah berselisih faham dan berkelahi. Itulah Konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia. Apakah punca pergaduhan abang-adik itu? Berebut kuasa atau berebut harta pusaka? Adakah pergaduhan itu akibat dari gagalannya gagasan Maphilindo? Dan adakah ia berkaitan dengan penubuhan Malaysia? Panjang ceritanya. Pembaca boleh baca beberapa buah kitab berkenaan dengannya. Banyak analisis dan tafsiran yang telah ditulis oleh orang daripada berbagai bangsa, dari beberapa buah negara asing, yang jauh dan yang berjiran.

Paling pendek saya hanya boleh mengatakan bahawa pergaduhan itu telah disebabkan oleh masalah politik. Maka beberapa orang politik telah ditangkap dan ditahan dengan alasan bahawa mereka itu adalah berbahaya pada keselamatan dalam negeri Malaysia.

Saya hanya hendak menceritakan bila dan bagaimana saya telah ditangkap dan dengan siapa?

Tarikh saya kena tangkap itu ialah pada 27 Januari, 1965, hari Rabu, lebih kurang pukul 9 pagi.

Pada hari Selasa, seminggu selepas itu, isteri dan anak-anak saya telah dibenarkan melawat. Kemudian datanglah mereka itu pada setiap hari Selasa, membawakan rokok dan biskut untuk saya.

Pada hari Selasa 9 Februari tahun itu (1965) saya telah bersetuju merakamkan suara saya untuk dihebahkan kepada orang ramai. Saya telah bersetuju berbuat begitu bukan dipaksa, tetapi kerana saya telah mendengar berita bahawa Kuala Lumpur sedang dalam bahaya.

Beberapa minggu kemudian saya telah dibawa pula ke Filem Negara bersama Doktor Burhanuddin dan Encik Aziz Ishak kerana hendak diambil gambar kami, untuk disimpan jadi bukti sejarah,

atau hendak ditayang di TV kelak.

Lebih kurang tiga bulan lepas itu kami telah dipindahkan ke bilik yang lebih baik; ada tilam, ada kelambu dan ada bilik air. Dan dibolehkan memakai pakaian sendiri.

Beberapa hari kemudian daripada itu ada pula pegawai yang telah memberitahu bahawa kononnya kami hendak dipindahkan.

Encik Aziz Ishak dan Datuk Raja Abu Hanifah telah dipindahkan ke sebuah rumah batu.

Selama di situ saya bertanam sayur. Buah kambas lebat, gemuk. Bila pegawai-pegawai datang saya hadiahkan hasil pertanian saya itu kepada mereka. Encik Aziz Ishak asyik membaca Quran dan tafsirnya dalam bahasa Inggeris oleh Muhammad Ali, India. Datuk Abu Hanifah pula asyik berwirid, selepas sembahyang isyak sampailah ke pukul tiga pagi.

Kami dapat meminjam buku-buku daripada khutubkhanah Selangor. Saya telah membaca empat lima buah buku seminggu. Maklumlah kerja lain tidak ada. Makan tidur sahaja setiap hari. Makanan yang dihidangkan bagus. Pagi dapat dua biji telur se-
paruh masak dan buah-buahan.

Saya ingat benar satu daripada buku cerita yang saya telah baca masa itu. Buku itu menceritakan bagaimana seorang Amerika yang ditahan oleh Jepun di Penjara Changi telah menternak tikus mondok dalam lubang di bawah penjara besar itu. Tikus itu telah dijualnya kepada askar-askar British yang pada masa itu ramai dikurung oleh Jepun dalam penjara itu. Sedih cerita itu. Kerana tidak cukup makan, maka mereka itu terpaksa makan tikus. Tetapi mungkin cerita itu hanya rekaan semata-mata.

Selama dalam tahanan masa konfrontasi itu keluarga saya telah diberi bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak \$90.00 sebulan.

Ringkasnya kisah saya kena tangkap dan kena tahan dalam masa konfrontasi itu ialah pada awal 1966 saya dan dua orang rakan saya itu telah dibebaskan dengan dua tiga syarat yang ringan. Dua tahun kemudian syarat-syarat itu telah dimansuhkan.

Sepanjang tahun 1966 hingga 1970, saya telah menciptakan beberapa buah novel. Di antaranya ialah *Anak Dukun Deraman*, *Satay Saloon* (Pustaka Gunung Tahan), *Yang Mewah dan Yang Miskin* (Pustaka Melayu Baru), *Norita*, *Tijah Tukang Cukur* dan lain-lain.

Menjelang tahun tujuh puluhan hidup saya, dengan kuasa dan izin Tuhan, menjadi bertambah baik. Pada 29 Jun 1973 saya telah dianugerahkan dengan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh

Universiti Malaya. Dalam tahun 1974 saya telah dijemput oleh Kerajaan Australia melawat negeri itu selama tiga minggu. Pada akhir tahun 1975 saya telah berpeluang melawat Jakarta, Bandung dan Yokyakarta, iaitu berhubung dengan Hari Pahlawan di negara tetangga itu.

Dalam tahun ini, 1976, seperti yang anda masih boleh ingat, saya telah menerima Hadiah Pejuang Sastera, sebanyak \$10,000 daripada Kerajaan Malaysia. Demikianlah ringkasnya dan tamatnya Memoir saya sehingga hujung tahun 1976.



I n d e k s

- Abdul Ghani bin Abu Samah 190
Abdul Hamid, Encik 84
Abdul Hamid bin Abdul 149
Abdul Hamid bin Mahmud 178
Abdul Karim Abdullah 58
Abdul Karim Rashid 174
Abdul Malik 99
Abdul Manan Cik 168
Abdul Rahim Kajai 146
Abdul Rahman Hussein 104
Abdullah, Datuk 105
Abdullah Kamel 170
Abdullah bin Ibrahim 80
Abdullah bin Muhammad Ali 58, 80
Abdullah, Datuk 83
Abdullah Sidik 139
Abu Bakar, Tuan Haji 77, 84
Abu Bakar Hamzah 195
Adams, T.S 115-16, 125, 131
adat perpatih 105
adat temenggung 105
Adi, Encik 71
Adi Negro 170
Ahmad Baharuddin Kasbi 111, 136
Ahmad Boestamam 194
Ahmad Haji Hussin 71
Ahmad Hisham 156
Al-Islam 137
Ali Ibrahim 205-206
Ali Kancil *lih.* Pak Andak Ali
Alias, Encik 71
Anak Mat Lela Gila *lih.* Pak Sako
API 194
Appadurai, N 80
Asiatic Press 82
Awang Ahmad 33
Awang Mustapfa bin Haji Isa 71
Awang Teh *lih.* Awang Ahmad
- bah besar 42-45, 64, 66, 69-70
lih. juga Pak Sako
Bahaman Shamsuddin 117
Baharuddin bin Alang Abdul Syukur
86
Bakar Lagu, Haji 77
Barisan Sosialis 149
Bartlett, V.N 76, 80, 82
Bazell, C, Tuan 89
- Berita Malai 170
Bintang Tiga *lih.* MPAJA
Bong Lago Lembu 111
British 167-71
Bukit Saguntang 29
Bung Karim Bakar 206
Bung Satar 98
Bung Zainal 164
Burhanuddin Al-Helmi 176-77
- Chiang Kai-shek 181
Cik Wok Bijak 77
Cikgu Baba 46-47
Cikgu Jaafar Hj Mohd. Nor 205
Cikgu Mahmud 72
Cikgu Safaruan 149
Cikgu Taha 198
Clifford School 57
Colonial Regulations 96
Customary Land Tenure Enactment 105
- Datuk Ghazali 146
Dahlan, Encik 141
Dahan, Tuan Haji 98
Dilu, Tuan Haji 71
Dutton, Tuan 126-27
- Edaran Zaman 72
- Fatimah binti Abdul Jamal 29
meninggal 35
lih. juga Pak Sako
- General Order 96
Gordon Hal 83
- Haji Hassan bin Haji Talib 137-38
Haji Jaafar bin Haji Talib 137
Haji Wan Yahya 144
Hamidah, Cik 70
Hamzah Abu Samah 190
Harun Yahya 205
Hasan Basri 196
Hindun, Encik 71
Hussein Onn, Tun 140
Hussin Hababa 164
- IBHAM *lih.* Pak Sako

- Ibrahim Ah Chong 99
 Ibrahim bin Aladitta 161
 Ibrahim bin Haji Yaakub 151, 165
 Ibrahim Fikri 179
 Ibrahim S.O Haji Jahidin 104
 Idris bin Matsil 146
 Idris Haji A rahman 198
 Ishak bin Haji Muhammad *lih.* Pak Sako
 Iskandar Kamel, Drs. 151, 165
 lih. juga Ibrahim bin Haji Yaakub
 Ismail, Encik 112
 Ismail Latiff 87
 Ismail Taha 159
- Jabil, Encik 104
 Jalaludin bin Abu Bakar 157
 Jaafar Hj. Mohd. Nor 205
 Jalil, Encik 104
 Jamal Latiff 87
 Jaya waras 48
 Johor 139
 J.V. Day 147
- Kamaruddin bin Haji Idris 104
 Kampung Buntut Pulau 30
 Kampung Ketari 100, 102
 Kampung Segentang 29
 Kassim, Haji 71
 Kes
 hutang-piutang 132-35
 Wayang Cina 128
 Kesatuan Melayu Muda 149
 Kiblat 137
 Kontek Kamariah 83
 Kuala Semantan 72, 97
- Lah Mat Ali, Encik 80
 Lewis, G 105
- Mac Intyre 135
 Madrasah Haji Talib 137
 Mahfudz bin Haji Abdul Hamid 146
 Mahmud Baginda 196
 Mahmud Kaya 215
 Majid, A. 104
 Mak Anjang Minah 65
 Makgu Siti 47
 Malayan Union 187
 Manaf Jepun 198
 Manai Sophian 170
 Masa 137
 Masani binti Haji Osman 150
 Mat Senara 68
 Mat Tiga B 99
 Md. Hashim Yunus 146
- Melan Abdullah 174
 MISBAHA 179
 Mohamed bin Baba 86, 88
 Mohd. Talib bin Haji Mohd. Amin 71
 Mohd. Zin, Encik 137
 MPAJA 173, 189
 Muhammad Ali bin Haji Ismail 61
 Muhammad bin Baginda Besar 99
 Muhammad Hatta 172
 Muhammad Hj Maasum 29
 lih. juga Pak Sako
 Muhammad Taib bin Mohd Amin 92
 Muhammad Said, Datuk Haji 139
 Muhammad Yusuf 168
 Muid, Encik 82
 Murphy, D.H 71, 96
 Musa Hitam, Datuk 63
 Mustapha Haji Hussain 157-59
 Nadarajah, N 80
 Nazar Nong 205, 215
 Noel Barber 192
 Nordin, Encik 104
 Nordin Selat 63
- Omar, Encik 71
 Onan bin Haji Siraj 151, 157, 165
 Osman Abadi 196
 Osman Pahlawan 97
 Osman Yahya 215
- Pak Alang Seman 65
 Pak Ali Pilot 144
 Pak Andak Ali 64
 Pak Itam Haji Awang 188
 Pak Itam Noh 72
 Pak Mat Kuli Kapal 110
 Pak Sako
 Anak Mat Lela Gila 110
 ayah 29, 70, 81
 bah besar 42-45, 64, 66, 69-71
 bekerja
 mula 91
 dengan *Warta Malaya* 145
 di *Utusan Melayu* 149-50, 190
 berkahwin 104
 berkursus di MCKK 86-90
 bersekolah 33, 46-49
 bersunat 50-54
 bertukar ke Rembau 103-104
 demam malaria 76
 ditahan 70, 149, 151-54, 194-97, 200-203
 guru pelatih 81
 Hantu Raya 147
 IBHAM 93
 ibu 29, 70

- Ishak bin Haji Muhammad 93
 Jeneral Hantu Raya 149
 karya 191
 ke Jakarta 210
 ke Pulau Bintan 173
 ke Tumpat 109
 kegiatan politik
 Barisan Sosialis 149
 Kesatuan Melayu Muda 149
 Parti Buruh Malaya 149
 lahir 29, 33
 lulus Junior Cambdrige 79
 lulus ujian 137
 masuk GES 80
 Pegawai Tadbir Melayu 71
 Pengerusi Parti Buruh 138
 Probationary Malay Officer 85
 sebagai
 banduan 151-54
 majistret 114-18, 124-27
 peguam 141-45
 pemberita 142
 Si Botak 61
 Si Lebai 61
 temuduga MCS 81-85
 Timbalan Penolong Pegawai Dae-
 rah 98, 100
 tulis memoir 29
 wakil jualan Warta Negeri 82
 Pak Uda Kia 182
 Pak Umar Jadam 142
Pelita Malaya 149, 190-91
 Parti Buruh Malaya 138, 149
 Pasir Kepala Pulau 30
 Patimapau 170
Pelita Malaya 149, 190
 PKMM 187, 190
 poliandry 106
 Progressive Women's Association
 195
 Quenie Chen 131
 Rahim Kajai, A 170
 Raja Abdullah 200
 Raja Chulan 83-84
 Raja Kamaruzzaman 99
 Raja Musa 215
 Raja Shafik 146
 Raja Syamsusah 87, 102
 Raja Yunus 137
 Ramli Haji Tahir 170
 Rajah Abdullah 200
 Rashid Mydin 207
 Romai Nor 198
 Rosedin Yaakub 205-206
 Salleh bin Tais 58
 Samad Ismail, A 170
 Samjis bin Wakidi 58
 Semail Sotong 60
 Sheehan, J.J. 94, 98
 Sheikh Kadir 205
 Sidek Haji Siraj 174
 Sidik bin Haji Sudin 149
 Sidin, Haji 97
Spotted Dog, the 84
 Strickland, Mr 198, 204
 Sulaiman, 97
Suluh Malaya 190-91
 Syarikat Utusan Melayu 137
 lih. juga Utusan Melayu
 Syed Abdullah Alhabshi 58
 Syed Ahmad Syed Abdul Kadir 197
 Syed Aziz 207
 Syed Hamzah 141
 Syed Hussin bin Ali Alsagoff 147
 Syeikh Daud Pattani 33
 Syeikh Kadri 205
 Syonan Syimbun 170
 Taib Osman 149
 Tajuddin bin Shamsuddin 150
 Talib bin Ibrahim 71
 Tanah Melayu Malayan Union 187
 Taylor, Tuan 137
 Tengku A. Hamid 104
 Tengku Besar Burhanuddin 87
 Tengku Indera Putra 87
 Tengku Ismail 119
 Tengku Kem 99
 Tengku Muhammad 87
 Tengku Mustapha 87
 Tengku Sulaiman 83-84
 Teno Heika 181
 The Charter of Human Rights 187
 The League of Nation 186
 Tojo, Jeneral 178
 Tuan Haji Tahir 144
 Tuan Haji Wan Muhammad 144
 Ungku Abdul Hamid 138
 Ungku Aziz 138, 148
 Ustaz Mahmud, Yang Berhormat 69
 Ustaz Yunus 205
 Usup Kampar 182
Utusan Melayu 137, 170
Utusan Zaman 149
 U Thun Pey 170
 U Thun Than 170
 Vytilingam 101

- Wan Awang Pokkeh 142
Wan Ibrahim Mustapha 178
Wan Wan Muhammad Ali 89
Warta Ahad 142
Warta *Jenaka* 142
Warta *Malaya*
 ketua pengarang 147
 "Nyonya bergelang kaki" 146
William Roff 83
Wilson, F.K. 119
- Yaakub Baginda 205
Yaakub, Tuan Haji 77
- Yaakub Latiff, Tan Sri 87
Yahya Mohd. Seh 184
Yamaha 179
Yeop Mahidin 180
Yunus bin Hj. Mohammad Nor 102
Yunus Saidi 194
Yunus Yatimi 206
Yusuf Ahmad 171
- Zabha 137, 146
Zain Ariff 207
Zaiton bin Haji Alias 137, 146
Zubir Salam 170